

**STRATEGI DAN JENIS RETORIK PENULISAN MAKALAH  
PENYELIDIKAN DALAM JURNAL BERIMPAK TINGGI**

**ZAMIMAH BINTI OSMAN**

**DOCTOR OF PHILOSOPHY  
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA**

**2015**

## **Kebenaran Merujuk Tesis**

Tesis ini dikemukakan sebagai memenuhi keperluan pengijazahan program Doktor Falsafah (Bahasa Melayu Kontemporari) Universiti Utara Malaysia. Saya bersetuju membenarkan pihak perpustakaan universiti mempamerkannya sebagai rujukan. Saya juga bersetuju bahawa sebarang bentuk salinan sama ada secara keseluruhan atau sebahagian daripada tesis ini untuk tujuan akademik adalah dibolehkan dengan kebenaran penyelia tesis atau Dekan Awang Had Salleh Graduate School of Arts and Sciences (UUM CAS). Sebarang bentuk salinan dan cetakan bagi tujuan komersial dan membuat keuntungan adalah dilarang sama sekali tanpa kebenaran bertulis daripada penyelidik. Pernyataan rujukan kepada penulis dan pihak Universiti Utara Malaysia perlulah dinyatakan jika sebarang bentuk rujukan dibuat ke atas tesis ini.

Kebenaran untuk menyalin atau menggunakan tesis ini sama ada keseluruhan atau sebahagian daripadanya hendaklah dipohon melalui:

Dekan  
Awang Had Salleh Graduate School of Arts and Sciences  
UUM College of Arts and Sciences  
Universiti Utara Malaysia  
06010 UUM Sintok

## Abstrak

Kajian berkenaan makalah penyelidikan banyak dijalankan oleh sarjana dari dalam dan luar negara dalam bidang retorik perbandingan dan bidang analisis genre. Namun begitu, kajian dalam bidang retorik, khususnya yang memfokuskan strategi dan jenis retorik penulisan makalah penyelidikan dalam jurnal yang diindeks dalam Scopus masih kurang dikaji. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti strategi dan jenis retorik dalam penulisan makalah penyelidikan berbahasa Melayu yang diterbitkan dalam jurnal yang diindeks oleh Scopus. Kajian kualitatif ini menggunakan pendekatan analisis kandungan dan melibatkan lapan makalah penyelidikan yang diterbitkan dalam bidang sains sosial dan kemanusiaan. Makalah dimuat turun melalui pautan laman sesawang jurnal yang diindeks oleh Scopus dan dianalisis menggunakan Teori Prinsip Kerjasama Grice yang diperkenalkan pada tahun 1975. Hasil kajian memperlihatkan makalah penyelidikan berbahasa Melayu yang dikaji tidak mematuhi sepenuhnya teori Grice. Kajian menunjukkan bahawa sering berlaku pelanggaran terhadap keempat-empat maksim yang disenaraikan oleh Grice. Kajian juga mendapati maksim relevan dan maksim cara dapat diserap ke dalam maksim kualiti dan maksim kuantiti. Dapatan ini memberi perspektif baharu kepada teori tersebut. Dapatan tentang jenis retorik pula mendapati daripada lima jenis retorik yang dikategorikan oleh Brooks dan Warren tahun 1979, hanya empat jenis retorik yang ketara digunakan dalam makalah penyelidikan, iaitu jenis deskriptif, eksposisi, argumentatif dan naratif. Jenis retorik eksposisi dan argumentatif didapati dominan, bebas dan dapat berdiri sendiri dalam penulisan. Manakala jenis retorik deskriptif dan naratif pula didapati terikat serta tidak dapat berdiri sendiri dalam penulisan. Kajian ini memberi sumbangan kepada kosa ilmu dengan memperkembangkan Teori Prinsip Kerjasama Grice dalam konteks penulisan makalah penyelidikan berbahasa Melayu. Di samping itu, kajian ini boleh dijadikan panduan kepada pihak penerbit universiti, khususnya editor dan ahli akademik dalam menghasilkan penerbitan jurnal ilmiah yang berswadaya setanding dengan jurnal antarabangsa.

**Kata Kunci:** Makalah penyelidikan; Scopus; strategi retorik; jenis retorik; Teori Prinsip Kerjasama Grice.

## Abstract

Numerous studies related to research articles in the fields of contrastive rhetoric and genre analysis had been undertaken by both local and international scholars. Nevertheless, investigations in the field of rhetorical studies, specifically those focusing on the rhetorical types and strategies employed in the research papers published by Scopus indexed journals have yet to be done. Therefore, this study was carried out to identify strategies and types of rhetoric employed in the writing of Malay research papers that were published in the Scopus indexed journals. This qualitative study used a content analysis approach that involved eight Malay research journal articles published in the fields of social sciences and humanities. The articles were downloaded via links from Scopus indexed journal websites. Grice's Cooperative Principle theory, introduced in 1975 was used to analyse the data. The research results showed that the four maxims listed by Grice were often flouted with maxim of manner and maxim of relevance absorbed into maxim of quality and maxim of quantity. The findings offer new perspective to Grice's theory. The findings on the types of rhetoric demonstrated that only four out of the five types of rhetoric proposed by Brooks and Warren in 1979 were used significantly in the research papers, namely the descriptive, exposition, argumentative and narrative types. Exposition and argumentative types were the dominant types of rhetoric in the Malay research papers with both types found to be independent and can stand alone in writing. Meanwhile, the descriptive and narrative types were dependent and cannot stand alone in writing. This study contributes to the body of knowledge by developing Grice's Cooperative Principle further in the context of Malay research paper writing. In addition, this study can serve as a guide to the university publishers, specifically editors and academicians, in their endeavours to help generate self-sufficient scientific journals that are at par with the international journals.

**Keywords:** Research papers; Scopus; rhetorical strategy; types of rhetoric; rhetorical writing; Grice's Cooperative Principle.

## **Penghargaan**

Segala puji bagi Allah, tuhan sekalian alam, Selawat dan Salam kepada junjungan besar, Nabi Muhammad S. A.W.

Kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Ilahi kerana dengan izin-Nya, penulisan tesis ini dapat disempurnakan sebagai memenuhi syarat penganugerahan Ijazah Kedoktoran (Pengajian Bahasa Melayu) di Universiti Utara Malaysia. Dalam usaha menyempurnakan tesis ini, pelbagai bantuan dan sokongan diperoleh daripada penyelia, keluarga, rakan pensyarah dari Jabatan Pengajian Bahasa Melayu, sahabat dan rakan seperjuangan.

Penghargaan dan terima kasih yang tidak terpermanai diucapkan kepada Ahli Jawatankuasa Penyeliaan tesis ini, iaitu Dr. Sharifah Fazliyaton Shaik Ismail dan Prof. Madya Dato' Dr. Nuraini Yusoff yang telah banyak bekorban masa, keringat dan tidak pernah lelah dalam memberi tunjuk ajar, nasihat dan pandangan yang berguna bagi mencetuskan idea demi memantapkan kajian ini.

Akhir sekali, penghargaan yang tidak terhingga dengan penuh kasih sayang untuk Almarhum suami tercinta, En. Badarul Hisham Baharin yang menjadi tulang belakang dan tidak pernah jemu memberi semangat dan mendoakan saya dalam menempuhi perjuangan ilmu ini sehingga ke akhir hayat beliau. Terima kasih buat anakanda Badrul Munir, Badrina dan Batrisyia yang sentiasa memahami kesibukan ibu mereka. Saya hadiahkan kejayaan ini buat bonda tercinta Zakiah Zakaria dan Almarhum Ayahanda Osman Awang, kedua - dua mentua, Baharin Salleh dan Safiah Ali yang tidak pernah putus mendoakan saya. Doa, jasa, pengorbanan, kesabaran dan kasih sayang yang kalian curahkan tiada sempadannya. Semoga kekal berpanjangan dan mendapat berkat dari Yang Maha Esa. "Sesungguhnya perjuangan ilmu ini adalah keajaiban doa dan kasih sayang".

## Senarai Kandungan

|   |           |
|---|-----------|
| Kebenaran Merujuk Tesis .....                             | i         |
| Abstrak.....  | iii       |
| Abstract.....   | iv        |
| Penghargaan.....  | v         |
| Senarai Kandungan .....                                   | vi        |
| Senarai Jadual .....                                      | x         |
| Senarai Rajah .....                                       | xi        |
| Senarai Lampiran.....                                     | xii       |
| Senarai Singkatan Perkataan.....                          | xiii      |
| <b>BAB SATU PENDAHULUAN.....</b>                          | <b>1</b>  |
| 1.1 Pengenalan .....                                      | 1         |
| 1.2 Penyataan Masalah.....                                | 5         |
| 1.3 Kajian Retorik Penulisan Makalah Penyelidikan.....    | 19        |
| 1.4 Objektif Kajian.....                                  | 21        |
| 1.5 Persoalan Kajian.....                                 | 21        |
| 1.6 Batasan Kajian .....                                  | 22        |
| 1.7 Kepentingan Kajian.....                               | 22        |
| 1.8 Definisi Operasional.....                             | 24        |
| 1.8.1 Retorik Penulisan .....                             | 24        |
| 1.8.2 Strategi Retorik Penulisan.....                     | 25        |
| 1.8.3 Jenis Retorik Penulisan .....                       | 25        |
| 1.8.4 Makalah Penyelidikan .....                          | 25        |
| 1.8.5 Jurnal Berimpak Tinggi.....                         | 25        |
| 1.9 Kesimpulan .....                                      | 26        |
| <b>BAB DUA KOSA ILMU.....</b>                             | <b>28</b> |
| 2.1. Pengenalan .....                                     | 28        |
| 2.2. Sejarah Perkembangan Retorik .....                   | 28        |
| 2.3. Penerbitan Jurnal Ilmiah di Malaysia dan SCOPUS..... | 38        |
| 2.4. Kajian Lepas.....                                    | 45        |
| 2.4.1. Kajian Retorik Wacana Iklan .....                  | 46        |
| 2.4.2. Kajian Retorik Wacana Pengucapan Umum.....         | 49        |
| 2.4.3. Kajian Retorik Wacana Penulisan.....               | 56        |

|   |   |           |
|---|---|-----------|
| 2.4.4.  | Kajian Retorik Berdasarkan Perspektif .....                               | 60        |
| 2.4.4.1   | Perspektif Bahasa .....   | 60        |
| 2.4.4.2.  | Perspektif Retorik .....  | 62        |
| 2.4.5.  | Kerangka Teori.....   | 63        |
| 2.5.  | Kesimpulan .....  | 69        |
| <b>BAB TIGA METODOLOGI KAJIAN .....</b>         |   | <b>70</b> |
| 3.1.  | Pengenalan .....  | 71        |
| 3.2.  | Data .....  | 71        |
| 3.3.  | Pewajaran Pemilihan Data .....  | 72        |
| 3.3.1.  | Pemilihan SCOPUS .....  | 72        |
| 3.3.2.  | Pemilihan Jurnal KEMANUSIAAN <i>The Asian Journal of Humanities</i> ..... | 74        |
| 3.4.  | Statistik Data .....  | 75        |
| 3.4.1.  | Statistik Umum Pangkalan Data SCOPUS .....                                | 75        |
| 3.4.2.  | Statistik Khusus Data Kajian .....  | 77        |
| 3.5.  | Reka bentuk kajian.....   | 78        |
| 3.6.  | Tatacara Pemerolehan Data.....  | 80        |
| 3.7.  | Tatacara Penganalisan Data.....   | 80        |
| 3.7.1.  | Mengurus Data .....   | 81        |
| 3.7.1.1   | Menentukan Sampel Kajian.....   | 81        |
| 3.7.1.2   | Menentukan Dimensi, Kandungan Dimensi dan Unit Analisis .....             | 81        |
| 3.7.2.  | Transkripsi Data .....  | 86        |
| 3.7.3.  | Memahami Data .....   | 86        |
| 3.7.4.  | Menganalisis Data.....  | 87        |
| 3.8.  | Kesimpulan .....  | 89        |
| <b>BAB EMPAT ANALISIS STRATEGI RETORIK.....</b> |   | <b>89</b> |
| 4.1.  | Pengenalan .....  | 91        |
| 4.2.  | Analisis Strategi Retorik Penulisan.....                                  | 92        |
| 4.2.1.  | Maksim Kuantiti .....   | 94        |
| 4.2.1.1.  | Had Kapanjangan .....   | 95        |
| 4.2.1.2.  | Gejala Menyumbat .....  | 96        |
| 4.2.1.3.  | Penggunaan Bahasa Lewah .....   | 104       |

|   |   |            |
|---|---|------------|
| 4.2.1.3.1                                     | Kelewahan Perkataan .....                             | 105        |
| 4.2.1.3.2                                     | Kelewahan Imbuhan .....                               | 107        |
| 4.2.1.3.3                                     | Kelewahan Frasa.....                                  | 108        |
| 4.2.1.4                                       | Kesimpulan.....                                       | 113        |
| 4.2.2   | Maksim Kualiti .....                                  | 114        |
| 4.2.2.1                                       | Analisis Kualiti Kandungan Penulisan .....            | 115        |
| 4.2.2.1.1                                     | Data yang Berkualiti .....                            | 116        |
| 4.2.2.1.2                                     | Bahan Tunjangan yang Berkualiti .....                 | 121        |
| 4.2.2.2                                       | Analisis Kualiti Penggunaan Bahasa.....               | 130        |
| 4.2.2.2.1                                     | Tatabahasa .....                                      | 132        |
| 4.2.2.2.2                                     | Penggunaan Tanda Baca.....                            | 154        |
| 4.2.2.2.3                                     | Penggunaan Huruf Condong dan Huruf<br>Besar .....     | 157        |
| 4.2.2.3                                       | Kepatuhan Etika Akademik.....                         | 160        |
| 4.2.3   | Maksim Relevan.....                                   | 162        |
| 4.2.3.1                                       | Maksim Relevan Teks Linear .....                      | 163        |
| 4.2.3.2                                       | Maksim Relevan Teks Bukan Linear .....                | 165        |
| 4.2.4   | Maksim Cara .....                                     | 166        |
| 4.2.4.1                                       | Cara Menulis Nota Hujung.....                         | 167        |
| 4.2.4.2                                       | Cara Menulis Rujukan Kepengarangan .....              | 168        |
| 4.2.4.3                                       | Cara Menulis Abstrak .....                            | 170        |
| 4.2.4.4                                       | Cara Menulis Kesimpulan .....                         | 171        |
| 4.2.5   | Kesimpulan .....                                      | 172        |
| <b>BAB LIMA JENIS RETORIK PENULISAN .....</b> |   | <b>174</b> |
| 5.1   | Pengenalan .....                                      | 175        |
| 5.2   | Deskriptif .....                                      | 177        |
| 5.3   | Naratif .....   | 187        |
| 5.4   | Eksposisi .....                                       | 193        |
| 5.5   | Argumentatif .....                                    | 206        |
| 5.6   | Pola Jenis Retorik.....                               | 218        |
| 5.7   | Pola Jenis Retorik yang Dominan .....                 | 220        |
| 5.8   | Pola Jenis Retorik Berdasarkan Bidang Penulisan ..... | 222        |
| 5.9   | Kesimpulan .....                                      | 224        |



|   |            |
|---|------------|
| <b>BAB ENAM KESIMPULAN DAN CADANGAN .....</b> | <b>225</b> |
| 6.1. Pengenalan .....                         | 226        |
| 6.2. Rumusan Kajian .....                     | 228        |
| 6.2.1 Rumusan Strategi Retorik .....          | 229        |
| 6.2.2 Rumusan Jenis Retorik Penulisan .....   | 232        |
| 6.4. Saranan Kajian .....                     | 239        |
| <b>RUJUKAN .....</b>                          | <b>241</b> |

## Senarai Jadual

|   |     |
|---|-----|
| Jadual 2.1 : Penerbitan Jurnal Ilmiah di Malaysia .....   | 39  |
| Jadual 2.2 : Pelbagai Pihak yang Menerbitkan Jurnal Ilmiah .....  | 41  |
| Jadual 3.1 : Data Makalah Penyelidikan dalam Jurnal KEMANUSIAAN<br>The Asian Journal of Humanities..... | 77  |
| Jadual 3.2 : Pembentukan Dimensi, Kandungan Dimensi dan Kriteria yang Berkaitan .....                   | 85  |
| Jadual 4.1 : Kategori Analisis Mengikut Maksim Grice.....   | 94  |
| Jadual 4.2 : Analisis Pelanggaran Maksim Kuantiti mengikut Kategori .....                               | 114 |
| Jadual 4.3 : Jenis Kesalahan Tatabahasa .....   | 132 |
| Jadual 4.4 : Kekerapan Kesalahan Tatabahasa dalam Penulisan Makalah .....                               | 133 |
| Jadual 5.1 : Pola Jenis Retorik .....   | 218 |
| Jadual 5.2 : Jenis Retorik Penulisan yang Dominan .....   | 220 |
| Jadual 5.3 : Jenis Retorik berdasarkan Bidang Penulisan .....   | 222 |

## Senarai Rajah

|  |     |
|--|-----|
| Rajah 2.1 : Rangka rangkuman sintesis kajian lampau.....   | 46  |
| Rajah 3.1 : Pemerolehan data kajian.....   | 80  |
| Rajah 3.2 : Prosedur penganalisisan data teks makalah penyelidikan .....                                 | 88  |
| Rajah 3.3 : Kerangka metodologi kajian.....  | 89  |
| Rajah 4.1 : Analisis strategi retorik penulisan ilmiah berdasarkan Teori Prinsip<br>Kerjasama Grice..... | 92  |
| Rajah 4.2 : Pengkategorian analisis mengikut maksim Grice .....  | 93  |
| Rajah 4.3 : Analisis maksim kuantiti .....   | 95  |
| Rajah 4.4 : Analisis maksim kualiti .....  | 115 |
| Rajah 4.5 : Analisis kualiti penggunaan bahasa.....  | 132 |
| Rajah 4.6 : Analisis maksim relevan.....   | 163 |
| Rajah 4.7 : Analisis maksim cara.....  | 167 |
| Rajah 5.1 : Kerangka analisis jenis retorik .....  | 176 |
| Rajah 6.1 : Pertindihan maksim dalam prinsip kerjasama. ....   | 230 |
| Rajah 6.2 : Pola jenis retorik makalah penyelidikan Jurnal Kemanusiaan .....                             | 233 |
| Rajah 6.3 : Penggunaan jenis retorik dalam penulisan .....   | 235 |
| Rajah 6.4 : Kerangka retorik penulisan makalah penyelidikan .....  | 237 |

## **Senarai Lampiran**

|   |     |
|---|-----|
| Lampiran A Garis Panduan Penerbitan Jurnal .....      | 253 |
| Lampiran B Jurnal Malaysia Dalam SCOPUS .....         | 255 |
| Lampiran C Kerangka Analisis Perisian NVivo 8.0 ..... | 258 |
| Lampiran D Sampel Data Kajian .....                   | 261 |

## **Senarai Singkatan Perkataan**

|      |                                      |
|------|--------------------------------------|
| IPTA | Institusi Pengajian Tinggi Awam      |
| KPT  | Kementerian Pengajian Tinggi         |
| SSK  | Sains Sosial Kemanusiaan             |
| STP  | Sains Teknologi dan Perubatan        |
| THE  | Times Higher Education               |
| ISI  | Institute for Scientific Information |
| IF   | Impak Faktor                         |
| QS   | Quacquarelli Symonds                 |
| WUR  | World University Ranking             |

# **BAB SATU**

## **PENDAHULUAN**

### **1.1 Pengenalan**

Kemunculan pelbagai perkhidmatan pangkalan data indeks yang diasaskan oleh perkembangan dan kemajuan pesat dalam bidang penyelidikan dan sains kepustakaan telah membentuk masyarakat ilmiah yang bergantung kepada penyaluran maklumat dalam bentuk tulisan berbanding dengan penyaluran maklumat secara lisan. Melalui perkhidmatan pangkalan data yang disediakan, komunikasi ilmiah dalam kalangan para sarjana dapat berlangsung tanpa batasan sempadan negara.

Satu daripada saluran komunikasi ilmiah yang penting dalam kalangan sarjana adalah melalui penerbitan jurnal ilmiah. Jurnal ilmiah menerbitkan makalah yang ditulis untuk melaporkan hasil penyelidikan yang dijalankan oleh para sarjana. Sebagai saluran komunikasi ilmiah, penerbitan jurnal tidak sekadar menerbitkan makalah yang ditulis dalam pengkhususan bidang ilmu tertentu sahaja, malah apa yang lebih penting, makalah yang diterbitkan harus berkualiti dari aspek bahasa dengan disertakan kemahiran retorik yang tinggi.

Retorik menurut Brooks dan Warren (1979), “...is the art of using language effectively” (hal. 5). Retorik dilihat sebagai satu seni atau keterampilan penulis atau penutur menggunakan bahasa untuk menyampaikan sesuatu maksud dengan lebih berkesan, sama ada melalui penulisan atau lisan. Retorik juga menyentuh hal yang berkaitan dengan cara penyampaian gagasan fikiran, saranan, tanggapan, atau cara sesuatu wacana dihuraikan dengan jelas dan berkesan (Campbell, 2001; Hauser,

2002; Jordan, 1975; Lanham, 1991). Kemahiran penulis menggunakan retorik dalam penulisan boleh mempengaruhi keyakinan dan pendapat pembaca serta dapat mencetuskan pemikiran baharu (Aristotle, 350 S.M/2010; Gilbert & Mulkay, 1984; Latour, 1987; Latour & Woolgar, 1986; Andrews, 2014; Heracleous, 2006).

Disiplin retorik dilihat sangat berkait rapat dengan penulisan ilmiah. Pernyataan ini dapat dibuktikan melalui tradisi menulis secara ilmiah yang dilihat telah bermula seawal zaman Sebelum Masihi (S.M.) bersama-sama dengan berkembangnya disiplin retorik. Misalnya, karya-karya penulisan ilmiah yang dihasilkan oleh ahli falsafah yang terulung dalam tamadun Greek dan Yunani, seperti Socrates, Aristotle, Plato, Archimedes, Aristarchus, Pythagoras, Leucippus dan Hippocrates. Antara karya agung yang dihasilkan termasuklah *Antidosis* dan *Against the Sofis* (Socrates), *Gorgias* dan *Phaedrus* (Plato), *Rhetoric, Book I, Book II* dan *Book III* (Aristotles), *de Inventione, de Oratore, Orator, Partitioners Oratoria, Brutus, de Optimo genere Oraturum* dan *Topica* (Quintillian) (McCroskey, 2001).

Pada prinsipnya, penulisan ilmiah merupakan satu bentuk komunikasi yang bertujuan menyampaikan maklumat, menjelaskan sesuatu idea dan menyatakan hujah tertentu supaya dapat diterima oleh khalayak pembaca (Ziedler, 2005; Fulwiller, 1994). Perkara ini dipersetujui oleh Asmah Omar (2007) yang menyatakan bahawa penulisan ilmiah juga merupakan suatu tindakan komunikatif. Tindakan komunikatif ini berlaku dalam satu jaringan sosial yang terdiri daripada ahli komuniti yang mempunyai minat yang sama dalam bidang yang diperkatakan. Oleh itu, apabila sesuatu penulisan ilmiah itu diterbitkan dan beredar dalam jaringan

sosialnya, maka penulisan tersebut akan mendapat reaksi daripada ahli dalam komuniti berkenaan, reaksi tersebut kebiasaannya wujud dalam bentuk penulisan.

Casanave dan Vandrick (2003) turut mengakui bahawa penulisan ilmiah bukan hanya sekadar satu proses linguistik, tetapi merupakan satu proses sosiopolitik, yakni penulis berusaha untuk mendapatkan persetujuan dan pengiktirafan dalam sesuatu komuniti wacana penulisan dengan menggunakan strategi dan pernyataan autoriti masing-masing. Begitu juga dengan Eda (2010) yang menyatakan bahawa kecekapan dalam penulisan ilmiah tidak semata-mata bersandarkan keupayaan linguistik tetapi juga bergantung kepada penggunaan ciri retorik dalam penulisan yang membolehkan penulisan tersebut dapat diterima oleh komuniti wacana penulisan ilmiah tersebut.

Makalah penyelidikan merupakan satu bentuk penulisan ilmiah. Makalah penyelidikan mempunyai ciri penulisan yang khusus misalnya, bentuk yang berstruktur dan piawai seperti abstrak, sorotan kajian lalu, kaedah kajian, dapatan kajian, kesimpulan dan bibliografi (Md Sidin Ahmad Ishak, 1997; Roosfa Hashim, 2010; Zainab Awang Ngah, 1997). Umumnya, makalah penyelidikan diterbitkan dalam jurnal ilmiah, iaitu sejenis penerbitan yang diterbitkan secara berkala, mempunyai bidang pengkhususan tertentu, serta menerbitkan makalah penyelidikan yang asli berdasarkan kajian yang ditulis dalam bentuk dan laras yang diterima sebagai ilmiah (Md Sidin Ahmad Ishak, 1997; Zainab Awang Ngah, 1997).

Tujuan penulisan makalah penyelidikan adalah untuk melaporkan hasil penyelidikan yang dijalankan oleh para sarjana bagi mendapatkan reaksi dan pensahihan dalam kalangan komuniti yang mempunyai pengetahuan dan minat yang sama tentang



bidang yang diperkatakan, menghimpunkan pengetahuan dan ilmu baharu, membentangkan hasil atau dapatan kajian secara empirik serta memperlihatkan gagasan terhadap sesuatu usul atau dapatan baharu daripada penyelidikan yang dijalankan (Ismail Ahmad & Mohd. Nordin Hasan, 1995; Jogthong, 2001; Md Sidin Ahmad Ishak, 1997; Roosfa Hashim, 2010; Whitley, 2003).

Retorik dilihat sangat penting dalam penulisan makalah penyelidikan. Hal ini kerana retorik merangkumi keupayaan penulis untuk memanipulasikan bahasa melalui ciri-ciri yang ada dalam sesuatu bahasa tersebut untuk meyakinkan pembaca (Asmah Omar, 2007). Sementara makalah penyelidikan merupakan satu bentuk penulisan komunikatif yang bertujuan melaporkan hasil penyelidikan yang dijalankan oleh para sarjana dan mendapatkan pensahihan berkenaan bidang penulisan yang diperkatakan. Oleh itu, untuk membina keyakinan dan mempengaruhi pembaca terhadap gagasan fikiran yang disampaikan dalam penulisan makalah penyelidikan tersebut, maka penggunaan ciri-ciri bahasa berkesan perlu dititikberatkan. Selain itu, retorik juga penting dapat menyerlahkan penyajian data dengan berkesan dalam penulisan makalah penyelidikan. Menurut Enos (2013) semua bentuk penulisan memerlukan retorik. Penulisan yang tidak disertakan dengan retorik akan melahirkan penulisan yang kurang berkualiti dan hambar (Horner & Lu, 2010; McCroskey, 2001).

Drout (2006) turut menegaskan bahawa *“rhetoric is powerful in that it can allows the writers to sway opinions, spark new thought and ultimately change the world”*. Penggunaan retorik dalam penulisan makalah penyelidikan membolehkan penulis untuk melontar pandangan, mencetuskan pemikiran baharu sehingga akhirnya dapat

mengubah pandangan dan persepsi pembaca terhadap sesuatu perkara. Kepentingan retorik dalam penulisan makalah penyelidikan bukan sahaja kerana ia merupakan seni penggunaan bahasa yang berkesan untuk mempengaruhi pembaca semata-mata tetapi retorik juga berkait rapat dengan cara penyampaian pemikiran dan wacana yang berkesan melalui penulisan.

## **1.2    Penyataan Masalah**

Makalah penyelidikan yang ditulis oleh para sarjana pada kebiasaannya akan diterbitkan dalam jurnal ilmiah yang dapat menampung bidang pengkhususan penulisan makalah penyelidikan tersebut (Bridgstock, Burch, Forge, Laurent & Lowe, 1998; Roosfa Hashim, 2010). Sesebuah jurnal dikatakan mempunyai nilai ilmiah apabila jurnal tersebut menerbitkan makalah penyelidikan yang menghimpunkan pengetahuan dan ilmu baharu, membentangkan hasil atau dapatan kajian secara empirik serta mempunyai gagasan tertentu sesuatu usul atau dapatan baharu daripada penyelidikan yang dijalankan (Roosfa Hashim, 2010).

Kini, terdapat sistem penerbitan moden dan penyelidikan saintifik yang menyediakan perkhidmatan pangkalan data yang mengindeks dan mengabstrak makalah penyelidikan dan jurnal ilmiah yang dihasilkan oleh para sarjana dari seluruh dunia dalam bentuk digital (Martin & Pagell, 2008). Pembinaan pangkalan data indeks dan abstrak ini bertujuan meningkatkan aktiviti petikan karya (*citation*) (Antelman, 2004; MacCallum & Parthasarathy, 2006), meningkatkan keterlihatan dan prestij universiti (Johnson, 2002) serta membantu perkembangan penyelidikan dalam bidang yang berkaitan (Lomangino, 2006).

Dengan adanya perkhidmatan pangkalan data indeks dan abstrak ini, makalah penyelidikan yang diterbitkan dalam jurnal yang diindeks oleh pangkalan data tersebut berpotensi untuk menjadi makalah penyelidikan yang mempunyai impak yang tinggi sekiranya makalah tersebut dipetik (*cited*) oleh pembaca atau mendapat jumlah petikan rujukan yang terbanyak (Garfield, 1999). Selain itu, jumlah petikan terhadap makalah penyelidikan tersebut turut digunakan sebagai kayu ukur untuk menentukan kedudukan jurnal atau impak faktor (IF) jurnal dalam pangkalan data indeks tertentu (Adler, Ewing, & Taylor, 2009).

Satu daripada pangkalan data indeks dan abstrak yang terkenal ialah pangkalan data indeks petikan pelbagai disiplin SCOPUS. SCOPUS diterbitkan oleh Reed Elsevier Group dan mula dilancarkan secara rasmi pada tahun 1997. Pangkalan data indeks dan abstrak SCOPUS membekalkan maklumat jaringan (web) jurnal dan makalah penyelidikan dalam bentuk digital yang boleh dicapai secara atas talian melalui aplikasi *Science Direct*. Sehingga Februari 2014, SCOPUS telah merekodkan sejumlah 33 juta data penerbitan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 20,800 terdiri daripada jurnal yang diterbitkan oleh penerbit dari seluruh dunia, meliputi 2,600 judul jurnal ilmiah capaian terbuka dan 6.4 juta kertas persidangan yang diterbitkan daripada prosiding dan jurnal ilmiah (Elsevier, 2014).

Pangkalan data indeks dan abstrak SCOPUS mula dikenali dalam kalangan institusi pengajian tinggi di seluruh dunia, termasuk di Malaysia pada tahun 2007, iaitu apabila pangkalan data ini dipilih oleh Quacquarelli Symonds (QS) Top University, iaitu sebuah organisasi yang dipertanggungjawabkan oleh World University Ranking (WUR) bagi menyediakan penarafan universiti terkemuka di dunia untuk diterbitkan

dalam Times Higher Education Supplement (THES) (Abu Bakar Maidin, Shahrudin Shafri, & Shamsudin Ibrahim, 2009; Huang, 2011; Koh, 2014; Sowter, 2007).

Laporan yang dikeluarkan THES dilihat sangat penting dan telah mempengaruhi pentadbiran universiti di Malaysia. Laporan ini juga telah membawa kepada perbincangan sehingga ke peringkat tertinggi pentadbiran negara, iaitu dibahaskan di Parlimen tentang keupayaan dan mutu pendidikan universiti di negara ini (Roosfa, 2010). Hal ini turut memberi tekanan kepada pihak pentadbiran universiti untuk menaikkan ranking universiti masing-masing bagi mencapai tahap universiti bertaraf dunia. Rentetan daripada itu, pelbagai langkah telah dilakukan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia dan pihak pentadbiran universiti bagi memenuhi tuntutan dan kriteria yang ditetapkan oleh THES.

Antaranya adalah dengan mewujudkan Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) yang dirangka oleh Jabatan Pengajian Tinggi di bawah Kementerian Pengajian Tinggi, Malaysia bagi mengenal pasti keperluan untuk memperkasa dan menaik taraf jurnal akademik tempatan supaya setanding dengan jurnal antarabangsa (Jabatan Pengajian Tinggi, 2014), membuat penaraan dan penarafan universiti di Malaysia menggunakan Sistem Penarafan IPTA (SETARA) dan Sistem Penilaian Universiti Penyelidikan (MYRA) (Mazmin Mat Akhir & Md Nizam Azid, 2010) dan mewujudkan skim ganjaran tertentu dan kenaikan pangkat kepada ahli akademik yang berjaya menerbitkan penulisan makalah dalam jurnal yang diindeks dalam SCOPUS mahupun Thomson Reuters Web of Science (dahulunya dikenali sebagai ISI Web of Knowledge) (Roosfa Hashim, 2010).

Dapat dikatakan kewujudan sistem penerbitan moden dan penyelidikan saintifik yang menawarkan perkhidmatan pangkalan data indeks dan abstrak ini telah mencetuskan evolusi baharu dalam dunia penerbitan ilmiah. Dengan adanya sistem penerbitan ini, komunikasi ilmiah dalam kalangan sarjana dari seluruh dunia dapat berlangsung dengan pantas melalui kemudahan capaian maklumat yang disediakan oleh perkhidmatan pangkalan data indeks dan abstrak tersebut. Bagaimanapun isu berkenaan penerbitan makalah penyelidikan dalam jurnal yang diindeks pangkalan data indeks antarabangsa terutamanya oleh SCOPUS sering menjadi polemik dalam kalangan sarjana dan media arus perdana di negara ini mahupun di Barat. Pelbagai reaksi dan pandangan dikemukakan berkenaan isu tersebut (Metra Shahril Mohamed, 2011; Memo Editor, 2011; Adler, Ewing & Taylor, 2009; Adler, 2007; Amin & Mabe, 2000). Penyelidik terutamanya, ahli akademik memainkan peranan yang besar dalam sistem penerbitan moden ini. Mereka perlu menulis dan menerbitkan makalah hasil daripada penyelidikan yang dijalankan ke dalam jurnal yang diindeks oleh pangkalan data indeks antarabangsa seperti SCOPUS, Thomson Reuter, ERA dan pelbagai pangkalan data indeks yang lain. Malahan untuk menggalakkan mereka menerbitkan makalah penyelidikan dalam jurnal yang diindeks oleh pangkalan data antarabangsa ini terdapat universiti yang menawarkan ganjaran kepada ahli akademik yang berjaya menerbitkan makalah dalam jurnal yang diindeks oleh pangkalan data indeks antarabangsa (Monastersky, 2005; Timothy, Amy, Daniel & Sara, 2007). Walau bagaimanapun, makalah penyelidikannya yang ditulis sukar untuk diterbitkan dalam jurnal yang diindeks oleh pangkalan data indeks antarabangsa tersebut (Rowlands, Nicholas & Huntington, 2004; Van Teijlingen & Hundley, 2002). Hal ini kerana berlaku persaingan yang tinggi antara penulis untuk menerbitkan makalah ke dalam jurnal yang diindeks oleh pangkalan data indeks

antarabangsa tersebut. Selain, prosedur menerbitkan makalah dalam jurnal yang diindeks dalam pangkalan data antarabangsa dikatakan agak *rigid* untuk memastikan mutu dan kualiti penerbitan makalah dalam jurnal tersebut terpelihara (Timothy, *et al.*, 2007).

Melihat kepada kepentingan isu penerbitan makalah penyelidikan dalam jurnal yang diindeks oleh pangkalan data antarabangsa ini, maka dirasakan perlu satu kajian dijalankan untuk meneliti strategi dan jenis retorik penulisan makalah penyelidikan dalam jurnal yang diindeks oleh pangkalan data antarabangsa (dalam kajian ini pangkalan data SCOPUS). Untuk meneliti strategi retorik penulisan makalah penyelidikan, kajian ini disandarkan kepada teori Prinsip Kerjasama Grice. Manakala untuk memperlihatkan jenis retorik dalam penulisan makalah penyelidikan, maka skema penulisan Brooks dan Warren (1979) dijadikan sebagai landasan kajian. Kajian ini penting memperlihatkan kualiti penulisan makalah penyelidikan yang diterbitkan dalam jurnal yang diindeks oleh SCOPUS, di samping dapat dijadikan panduan kepada penulis untuk menghasilkan sebuah penulisan makalah penyelidikan yang berkualiti dari aspek retorik penulisan.

Bagaimanapun sebelum kajian ini dijalankan, maka sewajarnya ditinjau terlebih dahulu kajian lepas yang berkaitan dengan retorik. Tinjauan ini diperlukan untuk meneliti perbincangan dan persoalan yang sering ditimbulkan dalam kajian retorik serta mengenal pasti kelompangan, permasalahan dan kekurangan dalam kajian retorik sebelum ini supaya permasalahan kajian tersebut dapat diatasi dalam kajian yang akan dihasilkan nanti.

Penerokaan terhadap kajian lepas mendapati kajian berkenaan makalah penyelidikan telah banyak dijalankan oleh sarjana dari dalam dan luar negara. Kebanyakan kajian berkenaan makalah penyelidikan ini, dijalankan dalam bidang retorik perbandingan dan bidang analisis genre. Walau bagaimanapun, kajian berkenaan makalah penyelidikan masih kurang dijalankan dalam bidang retorik.

Kajian retorik perbandingan merupakan satu bidang kajian yang meneliti persamaan dan perbezaan dalam wacana penulisan merentasi bahasa dan budaya (Connor, 2002; Xing, Wang, & Spencer, 2008). Kajian retorik perbandingan yang dipelopori oleh Kaplan (1966) memperkatakan bahawa bahasa dalam penulisan mencerminkan budaya dan budaya yang berbeza mempunyai kecenderungan retorik penulisan yang berbeza. Dalam kajian retorik perbandingan, tumpuan diberikan kepada aspek logikal dalam penulisan yang dihasilkan oleh penulis yang terdiri daripada penutur bahasa kedua dan membandingkan dengan penulisan yang dihasilkan dalam bahasa pertama (Phung, 2006; Asma Yusof, 2003).

Antara contoh kajian berkenaan makalah penyelidikan yang dijalankan dalam bidang kajian retorik perbandingan, iaitu dengan meneliti sistem dan struktur antara dua bahasa yang berlainan, misalnya antara bahasa Melayu dengan bahasa Inggeris adalah seperti kajian yang dijalankan oleh Ummul Khair Ahmad (1997); bahasa Cina dengan bahasa Inggeris (Xing, *et al.*, 2008); bahasa Jepun dengan bahasa Inggeris (Hafernik, 1990); bahasa Jerman dengan bahasa Inggeris (Siepmann, 2006); bahasa Perancis dengan bahasa Inggeris (Kobayashi, & Rinnert, 2008) bahasa Turki dengan bahasa Inggeris (Buckingham, 2008), dan bahasa Thai dengan bahasa Inggeris (Jogthong, 2001).

Sementara kajian analisis genre merupakan bidang kajian yang meneliti fungsi dan bentuk keseluruhan atau struktur generik (skematik) wacana penulisan makalah penyelidikan (Asma Yusuf, 2003; Fries, 1945; Nunan, 1987). Kajian analisis genre dipelopori oleh Swales (1990) memperkatakan berkenaan fungsi dan penggunaan bahasa dalam menentukan bentuk keseluruhan atau struktur generik sesuatu wacana penulisan. Kajian analisis genre memfokuskan kepada analisis struktur organisasi tertentu dalam penulisan makalah penyelidikan. Antara contoh kajian yang meneliti struktur penulisan bahagian abstrak adalah seperti kajian oleh (Anderson, & Mclean, 1997; Huckin, 2006; Hun, 2011; Hyland, 2000; 2004; Melander, Swales, & Frederickson, 1997; Meyer, 1990; 1992; Pho, 2008; Samraj, 2005; Swales & Feak, 2009), bahagian pengenalan (AbdulKhaleq, 2006; Azirah Hashim, 1996; Bhatia, 1993; Chek, 2010; Samraj, 2002; Swales, 1990; Swales & Najjar, 1987) bahagian metodologi (Lim, 2006), bahagian kosa ilmu (Hu, 2010), bahagian perbincangan (Holmes, 1997; Hopkins & Evans, 1988; Peacock, 2002) dan terdapat kajian yang meneliti keseluruhan struktur organisasi teks makalah penyelidikan yang terdiri daripada bahagian pengenalan, metodologi, keputusan dan perbincangan seperti kajian yang dijalankan oleh Kanoksilapatham (2005).

Dapat dikatakan bahawa kajian berkenaan makalah penyelidikan yang dijalankan sebelum ini berkisar kepada kajian retorik perbandingan dan kajian analisis genre. Kedua-dua kajian ini mempunyai fokus kajian yang berbeza, iaitu kajian retorik perbandingan memfokus kepada persamaan dan perbezaan dalam wacana penulisan makalah penyelidikan merentasi bahasa dan budaya, manakala kajian analisis genre pula menumpukan kepada fungsi dan struktur generik (skematik) wacana penulisan makalah penyelidikan. Berdasarkan penelitian, didapati kajian berkenaan makalah



penyelidikan masih terlalu kurang dibincangkan dalam bidang retorik, iaitu bidang kajian yang memfokuskan kepada keupayaan menggunakan bahasa dan ciri-ciri bahasa untuk mencapai keberkesanan dalam wacana penulisan. Oleh itu, adalah wajar sekiranya kajian berkenaan makalah penyelidikan ini diperluaskan dengan melihat kepada bidang kajian retorik dengan memfokuskan kepada aspek jenis dan strategi retorik dalam wacana penulisan makalah penyelidikan.

Penerokaan terhadap kajian lepas dalam bidang retorik mendapati banyak kajian retorik telah dijalankan oleh pengkaji terdahulu. Setelah diperhalusi, didapati kajian retorik tersebut dijalankan dengan menggunakan wacana yang pelbagai. Misalnya, wacana pengucapan umum, wacana iklan, dan wacana penulisan. Walau bagaimanapun, didapati kajian retorik dalam wacana penulisan masih terhad dan boleh dikembangkan lagi dengan melihat kepada penggunaan wacana penulisan yang lebih luas serta persoalan-persoalan retorik yang masih belum dikupas oleh pengkaji terdahulu.

Antara contoh kajian retorik yang dijalankan dalam wacana iklan ialah seperti kajian yang dijalankan oleh Asmah Omar (1984), Bambang Suhartono (2009), Chuah (1998), Lim (1992), Nik Safiah Karim (1993), Noorbaiti Badaruddin (1988), dan Siti Saniah Abu Bakar (2009). Kesemua kajian ini dijalankan dengan meneliti retorik dalam wacana iklan yang terdiri daripada iklan yang diterbitkan oleh media cetak (majalah, akhbar, dan sebagainya) atau iklan yang disiarkan oleh media elektronik (radio dan televisyen).

Manakala kajian retorik dalam wacana pengucapan umum telah dijalankan oleh AbdulRahman Alkhirbash (2010), Abdul Mua'ti Ahmad (2007), Choong (2002), Lee (2001), Zoriati Osman (2005) dan Zulkifli Ahmad Hamid (1985). Kajian-kajian ini meneliti retorik dalam pengucapan umum melalui analisis teks ucapan yang disampaikan oleh tokoh-tokoh pemikir dan tokoh negarawan.

Akhir sekali, kajian retorik dalam wacana penulisan. Sehingga penerokaan terhadap kajian lepas berkenaan retorik ini dijalankan, didapati hanya terdapat dua kajian retorik yang telah dijalankan menggunakan wacana penulisan, iaitu kajian yang dijalankan oleh Nor Azuwan Yaakob (2005) dan Sobariah Baharum (2008). Kajian Nor Azuwan meneliti retorik dalam wacana penulisan berita akhbar, manakala kajian Sobariah mengkaji retorik dalam wacana penulisan novel. Oleh itu, kajian ini akan meluaskan penelitian terhadap kajian retorik dalam wacana penulisan dengan mengupas dari aspek retorik dalam wacana penulisan makalah penyelidikan.

Selain menggunakan wacana yang pelbagai, penelitian terhadap kajian lepas berkenaan retorik juga mendapati, kajian retorik yang dijalankan sebelum ini melihat kepada dua perspektif yang berbeza, iaitu dari perspektif bahasa dan perspektif retorik. Dari perspektif bahasa, kajian retorik yang dijalankan cenderung memfokuskan kepada penghuraian soal dalaman sistem bahasa (struktur bahasa) seperti analisis kata, frasa, klausa, ayat, perenggan dan wacana semata-mata. Sebagai contoh, Asmah Omar (1984) yang membincangkan berkenaan bahasa iklan menumpukan kepada analisis bentuk kata, frasa, klausa dan ayat dalam iklan. Sementara kajian oleh Noorbaithi Badarudin (1988) memfokuskan kepada analisis bentuk kata mengikut kategori Durand dan Leech (1996). Begitu juga dengan kajian

yang dilakukan oleh Bambang Suhartono (2009) yang meneliti bentuk kata, frasa, ayat dan perenggan dalam wacana iklan. Manakala Siti Saniah Abu Bakar (2009) menumpukan penelitian terhadap aspek kata dan frasa dalam iklan di radio, dan kajian oleh Sobariah Baharum (2008) yang meneliti retorik dari aspek kata, frasa, dan ayat dalam penulisan novel.

Dapat dikatakan bahawa kesemua kajian retorik yang dijalankan dari perspektif bahasa tertumpu kepada analisis struktur bahasa. Analisis dari aspek struktur bahasa adalah wajar untuk memperlihatkan retorik sebagai seni menggunakan bahasa yang wujud dalam setiap hierarki bahasa dari aras kata sehingga aras wacana. Walau bagaimanapun, fokus analisis kajian yang terbatas pada analisis struktur bahasa semata-mata, seakan menunjukkan bahawa kepentingan menganalisis retorik dari aspek bahasa dan linguistik terbatas kepada analisis struktural sahaja. Hakikatnya, kajian retorik dari aspek bahasa, masih boleh diperluaskan dengan meneliti persoalan-persoalan dari perspektif yang lebih luas agar kajian retorik ini dapat memberi sumbangan dalam menjana ilmu baharu dalam bidang retorik. Oleh itu, kajian ini hadir untuk mengisi kelompangan yang wujud dengan membincangkan dari aspek strategi retorik yang digunakan dalam wacana penulisan makalah penyelidikan. Kajian ini diharap dapat menghasilkan panduan penulisan ilmiah yang dapat dimanfaatkan oleh penggiat dalam industri penerbitan ilmiah umumnya dan ahli akademik khususnya untuk menghasilkan penulisan makalah penyelidikan yang baik dan berkualiti serta dapat diterbitkan dalam jurnal yang diindeks oleh SCOPUS.

Penelitian terhadap kajian lepas berkenaan retorik yang dijalankan dari perspektif retorik pula memperlihatkan bahawa kajian retorik yang dijalankan sebelum ini

menggunakan pendekatan dan teori retorik yang berwibawa sebagai landasan kajian. Walau bagaimanapun, masih belum ada usaha daripada mana-mana pengkaji sebelum ini yang menerapkan teori dari bidang linguistik pragmatik sebagai landasan kajian retorik mereka. Misalnya, kajian oleh Noorbaithi Badarudin (1988) yang mengkaji retorik berdasarkan kategori yang disusun oleh Durand (1987) dan Leech (1966), kajian Siti Saniah Abu Bakar (2009) yang menggunakan kategori retorik oleh Myers (1994), kajian Bambang Suhartono (2009) yang disandarkan kepada kerangka teori retorik Peter Dixon (1971), kajian AbdulRahman Alkashbir (2010), Abdul Mua'ti Ahmad (2007), Choong (2002), Sobariah Baharum (2008) dan Zulkifli Ahmad Hamid (1985) yang menggunakan teori retorik klasik yang dikemukakan oleh Aristotle seperti *logos*, *ethos*, dan *pathos*, serta teori pengucapan Searle (1969) dan kajian Sobariah Baharum (2008) berlandaskan teori retorik moden Enos dan Brown (1993).

Meskipun kajian berkenaan retorik yang dijalankan oleh para sarjana sebelum ini meneliti retorik dengan bersandarkan teori dan teknik retorik yang berwibawa, namun kurang kajian retorik yang menerapkan teori dalam bidang linguistik pragmatik. Sehubungan itu, kajian ini akan menerapkan teori dalam bidang linguistik pragmatik, iaitu Teori Prinsip Kerjasama Grice (1975) sebagai landasan kajian untuk memperlihatkan unsur retorik dalam wacana penulisan makalah penyelidikan.

Dalam kajian terdahulu, teori Grice digunakan dalam kajian pragmatik untuk meneliti implikatur dan peraturan dasar dalam wacana perbualan. Misalnya, kajian oleh Burton 1980; Cohen, 1972; Keifer, 1979; Kroch, 1972; Sacks, 1970; Sadock 1975; Sperber dan Wilson, 1986; Susan, 1983. Kajian ini membuktikan bahawa teori

Grice boleh digunakan sebagai satu prinsip dasar dalam konteks wacana perbualan. Walaupun, terdapat kajian yang mengkritik teori Grice dan menggantikan dengan prinsip lain yang dirasakan dapat memenuhi perspektif kajian yang dijalankan. Misalnya, Sperber dan Wilson (1981) yang menggantikan prinsip kerjasama Grice kepada prinsip relevan. Begitu juga Leech (1983) yang berpendapat bahawa prinsip kerjasama tidak mencukupi dan membaiki teori ini dengan menambah satu lagi maksim, iaitu maksim kesantunan bahasa sebagai satu ciri teori perbualan tersebut tetapi hasil yang peroleh menunjukkan bahawa prinsip tersebut adalah tidak selaras dengan prinsip kerjasama yang digariskan oleh Grice yang menjadi dasar dalam hal menentukan peraturan dalam sesuatu perbualan.

Grice mengemukakan prinsip kerjasama yang mengandungi empat maksim, iaitu maksim kuantiti, maksim kualiti, maksim relevan dan maksim cara. Menurutnyanya setiap individu yang terlibat di dalam sesuatu perbualan, bekerjasama antara satu sama lain. Selain itu, penutur juga harus memastikan perbualannya bersifat dua hala dan perbualannya menjadi sebagai satu sumbangan yang diperlukan oleh pendengar. Prinsip perbualan yang digariskan oleh Grice dalam kajian pragmatik ini didapati sesuai digunakan sebagai prinsip dasar untuk meneliti retorik dalam penulisan makalah penyelidikan. Hal ini kerana menurut Leech (1993) kajian pragmatik merupakan satu bidang pengkajian bahasa dalam berkomunikasi, sementara penulisan makalah penyelidikan merupakan satu bentuk penulisan komunikatif yang turut menghubungkan antara penulis dengan pembaca. Untuk menguji sejauh mana prinsip kerjasama yang digariskan oleh Grice mampu diguna pakai dalam wacana penulisan makalah penyelidikan, maka teori Prinsip Kerjasama Grice dijadikan sebagai landasan kajian ini.

Selain itu, prinsip kerjasama yang diketengahkan oleh Grice sungguhpun ringkas tetapi telah berjaya menarik minat pengkaji dalam bidang pragmatik untuk membincangkan peraturan dalam perbualan dengan lebih mendalam dan terperinci. Misalnya, Keenan (1983) yang melihat kemahiran berbahasa oleh kanak-kanak, beliau menyatakan bahawa kanak-kanak amat sensitif terhadap maksim Grice, dan maksim ini membantu dalam menyumbangkan ujaran yang berkaitan dengan ujaran sebelumnya.

Dalam konteks penulisan makalah penyelidikan, adalah penting untuk menyatakan kebenaran dalam sesuatu penulisan dan penulisan tersebut perlu disandarkan kepada peraturan atau maksim-maksim yang digariskan oleh Grice, pelanggaran terhadap maksim berkenaan akan menjejaskan maklumat yang akan disampaikan. Walau bagaimanapun, kajian yang dijalankan oleh pengkaji terdahulu menggunakan teori Grice dalam bidang pragmatik dengan meneliti prinsip dasar dalam wacana perbualan tetapi kajian yang menggunakan teori Grice untuk meneliti strategi dalam wacana penulisan jarang diketengahkan. Oleh itu, kajian ini cuba membuktikan bahawa teori prinsip kerjasama Grice (1975) boleh digunakan untuk menganalisis strategi retorik dalam penulisan makalah penyelidikan.

Pemilihan teori dalam bidang linguistik pragmatik ini juga bertujuan memperluaskan skop kajian retorik dengan melihat dari aspek kajian linguistik pragmatik, iaitu kajian berkenaan ilmu penginterpretasian (pentafsiran) linguistik yang melibatkan penelitian berkenaan struktur dalaman bahasa, kaedah penggunaan bahasa serta pentafsiran makna mengikut penggunaan bahasa dalam konteks yang pelbagai (Leech, 1993; Nor Hashimah Jalaluddin, 2006; Salwani Abu Bakar, 2009).

(Perbincangan lanjut berkenaan Teori Grice dipaparkan pada bahagian bab berikutnya, iaitu dalam bab 2.4.5)

Hasil daripada analisis pernyataan masalah ini, dapat dirumuskan bahawa terdapat tiga kelompok yang dikenal pasti. Pertama, kajian berkenaan makalah penyelidikan telah dijalankan dalam kajian retorik perbandingan dan kajian analisis genre. Walau bagaimanapun, kajian berkenaan makalah penyelidikan jarang dibincangkan dalam bidang retorik.

Kedua, kajian berkenaan retorik yang telah dijalankan oleh sarjana tempatan di negara ini menggunakan pelbagai wacana. Antaranya wacana iklan, wacana pengucapan umum dan wacana penulisan. Walau bagaimanapun, didapati kajian retorik yang menggunakan wacana penulisan masih terhad dan boleh dikembangkan. Penerokaan kajian lepas telah memperlihatkan hanya terdapat dua kajian retorik yang menggunakan wacana penulisan, kajian retorik dalam penulisan berita akhbar dan penulisan novel.

Ketiga, kajian retorik sebelum ini dijalankan dengan memfokuskan penelitian dari perspektif bahasa dan retorik. Dari perspektif bahasa, kajian retorik yang dijalankan cenderung menggunakan pendekatan analisis linguistik struktural. Walau bagaimanapun, kajian retorik yang menggunakan pendekatan analisis linguistik dari aspek strategi retorik dalam penulisan masih belum dibincangkan secara terperinci. Dari perspektif retorik pula, kajian retorik yang dijalankan oleh para sarjana sebelum ini meneliti retorik dalam penulisan dengan bersandarkan kepada teori dalam bidang

retorik sebagai asas kajian, namun kurang kajian yang menerapkan teori dalam bidang linguistik, khususnya bidang linguistik pragmatik.

Berdasarkan analisis pernyataan masalah yang telah dibincangkan dan setelah menyedari kelompangan yang masih wujud dalam kajian retorik ini, maka sewajarnya dan difikirkan perlu satu kajian retorik yang bersandarkan kepada pendekatan linguistik dilaksanakan bagi meneliti strategi dan jenis retorik dalam wacana penulisan makalah penyelidikan.

### **1.3 Kajian Retorik Penulisan Makalah Penyelidikan**

Kajian ini dijalankan dengan memfokuskan penelitian terhadap strategi retorik dan jenis retorik dalam wacana penulisan makalah penyelidikan. Penelitian terhadap strategi retorik penulisan dijalankan dengan bersandarkan kepada Teori Prinsip Kerjasama Grice (1975). Manakala penelitian terhadap jenis retorik penulisan dilakukan dengan bersandarkan pendekatan skema retorik penulisan Brooks dan Warren (1979). Sumber utama data kajian ialah laman sesawang Jurnal KEMANUSIAAN *The Asian Journal of Humanities* yang dicapai melalui pangkalan data indeks dan abstrak antarabangsa SCOPUS. Manakala data kajian terdiri daripada lapan makalah penyelidikan berbahasa Melayu yang dimuat turun daripada laman sesawang jurnal tersebut. (Pewajaran pemilihan SCOPUS, dan jurnal KEMANUSIAAN *The Asian Journal of Humanities* dijelaskan dalam bab tiga, iaitu pada bahagian 3.3).

Secara ringkasnya, dalam kajian ini, strategi retorik dalam wacana penulisan makalah penyelidikan diteliti dengan berlandaskan kepada maksim yang terkandung



dalam Teori Prinsip Kerjasama Grice, iaitu maksim kuantiti, maksim kualiti, maksim relevan dan maksim cara. Setiap maksim tersebut dianalisis melalui tema-tema yang dibentuk dalam kajian (huraian terperinci berkenaan analisis bagi setiap jenis maksim dijelaskan dalam bab tiga). Sementara analisis jenis retorik pula diteliti bersandarkan kepada skema retorik penulisan yang dikemukakan oleh Brooks dan Warren (1979), iaitu jenis deskriptif, naratif, argumentatif, eksposisi dan persuasif (huraian terperinci analisis bagi setiap jenis retorik dijelaskan dalam bab tiga). Dalam membincangkan berkenaan jenis retorik dalam wacana penulisan makalah penyelidikan ini, analisis kajian difokuskan kepada penggunaan unsur retorik melalui pemilihan kata, frasa, klausa, ayat dan wacana secara keseluruhan.

Berdasarkan huraian ringkas berkenaan tatacara analisis strategi dan jenis retorik di atas, kajian ini diharap dapat mengupas isu berkenaan retorik dalam wacana penulisan ilmiah. Jika sebelum ini, kajian berkenaan retorik memfokuskan penelitian terhadap aspek analisis struktur bahasa dari aras kata sehingga aras wacana, gaya dan laras bahasa, penggunaan jenis retorik dan teknik retorik dalam wacana tertentu. Maka kajian ini akan memberikan sumbangan yang tersendiri dengan menggunakan pendekatan retorik dan aplikasi teori daripada bidang linguistik pragmatik bagi memperlihatkan strategi dan jenis retorik yang mendasari penulisan makalah penyelidikan yang diterbitkan dalam jurnal berimpak tinggi. Selain itu, kajian ini juga turut dikukuhkan dengan penggunaan data yang sebenar, iaitu data korpus dalam menjelaskan berkenaan retorik penulisan makalah penyelidikan.

#### **1.4 Objektif Kajian**

Kajian ini bertujuan memperlihatkan retorik dalam wacana penulisan ilmiah dengan memfokus kepada strategi dan jenis retorik penulisan makalah penyelidikan. Strategi retorik penulisan dikaji berlandaskan Teori Prinsip Kerjasama Grice. Manakala jenis retorik penulisan diteliti bersandarkan skema retorik penulisan Brooks dan Warrens (1979). Dalam kajian ini, penulisan makalah penyelidikan yang dikaji dianggap mencerminkan penulisan sebenar pengarang. Secara khususnya, objektif kajian ini adalah seperti yang berikut:

1. Meneliti dan menghuraikan strategi retorik penulisan makalah penyelidikan berbahasa Melayu dalam jurnal yang diindeks oleh SCOPUS dengan bersandarkan Teori Prinsip Kerjasama Grice.
2. Mengkategorikan pola jenis retorik penulisan makalah penyelidikan berbahasa Melayu dalam jurnal yang diindeks oleh SCOPUS.

##### **1.4.1 Persoalan Kajian**

Untuk mencapai objektif kajian yang dinyatakan, berikut ialah persoalan-persoalan yang akan dijawab melalui kajian ini.

1. Adakah strategi retorik penulisan makalah penyelidikan berbahasa Melayu dalam jurnal yang diindeks oleh SCOPUS mematuhi Teori Prinsip Kerjasama Grice?
2. Apakah pola jenis retorik yang terdapat dalam penulisan makalah penyelidikan berbahasa Melayu dalam jurnal yang diindeks oleh SCOPUS?

### **1.5 Batasan Kajian**

Pangkalan data indeks dan abstrak SCOPUS mengindeks petikan jurnal yang terdiri daripada pelbagai disiplin ilmu. Laporan rasmi statistik data penerbitan jurnal yang dikeluarkan oleh SCOPUS menunjukkan bahawa sehingga Julai 2013, terdapat 43 judul jurnal ilmiah yang diterbitkan di Malaysia telah diindeks oleh SCOPUS. Walau bagaimanapun, dalam kajian ini jurnal yang dipilih terdiri daripada jurnal dalam bidang Sains Sosial dan Kemanusiaan (SSK), iaitu jurnal KEMANUSIAAN *The Asian Journal of Humanities*. Data kajian terdiri daripada lapan makalah penyelidikan yang ditulis dalam bahasa Melayu dan diterbitkan dalam jurnal tersebut daripada tahun 2008 sehingga tahun 2012. Selain itu, kajian ini dijalankan dengan menggunakan kaedah analisis kandungan dan tumpuan analisis kajian terbatas kepada analisis strategi dan jenis retorik dalam penulisan makalah penyelidikan.

Pemilihan jurnal dalam bidang SSK ini bertujuan meluaskan penelitian berkaitan retorik dalam wacana penulisan makalah penyelidikan daripada pelbagai disiplin ilmu yang dikategorikan dalam bidang SSK. (Pewajaran penuh berkenaan pemilihan jurnal dalam bidang SSK dan pemilihan pangkalan data indeks SCOPUS diperincikan pada bahagian 3.3, di bawah tajuk Pewajaran Pemilihan Data). Dalam kajian ini makalah penyelidikan yang dikaji dianggap sebagai hasil tulisan penulis sendiri.

### **1.6 Kepentingan Kajian**

Kajian berkenaan retorik penulisan makalah penyelidikan ini diharap dapat memberi manfaat kepada penulis, yang kebanyakannya terdiri daripada para sarjana dan penggiat dalam industri penerbitan ilmiah untuk menghasilkan penulisan makalah

penyelidikan yang berkualitas. Kajian ini juga penting untuk memperlihatkan strategi dan jenis retorik yang berkesan yang boleh digunakan oleh para sarjana dalam menghasilkan penulisan makalah penyelidikan. Dapatan strategi retorik penulisan makalah penyelidikan dalam kajian ini dianggap sebagai strategi retorik penulisan yang digunakan oleh penulis tanpa melalui campur tangan editor. Oleh itu, dapatan kajian ini diharap dapat dijadikan panduan dan pedoman kepada para sarjana untuk menghasilkan penulisan makalah penyelidikan yang berkualitas. Hasil penyelidikan ini diharap dapat membantu para sarjana untuk meningkatkan kualiti penulisan makalah penyelidikan mereka supaya dapat diterbitkan dalam jurnal yang diindeks oleh pangkalan data indeks dan abstrak antarabangsa mahupun dalam penerbitan jurnal tempatan.

Kajian ini juga dapat dijadikan panduan kepada penggiat dalam industri penerbitan ilmiah amnya dan kepada para editor, khususnya dalam menangani penerbitan makalah penyelidikan untuk diterbitkan dalam jurnal ilmiah. Para editor yang terlibat secara langsung dalam menangani penerbitan makalah penyelidikan akan dapat memahami dengan lebih baik berkenaan strategi dan jenis retorik yang boleh digunakan dalam penulisan makalah penyelidikan. Hasil penyelidikan ini dapat dijadikan panduan kepada para penyunting dalam menjalankan kerja-kerja penyuntingan penulisan makalah penyelidikan yang ditulis oleh para sarjana.

Secara praktikal, kajian ini penting bagi menguji teori dalam bidang linguistik pragmatik, iaitu teori Prinsip Kerjasama Grice (1975) sebagai satu teori yang boleh diterapkan dalam kajian retorik. Dalam kajian ini, Prinsip Kerjasama yang pada dasarnya menjadi prinsip asas kepada wacana lisan diterapkan melalui wacana

tulisan. Hasil penyelidikan ini diharap dapat memperlihatkan kepentingan teori Grice dalam menghasilkan wacana penulisan makalah penyelidikan yang berkualiti.

Akhir sekali, hasil penyelidikan ini juga diharap dapat memperlihatkan pola jenis retorik dalam penulisan makalah penyelidikan serta memberi sumbangan dari aspek penggunaan jenis retorik yang bersesuaian dalam konteks penulisan ilmiah. Data kajian yang terdiri daripada data korpus, iaitu himpunan data kajian yang sebenar diharap dapat menjadi data yang berharga bagi penyelidikan lain yang berkaitan. Dalam pada itu, hasil kajian ini juga penting untuk menyerlahkan bukti kekuatan bahasa Melayu dalam penerbitan jurnal ilmiah setanding dengan bahasa Inggeris.

## **1.7 Definisi Operasional**

Dalam kajian ini, terdapat penggunaan beberapa istilah yang perlu dihuraikan untuk memberikan pemahaman dan pentaksiran yang lebih tepat berkenaan konsep istilah tersebut. Istilah yang dimaksudkan adalah seperti yang berikut:

### **1.7.1 Retorik Penulisan**

Retorik bermaksud seni menggunakan bahasa secara berkesan, sama ada dalam bentuk bahasa tulisan mahupun bahasa lisan. Retorik penulisan berkaitan dengan teknik pemakaian bahasa dalam penulisan yang bertujuan menyampaikan sesuatu maklumat secara berkesan untuk meyakinkan pembaca. Retorik dalam kajian ini adalah berkaitan dengan seni menggunakan bahasa tulisan secara berkesan dengan memberi penekanan kepada kemampuan penulis untuk menyampaikan sesuatu pemikiran dalam bentuk bahasa tulisan berdasarkan pengetahuan tentang bahasa, jenis dan strategi penggunaan bahasa yang berkesan.

### **1.7.2 Strategi Retorik Penulisan**

Strategi retorik penulisan merujuk kepada kaedah penggunaan bahasa yang berkesan dalam penulisan makalah penyelidikan. Strategi retorik dalam kajian ini bermaksud strategi atau kaedah yang digunakan oleh penulis untuk menyampaikan maklumat secara berkesan dalam penulisan serta memudahkan kelangsungan komunikasi ilmiah di antara penulis dengan pembaca.

### **1.7.3 Jenis Retorik Penulisan**

Jenis retorik penulisan bermaksud jenis bahasa yang digunakan dalam penulisan makalah penyelidikan. Jenis bahasa yang digunakan dalam penulisan makalah penyelidikan bertujuan menyampaikan maklumat dengan berkesan menggunakan jenis bahasa yang bersesuaian dengan konteks penulisan makalah penyelidikan tersebut.

### **1.7.4 Makalah Penyelidikan**

Makalah penyelidikan merupakan makalah yang diterbitkan dalam jurnal ilmiah. Makalah ini ditulis untuk melaporkan hasil penyelidikan yang telah dijalankan oleh penyelidik dan menyebarkanluaskan ilmu pengetahuan yang diperoleh daripada penyelidikan tersebut kepada khalayak pembaca melalui penerbitan jurnal.

### **1.7.5 Jurnal Berimpak Tinggi**

Jurnal berimpak tinggi bermaksud jurnal yang diindeks oleh pangkalan data indeks dan abstrak antarabangsa. Prestasi jurnal berimpak ini diukur dengan menggunakan data sitasi (*citation*) yang diterima oleh makalah yang diterbitkan dalam jurnal tersebut. Umumnya, jurnal berimpak tinggi memiliki ciri-ciri yang berikut:

1. Jurnal yang diterbitkan secara berkala.
2. Memenuhi ciri-ciri penerbitan jurnal yang piawai.
3. Memfokuskan kepada satu bidang ilmiah.
4. Menerbitkan makalah penyelidikan berorientasikan penyelidikan yang ditulis oleh sarjana atau pakar dalam bidang tertentu dengan diberikan kredit atau *byline*.

### **1.8 Kesimpulan**

Kajian ini membincangkan strategi dan jenis retorik yang terdapat dalam penulisan makalah penyelidikan berbahasa Melayu. Dalam kajian ini, retorik dalam wacana penulisan makalah penyelidikan ditinjau dari perspektif bahasa dan retorik. Kajian ini diharap dapat memberi sumbangan yang tersendiri dalam menjelaskan strategi dan jenis retorik dalam penulisan makalah penyelidikan.

Pada keseluruhannya, penulisan kajian ini disusun dalam enam bab. Bab satu menerangkan pengenalan kepada kajian yang dijalankan. Dalam bab ini turut dijelaskan tentang latar belakang kajian yang membawa kepada permasalahan kajian sehingga mendorong kajian ini untuk dijalankan. Seterusnya bagi menetapkan hala tuju kajian, persoalan, objektif kajian, batasan dan kepentingan kajian ini dilaksanakan turut dibincangkan dalam bab ini. Bab ini diakhiri dengan kesimpulan yang merumuskan keseluruhan bahagian dalam bab satu.

Bab dua pula membincangkan berkenaan kajian-kajian lepas berkenaan retorik yang telah dijalankan oleh pengkaji terdahulu. Perbincangan bab ini dibahagikan kepada tiga, iaitu kajian retorik dalam pelbagai wacana (wacana iklan, wacana pengucapan

umum dan wacana penulisan), kajian retorik yang dijalankan dari perspektif retorik dan kajian retorik dari perspektif bahasa.

Seterusnya, bab tiga menerangkan secara terperinci kaedah yang digunakan dalam menjalankan kajian ini. Dalam bab ini turut dijelaskan pewajaran pemilihan data kajian, pembentukan kerangka kajian, kaedah penganalisan data menggunakan perisian Nvivo 8.0., diikuti dengan bahagian kesimpulan yang merumuskan keseluruhan perbincangan dalam bab tiga.

Bab empat pula melaporkan hasil kajian berkenaan analisis strategi retorik yang telah dijalankan. Bab ini menunjukkan hubungan antara hasil dapatan kajian untuk menjawab objektif pertama kajian. Dalam bab ini juga rumusan keseluruhan berkenaan dapatan kajian turut dibincangkan.

Bab lima pula melaporkan hasil analisis jenis retorik yang dijalankan dalam kajian ini. Dalam bab ini turut diperlihatkan hubungan dapatan kajian dalam menjawab objektif kedua kajian. Pada bahagian kesimpulan, rumusan keseluruhan berkenaan dapatan kajian turut dibincangkan. Akhir sekali, bab enam melaporkan rumusan keseluruhan kajian yang telah dijalankan dengan disertakan cadangan dan implikasi kajian yang dijalankan.



## **BAB DUA**

### **KOSA ILMU**

#### **2.1. Pengenalan**

Kajian retorik telah banyak dilakukan. Seperti yang telah dibincangkan dalam bahagian pernyataan masalah (bahagian 1.3), kajian yang dilakukan sebelum ini meneliti retorik dalam pelbagai wacana. Sehubungan itu, bab ini akan menghuraikan kajian lepas berkenaan retorik yang dibahagikan kepada tiga bahagian mencakupi kajian retorik dalam pelbagai wacana (wacana iklan, wacana pengucapan umum dan wacana penulisan), kajian retorik dari perspektif bahasa dan kajian retorik yang dijalankan dari perspektif retorik.

Bab ini akan dimulakan dengan mengulas secara ringkas sejarah perkembangan retorik, situasi penerbitan jurnal ilmiah di Malaysia dan kemunculan perkhidmatan pangkalan data indeks dan abstrak SCOPUS. Selanjutnya, bab ini menghuraikan kajian lepas berkenaan retorik untuk memperlihatkan kelebihan dan kekurangan kajian terdahulu. Sebagai penutup, perbincangan berkenaan ulasan kajian lepas, berserta teori dan pendekatan yang digunakan dalam kajian ini dirumuskan dalam bahagian kesimpulan.

#### **2.2. Sejarah Perkembangan Retorik**

Fokus kajian ini adalah untuk memperlihatkan unsur retorik dalam penulisan makalah penyelidikan, maka sebelum membincangkan kajian lampau berkenaan retorik, sewajarnya ditinjau terlebih dahulu sejarah perkembangan retorik. Tinjauan

ini perlu kerana disiplin retorik yang mendasari kajian ini akan dijadikan pegangan dalam penghasilan kajian ini.

Retorik berasal daripada perkataan Yunani, iaitu *rhêtôr* yang bermaksud seni berpidato atau *oratoria*. Menurut Eadie (2006) retorik merupakan antara bidang terawal dalam tamadun keilmuan manusia dan muncul seiring dengan wujudnya peradaban manusia. Ilmu retorik mula berkembang pada abad ke-5 S.M. dalam kalangan penduduk di Sirakusa, ibu kota Pulau Sicily yang terletak dalam daerah kekuasaan Yunani (Foss, 2009; Dixon, 1991; Menake, 2004; Williams, 2009). Pada ketika itu, berlaku penindasan terhadap penduduk oleh pihak penguasa yang zalim. Maka retorik digunakan sebagai seni dalam berpidato bagi mempengaruhi rakyat tentang kepentingan sistem demokrasi sebagai satu sistem yang bertentangan dengan sistem autokrasi atau sistem feudal. Corax (467 SM), iaitu seorang penyusun hujah dalam perdebatan dan undang-undang di mahkamah dipercayai menjadi tokoh pengasas retorik dan orang pertama yang mendefinisikan perkataan retorik yang masih digunakan sehingga sekarang iaitu, kemahiran dalam perihal meyakinkan orang (Ackrill, 2001; Zhang, 2005).

Terdapat pelbagai pengertian berkenaan retorik yang telah dihuraikan melalui tokoh-tokoh retorik sejak dari zaman awal perkembangannya sehingga kini. Kepelbagaian takrifan berkenaan retorik ini menyulitkan seseorang untuk memilih salah satu daripada takrifan tersebut untuk dijadikan sebagai pegangan (Gusti, 1990). Pandangan Gusti ini dilihat menyamai pandangan yang dilontarkan oleh Glorfeld, Kakonis, dan Wilcox (1967), iaitu *“Rhetoric has never been easy to define, largely because of the imprecise and shifting meanings affixed to the word by the individuals*

*who use it in either a highly specialized or a grandly sweeping sense”* (hlm. 17).

Dalam pada itu, Thomas de queincy (1945, dirujuk dalam Plett, 2010) turut mengakui bahawa seni retorik merupakan antara seni yang dibina oleh manusia yang mengalami banyak revolusi dan mempunyai takrifan yang pelbagai.

Umumnya, perkembangan disiplin retorik dan kepelbagaian takrifan berkenaan retorik dapat dilihat melalui zaman yang dilalui seperti zaman klasik, zaman pertengahan, zaman *Renaissance* (zaman pembaharuan) sehingga abad ke-20 dan zaman kontemporari yang dikenali sebagai retorik moden. Retorik pada zaman klasik dikenali sebagai retorik *attic*, bermula pada abad ke-5 S.M. dan retorik pada masa tersebut ditakrifkan sebagai seni berpidato atau kecekapan berpidato di khalayak umum. Disiplin retorik pada zaman ini memberi tumpuan kepada penggunaan bahasa lisan atau seni pengucapan yang dikaitkan dengan aspek pemujukan berbanding dengan seni penggunaan bahasa tulisan kerana sistem tulisan masih belum wujud pada zaman tersebut (Kennedy, 1999). Pemahaman retorik sebagai seni pengucapan yang berbentuk pemujukan ini bermula daripada pertikaian mengenai hak milik tanah dalam kalangan penduduk di Sirakusa, ibu kota Pulau Sicily selepas kejatuhan diktator dalam tamadun Yunani. Pemilik tanah yang perlu membuktikan hak milik mereka di mahkamah memerlukan seni pemujukan dan penghujahan untuk meyakinkan penggubal undang-undang berkenaan hal milikan tanah mereka. Oleh yang demikian, mereka telah meminta bantuan Corax untuk berhujah dan mendapatkan hak milik tanah bagi pihak mereka (Ackrill, 2001; Dixon, 1991; Menake, 2004; Williams, 2009, Zhang, 2005 ).

Sumbangan Corax yang paling besar terhadap bidang retorik ialah apabila beliau mengemukakan formula-formula pengucapan berbentuk penghakiman. Di samping itu, Corax juga telah menulis buku retorik pertama yang bertajuk *Techne Logon* yang bermaksud seni kata-kata dan *Art of Rhetoric* yang ditulis bersama-sama dengan muridnya yang bernama Tissias. Corax dan Tissias kemudiannya telah mendirikan sekolah retorik sehingga menjadikan disiplin retorik popular di kota Athens dan di Semenanjung Attic (Corbett & Connors, 1999; Enos & Margaret, 1983; Foss, 2009; Murphy, 2001).

Menjelang akhir abad ke-5 S.M., muncul sekumpulan ahli falsafah yang menggelar diri mereka sebagai golongan *Sophists* dari kota Athens. Golongan ini telah mengubah takrif retorik, iaitu daripada kecekapan berpidato di hadapan umum kepada penyampaian pemikiran yang berkesan melalui berpidato. Ahli falsafah ini telah menampilkan teknik menguasai isi pidato melalui pembinaan retorik yang berasaskan hujah, contoh dan bukti bagi menyokong sesuatu gagasan untuk menang dalam perdebatan. Tokoh ahli *Sophists* yang pertama dan dianggap penting ialah Protagoras of Abaris, atau lebih dikenali dengan gelaran Bapa Perdebatan. Manakala tokoh yang sezaman dengan Protagoras ialah Gorgias dan Leontini, iaitu tokoh pertama yang melihat kepentingan kewujudan emosi dalam pemujukan. Selain Protagoras dan Gorgias, Isocrates juga merupakan seorang daripada ahli *Sophists* yang berpengaruh yang dilihat melalui dua karya yang dihasilkan daripada pemikiran beliau, iaitu *Antidosis* dan *Against The Sophists* (McCroskey, 2001).

Ilmu retorik yang diperkenalkan oleh golongan *Sophists* ini ditentang oleh Plato (427-347 SM), yang dikenali sebagai Bapa Falsafah Idealisme. Plato kemudiannya

telah mengembangkan retorik melalui sistem nilai dengan menampilkan kebenaran dalam berhujah dengan teknik yang sederhana. Sumbangan besar Plato dalam kemajuan teori retorik ialah melalui dialognya yang berjudul *Gorgias* dan karyanya *Phaedrus* yang mengandungi 'three speeches on love' (McCroskey, 2001).

Konsep retorik Plato ini kemudiannya diteruskan oleh anak muridnya, iaitu Aristotle (384-322 SM). Aristotle berusaha untuk menyelamatkan retorik daripada mendapat konotasi yang negatif dengan menyuntik pembaharuan dalam disiplin retorik. Aristotle kemudiannya menghuraikan retorik secara lebih sistematik melalui bukunya yang berjudul *Rhetoric* yang ditulis sekitar tahun 300 S.M. dan diterbitkan dalam tiga jilid, iaitu *Book I*, *Book II*, dan *Book III*. Dengan terhasilnya ketiga-tiga jilid buku tersebut, Aristotle telah mengasaskan Hukum Retorik Klasik. Antara lain hukum retorik tersebut termasuklah *inventio* atau invensi yang mengandungi bukti logik, bukti emosi dan bukti etika; *dispositio* atau disposisi yang mencakupi bahagian pengenalan, bahagian isi dan bahagian kesimpulan dan *elecutio* atau gaya bahasa yang meliputi kejelasan bahasa, ketepatan bahasa dan hiasan bahasa. Aristotle telah berjaya membuktikan bahawa ilmu retorik mempunyai kehebatan intelektual yang tersendiri yang setanding dengan logik. Aristotle seterusnya telah mengubah takrif retorik kepada ilmu dan seni yang mengajar seseorang untuk terampil dalam menyusun pertuturan yang berkesan (Aristotle, 2013).

Berikutnya, konsep retorik yang diutarakan oleh Aristotle ini telah berkembang sehingga ke negara Rom. Dua orang ahli falsafah Rom yang terkenal, iaitu Cicero (106-43 S.M.) dan M. Fabius Quintilianus (Quintilian) dikatakan orang yang bertanggungjawab menyebarkan konsep retorik Aristotle ke negara Rom. Cicero

telah menghasilkan beberapa buah karya dalam bidang retorik seperti *de Inventione*, *de Oratore*, *Orator*, *Partitiones Oratoriae*, *Brutus*, *de Optima genere Oratorum*, dan *Topica*, sementara Quintilian telah menulis 12 jilid buku yang berjudul *Institutio Oratoria* yang menjadi pengantar dalam bidang retorik dan sehingga kini dilihat masih lagi mempengaruhi bidang retorik (Hendrikus, 1991; McCroskey, 2001).

Selepas berakhirnya zaman klasik, maka bermulalah zaman pertengahan dari abad ke-3 Selepas Masihi sehingga ke zaman awal *Renaissance*. Zaman ini dikenali sebagai ‘Zaman Kegelapan’ bagi disiplin retorik. Mckeon (1965 dirujuk dalam Corbett, 1990) menyatakan bahawa tidak banyak perkembangan yang berlaku dalam bidang retorik pada zaman pertengahan. Retorik hanya dipelajari dalam kerangka mempelajari kesusasteraan. Walaupun pada zaman ini retorik masih difokuskan kepada aspek pemujukan dengan memberikan penekanan kepada gaya dan penyampaian tetapi peranan retorik lebih tertumpu kepada usaha untuk membantu penyebaran agama Kristian. Antara tokoh retorik yang terkenal pada zaman tersebut adalah seperti St. Augustine, Isidore, Cassiodorus, dan Erasmus.

Kemunculan teknologi percetakan pada abad ke-15, iaitu pada awal zaman *Renaissance* dilihat telah mengubah takrifan retorik daripada seni penggunaan bahasa lisan kepada seni penggunaan bahasa tulisan (Corbett & Connors, 1999). Pada zaman ini, retorik mula diaplikasikan dalam bahasa tulisan, terutamanya dalam penulisan surat-surat yang bertujuan mendokumentasikan ucapan yang disampaikan oleh pihak gereja (Cerku, 2013). Selain itu, retorik juga sering dikaitkan dengan pelbagai bidang lain seperti antropologi, falsafah, linguistik, semantik, psikologi, politik dan periklanan (Lindemann, 1982).

Sejurus selepas zaman Renaissance, iaitu pada awal abad ke-20 ilmu retorik mula mengalami perubahan besar. Anjakan paradigma dalam pentakrifan ilmu retorik dilihat berlaku dengan kemunculan aliran Retorik Baharu yang didukung oleh tokoh Aliran General Semantik, iaitu Richard (1965) dan Burke (1967) dan pelopor kepada Aliran Tagmemik, iaitu Young, Becker dan Pike (1970).

Richard merupakan seorang pengkritik sastera dan retorik pada tahun 1950-an dan menjadi pelopor kepada Aliran General Semantik. Richard telah menolak keseluruhan takrif retorik Aristotle, iaitu retorik sebagai keterampilan dalam menyusun dan menampilkan wacana untuk mempengaruhi pihak lain. Sebaliknya, beliau menegaskan bahawa aspek pemujukan hanya penting bagi masyarakat yang masih terkebelakang tingkat kecerdasannya tidak sesuai dengan masyarakat moden.

Oleh itu, Richard telah mengemukakan takrif retorik baharu dengan nama *Non-Aristotelian*. Richard (1965) mengatakan bahawa “*rhetoric, I shall urge, should be a study of misunderstanding and its remedies*” (hal.3), iaitu retorik sebagai disiplin yang mengkaji tentang kefahaman (*understanding*) dan salah fahaman (*misunderstanding*) serta penemuan kaedah mengatasi kesalahfahaman dalam berbahasa. Menurut Richard (1965), satu daripada cara untuk mengetahui atau mengatasi salah fahaman yang berlaku dalam hubungan berbahasa ialah melalui pengetahuan tentang bahasa dan penggunaan bahasa yang tepat. Konsep retorik baharu yang dibawa oleh Richard lebih mementingkan pembinaan saling memahami antara penulis dan pembaca atau penutur dan pendengar melalui wacana.

Tokoh lain, iaitu Burke (1967) mentakrifkan retorik sebagai ilmu yang mengajar orang mengidentifikasi dalam pelbagai bidang, misalnya mengidentifikasi diri dan

para pendengar atau pembaca, masalah atau isu yang dibincangkan, bahasa yang digunakan, hasil pertuturan dan sebagainya. Akibat daripada identifikasi ini akan membentuk persefahaman dan kerjasama dalam berbahasa. Burke juga berpendapat keupayaan seseorang dalam mengidentifikasi pelbagai aspek dalam wacana akan dapat membina saling fahaman dalam perhubungan berbahasa. Dapat dikatakan pendekatan retorik yang didukung oleh aliran general semantik ini tertumpu pada persoalan bagaimana bahasa dalam sesuatu wacana dapat digunakan untuk menghasilkan pemahaman pada seseorang pendengar atau pembaca, selain menghubungkan retorik dengan pelbagai aspek dalam penzahiran wacana melalui ketepatan penggunaan bahasa.

Selanjutnya, aliran Tagmemik yang dipelopori oleh Young dan Becker (1965) menekankan retorik sebagai ilmu yang mengajar penggarapan wacana secara heuristik dan ditampilkan secara sistematik bagi tujuan membina saling pengertian dan kerjasama (Dixon, 1991). Retorik dalam aliran Tagmemik dianggap satu proses kreatif, merangkumi semua pilihan yang dibuat oleh penulis dari peringkat prapenulisan, penyusunan dan penggunaan strategi untuk audiens tertentu sehinggalah proses pengeditan draf terakhir (Pike, Young & Becker, 1970). Aliran tagmemik menggunakan kaedah retorik pemecahan masalah topik wacana yang dikenali sebagai kaedah heuristik. Kaedah heuristik mengolah wacana secara sistematik menurut turutan pendahuluan (bahagian yang mengarah pembaca kepada pokok persoalan); latar belakang (bahagian yang mengemukakan pokok persoalan secara faktual atau sejarah kemudian mempertalikan nilai serta fungsinya dalam kehidupan); ulasan (bahagian yang menampilkan premis utama dan premis kecil serta kesimpulan ulasan dalam kedua-dua premis tersebut) dan kesimpulan (bahagian



yang mengungkap kembali pokok persoalan). Melalui kaedah heuristik ini, penganut aliran tagmemik yakin bahawa penutur dan penulis mampu menyampaikan kebenaran dan pada masa yang sama dapat membantu khalayak untuk memahami permasalahan berkaitan dengan sesuatu topik wacana.

Berdasarkan pelbagai takrif retorik yang dibincangkan ini, dapat dikatakan bahawa disiplin retorik telah berkembang secara evolusioner. Bermula dari zaman Greek, Roman, sehingga zaman Pertengahan dan awal zaman *Renaissance* retorik hanya tertumpu pada seni penggunaan bahasa lisan. Namun, pada penghujung abad ke-19 dan awal abad ke-20, retorik mula dikaitkan dengan bidang ilmu yang lain seperti linguistik, antropologi, psikologi, falsafah, semantik, dan periklanan. Pengaruh daripada pelbagai bidang ilmu ini telah mewujudkan aliran retorik baharu yang dikenali sebagai retorik moden (Kennedy, 1994). Walaupun dikenali sebagai retorik moden, kajian retorik yang dijalankan masih berpaksikan retorik klasik sebagai asas pegangan (Lindemann, 1982).

Dalam retorik moden penekanan diberikan terhadap penggunaan bahasa, sama ada melalui tulisan mahupun lisan yang membabitkan penyampaian fakta, idea dengan bahasa yang menarik dan berkesan dengan didasarkan kepada pengetahuan yang tersusun baik. Misalnya, Burke (1969) yang menumpukan kepada identifikasi dalam retorik dengan menyatakan bahawa setiap tindakan identifikasi ialah tindakan retorik. Burke (1969) menyatakan bahawa ketepatan dalam pengidentifikasian akan meningkatkan kerjasama dan saling memahami antara dua pihak. Burke (1969) dilihat menggabungkan prinsip retorik klasik dengan disiplin moden seperti psikologi, sosiologi dan antropologi. Begitu juga dengan Pike, Young dan Becker

(1970) yang mengembangkan kajian retorik daripada bidang yang memfokus kepada kemahiran bertutur kepada retorik sebagai satu bidang kajian yang melibatkan perbincangan dan pertukaran idea atau gagasan pemikiran seseorang. Retorik yang dikembangkan oleh Pike, Young dan Becker (1970) ini dipengaruhi oleh disiplin retorik klasik Aristotle, psikologi, psikoanalisis dan psikoterapi. Menurut mereka kesemua disiplin ilmu ini mengongsi matlamat manusia yang sama, iaitu manusia dikawal oleh manusia yang lain. Oleh itu, perhubungan antara semua pihak yang terlibat dalam berkomunikasi perlu diberi perhatian. Dalam penulisan, menurut Pike, Young dan Becker (1970) retorik merupakan satu proses kreatif yang merangkumi semua pilihan yang dibuat oleh penulis dari peringkat prapenulisan, penyusunan, penggunaan strategi untuk khalayak pembaca tertentu sehinggalah proses pengeditan draf terakhir.

Retorik yang diperkenalkan oleh D'Angelo (1975) pula mengaitkan retorik dengan disiplin psikokognitif, yang menekankan pengaruh dan struktur pemikiran dalam kajian retorik. Menurut Angelo retorik merupakan satu proses yang dikatakan berhubung dengan penciptaan, penyusunan dan gaya yang saling berkaitan. Manakala Brooks dan Warren (1979) pula memperkatakan retorik dengan cara yang agak umum dan menyeluruh, iaitu retorik sebagai seni penggunaan bahasa yang berkesan.

Kajian mutakhir bidang retorik, iaitu pada zaman kontemporari lebih banyak dan menyentuh pelbagai bidang berbanding dengan zaman sebelumnya dalam sejarah teori retorik. Misalnya, kajian retorik yang memfokus kepada general semantik yang dapat digolongkan sebagai kajian komunikasi retorik, seperti kajian oleh Korzybski

(1933) '*Science and Sanity*', Lee (1949) '*Language Habits in Human Affair*', dan Mc Croskey, Larson dan Knapp (1971) '*An Introduction to Internal Communication*'. Selain itu, terdapat juga kajian retorik yang turut menyelitkan unsur filosofi dalam kajian retorik, seperti kajian oleh S. E. Taulmin (1958) dan Jontone dan Natanson (1963 ). Tidak kurang juga kajian retorik yang diterapkan bersama orientasi kebudayaan seperti kajian E. T. Hall dan R. T. Oliver.

Sejak dari awal kewujudannya disiplin retorik telah mengalami pelbagai perubahan besar, baik dari aspek tafsiran mahupun aplikasi teori retorik itu sendiri. Kesimpulannya, sama ada retorik klasik ataupun retorik moden, fokus atau tujuan disiplin retorik adalah untuk mengajar kita tentang tindakan dan usaha yang berkesan dalam mempersiapkan dan menampilkan bahasa lisan mahupun bahasa tulisan untuk saling memahami dan bekerjasama dalam berkomunikasi.

Setelah mengetahui berkenaan sejarah perkembangan retorik, perbincangan dalam bab ini diteruskan dengan sejarah penerbitan jurnal ilmiah di Malaysia dan pangkalan data indeks dan abstrak SCOPUS. Perbincangan ini perlu untuk memberi kefahaman berkenaan sejarah penerbitan ilmiah di Malaysia dan kewujudan pangkalan data SCOPUS yang mempunyai perkaitan dengan kajian ini.

### **2.3. Penerbitan Jurnal Ilmiah di Malaysia dan SCOPUS**

Sejarah penerbitan jurnal ilmiah di Malaysia bermula seawal tahun 1847, iaitu melalui penerbitan *Journal of the Indian Archipelago and Eastern India*. Jurnal ini lebih dikenali sebagai "*the Journal*" kerana penerbitan jurnal ini dikendalikan sendiri oleh James Richardson Logan (1819-1869), seorang editor yang pernah berkhidmat

dengan *The Pinang Gazette* dan merupakan seorang peguam yang pernah berkhidmat di Negeri Selat, iaitu Singapura (Tiew, 1998; 1999). Sejak dari tahun 1847 sehingga tahun 1863, sebanyak 13 jilid jurnal telah diterbitkan. Jurnal ini mempromosikan kembara dan penulisan saintifik. Selain Logan, penyumbang utama termasuklah John Crawford, Robert Little, Windsor Earle, Thomas Braddell, John Thomson and Colonel Low (Yeong & Tan, 2009). Semenjak itu, penerbitan jurnal terus berkembang sehingga ke hari ini. Berikutnya disertakan Jadual 2.1. yang memaparkan pertumbuhan penerbitan jurnal ilmiah di Malaysia.

Jadual 2.1.: *Penerbitan Jurnal Ilmiah di Malaysia*

| Tahun | Jumlah Judul | Pengkaji        |
|-------|--------------|-----------------|
| 2010  | 444          | Roosfa          |
| 2008  | 453          | Zainab          |
| 1997  | 214          | Md Sidin        |
| 1990  | 149          | Kalsom & Zakiah |
| 1975  | 57           | Lim             |

Jadual 2.1 memaparkan perkembangan penerbitan jurnal ilmiah di Malaysia, iaitu bermula selepas negara mencapai kemerdekaan sehingga tahun 2010. Lim (1975) misalnya, menyenaraikan sebanyak 57 judul jurnal ilmiah telah diterbitkan sehingga tahun 1975. Diikuti oleh Kalsom Sharif dan Zakiah Azmi (1990) yang merekodkan bahawa terdapat sebanyak 149 judul jurnal ilmiah di Malaysia sehingga tahun 1990. Kemudian Md Sidin Ahmad Ishak (1997) melaporkan sehingga tahun 1997 terdapat 214 judul jurnal ilmiah di Malaysia. Seterusnya Zainab Awang Ngah (2008) memaparkan bahawa sehingga tahun 2008 terdapat 453 judul jurnal ilmiah yang telah diterbitkan di negara ini. Manakala Roosfa Hashim (2010) yang menyorot perkembangan penerbitan jurnal ilmiah di Malaysia daripada tahun 1847 sehingga tahun 2007 memberikan jumlah terkini, iaitu terdapat sejumlah 444 judul jurnal ilmiah telah diterbitkan di negara ini.

Berdasarkan data yang dipaparkan melalui Jadual 2.1, dapat dikatakan bahawa jumlah penerbitan jurnal ilmiah di Malaysia semakin meningkat sejak negara mencapai kemerdekaan sehingga kini, walaupun berlaku sedikit penurunan dari segi jumlah penerbitan pada tahun 2010. Antara faktor-faktor yang menyumbang kepada pertumbuhan penerbitan jurnal ilmiah di negara ini ialah pertambahan institusi pengajian tinggi, penyelidikan dan persatuan profesional dan pengantarabangsaan penerbitan jurnal ilmiah (Md Sidin Ahmad Ishak, 1997; Arndt, 2008; Abu Bakar Maidin, Shahrudin Shafri, & Shamsudin Ibrahim, 2009; Zainab Awang Ngah, 1997; Roosfa Hashim, 2010).

Jika ditinjau dari sudut sejarah pembangunan penerbitan jurnal ilmiah, Roosfa Hashim (2010) melihat pembangunan penerbitan jurnal ilmiah di negara ini berlaku dalam tiga fasa pembangunan, iaitu fasa penerbitan menggunakan mesin cetak, fasa penerbitan elektronik dan fasa pengantarabangsaan.

Fasa pertama, iaitu fasa penerbitan jurnal menggunakan mesin cetak. Menurut Roosfa Hashim (2010) sebelum tahun 1957 penerbitan jurnal ilmiah secara bercetak diusahakan oleh orang perseorangan. Namun, selepas tahun 1957 penerbitan jurnal ilmiah di negara ini mula diterajui oleh persatuan pertubuhan kesarjanaan, kemudian diikuti oleh beberapa jabatan dan fakulti pada peringkat universiti. Penerbitan jurnal ilmiah secara bercetak ini didapati semakin meningkat pada tahun 80-an dan 90-an. Antara faktor yang menyumbang kepada peningkatan jumlah penerbitan jurnal bercetak ini adalah disebabkan oleh kemunculan lebih banyak di institusi pengajian tinggi awam dan pelbagai pusat penyelidikan di negara ini. Berikutnya disertakan

Jadual 2.2 yang memperlihatkan rangkuman pecahan penerbitan jurnal ilmiah secara bercetak yang diterbitkan oleh pihak-pihak tertentu.

Jadual 2.2.: *Pelbagai Pihak yang Menerbitkan Jurnal Ilmiah*

| Penerbit   | Jumlah Penerbit |
|--|-----------------|
| Penerbit Universiti                              | 198             |
| Persatuan dan Pertubuhan Sarjana dan Profesional | 125             |
| Institusi Kerajaan                               | 98              |
| Lain-lain (individu, swasta dll.)                | 23              |
| Jumlah   | 444             |

Sumber: Roosfa Hashim, (2010).

Fasa kedua, iaitu fasa penerbitan jurnal secara elektronik. Pembangunan penerbitan jurnal ilmiah dalam bentuk elektronik bermula di Fakulti Sains Komputer dan Sains Maklumat, Universiti Malaya. Dua buah jurnal yang menjadi perintis kepada penerbitan jurnal ilmiah dalam bentuk elektronik, iaitu *Malaysian Journal of Computer Science* dan *Malaysian Journal of Library & Information Science*. Penerbitan jurnal elektronik di negara ini, walau bagaimanapun memperlihatkan perkembangan yang agak perlahan jika dibandingkan jumlah keseluruhan pertumbuhan jurnal elektronik di seluruh dunia (Roosfa Hashim, 2010). Sehingga tahun 2007 hanya terdapat sejumlah 45 judul jurnal ilmiah yang diterbitkan di Malaysia dalam bentuk elektronik.

Berikutnya fasa ketiga, iaitu fasa pengantarabangsaan penerbitan jurnal ilmiah. Fasa pengantarabangsaan ini berlaku rentetan daripada perkembangan yang berlaku dalam bidang sains perpustakaan dan kemajuan dalam bidang teknologi maklumat. Seiring dengan itu, telah muncul sistem penerbitan moden dan penyelidikan saintifik yang menawarkan pelbagai perkhidmatan pangkalan data indeks dan abstrak yang turut

menyenaraikan penerbitan makalah penyelidikan dan jurnal ilmiah. Penyenaraian dalam perkhidmatan indeks dan abstrak ini menuntut setiap jurnal yang ingin disenaraikan dalam pangkalan data indeks tertentu menampilkan beberapa ciri yang ditetapkan, termasuklah sidang editor antarabangsa, pemakalah antarabangsa, penerbitan mengikut jadual, pengkhususan bidang jurnal serta beberapa sifat lain (Roosfa Hashim & Salmah Zainal Abidin, 2009).

Selain itu, satu daripada indikator yang digunakan untuk mengukur mutu dan pencapaian jurnal ilmiah yang diterbitkan adalah melalui perkhidmatan pangkalan data indeks dan abstrak. Di Barat terdapat pelbagai perkhidmatan pangkalan data indeks dan abstrak yang digunakan untuk mengukur mutu dan pencapaian makalah penyelidikan dalam jurnal ilmiah yang diterbitkan dalam pelbagai bidang ilmu. Antaranya, pangkalan data SCOPUS, Thomson Reuters (Web of Science Citation Index, SCI dan Web of Science Social Citation Index, SSCI) dahulunya dikenali sebagai Institute for Scientific Information (ISI), EBSCOHOST, *Science Direct*, *SpringerLink*, Dialog, OCLC, MEDELINE dan sebagainya. Perkara ini pernah disebutkan oleh sarjana seperti Coe dan Weinstock (1984), Extejt dan Smith (1990), Frankel dan Edlunt (1990), Harter (1996), Sharplin dan Mabry (1985), dan Stahl, Leap dan Wei (1988). Walaupun begitu, di Malaysia amalan mengukur mutu dan pencapaian makalah penyelidikan dalam jurnal ilmiah melalui perkhidmatan pangkalan data indeks dan abstrak masih lagi dianggap sesuatu yang baharu (Roosfa Hashim, 2010).

Pada tahun 2007, pangkalan data indeks dan abstrak SCOPUS telah dipilih oleh Quacquarelli Symonds (QS) Top Universiti, iaitu sebuah organisasi yang

dipertanggungjawabkan oleh World University Ranking (WUR) untuk menyediakan penarafan terkemuka di dunia untuk diterbitkan dalam Times Higher Education Supplement (THES). Pemilihan pangkalan data SCOPUS ini telah menjadikan pangkalan data tersebut terkenal dalam kalangan institusi pengajian tinggi di seluruh dunia termasuk Malaysia (Abu Bakar *et al.*, 2009).

SCOPUS ialah pangkalan data indeks petikan pelbagai disiplin terbesar yang diterbitkan oleh Elsevier. SCOPUS mengindeks jurnal saintifik dalam pelbagai disiplin ilmu dan terdapat sekitar 33 juta data penerbitan telah direkodkan ke dalam SCOPUS yang dikerjakan seawal tahun 1996 (Elsevier, 2014). Sehingga Februari 2014, SCOPUS telah mengindeks sejumlah 20,800 jurnal, meliputi 2,600 judul jurnal ilmiah capaian terbuka (*open access*). Pangkalan data SCOPUS turut menyediakan maklumat bibliometrik tentang produktiviti oleh pengarang, institusi mengikut negara dalam sesuatu bidang atau disiplin ilmu, dan maklumat petikan indeks atau *citation*, iaitu seberapa kerap mana sesebuah jurnal itu dirujuk dan dipetik oleh pemakalah lain (Zainab Awang Ngah, 2008).

Pemilihan pangkalan data SCOPUS sebagai penanda aras dalam pembuat penaraan dan penarafan universiti terkemuka di dunia telah menjadikan pangkalan data SCOPUS dikenali di Malaysia. Oleh itu, pelbagai langkah telah dirancang oleh pihak kerajaan dan institusi pengajian tinggi awam (IPTA) di negara ini untuk memastikan makalah penyelidikan yang ditulis oleh para sarjana dapat diterbitkan ke dalam jurnal yang diindeks oleh SCOPUS. Antaranya termasuklah usaha pihak Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) merangka Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) yang bertujuan mengenal pasti keperluan untuk memperkasa dan



menaik taraf jurnal akademik tempatan supaya setanding dengan jurnal antarabangsa (Jabatan Pengajian Tinggi, 2014), membuat penaraan dan penarafan universiti di Malaysia menggunakan Sistem Penarafan IPTA (SETARA) dan Sistem Penilaian Universiti Penyelidikan (MYRA) (Mazmin Mat Akhir *et al.*, 2010) dan mewujudkan skim ganjaran tertentu dan kenaikan pangkat kepada ahli akademik yang berjaya menerbitkan penulisan makalah dalam jurnal yang diindeks dalam SCOPUS mahupun Thomson Reuters (Roosfa Hashim, 2010).

Selain SCOPUS, terdapat pangkalan data lain yang lebih awal digunakan oleh QS World University Ranking dalam menyediakan penarafan universiti bertaraf dunia, iaitu *Thomson Reuters* sebelumnya dikenali sebagai Institute for Scientific Information (ISI). Pangkalan data Thomson Reuters diterbitkan oleh sebuah badan penerbitan, iaitu Thomson Reuters di Amerika Syarikat. Bagaimanapun, liputan penerbitan yang diindeks oleh Thomson Reuters lebih terfokus kepada penerbitan dari Barat, terutamanya dari Amerika Syarikat dan memberi keutamaan kepada penerbitan yang diterbitkan dalam bahasa Inggeris (Bontis & Serenko, 2009). Nisonger (2004) melaporkan bahawa Web of Science (WoS), iaitu laman sesawang yang diterbitkan oleh Thomson Reuters hanya mengindeks 20 peratus jurnal dari luar Amerika Syarikat, dan 2 peratus jurnal yang diterbitkan dalam bahasa selain daripada bahasa Inggeris.

Jika dibandingkan dengan Thomson Reuters, liputan penerbitan yang diindeks oleh SCOPUS didapati lebih bersifat antarabangsa. SCOPUS bukan sekadar mengindeks penerbitan dari Barat, malah turut mengindeks penerbitan dari negara-negara di Asia (Koh, 2014; Huang, 2011; Roosfa Hashim, 2010; Sowter, 2007). Di samping itu,


SCOPUS juga lebih banyak mengindeks hasil penerbitan dalam bahasa lain jika dibandingkan dengan Thomson Reuters (Bontis & Serenko, 2009; Roosfa Hashim & Salmah Zainal, 2009). Liputan indeks penerbitan yang lebih luas ini memberi kelebihan kepada pangkalan data SCOPUS, sehingga pangkalan data ini telah dipilih oleh QS World University Ranking sebagai pangkalan data yang membekalkan maklumat bibliometrik penerbitan bagi menggantikan pangkalan data Thomson Reuters (ISI) dalam menyediakan laporan penarafan universiti terkemuka di dunia (Koh, 2014; Huang, 2011; Sowter, 2007).

Memandangkan kelebihan yang dimiliki oleh pangkalan data SCOPUS dan kesungguhan pihak kerajaan dan IPTA di negara ini untuk menyenaraikan hasil penyelidikan para sarjana ke dalam jurnal yang diindeks oleh SCOPUS, pengkaji berpendapat bahawa makalah penyelidikan yang diterbitkan dalam jurnal yang diindeks oleh SCOPUS mempunyai nilai ilmiah yang tinggi untuk diteliti. Oleh itu, kajian ini ditampilkan untuk meneliti retorik yang terdapat dalam penulisan makalah penyelidikan berbahasa Melayu yang diterbitkan dalam jurnal yang diindeks oleh SCOPUS. Bagaimanapun, sebelum membincangkan berkenaan kajian retorik penulisan makalah penyelidikan ini, sewajarnya ditinjau terlebih dahulu kajian lepas berkenaan retorik.

#### **2.4. Kajian Lepas**

Seperti yang telah dijelaskan pada bahagian pengenalan, kajian berkenaan retorik yang dijalankan sebelum ini menggunakan pelbagai wacana (wacana iklan, wacana pengucapan umum dan wacana penulisan) dan dijalankan dengan melihat pada perspektif retorik dan perspektif bahasa. Dari perspektif retorik, analisis kajian

tertumpu kepada aspek penggunaan teori retorik, teknik retorik, jenis dan gaya retorik dalam wacana yang dikaji. Manakala dari perspektif bahasa, analisis kajian difokuskan kepada aspek semantik, struktur bahasa dan laras bahasa. Untuk memberikan lebih pemahaman berkaitan dengan ulasan kajian lepas ini, berikut disertakan Rajah 2.1. yang memaparkan rangkuman sintesis terhadap penerokaan kajian lepas berkenaan retorik.



Rajah 2.1: Rangka rangkuman sintesis kajian lampau

#### 2.4.1. Kajian Retorik Wacana Iklan

Terdapat beberapa kajian retorik yang telah dijalankan menggunakan wacana iklan sebagai data kajian. Antaranya termasuklah kajian yang dijalankan oleh Nik Safiah Karim (1983), Asmah Omar, (1984), Noorbaiti Baharuddin (1988), dan Siti Saniah Abu Bakar (2009).

Kajian oleh Nik Safiah Karim (1983) meninjau retorik dalam wacana iklan dengan melihat dari aspek kesempurnaan penggunaan bahasa dalam iklan. Dalam kajiannya Nik Safiah turut membincangkan aspek kesalahan bahasa yang masih terdapat dalam iklan berbahasa Melayu. Nik Safiah merumuskan bahawa kesempurnaan dalam wacana iklan tidak akan tercapai sekiranya masih terdapat kesalahan penggunaan bahasa seperti aspek tatabahasa, ejaan, sebutan serta kekaburan makna. Oleh itu, dalam kajian ini untuk melihat aspek kesempurnaan dalam wacana penulisan ilmiah, kajian ini turut meneliti aspek kesalahan bahasa yang terdapat dalam wacana penulisan ilmiah melalui analisis strategi retorik penulisan. Kesalahan bahasa dalam wacana penulisan ilmiah melibatkan aspek penggunaan bahasa yang diteliti dari aras kata sehingga aras wacana.

Asmah Omar (1984) pula membincangkan retorik dalam wacana iklan di Malaysia. Asmah memfokuskan perbincangan terhadap cara dan teknik penggunaan bahasa yang berkesan dalam iklan yang dicirikan melalui penggunaan jenis ayat, rangkai kata, kata dan susunan bahasa iklan. Menurut Asmah untuk menyampaikan mesej dengan berkesan dalam wacana iklan, pelbagai aspek yang terdapat pada bahasa boleh dijadikan sebagai satu kaedah retorik dalam iklan. Dalam hal ini, Asmah telah menyenaraikan 20 kaedah retorik yang digunakan dalam bahasa iklan dengan disertakan contoh penggunaan unsur bahasa bagi setiap kaedah tersebut berdasarkan wacana iklan yang diteliti. Asmah membuat kesimpulan bahawa retorik dalam wacana iklan berbeza dengan retorik dalam wacana lain. Menurut Asmah retorik dalam wacana iklan dikenali sebagai ‘retorik pengaruhan’ yang bertujuan mempengaruhi orang lain.

Kewajaran Asmah memfokuskan perbincangan terhadap kaedah retorik pengaruh dalam wacana iklan adalah jelas kerana retorik pengaruh paling banyak diterapkan dalam wacana iklan. Walau bagaimanapun, pernyataan Asmah berkenaan retorik dalam wacana iklan yang berbeza dengan retorik dalam wacana lain merupakan suatu pernyataan yang menarik minat pengkaji untuk meneliti retorik dalam wacana selain wacana iklan. Maka kajian ini dijalankan untuk meneliti penggunaan retorik dalam wacana penulisan ilmiah.

Berikutnya, kajian yang dijalankan oleh Noorbaithi Badaruddin (1988) turut mengkaji teknik retorik pemujukan dalam bahasa iklan. Kajian ini dijalankan dengan memfokuskan perbincangan terhadap retorik pemujukan bahasa iklan menggunakan pendekatan yang disusun oleh Durand dan Leech (1996), iaitu teknik metafora, metonimi, kata yang mempunyai dua makna yang sama, paralelisme, aliterasi, rima dan irama. Menurut Noorbaithi retorik dapat menyerlahkan kreativiti dan dinamisme dalam wacana iklan. Retorik juga dapat digunakan sebagai satu strategi untuk menghasilkan wacana bahasa iklan yang luar biasa dan bergaya. Oleh itu, kajian ini akan turut mengkaji retorik yang dapat menyerlahkan dinamisme dalam wacana penulisan ilmiah dari aspek penelitian terhadap strategi retorik dalam penulisan ilmiah. Walau bagaimanapun, jika kajian Noorbaithi dijalankan dengan bersandarkan pendekatan Durand dan Leech (1996), kajian ini pula meneliti retorik dalam wacana penulisan ilmiah dari perspektif bahasa dengan menggunakan Teori Prinsip Kerjasama Grice (1975).

Kajian yang dijalankan oleh Siti Saniah Abu Bakar (2009) meneliti retorik dalam wacana iklan di radio. Dalam kajian ini, Siti Saniah menggunakan pendekatan Teori

Retorik Antara Perorangan yang dikemukakan oleh Leech (1993) untuk melihat bagaimana penerapan unsur retorik dalam ujaran iklan di radio dapat memberi kesan dalam komunikasi. Retorik dalam wacana iklan di radio diteliti melalui analisis penggunaan kata dan frasa dalam bahasa iklan yang disiarkan melalui radio terpilih. Menurut Siti Saniah dalam ujaran iklan, unsur retorik yang terbina melalui manipulasi kata dan frasa dan unsur retorik yang diterapkan dalam ujaran iklan mampu untuk memberi kesan kepada pendengar. Siti Saniah membuat kesimpulan bahawa retorik dalam ujaran iklan di radio dapat memberi kesan kepada proses komunikasi antara penyampai dengan pendengar. Dalam kajian ini, aspek retorik dalam penulisan wacana ilmiah dikaji dalam konteks untuk melihat keberkesanan retorik dalam wacana penulisan yang turut memberi kesan terhadap proses komunikasi yang berlaku di antara penulis dengan pembaca.

Kajian-kajian retorik dalam wacana iklan yang dibincangkan ini memperlihatkan kecenderungan pengkaji terdahulu dalam meneliti retorik dalam wacana iklan melalui analisis struktur dan sistem bahasa secara berfokus dari rangka linguistik. Kajian ini sangat menarik untuk dibincangkan bagi menyerlahkan fungsi retorik sebagai seni menggunakan bahasa dalam wacana iklan. Walau bagaimanapun, sehingga setakat ini belum ada usaha oleh mana-mana pengkaji untuk membincangkan analisis strategi retorik yang digunakan untuk menghasilkan sesebuah wacana penulisan.

#### **2.4.2. Kajian Retorik Wacana Pengucapan Umum**

Kajian retorik dalam wacana pengucapan umum memaparkan kajian-kajian retorik yang telah dijalankan oleh pengkaji terdahulu menggunakan teks wacana

pengucapan umum. Antara contoh kajian dalam kategori ini ialah kajian oleh Zulkifli Ahmad Hamid (1985), Choong (2002), Zoriati Osman (2005), Abdul Mua'ti Ahmad (2007), dan AbdulRahman Alkashbir (2010).

Kajian yang dijalankan oleh Zulkifli Ahmad Hamid (1985) meneliti teks ucapan terpilih yang disampaikan oleh Tunku Abdul Rahman Putra dari tahun 1951 sehingga tahun 1957. Kajian ini dijalankan dengan bersandarkan Hukum Retorik Klasik Aristotle. Sebanyak 42 skrip ucapan yang disampaikan oleh Tunku Abdul Rahman Putra berkenaan isu kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu diteliti melalui kajian ini. Perbincangan kajian difokuskan kepada strategi retorik *invensi*, *disposisi*, gaya bahasa dan penyampaian skrip yang terkandung dalam ucapan Tunku Abdul Rahman Putra. Zukifli menjelaskan bahawa bahasa yang digunakan dalam pengucapan umum harus sesuai dengan konteks bahasa, budaya bahasa serta stratifikasi sosial khalayak pendengar. Selain itu, melalui analisis yang telah dijalankan, kajian ini dilihat telah berupaya menjelaskan bahawa dalam menyampaikan ucapan, pemilihan kata yang tepat, bersederhana dan mudah difahami memainkan peranan penting untuk mempengaruhi khalayak pendengar. Kajian yang dijalankan oleh Zulkifli memfokuskan kepada kepentingan retorik yang menekankan kepada aspek penggunaan bahasa yang tepat dan sesuai dalam pengucapan umum untuk mempengaruhi khalayak pendengar. Walau bagaimanapun, dalam konteks wacana penulisan ilmiah, kajian ini turut melihat kepentingan retorik yang sama untuk mempengaruhi pembaca. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk meneliti strategi dan jenis retorik dalam wacana penulisan makalah penyelidikan dengan bersandarkan kepada teori dalam bidang linguistik.

Kajian yang dijalankan oleh Choong (2002) menumpukan kepada retorik dalam ucapan Sultan Omar Ali Saifuddien III dari tahun 1959 sehingga tahun 1963. Kajian ini meneliti strategi retorik yang terdapat dalam 36 buah teks ucapan atau titah terpilih Sultan Omar berdasarkan aspek retorik seperti *invensi*, *disposisi* dan gaya bahasa. Analisis kajian ini disandarkan kepada Hukum Retorik Klasik Aristotle. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat 35 jenis strategi retorik yang dikenal pasti. Daripada jumlah tersebut strategi retorik *invensi* dan *disposisi* paling kerap digunakan, selain bukti logik dan bukti emosi yang diterapkan dalam titah Sultan Omar. Kajian ini dilihat telah merungkaikan strategi retorik yang sesuai digunakan dalam pengucapan umum. Menurut Chong, retorik yang berkesan dalam wacana pengucapan umum dapat dilihat melalui strategi penggunaan bahasa yang menepati situasi dan konteks penggunaannya. Kajian yang dijalankan oleh Chong meneliti strategi retorik dari aspek pemujuan menggunakan wacana pengucapan umum, walau bagaimanapun, dalam kajian ini penelitian terhadap strategi retorik dalam wacana penulisan ilmiah diteliti melalui aspek penggunaan bahasa yang menepati konsep dan konteks penulisan ilmiah. Selain itu, dalam mengkaji strategi retorik, Chong menjalankan kajian dengan bersandarkan kepada teori retorik, iaitu Hukum Retorik Klasik Aristotle. Masih belum terdapat kajian yang dijalankan oleh pengkaji tempatan yang mengkaji strategi retorik penulisan yang disandarkan kepada teori dalam bidang linguistik. Oleh itu, kajian ini memilih untuk meneliti strategi retorik dalam wacana penulisan menggunakan pendekatan linguistik, iaitu melalui Teori Prinsip Kerjasama Grice.

Kajian oleh Zoriati Osman (2005) meneliti retorik dalam pengucapan Haji Abdul Hadi Awang. Dalam kajiannya, Zoriati mengupas berkenaan aspek keberkesanan



penggunaan bahasa dalam teks ucapan terpilih yang dikaji melalui pemilihan diksi, ragam bahasa, dan teknik pemujukan. Kajian yang dijalankan ini disandarkan kepada kerangka kajian oleh Za'ba, Asmah Omar dan Hunt. Zoriati menyimpulkan bahawa retorik sebagai seni penggunaan bahasa yang melibatkan proses penyampaian fakta dan idea dengan menggunakan teknik retorik yang berkesan dan bahasa yang menarik. Retorik juga berperanan untuk menambahkan kejelasan terhadap sesuatu idea yang ingin disampaikan, di samping dapat membentuk imej mental dalam pemikiran khalayak pendengar. Kefasihan dan kemahiran berbahasa seseorang tokoh politik juga bergantung pada pemilihan kata dan kepelbagaian ragam penggunaan bahasa yang berkesan. Kajian ini turut melihat keperluan retorik sebagai seni penggunaan bahasa dalam membina wacana penulisan ilmiah yang baik serta menyampai gagasan pemikiran penulis. Hal ini kerana melalui pemilihan perkataan yang tepat dan penggunaan ragam bahasa yang sesuai dengan konteks penulisan ilmiah, sesuatu gagasan fikiran dapat disampaikan kepada khalayak pembaca dengan jelas dan berkesan.

Kajian Abdul Mua'ti@ Zamri Ahmad (2007) pula mengkaji retorik pemikiran Tun Dr. Mahathir Mohamad melalui analisis 22 teks ucapan yang telah disampaikan oleh Tun Dr. Mahathir Mohamed dalam Perhimpunan Agung UMNO sejak 1982 sehingga 2003. Kajian ini memberi fokus terhadap analisis struktur retorik dalam pengucapan berdasarkan prinsip penyusunan *disposition* Aristotle, menentukan jenis dalil dan jenis taakulan berdasarkan prinsip pengumpulan *inventio* Aristotle dan mengenal pasti teknik retorik yang terdapat dalam ucapan tersebut berdasarkan sembilan teknik retorik gaya bahasa *elocutio* yang dikemukakan oleh Cook (1989). Abdul Mua'ti mengupas kajiannya dengan melihat melalui isu politik, ekonomi,

sosiobudaya dan antarabangsa. Berdasarkan analisis kajian, Abdul Mua'ti Ahmad (2007) menjelaskan bahawa Tun Mahathir mempunyai pemikiran yang jelas, tersusun dan berfokus. Dalam kajian ini, Abdul Mua'ti membuat kesimpulan bahawa dalam wacana pengucapan umum, pemilihan dan penyusunan kata sangat penting. Penggunaan bahasa yang dapat menepati gaya tertentu menjadi teknik retorik yang berkesan dalam pengucapan umum. Oleh itu, dapat dikatakan bahawa dalam sesuatu bahasa, pemilihan dan penyusunan kata atau perkataan yang tepat sangat penting kerana ia menjadi satu daripada teknik retorik yang bukan sahaja digunakan dalam ucapan, malahan juga dalam penulisan.

Kajian oleh AbdulRahman Alkashbir (2010) turut meneliti retorik pemujuan dalam teks ucapan terpilih mantan Perdana Menteri Malaysia ke-4, Tun Dr. Mahathir Mohamed. Kajian ini meneliti retorik dalam teks ucapan Tun Dr. Mahathir yang terpilih dengan disandarkan kepada analisis wacana Fairclough (1989) dan teori pengucapan Searle (1969). Selain itu, kajian ini turut meneliti tiga rayuan pemujuan oleh Aristotle (384-322 SM), iaitu *ethos*, *logos* dan *pathos* yang digunakan dalam teks ucapan Tun Dr. Mahathir Mohamad. AbdulRahman menjelaskan bahawa dalam konteks pengucapan umum, alat-alat linguistik seperti keselantaran, pengulangan, soalan retorik, metafora dan entemim digunakan dalam pengucapan sebagai sokongan untuk mempengaruhi khalayak pendengar. Manakala sikap *arsetif* dan *direktif* Tun Dr. Mahathir menjadi alat yang digunakan dalam mempengaruhi khalayak pendengar. *Arsetif* bermaksud memberi penekanan dan mengesahkan fakta atau untuk menegaskan kepercayaan, manakala *direktif* digunakan untuk mencadang, mengesyor atau memerintah bagi menggalakkan khalayak pendengar bertindak atau mempengaruhi sikap mereka. Kajian AbdulRahman yang memfokuskan kepada

aspek strategi pemujukan dalam teks pengucapan umum sememangnya wajar dijalankan dalam konteks untuk menyerlahkan retorik sebagai alat yang digunakan dalam wacana pengucapan umum untuk mempengaruhi khalayak pembaca. Walau bagaimanapun, dalam konteks wacana penulisan yang turut melibatkan komunikasi dua hala antara penulis dengan pembaca, retorik juga menjadi alat untuk menyampaikan mesej dengan berkesan untuk mempengaruhi pemikiran khalayak pembaca. Oleh itu, dalam wacana penulisan strategi penggunaan retorik yang berkesan dan jenis retorik yang sesuai juga perlu diberi perhatian.

Kesemua kajian retorik dalam wacana pengucapan umum yang telah dibincangkan ini memperlihatkan kecenderungan kajian-kajian retorik yang dijalankan dengan menggunakan wacana pengucapan umum memfokuskan kepada aspek pemujukan dalam pengucapan. Aspek pemujukan ini diteliti melalui analisis penggunaan bahasa dan penggunaan teori retorik klasik.

Dari aspek penggunaan bahasa, retorik dalam pemujukan diserlahkan melalui analisis strategi penggunaan bahasa yang tepat, bersesuaian dengan konteks penulisan teks ucapan tersebut dan menepati stratifikasi sosial khalayak pendengar. Manakala dari aspek retorik, unsur retorik pemujukan dalam pengucapan umum diserlahkan melalui analisis penggunaan teori retorik klasik yang berwibawa sebagai landasan kajian, misalnya teori retorik Aristotle.

Kajian retorik pengucapan umum yang memfokuskan kepada aspek pemujukan dalam pengucapan seperti yang diutarakan sememangnya wajar dan bermanfaat. Walau bagaimanapun, seperti yang telah diperkatakan sebelum ini, dari aspek bahasa

kajian retorik yang dijalankan hanya tertumpu pada fungsi penggunaan bahasa dalam pengucapan semata-mata untuk menyerlahkan aspek retorik pemujukan. Sewajarnya persoalan-persoalan bahasa yang lebih luas masih boleh dikupas dalam kajian retorik dalam pengucapan umum ini dan tidak hanya terarah kepada kajian terhadap bahasa pemujukan. Penumpuan kajian retorik terhadap konsep retorik pemujukan akan memberikan implikasi yang negatif terhadap perkembangan kajian berkenaan retorik serta menjadikan kajian retorik statik, kaku dan tidak berkembang.

Selain itu, dari aspek penggunaan teori retorik pula, kajian retorik dalam pengucapan umum ini hanya dijalankan dengan berpaksikan kepada teori retorik klasik. Tidak dinafikan bahawa teori retorik klasik yang dipelopori oleh tokoh-tokoh retorik mengembangkan kaedah penggunaan dan penyusunan bahasa berdasarkan prinsip pemujukan dalam wacana pengucapan, namun tidak ketinggalan juga teori retorik moden yang membahaskan berkenaan aspek penggunaan bahasa pemujukan dalam wacana pengucapan ataupun wacana penulisan. Misalnya, teori Brooks dan Warren, (1979), Teori Peter Dixon (1971), Teori Enos dan Brown (1993), dan banyak lagi. Dalam konteks penulisan, retorik pemujukan tidak hanya terbatas kepada ayat, malahan dalam suatu kesatuan paragraf atau wacana. Daripada prinsip ini kemudian timbul kecenderungan menggunakan bahasa yang dikatakan indah, baik, tepat dan label-label lain yang seumpamanya.

Oleh itu, adalah wajar sekiranya kajian retorik ini turut memanfaatkan teori retorik moden untuk memberi sumbangan dalam menjana ilmu baharu dalam bidang retorik, khususnya dalam wacana penulisan. Hal ini kerana sekiranya kajian retorik ini hanya bergantung kepada teori retorik klasik semata-mata, implikasi yang akan berlaku

terhadap perkembangan ilmu retorik adalah pertama, kajian retorik tidak akan berkembang dan statik. Kedua, hasil dapatan kajian retorik masih berada pada takuk yang lama. Misalnya, hasil dapatan kajian retorik dalam wacana pengucapan umum dari aspek bahasa yang hampir sama bagi kebanyakan kajian yang dibincangkan sebelum ini.

#### **2.4.3. Kajian Retorik Wacana Penulisan**

Kajian retorik dalam wacana penulisan ini terdiri daripada kajian yang membincangkan berkenaan retorik menggunakan wacana penulisan. Antaranya ialah kajian yang dijalankan oleh Nor Azuwan Yaakob (2005) dan Sobariah Baharum (2008).

Kajian oleh Nor Azuwan Yaakob (2005) misalnya, membincangkan berkenaan retorik dalam wacana penulisan kewartawanan Melayu. Kajian ini dijalankan dengan bersandarkan model yang diubah suai daripada Model Bell (1991). Dalam kajian ini, Nor Azuwan meneliti aspek keberkesanan penggunaan bahasa untuk menyampaikan maklumat dalam penulisan kewartawanan Melayu melalui wacana penulisan berita, akhbar Berita Harian dari Julai 1957 sehingga tahun 1999. Nor Azuwan menyimpulkan bahawa terdapat tiga aras keberkesanan retorik dalam penulisan kewartawanan, iaitu aras kata, aras ayat dan aras wacana. Menurut Nor Azuwan, wacana penulisan berita bertujuan membentuk kejelasan maklumat yang ingin disampaikan kepada pembaca. Oleh itu, ayat yang digunakan terdiri daripada ayat yang mudah difahami dan ringkas. Sekiranya ayat yang panjang diperlukan, faktor kejelasan tetap menjadi asas wacana penulisan berita. Susunan ayat pula terdiri daripada struktur subjek dan predikat, manakala jenis ayat yang kerap digunakan

dalam penulisan berita ialah ayat nyata. Dari aras penggunaan kata pula retorik dalam wacana penulisan berita akhbar mengutamakan perkataan yang mudah dan mempunyai pengertian langsung. Unsur kekaburan makna perlu dielakkan dalam wacana penulisan berita akhbar, sebaliknya kata yang digunakan harus bersifat khusus dan sederhana. Penggunaan kata yang terdiri daripada istilah slanga, singkatan, istilah teknikal dan perkataan asing juga perlu dielakkan dalam penulisan berita.

Selain itu, dari aras pemerenggan, Nor Azuwan menjelaskan bahawa perenggan dalam wacana berita disusun dalam bentuk yang singkat. Hal ini membezakan wacana penulisan berita dengan wacana penulisan lain, misalnya penulisan rencana, penulisan ilmiah dan sebagainya. Dalam wacana penulisan berita, perenggan berita terdiri daripada kumpulan kata dan ayat yang digunakan secara arbitrari (sewenang-wenangnya), iaitu tidak bersandarkan logika binaan perenggan yang terhasil melalui ayat judul dengan disertai maklumat sokongan lain. Dalam pada itu, Nor Azuwan turut menjelaskan bahawa dalam wacana penulisan berita aspek ketepatan penggunaan ejaan dan tanda baca adalah sangat penting untuk memastikan maklumat yang disampaikan menepati maksud yang dikehendaki. Selain menganalisis retorik dari aspek penggunaan bahasa, kajian ini turut membincangkan gaya penulisan kewartawanan di Malaysia yang ditandai oleh laras bahasa kewartawanan. Nor Azuwan membuat kesimpulan bahawa pembinaan retorik dari aspek medium penyampaian dalam dunia kewartawanan Melayu telah mempunyai tapak yang kukuh dan mantap.

Dapat dikatakan kajian yang dijalankan oleh Nor Azuwan ini sememangnya menarik dan dapat memberi sumbangan yang tersendiri terhadap perkembangan retorik dalam

bidang kewartawanan di Malaysia. Kajian ini dilihat telah berupaya menyerlahkan retorik dalam penulisan berita yang dicirikan melalui analisis penggunaan bahasa dalam wacana penulisan berita. Melalui analisis yang terperinci terhadap unsur penggunaan kata, ayat dan wacana dalam wacana penulisan berita, kajian ini dapat dijadikan sebagai satu panduan ke arah pemantapan laras bahasa kewartawanan. Walau bagaimanapun, kajian ini turut melihat kepentingan yang sama, untuk menyerlahkan retorik dalam wacana penulisan ilmiah. Hal ini kerana wacana penulisan ilmiah juga mempunyai ciri penggunaan bahasa yang tersendiri yang membezakannya daripada wacana penulisan yang lain. Oleh itu, dalam kajian ini, retorik dalam wacana penulisan ilmiah dibincangkan dalam skop yang lebih luas merangkumi strategi dan jenis penggunaan bahasa yang berkesan untuk menghasilkan penulisan makalah ilmiah.

Kajian yang dijalankan oleh Sobariah Baharum (2008) meneliti retorik dalam penulisan kesusasteraan. Kajian ini dijalankan dengan bersandarkan Teori Retorik moden Enos dan Brown (1993). Dalam kajian ini, Sobariah meneliti jenis, struktur dan gaya retorik yang terdapat dalam wacana penulisan novel karya Abdullah Hussain. Selain itu, hubungan antara fungsi dan pemikiran penulis dengan petanda retorik yang digunakan dalam novel turut dikaji. Menurut Sobariah, wacana penulisan novel menggunakan semua jenis retorik penulisan, iaitu jenis naratif, deskriptif, eksposisi, argumentatif dan persuasif. Selain itu, retorik juga digunakan dalam semua bentuk bahasa, sama ada dalam bentuk kata, frasa, klausa, ayat, atau wacana. Dalam menjelaskan berkenaan gaya bahasa, Sobariah menjelaskan bahawa terdapat pelbagai gaya bahasa yang digunakan dalam penulisan novel, antaranya gaya perbandingan, pertautan, pertentangan dan perulangan. Dalam kajian ini turut

diperlihatkan hubung kait yang erat antara petanda retorik yang digunakan dalam penulisan dengan pemikiran penulis.

Kajian yang dijalankan oleh Sobariah Baharum (2008) ini dilihat sangat menarik dalam menjelaskan berkenaan retorik dalam wacana penulisan kesusasteraan. Kajian ini telah berupaya mengupas berkenaan retorik dalam wacana penulisan kesusasteraan dari skop yang lebih luas merangkumi analisis struktur bahasa, jenis penggunaan retorik, gaya bahasa, dan hubung kait pemikiran penulis dengan petanda retorik yang terdapat dalam wacana penulisan novel. Sungguhpun kajian ini membincangkan retorik secara menyeluruh, namun perbincangan ini memfokuskan kepada wacana penulisan kesusasteraan. Oleh itu, seperti yang dinyatakan sebelum ini, retorik dalam setiap wacana penulisan adalah berbeza-beza. Untuk membuktikan pernyataan ini, kajian ini akan turut meneliti jenis retorik dalam wacana penulisan makalah penyelidikan, iaitu jenis naratif, deskriptif, argumentatif, eksposisi dan persuasif.

Perbincangan berkenaan kajian-kajian retorik dalam wacana penulisan ini telah memperlihatkan kecenderungan pengkaji untuk meneliti persoalan retorik dalam wacana penulisan dari perspektif linguistik. Walau bagaimanapun, belum ada usaha untuk mengkaji retorik dalam wacana penulisan dari perspektif retorik dengan menggunakan teori dalam bidang linguistik. Selain itu, kajian retorik dalam wacana penulisan juga masih terhad jika dibandingkan dengan kajian retorik dalam wacana iklan dan wacana pengucapan umum. Oleh itu, kajian retorik dalam wacana penulisan ini masih boleh dikembangkan dengan menggunakan data kajian yang



masih belum diterokai oleh mana-mana pengkaji sebelum ini, iaitu wacana penulisan makalah penyelidikan.

#### **2.4.4. Kajian Retorik Berdasarkan Perspektif**

Untuk meninjau sejauh mana pengkaji retorik terdahulu memfokuskan kajian mereka, bahagian ini akan membincangkan kajian retorik yang dijalankan berdasarkan perspektif. Berdasarkan penelitian, didapati kajian retorik telah dijalankan dengan memfokuskan kepada perspektif bahasa dan retorik.

##### **2.4.4.1 Perspektif Bahasa**

Hasil penelitian terhadap kajian retorik yang dijalankan oleh pengkaji terdahulu dari perspektif bahasa mendapati perbincangan berkenaan retorik dari aspek bahasa terbatas kepada analisis struktur bahasa. Manakala kepentingan terhadap analisis strategi penggunaan bahasa jarang diperhatikan.

Asmah Omar (1984) misalnya, membincangkan retorik dalam wacana iklan dengan menganalisis bahasa dalam iklan dari aras kata, rangkai kata, ayat dan jenis ayat yang digunakan dalam wacana iklan. Namun, perbincangan ini tidak menyentuh strategi retorik dalam penulisan wacana iklan. Begitu juga dengan kajian oleh Lim (1992) yang mengkaji gimik dalam bahasa iklan. Lim meneliti aspek kekaburan makna sebagai satu daripada unsur retorik dalam wacana iklan melalui analisis terhadap struktur bahasa yang terdiri daripada kata dan frasa. Dalam kajian ini, Lim membuat kesimpulan bahawa aspek kekaburan makna dalam kata adalah disengajakan untuk menarik perhatian pembaca, selain menjadi salah satu daripada strategi komunikasi.

Selain itu, Chuah (1988) yang mengkaji retorik dan sosiolinguistik dalam wacana iklan juga menumpukan pada analisis struktur bahasa dari aras kata, frasa, ayat dan bahasa kiasan. Daripada analisis yang dijalankan, Chuah merumuskan bahawa tumpuan pengguna terhadap bahasa iklan dipengaruhi oleh perubahan terhadap diri pengguna dari segi pengetahuan, pengalaman, kehendak, pilihan, pendidikan dan sebagainya. Sementara kajian Bambang Suhartono (2009) meneliti hubungan antara aspek bahasa dan visual serta keunggulan retorik dalam wacana iklan. Dalam membincangkan berkenaan aspek keunggulan retorik dalam iklan, Bambang turut memfokuskan analisis kajian pada struktur bahasa dari aras kata, frasa, ayat dan perenggan dalam iklan. Menurut Bambang, bahasa memainkan peranan penting dalam menghasilkan sebuah wacana iklan yang baik dari segi visual mahupun bercetak. Walau bagaimanapun, berbanding dengan aspek visual, penggunaan bahasa dalam iklan lebih dominan dalam hal mempengaruhi pengguna. Kajian yang dijalankan oleh Bambang ini menarik, walau bagaimanapun kajian ini juga menganalisis retorik dari aras kata, ayat dan perenggan dalam wacana iklan, manakala analisis terhadap strategi penghasilan bahasa iklan tidak disentuh dalam kajian ini.

Dapat dikatakan bahawa kesemua kajian retorik yang dijalankan dari perspektif bahasa memfokuskan kepada analisis struktur bahasa. Analisis dari aspek struktur bahasa adalah wajar untuk memperlihatkan retorik sebagai seni menggunakan bahasa yang wujud dalam setiap hierarki bahasa dari aras kata sehingga aras wacana. Walau bagaimanapun, fokus analisis kajian yang terbatas pada analisis struktur bahasa semata-mata, seakan menunjukkan bahawa kepentingan menganalisis retorik dari aspek bahasa dan linguistik terbatas kepada analisis struktural sahaja.

Hakikatnya, kajian retorik dari aspek bahasa, masih boleh diperluaskan dengan meneliti persoalan-persoalan dari perspektif yang lebih luas agar kajian retorik ini dapat memberi sumbangan dalam menjana ilmu baharu dalam bidang retorik. Misalnya, dengan meneroka retorik dari aspek strategi dan jenis retorik dalam pelbagai wacana penulisan ilmiah. Oleh itu, kajian ini hadir untuk meneliti retorik dari perspektif bahasa dengan melihat kepada skop yang berbeza daripada kajian retorik sebelum ini, iaitu melalui penelitian terhadap strategi retorik dan jenis retorik yang sesuai digunakan dalam konteks wacana penulisan ilmiah.

#### **2.4.4.2. Perspektif Retorik**

Kajian retorik yang dijalankan dari perspektif retorik pula tertumpu pada perbincangan berkenaan penggunaan teori retorik sebagai asas kajian retorik dalam pelbagai wacana. Walau bagaimanapun, jarang ditemui kajian retorik yang dijalankan dengan berlandaskan teori dalam bidang linguistik.

Kajian oleh AbdulRahman Alkashbir (2010), Abdul Mua'ti Ahmad (2007), Choong (2002), Sobariah Baharum (2008) dan Zulkifli Ahmad Hamid (1985) misalnya, dijalankan dengan berpaksikan kepada teori retorik klasik Aristotle dalam meneliti retorik wacana pengucapan umum. Aspek pemujukan dalam pengucapan umum yang menjadi fokus utama dalam kajian yang dijalankan diteliti melalui penggunaan teori retorik klasik Aristotle. Walaupun, kajian Zoriati Osman (2005) cuba memperlihatkan kelainan dalam kajian retorik wacana pengucapan dengan menggunakan pendekatan dari bidang linguistik, iaitu kerangka kajian oleh Za'ba, dan Asmah Omar, namun fokus perbincangan masih terikat pada aspek pemujukan dalam wacana pengucapan umum. Sehingga penerokaan kajian ini dijalankan, hanya terdapat satu kajian, iaitu kajian oleh Nor Azuwan Yaakob (2005) yang dilihat telah

meluaskan perbincangan berkenaan retorik dengan menerapkan model daripada bidang ilmu yang lain, iaitu Model Bell (1991) yang diperkenalkan dalam bidang kewartawanan. Nor Azuwan telah mengubahsuai model ini untuk memenuhi tuntutan analisis kajian yang dijalankan. Pendekatan yang digunakan dalam kajian Nor Azuwan ini dilihat sebagai satu pendekatan yang bersifat inovatif dalam meluaskan perbincangan berkenaan kajian retorik ini. Oleh itu, jika kajian Nor Azuwan menggunakan teori dalam bidang komunikasi, maka kajian ini akan menggunakan pendekatan teori dalam bidang linguistik, iaitu teori Grice sebagai asas kajian.

#### **2.4.5. Kerangka Teori**

Penulisan ilmiah bukanlah semata-mata proses fizikal yang mencatatkan secara automatik apa yang digambarkan dalam fikiran ke dalam bentuk tulisan. Bahkan penulisan ilmiah merupakan satu proses kreatif yang melibatkan proses intelektualisasi, penaakulan, penyusunan dan kreativiti (Asmah Omar, 2007). Kemampuan penulis untuk menggunakan pelbagai strategi bahasa untuk menghasilkan penulisan ilmiah yang menarik dari segi penghuraian, penjelasan, penghujahan ataupun pemujuan adalah sangat penting. Untuk mencapai tujuan tersebut, retorik diperlukan dalam penulisan ilmiah. Hal ini kerana retorik dicerminkan sebagai pengetahuan mengenai bahasa dan penggunaan bahasa yang baik serta pengetahuan mengenai perkara tertentu yang disampaikan melalui bahasa (Dixon, 1991).

Retorik juga diperlukan dalam penulisan ilmiah, khususnya penulisan makalah penyelidikan disebabkan fungsi penulisan makalah penyelidikan sebagai penulisan

komunikatif. Makalah penyelidikan yang ditulis oleh penulis dapat mewujudkan reaksi dalam kalangan pembaca yang mempunyai minat yang sama dalam hal yang diperkatakan dan reaksi tersebut juga berlaku dalam bentuk penulisan. Oleh itu, untuk memastikan keberkesanan komunikasi yang berlangsung di antara penulis dengan pembaca, maka penggunaan strategi retorik penulisan yang baik dan berkesan sangat diperlukan dalam penulisan makalah penyelidikan. Dalam hal ini, Teori Prinsip Kerjasama Grice (1975) dirasakan boleh dijadikan sebagai landasan kajian untuk memperlihatkan strategi retorik dalam penulisan makalah penyelidikan.

Teori Prinsip Kerjasama diperkenalkan oleh Paul Grice pada 1975 memperkatakan bahawa untuk memastikan kelancaran perbualan yang berlangsung di antara dua pihak, perbualan tersebut perlu dilandasi oleh sebuah prinsip dasar, iaitu prinsip kerjasama (Allan, 2001; Grundy, 1995; Hancher, 1978; Levinson, 1983; Schiffin, 1994; Thomas, 1995; Yule, 1996). Dalam hal ini Grice (1975) menyatakan “*Make your conversational contribution such as is required, at the stage at which it occurs, by the accepted purpose or direction of the talk exchange in which you are engaged*” (hal. 46). Menurut Grice, perbualan yang berkesan akan berlaku apabila pihak-pihak yang terlibat dalam berkomunikasi mematuhi peraturan dalam perbualan seperti yang digariskan oleh beliau dalam Teori Prinsip Kerjasama yang terdiri daripada maksim kuantiti, maksim kualiti, maksim relevan dan maksim cara.

Maksim kuantiti bermaksud dalam berkomunikasi maklumat dinyatakan sekadar diperlukan sahaja dan tidak melebihi daripada apa yang diperlukan. Maksim kualiti pula merujuk kepada penyampaian maklumat yang benar dengan disertakan dalil atau fakta yang menyokong maklumat tersebut serta menghindari maklumat yang

tidak disokong oleh bukti yang kukuh. Maksim relevan atau maksim pertalian bermaksud maklumat yang ingin disampaikan dalam berkomunikasi harus mempunyai perkaitan atau pertalian dengan maklumat awal yang disampaikan dan maksim cara merujuk kepada cara berkomunikasi yang bersifat jelas, ringkas dan padat serta mengikut susunan yang betul (tertib). Grice (1975) menegaskan bahawa penutur yang berhajat untuk menyampaikan maklumat dalam perbualan perlu mematuhi kesemua maksim yang telah ditetapkan. Kegagalan berbuat demikian akan dianggap melanggar tatacara perbualan yang berkesan dan akan menggagalkan tujuan sebenar perbualan tersebut.

Dalam kajian ini, peraturan yang digariskan oleh Grice melalui maksim yang terangkum dalam Teori Prinsip Kerjasama dilihat sesuai digunakan bukan sahaja dalam bentuk perbualan, malah boleh juga digunakan dalam bentuk penulisan, khususnya penulisan makalah penyelidikan. Hal ini kerana peristiwa perbualan yang dikatakan berlaku di antara dua pihak, turut berlaku dalam peristiwa mengarang kerana mengarang juga merupakan proses antara individu (penulis dan pembaca) sungguhpun individu kedua tidak ketara secara fizikal (Asmah Omar, 2007; Mahmoud, 2001; Nystrand, 1986).

Selain itu, Teori Retorik Antara Perorangan (*Interpersonal Rhetoric*) yang diperkenalkan oleh Leech (1993) dibina berdasarkan empat model yang terdiri daripada Prinsip Kesopanan, Prinsip Kiasan Terbalik, Prinsip Minat dan Prinsip Kerjasama. Teori ini membincangkan kesopanan dalam berkomunikasi yang meliputi pelbagai wacana komunikasi, khususnya dalam wacana pengucapan. Walau bagaimanapun, dalam kajian ini yang memfokuskan retorik dalam wacana penulisan

ilmiah, daripada empat model yang terangkum dalam Teori Retorik Antara Perorangan Leech hanya satu daripada empat model yang dikategorikan oleh Leech dirasakan sesuai untuk diguna pakai, iaitu Teori Prinsip Kerjasama Grice. Hal ini kerana setiap maksim yang terkandung dalam Prinsip Kerjasama dapat memenuhi keperluan analisis kajian untuk memperlihatkan strategi retorik dalam penulisan makalah penyelidikan.

Pemilihan teori Grice juga memperlihatkan kelainan kajian ini dengan kajian retorik yang telah dijalankan oleh pengkaji terdahulu. Jika sebelum ini kajian retorik yang dijalankan oleh pengkaji terdahulu menggunakan teori dalam bidang retorik, sama ada teori retorik moden atau teori retorik klasik. Maka kajian ini dijalankan dengan menggunakan teori dalam bidang linguistik pragmatik sebagai asas kajian. Teori ini diharap akan menjadi kerangka teori yang praktikal dalam mengkaji strategi retorik dalam penulisan makalah penyelidikan, di samping dapat membantu para sarjana untuk menghasilkan penulisan makalah penyelidikan yang berkualiti dengan menyentuh aspek strategi retorik dalam penulisan ilmiah.

Kajian yang dijalankan oleh pengkaji terdahulu dalam bidang linguistik pragmatik (misalnya, kajian oleh Burton 1980; Cohen, 1972; Keifer, 1979; Kroch, 1972; Sacks, 1970; Sadock 1975; Sperber dan Wilson, 1986; Susan, 1983) menggunakan teori Grice untuk membincangkan berkenaan implikatur dan peraturan dalam konteks perbualan seperti yang digariskan oleh Grice melalui Prinsip Kerjasama yang terdiri daripada empat maksim, iaitu maksim kuantiti, maksim kualiti, maksim relevan dan maksim cara. Walaupun, terdapat kajian yang mengkritik teori Grice dan menggantikan dengan prinsip lain yang dirasakan dapat memenuhi tuntutan kajian

yang dijalankan. Misalnya, Sperber dan Wilson (1981) yang menggantikan prinsip kerjasama Grice kepada prinsip relevan. Begitu juga Leech (1983) yang berpendapat bahawa prinsip kerjasama tidak mencukupi dan membaiki teori ini dengan menambah satu lagi maksim, iaitu maksim kesantunan bahasa sebagai satu ciri teori perbualan tersebut tetapi hasil yang diperolehi menunjukkan bahawa prinsip tersebut adalah tidak selaras dengan prinsip kerjasama yang digariskan oleh Grice yang menjadi dasar dalam hal menentukan peraturan dalam sesuatu perbualan.

Grice mengemukakan beberapa maksim dalam prinsip kerjasama. Menurutnya setiap individu yang terlibat di dalam sesuatu perbualan bekerjasama antara satu sama lain. Penutur harus memastikan perbualannya bersifat dua hala dan perbualannya menjadi sebagai satu sumbangan yang diperlukan oleh pendengar. Dalam konteks penulisan makalah penyelidikan, peraturan yang digariskan oleh Grice dalam perbualan seperti kerjasama antara individu, komunikasi dua hala, dan sumbangan yang diperlukan oleh pendengar atau dalam konteks kajian ini pembaca adalah menepati konsep penulisan makalah penyelidikan itu sendiri. Oleh itu, teori Grice dirasakan sesuai digunakan sebagai landasan kajian ini.

Daripada maksim-maksim yang diutarakan oleh Grice, dapat dikatakan dalam konteks penulisan makalah penyelidikan, adalah penting untuk menyatakan kebenaran dalam sesuatu penulisan dan sesuatu penulisan tersebut hendaklah bersandarkan kepada peraturan atau maksim-maksim yang digariskan oleh Grice, pelanggaran terhadap maksim berkenaan akan menjejaskan maklumat yang akan disampaikan.



Selain itu, prinsip kerjasama yang diketengahkan oleh Grice sungguhpun ringkas tetapi telah berjaya menarik minat pengkaji dalam bidang pragmatik untuk membincangkan peraturan dalam perbualan dengan lebih mendalam dan terperinci. Misalnya, Keenan (1983) yang melihat kemahiran berbahasa oleh kanak-kanak, beliau menyatakan bahawa kanak-kanak amat sensitif terhadap maksim Grice, dan maksim ini membantu dalam menyumbangkan ujaran yang berkaitan dengan ujaran sebelumnya. Dapat dikatakan bahawa walaupun terdapat beberapa kritikan terhadap teori Grice tetapi terdapat juga ahli linguistik yang menyanjungi dan menghargai hasil kerja Grice yang banyak memberi sumbangan dalam mengkaji struktur perbualan.

Selain kajian yang kebanyakannya memfokus kepada wacana perbualan, teori Grice juga digunakan dalam kajian yang memfokuskan kepada wacana penulisan. Sebagai contoh, kajian dalam bidang retorik perbandingan atau kajian yang melihat penulisan bahasa Inggeris sebagai bahasa asing atau *English as a foreign language* (EFL) seperti kajian yang dijalankan oleh Mahmoud (2001) menggunakan teori Grice untuk melihat masalah yang dihadapi oleh pelajar Arab dalam menghasilkan penulisan surat berbahasa Inggeris. Begitu juga dengan kajian Nunn (2004) dan White (2001) yang menggunakan teori Grice dalam kajian pengajaran dan pembelajaran bahasa. Kajian mereka membuktikan bahawa dalam maksim yang digariskan oleh Grice dalam konteks pengucapan boleh digunakan dalam pengajaran penulisan. Nunn (2004) menyatakan bahawa "*Grice's maxims are not rules and are only part of much broader theory about the inferential process*". Manakala Pavlickova (2001) meneliti penggunaan bahasa dalam penulisan dokumen dalam bidang undang-undang dengan bersandarkan kepada teori Grice.

Walaupun, terdapat kajian yang menggunakan teori Grice dalam meneliti wacana penulisan, tetapi kajian tersebut dijalankan dalam bidang pragmatik, kajian retorik perbandingan dan kajian pemerolehan bahasa kedua. Namun begitu kajian yang menggunakan teori Grice dalam bidang retorik masih belum dibincangkan oleh mana-mana pengkaji. Oleh itu, kajian ini akan menggunakan teori Grice untuk melihat strategi retorik yang digunakan dalam penulisan makalah penyelidikan.

## **2.5. Kesimpulan**

Bab ini secara khususnya telah dapat memberi gambaran berkenaan sorotan karya yang wajar dalam kajian retorik. Meskipun kajian retorik ini telah banyak dijalankan, namun kelompangan yang wujud hasil daripada analisis kritis terhadap kajian lepas berkenaan retorik telah mendorong cadangan kajian ini dijalankan. Sesuatu yang lebih penting, kajian yang dijalankan ini dapat memperlihatkan kesinambungan tradisi penyelidikan kajian-kajian dalam bidang retorik.

Dalam bab ini juga, turut dibincangkan secara ringkas berkenaan teori yang dijadikan sebagai landasan kajian retorik dalam wacana penulisan makalah penyelidikan. Selain daripada teori, penggunaan kaedah yang sesuai juga penting untuk merungkaikan permasalahan kajian yang ditimbulkan melalui kajian ini dan untuk memastikan kajian ini berada pada landasan yang benar. Oleh itu, bab berikutnya (bab tiga) akan membincangkan berkenaan kaedah yang akan diaplikasikan dalam kajian ini.



## **BAB TIGA**

### **METODOLOGI KAJIAN**

#### **3.1. Pengenalan**

Metodologi merangkumi kaedah dan prinsip yang menjadi tulang belakang untuk memacu sesebuah kajian mencapai objektif yang diharapkan. Metodologi juga bertujuan menjadikan kajian yang dijalankan lebih tersusun dan berstruktur. Oleh itu, untuk memastikan kajian ini berada dalam landasan yang tepat serta dapat mencapai objektif yang ditetapkan, bab ini menghuraikan secara terperinci berkenaan metodologi yang digunakan dalam kajian ini. Bab ini dimulakan dengan memperkenalkan data kajian berserta pewajaran pemilihan data. Seterusnya, bab ini turut memaparkan statistik berkaitan data kajian yang dipilih, diikuti oleh reka bentuk kajian, tatacara pemerolehan dan penganalisan data serta bahagian kesimpulan yang merumuskan keseluruhan bab.

#### **3.2. Data**

Data kajian penting bagi menentukan hala tuju metodologi sesebuah penyelidikan. Data yang baik ialah data yang benar, lengkap, dapat digunakan secara meluas serta dapat memberikan gambaran yang menyeluruh tentang sesuatu permasalahan (Arabi Idid, 2002). Dalam kajian ini, data yang akan digunakan terdiri daripada data korpus. Umumnya, data korpus ialah himpunan data sama ada bertulis atau lisan yang digunakan untuk menghuraikan kajian berkaitan dengan pelbagai aspek kebahasaan. Konsep ‘himpunan’ dalam kajian membawa maksud himpunan data teks bertulis secara digital yang dikumpulkan berdasarkan kriteria tertentu. Oleh itu,

data korpus dalam kajian ini terdiri daripada makalah penyelidikan berbahasa Melayu yang dimuat turun daripada sumber utama data kajian, iaitu laman sesawang jurnal KEMANUSIAAN *The Asian Journal of Humanities*. Laman sesawang ini dipaut ke dalam pangkalan data indeks dan abstrak antarabangsa SCOPUS. Sebelum membincangkan tatacara analisis kajian, terlebih dahulu diperincikan tentang pewajaran pemilihan data dalam kajian ini yang dihuraikan dengan disertakan alasan kukuh bagi menyokong kewajaran setiap pemilihan data tersebut.

### **3.3. Pewajaran Pemilihan Data**

Terdapat tiga pewajaran berkaitan pemilihan data kajian yang dihuraikan, iaitu pewajaran pemilihan pangkalan data indeks dan abstrak SCOPUS, pewajaran pemilihan jurnal KEMANUSIAAN *The Asian Journal of Humanities*, dan pewajaran pemilihan makalah penyelidikan berbahasa Melayu. Huraian bagi ketiga-tiga pewajaran tersebut adalah seperti yang dibincangkan di bawah.

#### **3.3.1. Pemilihan SCOPUS**

Pemilihan SCOPUS sebagai sumber data kajian, dianggap bertepatan dengan kehendak dan keperluan kajian. Hal ini kerana terdapat tiga faktor yang berkaitan dengan SCOPUS yang membolehkannya untuk digunakan dalam kajian ini, iaitu pertama popularitinya pangkalan data indeks SCOPUS. Kedua, SCOPUS mengindeks makalah penyelidikan berbahasa Melayu dan ketiga, SCOPUS mengindeks jurnal yang diterbitkan oleh institusi pengajian tinggi awam di Malaysia. Huraian lanjut bagi pewajaran pemilihan SCOPUS adalah seperti berikut:

**a. Populariti SCOPUS**

Pangkalan data SCOPUS merupakan pangkalan data indeks petikan pelbagai disiplin yang diterbitkan Reed Elsevier Group, iaitu satu daripada syarikat penerbitan yang terkemuka di peringkat antarabangsa. SCOPUS mula dikenali dalam kalangan institusi pengajian tinggi di seluruh dunia pada tahun 2007, iaitu apabila pangkalan data ini telah digunakan Quacquarelli Symonds (QS), iaitu satu organisasi yang dipertanggungjawabkan untuk menyediakan laporan penarafan universiti terkemuka di dunia termasuk penarafan universiti di Asia seperti di India, Indonesia, Filipina, Singapura, China, Hong Kong, Jepun, Korea, Thailand, Taiwan dan Malaysia untuk diterbitkan dalam Times Higher Education (THE) (Koh, 2014; Huang, 2011; Sowter, 2007). Selain itu, pemilihan SCOPUS sebagai sumber data kajian juga dibuat kerana SCOPUS mengindeks penerbitan jurnal utama dan terpilih yang dianggap sebagai berkualiti, berprestij dan mempunyai nilai impak tertentu (Szarina Abdullah, 2003).

**b. Mengindeks makalah dan jurnal berbahasa Melayu**

Pemilihan SCOPUS sebagai sumber data kajian dianggap bertepatan dengan keperluan kajian, iaitu meneliti makalah penyelidikan berbahasa Melayu dalam jurnal yang diterbitkan oleh IPTA di Malaysia. Menurut Roosfa Hashim (2010), SCOPUS lebih banyak mengindeks makalah penyelidikan berbahasa Melayu berbanding dengan pangkalan data indeks dan abstrak antarabangsa yang lain. Selain itu, SCOPUS juga mengindeks lebih banyak jurnal yang diterbitkan oleh IPTA di Malaysia berbanding dengan pangkalan data indeks *Thomson Reuter* yang kebanyakannya dimonopoli oleh jurnal terbitan persatuan profesional di Malaysia (Roosfa Hashim & Salmah Zainal, 2009). Liputan jurnal yang diindeks oleh SCOPUS juga lebih bersifat antarabangsa berbanding liputan pangkalan data indeks

Thomson Reuter yang menampakkan kecenderungan mengindeks jurnal dari negara Barat dan negara maju, terutamanya dari Amerika Syarikat dengan menyisihkan jurnal ilmiah dari negara dunia ketiga (Elsevier, 2014; Roosfa Hashim, 2010; Sowter, 2007).

### **3.3.2. Pemilihan Jurnal KEMANUSIAAN *The Asian Journal of Humanities***

Pemilihan jurnal KEMANUSIAAN *The Asian Journal of Humanities* sebagai data kajian adalah disebabkan jurnal ini memiliki kriteria yang dapat memenuhi keperluan dan kehendak kajian dan faktor kemudahan data untuk digunakan dalam kajian ini. Huraian selanjutnya adalah seperti berikut:

#### **a. Memenuhi keperluan dan kehendak kajian**

Antara kriteria yang dimiliki oleh Jurnal KEMANUSIAAN *The Asian Journal of Humanities* yang dianggap memenuhi kehendak dan keperluan kajian adalah pertama, selain menerbitkan makalah penyelidikan berbahasa Inggeris, jurnal ini juga menerbitkan makalah penyelidikan yang ditulis dalam bahasa Melayu yang menjadi fokus utama data kajian. Kedua, jurnal ini merupakan jurnal dalam bidang sains sosial dan kemanusiaan yang menerbitkan makalah penyelidikan merangkumi pelbagai disiplin ilmu, misalnya makalah dalam bidang ekonomi, sejarah, kesusasteraan, keagamaan dan lain-lain. Ketiga, jurnal ini diindeks oleh pangkalan data indeks SCOPUS yang menjadi sumber data kajian ini diperolehi.

#### **b. Mudah dicapai dan digunakan**

Faktor kemudahan data untuk digunakan dalam kajian ini turut mendorong pemilihan data kajian daripada jurnal KEMANUSIAAN *The Asian Journal of*

*Humanities*. Jurnal yang diterbitkan oleh Penerbit Universiti Sains Malaysia ini menyediakan laman sesawang yang memuat naik data yang terdiri daripada makalah penyelidikan yang diterbitkan dalam bentuk digital. Data ini boleh dicapai secara atas talian atau dimuat turun melalui aplikasi yang disediakan dalam laman sesawang jurnal tersebut secara percuma. Selain itu, data yang dimuat turun juga mudah dicanai dengan menggunakan program yang bersesuaian dengan kehendak kajian. Kemudahan capaian data tersebut mewajarkan pemilihan jurnal ini.

Dalam kajian ini, data kajian yang terdiri daripada makalah penyelidikan berbahasa Melayu yang diterbitkan dalam jurnal ini dimuat turun bermula dari tahun 2008, iaitu tahun pertama jurnal ini diindeks oleh SCOPUS sehingga tahun 2012, iaitu tahun kajian ini mula dijalankan.

### **3.4. Statistik Data**

Bahagian ini membincangkan statistik umum pangkalan data SCOPUS diikuti dengan statistik khusus data yang digunakan dalam kajian ini.

#### **3.4.1. Statistik Umum Pangkalan Data SCOPUS**

Sehingga Februari 2014, pangkalan data indeks dan abstrak SCOPUS telah mengindeks sejumlah 20,800 jurnal, meliputi 2,600 judul jurnal ilmiah capaian terbuka dan 6.4 juta kertas persidangan yang diterbitkan daripada prosiding dan jurnal daripada seluruh dunia (Elsevier, 2014). Manakala laporan rasmi statistik penerbitan jurnal di Malaysia yang dikeluarkan oleh SCOPUS menunjukkan sehingga Mac 2011, terdapat sejumlah 43 judul jurnal ilmiah yang diterbitkan di Malaysia telah diindeks oleh SCOPUS. Daripada jumlah yang dinyatakan tersebut,



22 judul jurnal diterbitkan oleh IPTA di Malaysia, sementara 21 judul jurnal diterbitkan oleh persatuan dan badan profesional.

Pecahan daripada 22 judul jurnal ilmiah diterbitkan oleh IPTA di Malaysia dan diindeks oleh SCOPUS menunjukkan bahawa 5 judul jurnal diterbitkan dalam bidang sains sosial kemanusiaan (SSK). Manakala 17 judul jurnal diterbitkan dalam bidang sains, teknologi dan perubatan (STP). Daripada 5 judul jurnal yang diterbitkan dalam bidang SSK, terdapat 3 jurnal yang menerbitkan makalah penyelidikan secara dwibahasa (bahasa Melayu dan bahasa Inggeris), iaitu *Jurnal Pengurusan*, *Gema Online Journal of Language Studies* dan jurnal KEMANUSIAAN *The Asian Journal of Humanities*. Manakala jurnal selebihnya menerbitkan makalah penyelidikan dalam bahasa Inggeris.

*Gema Online Journal of Language Studies* dan *Jurnal Pengurusan* masing-masing merupakan jurnal dalam bidang bahasa dan linguistik dan bidang pengurusan yang diterbitkan oleh Universiti Kebangsaan Malaysia. Manakala jurnal KEMANUSIAAN *The Asian Journal of Humanities* adalah jurnal dalam bidang sains sosial dan kemanusiaan yang diterbitkan oleh Universiti Sains Malaysia. Setelah diketahui jumlah keseluruhan jurnal ilmiah yang diterbitkan di Malaysia dan diindeks oleh SCOPUS, berikut diuraikan jumlah bilangan data teks makalah penyelidikan dalam laman sesawang jurnal KEMANUSIAAN *The Asian Journal of Humanities*.

### 3.4.2. Statistik Khusus Data Kajian

Jurnal KEMANUSIAAN *The Asian Journal of Humanities* dahulunya dikenali sebagai Jurnal Ilmu Kemanusiaan diterbitkan oleh Penerbit Universiti Sains Malaysia sejak tahun 1994 sehingga kini. Jurnal ini mula diindeks oleh SCOPUS pada tahun 2008. Oleh yang demikian, kajian ini hanya akan mengambil kira data kajian yang terdiri daripada makalah penyelidikan berbahasa Melayu yang diterbitkan dalam jurnal KEMANUSIAAN *The Asian Journal of Humanities* bermula daripada tahun 2008, iaitu tahun jurnal ini diindeks oleh SCOPUS.

Jumlah keseluruhan bilangan teks makalah penyelidikan yang telah diterbitkan dan dimuat naik secara digital ke dalam laman sesawang jurnal KEMANUSIAAN *The Asian Journal of Humanities* bermula dari tahun 2008 sehingga 1 Disember 2012, ialah sebanyak 37 teks makalah penyelidikan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 8 makalah penyelidikan diterbitkan dalam bahasa Melayu, manakala 29 makalah penyelidikan diterbitkan dalam bahasa Inggeris. Oleh itu, secara keseluruhannya kajian ini melibatkan penelitian terhadap keseluruhan populasi teks makalah penyelidikan berbahasa Melayu, iaitu 8 teks makalah penyelidikan berbahasa Melayu. Berikut disertakan Jadual 3.1. yang menjelaskan statistik bilangan data teks makalah penyelidikan berbahasa Melayu yang digunakan dalam kajian ini.

Jadual 3.1.: *Data Makalah Penyelidikan dalam Jurnal KEMANUSIAAN The Asian Journal of Humanities*

| Sumber Data  | Bahasa          | Bilangan Makalah |
|--|-----------------|------------------|
| Jurnal KEMANUSIAAN<br><i>The Asian Journal of Humanities</i> | Bahasa Melayu   | 8                |
|  | Bahasa Inggeris | 29               |
| Jumlah Keseluruhan Makalah                                   |                 | 37               |

### **3.5. Reka bentuk kajian**

Reka bentuk kajian merupakan struktur kepada sesuatu kajian dan melibatkan perancangan dalam memilih sumber dan jenis data yang diperlukan dalam sesuatu penyelidikan (Maxwell, 2005). Reka bentuk kajian yang digunakan bergantung pada tujuan dan soalan kajian. Oleh sebab kajian ini dijalankan untuk meneliti dan menghuraikan strategi dan jenis retorik penulisan makalah penyelidikan berbahasa Melayu dalam jurnal yang diindeks oleh SCOPUS, maka reka bentuk kajian kualitatif dirasakan paling bersesuaian. Hal ini kerana kajian kualitatif merupakan kajian berbentuk penerokaan (Cresswell, 2003). Pemilihan kajian kualitatif akan membolehkan pengkaji meneroka, membuat penemuan dan interpretasi terhadap dapatan kajian (Miles & Huberman, 1994; Meriam 2001; Van-Maanen, 1983). Sementara data kualitatif dapat digunakan untuk menghuraikan dan menjelaskan berkenaan sesuatu perkara dengan lebih mendalam (Marshall & Rossman, 2006).

Terdapat tiga kaedah yang lazimnya digunakan dalam kajian kualitatif, iaitu kaedah pemerhatian, temu bual dan analisis dokumen (Bogdan & Biklen, 2003; Fraenkel & Wallen, 2006; Merriam, 2001). Kajian ini menggunakan kaedah analisis dokumen. Menurut Merriam (2001), dokumen merupakan sumber sedia ada yang dapat membantu dalam sesuatu penyelidikan. Dokumen terdiri daripada bahan bercetak, bahan bertulis, rekod audio dan visual, sama ada yang bersifat umum atau peribadi yang di dalamnya terkandung maklumat tentang sesuatu aktiviti, perkara atau sejarah. Dalam kajian ini, dokumen kajian yang terdiri daripada teks makalah penyelidikan berbahasa Melayu yang diterbitkan dalam jurnal KEMANUSIAAN *The Asian Journal of Humanities* dikumpulkan dan dirujuk untuk membantu kajian memerihalkan berkenaan strategi dan jenis retorik dalam penulisan.

Schwandt (1997; 2007) berpendapat bahawa kaedah analisis dokumen sesuai digunakan untuk mengkaji tentang kepelbagaian makna daripada teks yang melibatkan perbandingan, perbezaan dan pengasingan himpunan data yang melibatkan angka dan interpretasi. Pendapat ini selari dengan Arabi Idid (2002) dan Bailey (1984) yang berpandangan bahawa kaedah analisis dokumen merupakan satu teknik menganalisis dokumen secara berstruktur dengan penyelidik membentuk suatu himpunan kategori atau dimensi untuk menganalisis dokumen dan mencatatkan kesamaan atau kelainan dalam dimensi yang dapat diperhatikan daripada dokumen yang sedang dikaji.


Dalam pada itu, Neuman (2006) menjelaskan bahawa tujuan analisis dokumen adalah untuk mengenal pasti dan menghitung kewujudan sifat tertentu dalam teks. Berdasarkan maksud tersebut, Neuman telah menyenaraikan bahawa kajian berbentuk analisis dokumen sesuai digunakan dalam tiga keadaan. Pertama, dalam mengkaji permasalahan yang melibatkan bilangan teks yang banyak. Kedua, digunakan dalam mengkaji sesuatu tajuk 'dari jauh'. Misalnya mengkaji hasil penulisan oleh seseorang yang tinggal jauh dari pengkaji dan ketiga, kaedah analisis kandungan ini mampu mendedahkan sesuatu mesej dalam teks yang sukar dilihat melalui pemerhatian biasa.

Dalam hubungannya dengan kajian ini, kaedah analisis dokumen diyakini dapat memberikan ketiga-tiga faedah seperti yang digariskan oleh Neuman. Misalnya, kaedah ini sangat sesuai digunakan untuk menganalisis bilangan teks makalah penyelidikan berbahasa Melayu yang banyak dan dikumpulkan dalam jangka masa yang panjang, iaitu sejumlah lapan teks makalah penyelidikan yang diterbitkan

dalam Jurnal KEMANUSIAAN *The Asian Journal of Humanities* dari tahun 2008 sehingga tahun 2012. Kaedah analisis dokumen ini juga membolehkan kajian dijalankan tanpa perlu bertemu muka dengan penulis makalah penyelidikan yang terdiri daripada ahli akademik dari pelbagai institusi pengajian tinggi awam di negara ini dan kaedah ini juga mampu memerihalkan dan mendedahkan berkenaan strategi dan jenis retorik penulisan dalam makalah penyelidikan berbahasa Melayu yang diterbitkan dalam Jurnal KEMANUSIAAN *The Asian Journal of Humanities* yang sukar dilihat melalui pemerhatian biasa.

### **3.6. Tatacara Pemerolehan Data**

Proses pemerolehan dan pengumpulan data untuk kajian ini dilakukan secara janaan komputer, iaitu dengan memuat turun makalah penyelidikan berbahasa Melayu daripada laman sesawang jurnal KEMANUSIAAN *The Asian Journal of Humanities* yang dipaut dalam pangkalan data indeks dan abstrak SCOPUS. Berikut disertakan Rajah 3.1 yang menunjukkan proses pemerolehan data kajian.



*Rajah 3.1.* Pemerolehan data kajian

### **3.7. Tatacara Penganalisisan Data**

Penganalisisan data kualitatif merupakan suatu proses yang berterusan. Proses ini bermula sebaik sahaja kutipan data pertama dilakukan (Miles & Huberman, 1994; Meriam, 2001). Penganalisisan data secara berterusan ini bertujuan melancarkan

proses pengumpulan data, seterusnya proses penganalisan data. Dalam melaksanakan proses menganalisis data empat langkah telah ditetapkan, iaitu mengurus data, transkripsi data, memahami data dan menganalisis data.

### **3.7.1. Mengurus Data**

Dalam kajian ini, pengurusan data dilakukan melalui tiga fasa. Fasa pertama adalah proses menentukan dokumen sebagai sampel kajian. Diikuti fasa kedua, iaitu menentukan dimensi dan kandungan dimensi dan fasa ketiga, iaitu menentukan unit analisis (Bailey, 1984). Berikut dijelaskan secara terperinci fasa dalam proses pengurusan data.

#### **3.7.1.1 Menentukan Sampel Kajian**

Dalam kajian ini dokumen yang menjadi sampel kajian terdiri daripada makalah penyelidikan berbahasa Melayu yang diterbitkan dalam jurnal KEMANUSIAAN *The Asian Journal of Humanities*.

#### **3.7.1.2 Menentukan Dimensi, Kandungan Dimensi dan Unit Analisis**

Dalam kaedah analisis dokumen, dimensi dan kandungan dimensi dibentuk berdasarkan kriteria yang telah ditetapkan dalam objektif kajian. Setiap dimensi mempunyai kandungan dimensi yang berbeza-beza (Berg, 1989).

Sehubungan itu, dalam kajian ini dua dimensi kajian telah dibentuk, iaitu dimensi kajian pertama terdiri daripada strategi retorik. Pembentukan dimensi kajian ini bertujuan menjawab objektif pertama kajian, iaitu menghuraikan strategi retorik dalam penulisan makalah penyelidikan berbahasa Melayu. Manakala dimensi kajian

kedua terdiri daripada jenis retorik. Pembentukan dimensi kajian kedua adalah untuk menjawab objektif kajian yang kedua, iaitu mengkategorikan jenis retorik dalam penulisan makalah penyelidikan berbahasa Melayu.

Setiap dimensi kajian yang dibentuk ditentukan kandungan dimensi kajian. Oleh itu, dalam kajian ini kandungan dimensi kajian untuk strategi retorik terdiri daripada empat maksim kerjasama yang terkandung dalam Teori Prinsip Kerjasama Grice (1975), iaitu maksim kuantiti, maksim kualiti, maksim relevan dan maksim cara. Manakala kandungan dimensi kajian untuk jenis retorik terdiri daripada skema retorik penulisan Brooks dan Warren (1979), iaitu jenis deskriptif, jenis eksposisi, jenis argumentatif, jenis naratif dan jenis persuasif.

Setelah kandungan dimensi ditentukan, kandungan dimensi tersebut dianalisis berdasarkan tema dan subtema yang dibentuk. Tema dan subtema bagi kandungan dimensi yang terdiri daripada maksim kuantiti, maksim kualiti, maksim relevan dan maksim cara dibentuk berpandukan kepada kriteria penulisan wacana ilmiah yang digariskan oleh Asmah Omar (2007). Manakala tema dan subtema bagi kandungan dimensi yang terdiri daripada jenis deskriptif, jenis eksposisi, jenis argumentatif, jenis naratif dan jenis persuasif dibentuk berpandukan kepada kriteria skema jenis retorik penulisan yang digariskan oleh Brooks dan Warren (1979).

Walau bagaimanapun, dalam kajian ini terdapat tema dan subtema bagi kandungan dimensi yang dibina berdasarkan kesesuaian penggunaan tema tersebut dengan konteks penulisan makalah penyelidikan yang dikaji. Misalnya, tema untuk kandungan dimensi maksim kualiti iaitu, kualiti penggunaan bahasa dibina

berpandukan kepada elemen bahasa yang digariskan oleh Gaya Dewan. Pemilihan tema dan subtema penggunaan bahasa daripada Gaya Dewan dibuat kerana jurnal *Kemanusiaan* menggunakan Gaya Dewan sebagai gaya penerbitan jurnal tersebut (Suhana Sobi, komunikasi perseorangan, 24 Julai, 2013). Oleh itu, untuk membentuk subtema bagi kualiti penggunaan bahasa, maka panduan penggunaan bahasa Gaya Dewan digunakan. Huraian lanjut berkenaan tema dan subtema kandungan dimensi yang terdiri daripada maksim kuantiti, maksim kualiti, maksim relevan dan maksim cara adalah seperti berikut:

- a) Tema kandungan dimensi maksim kuantiti terdiri daripada tiga, iaitu had kepanjangan karya, gejala menyumbat dan penggunaan bahasa lewah.
- b) Tema kandungan dimensi maksim kualiti terdiri daripada tiga, iaitu kualiti dari aspek kandungan penulisan, kualiti penggunaan bahasa dan kepatuhan terhadap etika akademik. Setiap tema yang dibina mengandungi subtema. Huraian terperinci bagi setiap subtema maksim kualiti dibincangkan dalam bab lima.
- c) Tema kandungan dimensi maksim relevan terdiri daripada kerelevanan penggunaan teks linear dan kerelevanan penggunaan teks bukan linear.
- d) Tema kandungan dimensi maksim cara terdiri daripada cara pemaparan atau pengorganisasian beberapa bahagian teks yang dianggap penting dan menjadi rujukan kepada pembaca seperti bahagian abstrak, kesimpulan, nota hujung dan bibliografi.

Selanjutnya, huraian berkenaan tema dan subtema bagi kandungan dimensi yang terdiri daripada jenis deskriptif, jenis eksposisi, jenis argumentatif, jenis naratif dan jenis persuasif adalah seperti yang berikut:



- a) Kandungan dimensi jenis naratif diteliti melalui tema yang terdiri daripada tujuan penulisan, tindakan yang disertai dengan urutan peristiwa dan penggunaan sudut pandangan dalam penulisan.
- b) Kandungan dimensi jenis deskriptif diteliti melalui tema yang terdiri daripada gambaran peristiwa, kesan dan tanggapan, dan corak atau kerangka penulisan teks.
- c) Kandungan dimensi jenis eksposisi diteliti melalui tema yang terdiri daripada kaedah perbandingan, kaedah ilustrasi, kaedah pengelasan, kaedah defikanisi dan kaedah analisis.
- d) Kandungan dimensi jenis persuasif diteliti melalui tema elemen pemujukan, emosi dan etika dalam penulisan.
- e) Kandungan dimensi jenis argumentatif diteliti melalui tema pernyataan, sebab dan akibat dan bukti dalam penulisan.

Setelah menentukan dimensi, kandungan dimensi, tema dan subtema bagi setiap kandungan dimensi kajian, unit analisis kajian juga turut ditentukan. Unit analisis merupakan sebahagian daripada bahan teks yang terdiri daripada pelbagai bentuk seperti kata, perenggan, tema, karakter, perkara dan makna yang dipilih untuk dianalisis oleh pengkaji (Babbie, 2004; Berg, 1989; Neuman, 2006). Unit analisis dibentuk untuk mengkaji, mengukur dan mendapatkan gambaran kategori yang dibina dalam kajian (Bailey, 1984; Neuman, 2006).

Dalam kajian ini, unit analisis terdiri daripada teks makalah penyelidikan berbahasa Melayu yang diterbitkan dalam Jurnal KEMANUSIAAN *The Asian Journal of Humanities*. Teks makalah penyelidikan yang dipilih mewakili dimensi yang diukur

dari segi pengkategorian dan analisis keterikatan dimensi dalam kajian. Secara taksiran kualitatif, dalam kajian ini pengkaji menjelaskan berkenaan strategi dan jenis retorik dalam wacana penulisan makalah penyelidikan yang merupakan unit analisis dalam kajian ini. Untuk memberikan lebih pemahaman berkenaan pembentukan dimensi, kandungan dimensi dan unit analisis ini, berikut disertakan Jadual 3.2 yang memaparkan berkenaan pembentukan dimensi, kandungan dimensi dan tema yang berkaitan dengan setiap kandungan dimensi dalam kajian ini.

Jadual 3.2: *Pembentukan Dimensi, Kandungan Dimensi dan Kriteria yang Berkaitan*

| Dimensi          | Kandungan Dimensi | Tema yang Berkaitan  |
|------------------|-------------------|--|
| Strategi Retorik | maksim kuantiti   | <ul style="list-style-type: none"> <li>• had kepanjangan</li> <li>• gejala menyumbat</li> <li>• bahasa lewah</li> </ul>  |
|                  | maksim kualiti    | <ul style="list-style-type: none"> <li>• kandungan penulisan</li> <li>• kesalahan bahasa</li> <li>• etika akademik.</li> </ul>   |
|                  | maksim relevan    | <ul style="list-style-type: none"> <li>• teks linear</li> <li>• teks bukan linear.</li> </ul>  |
|                  | maksim cara       | <ul style="list-style-type: none"> <li>• cara penulisan abstrak</li> <li>• cara penulisan kesimpulan</li> <li>• cara penulisan nota hujung</li> <li>• cara penulisan bibliografi</li> </ul>  |
| Jenis Retorik    | deskriptif        | <ul style="list-style-type: none"> <li>• gambaran peristiwa</li> <li>• kesan dan tanggapan</li> </ul>  |
|                  | eksposisi         | <ul style="list-style-type: none"> <li>• corak atau kerangka penulisan</li> <li>• kaedah perbandingan</li> <li>• kaedah ilustrasi</li> <li>• kaedah pengelasan</li> <li>• kaedah pendefinisian</li> <li>• kaedah analisis</li> </ul> |
|                  | argumentatif      | <ul style="list-style-type: none"> <li>• pernyataan</li> <li>• pembuktian</li> <li>• sebab dan akibat</li> </ul>   |
|                  | persuasif         | <ul style="list-style-type: none"> <li>• kaedah pemujukan</li> <li>• unsur emosi</li> <li>• tindakan dan etika</li> </ul>  |
|                  | naratif           | <ul style="list-style-type: none"> <li>• kaedah penceritaan</li> <li>• urutan peristiwa</li> <li>• sudut pandangan</li> </ul>  |

Setelah melalui peringkat mengurus data yang melibatkan penentuan dokumen kajian, pembentukan dimensi dan kandungan dimensi serta kriteria kandungan dimensi, data yang dikumpulkan perlu melalui peringkat transkripsi data, memahami data dan menganalisis data melalui pembentukan kod dan kategori.

### **3.7.2. Transkripsi Data**

Kesemua data yang dikumpulkan menerusi kaedah analisis dokumen perlu melalui proses transkripsi terlebih dahulu sebelum dianalisis untuk membiasakan diri penyelidik dengan data yang dikumpulkan. Transkripsi ialah proses menyalin dan mentranskripsikan lambakan data kajian (Creswell, 2008). Proses transkripsi dilakukan sebaik sahaja dokumen dimuat turun daripada laman sesawang jurnal *KEMANUSIAAN The Asian Journal of Humanities*.

Dalam kajian ini sebanyak lapan transkripsi dilakukan hasil daripada pengumpulan data menerusi analisis dokumen yang berkaitan. Setelah menjalankan transkripsi data, data dipindahkan atau dieksport ke dalam perisian yang dapat membantu dalam pengurusan data kualitatif yang dikenali sebagai Nvivo 8.0. Kod daripada data dibentuk dan proses ini dilakukan secara sistematik, teliti dan berulang-ulang sehinggalah kesemua transkripsi selesai diteliti dan dikodkan.

### **3.7.3. Memahami Data**

Proses memahami data melibatkan pembacaan dan penelitian transkripsi yang berulang kali. Pada setiap kali pembacaan, catatan dan penandaan bahagian yang tertentu turut dilakukan.

#### 3.7.4. Menganalisis Data


Proses pengkodan dan penganalisan data dijalankan dengan berbantuan perisian Nvivo 8.0. Pengkodan merupakan proses melabel atau memberi kod tertentu kepada sesuatu unit data (Miles & Huberman, 1994). Dalam kajian ini, semasa menjalankan proses pengkodan, kaedah perbandingan berterusan atau *constant comparative method* seperti yang dicadangkan oleh Glaser dan Strauss (1967, dalam Miles & Huberman, 1994) digunakan. Kaedah ini bermaksud setiap kali pengkaji memilih petikan atau teks dan membuat pengkodan, pengkaji akan membandingkan dengan kesemua petikan yang telah dikod sebelum itu.

Straus dan Corbin (1998) menggariskan tiga peringkat pengkodan dalam analisis data bagi membentuk tema atau kategori, iaitu pengkodan terbuka (*open coding*), pengkodan paksi (*axial coding*) dan pengkodan pilihan (*selective coding*). Pengkodan terbuka merupakan peringkat awal pengkategorian. Pada peringkat ini sebahagian data dipisahkan daripada keseluruhan data dan dibandingkan antara satu sama lain. Bahagian yang dikeluarkan diletakkan di bawah satu kumpulan yang sama dan dilabelkan. Seterusnya, pengkodan paksian digunakan untuk menghubungkan pelbagai kategori induk atau kategori yang lebih kecil.

Oleh sebab proses pengkodan dalam kajian ini dijalankan dengan berbantuan perisian Nvivo 8.0, istilah yang boleh digunakan untuk kod terbuka dan kod paksian adalah *free nodes* dan *tree nodes*. Manakala petikan dalam teks yang dikenal pasti disimpan ke dalam item yang dikenali sebagai *Node* (dalam perisian Nvivo 8.0). *Node* boleh mengandungi pelbagai rujukan dan boleh mengekod petikan daripada


sebarang dokumen yang dikaji. Dalam kajian ini data yang telah dikod dilabelkan sebagai satu kategori (dalam istilah Nvivo 8.0 disebut *tree nodes*). Kategori dihasilkan secara membanding beza pola tema dan subtema yang muncul daripada data dengan berpandukan kerangka konseptual kajian. Tema yang muncul daripada data akan mengesahkan dapatan kajian yang dijalankan.

Tatacara penganalisan data yang dibincangkan di atas penting dalam menentukan berjaya atau tidak sesebuah kajian yang dijalankan. Secara keseluruhannya, tatacara penganalisan data kajian ini dapat dibahagikan kepada tiga peringkat, iaitu praanalisis, analisis dan pascaanalisis. Peringkat praanalisis merangkumi proses mengurus data, transkripsi dan memahami data. Manakala peringkat analisis melibatkan proses pengekodan dan analisis data dan peringkat pascaanalisis merangkumi proses kesahan dan pelaporan dapatan kajian. Bagi mendapatkan gambaran yang lebih jelas, berikut disertakan Rajah 3.2 yang memaparkan tatacara penganalisan data teks makalah penyelidikan dalam kajian ini.



Rajah 3.2: Prosedur penganalisan data teks makalah penyelidikan

Sebagai rumusan terhadap perbincangan pemerolehan dan penganalisan data, berikut disertakan Rajah 3.3 yang dapat menjelaskan kerangka metodologi kajian ini.



### 3.8. Kesimpulan

Bab ini telah menerangkan dengan terperinci pemerihalan data kajian, pewajaran pemilihan data kajian berserta statistik data yang dipilih. Seterusnya perbincangan bab ini dikembangkan dengan memperincikan tentang reka bentuk kajian, tatacara pemerolehan dan penganalisan data kajian. Seterusnya dalam bab empat akan dibincangkan paparan data sebenar yang diperoleh daripada sumber yang dibincangkan di atas.



## **BAB EMPAT**

### **ANALISIS STRATEGI RETORIK**


#### **4.1. Pengenalan**

Selari dengan pengertian umum bahawa retorik ialah seni pemakaian bahasa dalam penulisan yang bertujuan menyampaikan maksud dan tujuan dengan lebih berkesan, maka unsur retorik dalam penulisan boleh dijelaskan melalui pelbagai aspek, antaranya ialah dari aspek strategi retorik dan jenis retorik dalam penulisan. Dalam bab satu telah dinyatakan bahawa objektif pertama kajian ini dijalankan adalah untuk menghuraikan strategi retorik yang mendasari penulisan makalah penyelidikan. Oleh itu, bab ini akan membincangkan berkenaan analisis strategi retorik dalam penulisan makalah penyelidikan yang diteliti melalui data kajian yang terdiri daripada lapan makalah penyelidikan berbahasa Melayu yang diterbitkan dalam jurnal KEMANUSIAAN *The Asian Journal of Humanities*.

Bagi mengenal pasti, menganalisis, dan menghuraikan strategi retorik yang terdapat dalam penulisan makalah penyelidikan yang diteliti, analisis kajian dijalankan dengan bersandarkan teori dalam bidang linguistik pragmatik, iaitu Teori Prinsip Kerjasama Grice. Teori ini terdiri daripada empat maksim, iaitu maksim kuantiti, maksim kualiti, maksim relevan dan maksim cara. Manakala dalam membina tema strategi retorik penulisan bagi setiap maksim pula, prinsip penulisan wacana ilmiah yang dihasilkan oleh Asmah Omar (2007) dijadikan sebagai panduan. Rajah 4.1 dan rajah - rajah berikutnya selepas ini memaparkan kerangka analisis strategi retorik penulisan makalah penyelidikan yang telah diubah suai daripada kerangka analisis yang dihasilkan melalui perisian Nvivo 8.0. (Kerangka analisis sebenar yang



dihasilkan melalui perisian NVivo 8.0 adalah seperti yang dipaparkan dalam Lampiran C).




*Rajah 4.1.: Analisis strategi retorik penulisan ilmiah berdasarkan Teori Prinsip Kerjasama Grice*

#### **4.2. Analisis Strategi Retorik Penulisan**

Rajah 4.1 memperlihatkan bahawa analisis strategi retorik penulisan makalah penyelidikan ini dijalankan dengan bersandarkan empat maksim yang terdapat dalam Teori Prinsip Kerjasama Grice, iaitu maksim kuantiti, maksim kualiti, maksim relevan dan maksim cara. Untuk memastikan analisis yang dijalankan lebih menjurus dan terperinci, setiap maksim dianalisis berdasarkan tema-tema tertentu dan setiap tema yang dibina mempunyai subtema-subtema yang lain. Misalnya, analisis maksim kuantiti memfokuskan penelitian terhadap had kepanjangan karya, penggunaan bahasa lewah dan gejala menyumbat. Manakala analisis terhadap maksim kualiti memfokuskan penelitian kepada aspek kualiti kandungan data penulisan; kualiti penggunaan bahasa; dan kepatuhan terhadap etika akademik dalam penulisan. Berikutnya, analisis maksim relevan meneliti kerelevanan penggunaan

unsur teks linear dan teks bukan linear dalam penulisan. Akhir sekali, analisis maksim cara menumpukan penelitian terhadap cara pemaparan atau pengorganisasian data teks penulisan makalah penyelidikan yang terdiri daripada cara menulis bahagian abstrak, bahagian kesimpulan, kaedah penulisan nota hujung dan kaedah penulisan bibliografi. Untuk memudahkan pemahaman, berikut disertakan Rajah 4.2 yang memperlihatkan pengkategorian analisis bagi setiap maksim dengan disokong oleh Jadual 4.1 yang menunjukkan pengkategorian analisis bagi setiap maksim dengan lebih terperinci dalam bentuk jadual.



Rajah 4.2.: Pengkategorian analisis mengikut maksim Grice


Jadual 4.1.: *Kategori Analisis Mengikut Maksim Grice*

| <b>Maksim</b> | <b>Kategori</b>   | <b>Subbahagian 1</b>   |
|---------------|-------------------|--|
| Kuantiti      | Had Kepanjangan   | - Abstrak<br>- Halaman   |
|               | Gejala Menyumbat  | - Contoh tidak perlu<br>- Nota Hujung<br>- Petikan sumber Tidak Perlu        |
|               | Bahasa Lewah      | - Pengulangan  |
| Kualiti       | Bahasa            | - Tatabahasa<br>- Tanda Bacaan<br>- Penggunaan Huruf Condong dan Huruf Besar |
|               | Kandungan         | - Data   |
|               | Etika Akademik    | - Rujukan<br>- Objektif  |
| Relevan       | Teks Bukan Linear |  |
|               | Teks Linear       |  |
| Cara          | Organisasi Teks   | - Abstrak<br>- Nota Hujung<br>- Bibliografi<br>- Kesimpulan                  |

#### 4.2.1. Maksim Kuantiti

Maksim Kuantiti (MK) adalah maksim yang perlu dipatuhi dalam apa juga bentuk penulisan. Maksim kuantiti menekankan kepada sumbangan maklumat yang mencukupi atau sekadar diperlukan sahaja dan tidak menjadikan maklumat tersebut melebihi daripada apa yang diperlukan (Grice, 1975).

Dalam kajian ini, analisis maksim kuantiti diteliti melalui had kepanjangan menulis, gejala menyumbat (*padding*) dan penggunaan bahasa lewah dalam penulisan. Untuk menjadikan analisis maksim kuantiti ini lebih terfokus, tema bagi maksim kuantiti yang dibina dibahagikan kepada subtema-subtema yang lain. Berikut disertakan Rajah 4.3 yang memperlihatkan pengkategorian analisis maksim kuantiti dalam kajian ini.



*Rajah 4.3: Analisis maksim kuantiti*

#### **4.2.1.1. Had Kapanjangan**

Analisis had kapanjangan penulisan dijalankan dengan bersandarkan garis panduan penulisan makalah dalam jurnal (lihat Lampiran A). Analisis had kapanjangan dalam penulisan memfokuskan penelitian terhadap dua perkara, iaitu had kapanjangan halaman dalam penulisan dan had kapanjangan penulisan abstrak.

Hasil analisis memperlihatkan bahawa terdapat unsur pematuhan dan pelanggaran maksim kuantiti dari aspek had kapanjangan penulisan dalam makalah penyelidikan yang dikaji. Sebagai contoh, had kapanjangan penulisan halaman yang ditetapkan dalam garis panduan penulisan makalah adalah antara 20 hingga 30 halaman. Walau bagaimanapun, didapati hanya penulisan (M merujuk kepada makalah) M3, M4, M5,

M6, dan M8 sahaja yang mematuhi had kepanjangan penulisan yang ditetapkan. Manakala penulisan M1, M2 dan M7 didapati melanggar had kepanjangan penulisan yang telah ditetapkan. Sebagai contoh M1 dan M7 ditulis kurang daripada 20 halaman, sementara M2 ditulis melebihi daripada 30 halaman.

Perkara yang sama juga dilihat berlaku dalam analisis had kepanjangan penulisan abstrak. Mengikut garis panduan penerbitan, penulisan abstrak adalah tidak melebihi daripada 200 patah perkataan. Walau bagaimanapun, didapati abstrak M2 ditulis melebihi daripada had kepanjangan yang ditetapkan. Sementara penulisan abstrak makalah M1, M3, M4, M5, M6, M7 dan M8 didapati mematuhi had kepanjangan penulisan abstrak seperti yang ditetapkan. Oleh itu, dapat dikatakan bahawa tidak semua penulisan makalah mematuhi had kepanjangan menulis seperti yang ditetapkan dalam garis panduan penulisan makalah.

#### **4.2.1.2. Gejala Menyumbat**

Analisis gejala menyumbat dalam penulisan dijalankan melalui penelitian terhadap penggunaan data yang tidak berkaitan dengan tajuk penulisan; petikan dan kajian lepas yang tidak menyokong tajuk penulisan, dan penggunaan nota hujung. Dapatan analisis menunjukkan berlaku pelanggaran maksim kuantiti dari aspek gejala menyumbat dalam penulisan M1, M2, dan M5. Berikut disertakan contoh-contoh ayat yang menunjukkan contoh gejala menyumbat dalam penulisan M1, M2 dan M5.

##### **Contoh M1**

- a. Berdasarkan Undang-undang Pelabuan Kedah versi ML 25 dan Raf 77, didapati bahawa perkataan **تيوسن** “utusan” yang diragui itu sebenarnya ialah **توبسن** “tebusan” seperti yang terdapat dalam petikan berikut:

? dan jika kapal itu membawa tebusan seemas pada seorang hasilnya pada yang menebus, dan pada yang berjual dua kupang ? (Raf 77, 156, baris 3)

(hal.9 )

- b. Begitu juga dengan perkataan “lambu” (bil. 4 dalam Jadual 1) yang dieja dalam Raf 77 dan MS 40329 dan (2 kali) / (sekali) dalam ML 25, telah dibaca sebagai “lembu” oleh Winstedt (1928) dan Abu Hassan (2006), dibaca “lambu” oleh Mariyam (2005) dan dibaca “Lombok” oleh Siti Hawa (1999).

(hal.9 )

Contoh M1 (a) memperlihatkan penerapan unsur petikan yang tidak berkaitan dengan tajuk penulisan M1. Secara umum penulisan M1 membincangkan berkenaan Undang - Undang P0elabuhan Kedah mengikut Versi Raf. 77. Walau bagaimanapun, petikan dalam contoh M1 (a) menghuraikan kekeliruan ejaan “utusan” atau “tebusan” yang terkandung dalam Undang -Undang Pelabuhan Kedah Versi Raf 77. Oleh itu, petikan ini didapati tidak berkenaan dengan tajuk yang dibincangkan dalam penulisan M1 dan dikategorikan sebagai gejala penyumbat dalam penulisan.

Begitu juga dengan contoh M1 (b) yang memaparkan kajian - kajian lepas yang tidak berkenaan dengan tajuk penulisan. Dalam contoh ini, kajian lepas yang dirujuk daripada Winstedt (1928), Abu Hassan (2006), Mariam (2005) dan Siti Hawa (1999) adalah berkenaan kesalahan ejaan barang-barang yang dikenakan cukai, kajian lepas ini didapati tidak berkaitan dengan tajuk penulisan, iaitu sejarah percukaian dalam undang-undang Pelabuhan Kedah. Oleh yang demikian, penerapan kajian lepas seumpama ini juga dianggap sebagai gejala menyumbat dalam penulisan dan melanggar maksim kuantiti sehingga menjadikan maklumat yang ingin disampaikan dalam penulisan melebihi daripada yang sepatutnya.

Contoh M2

- a. Kerjasama strategik melalui pelbagai bentuk kerjasama antara firma pada peringkat antarabangsa merupakan satu fenomena yang signifikan kini (Dickens 1992).  
(hal. 46 )
- b. Pada pertengahan tahun 1970-an, Jepun telah muncul sebagai pengeksport modal yang semakin menonjol dan beliau mendapati pergerakan modal oleh syarikat Jepun adalah berbeza dengan pengalaman yang ditunjukkan oleh syarikat di Amerika Syarikat. Syarikat Jepun lebih tertumpu kepada negara membangun terutamanya di wilayah Asia Tenggara manakala syarikat daripada Amerika Syarikat lebih tertumpu dalam kalangan negara maju terutamanya di negara-negara Eropah (Dunning 1993).  
(hal. 54 )
- c. Pada peringkat awal industrialisasi, Pulau Pinang amat bergantung kepada status pelabuhan bebas dan sektor pertanian sebagai sumber pendapatannya. Pada 1960-an, negeri ini mengalami kadar pengangguran yang tinggi, migrasi keluar yang besar, kejatuhan dalam perdagangan pelabuhan bebas dan kekurangan potensi dalam pertumbuhan sektor pertanian akibat kekurangan tanah untuk peluasan aktiviti berkenaan. Ekonomi negeri ini menerima kesan buruk apabila status pelabuhan bebasnya ditarik balik oleh kerajaan pusat pada akhir 1960-an. Penarikan status pelabuhan bebas akibat daripada pemindahan ibu pejabat Negeri-negeri Selat ke Singapura, telah menyebabkan Singapura muncul sebagai pelabuhan bebas utama di rantau Asia Tenggara. Hal ini telah mengurangkan kepentingan peranan Pulau Pinang sebagai pelabuhan bebas. Keadaan ini diburukkan lagi dengan konfrontasi oleh Indonesia pada 1963–1966 dan kejatuhan perdagangan dengan Thailand dan Burma (kini dikenali sebagai Myanmar) (Kamal dan Young 1986). Lantaran tiadanya alternatif ekonomi yang lain pada masa tersebut, peluang pekerjaan sukar diperolehi. Keadaan ini telah menyebabkan kadar pengangguran mencecah setinggi 16 peratus iaitu dua kali ganda kadar purata negara. Hal ini menyebabkan negeri Pulau Pinang mencatatkan kadar migrasi keluar yang tertinggi di Malaysia ketika itu.  
(hal. 52 )
- d. Vernon membahagikan proses pengeluaran kepada tiga tahap iaitu tahap pengeluaran baru, tahap matang dan tahap piawai. Beliau mengandaikan bahawa pada tahap pertama, semua pengeluaran dilaksanakan di Amerika Syarikat di kawasan bandaraya dengan tujuan untuk mendapatkan pulangan yang tinggi dan permintaan luar dilayan dengan mengeksport barangan dari Amerika Syarikat. Pada tahap kedua, pengeluaran menjadi matang apabila teknologi semakin terpiawai, pesaing mula muncul dan kos pengeluaran menjadi semakin penting. Pada tahap ini, firma pengeluaran mula memberi lesen kepada pengeluar tempatan atau membina firma cawangan di luar negara dengan syarat kos pengeluaran di Amerika Syarikat adalah lebih tinggi

daripada kos pengeluaran di luar negara. Pada tahap ketiga, persaingan harga menjadi semakin sengit dan pengeluaran pula berkemungkinan besar dipindahkan ke negara dunia ketiga untuk menikmati kos pengeluaran yang rendah dan pulangan yang tinggi. Namun demikian, model ini tidak dapat menjelaskan fenomena pelaburan antarabangsa yang menjadi semakin kompleks pada peringkat global.

(hal. 1 )

- e. Cawangan syarikat Motorola misalnya, telah berkembang daripada aktiviti pemasangan asas papan litar bersepadu (PCB) untuk alat kelui dan sistem telefon peribadi kepada aktiviti rekabentuk, pembangunan dan pengeluaran berautomasi PCB serta rekabentuk dan pembangunan litar bersepadu dan lain-lain produk berkaitan. Begitu juga dengan kilang Hewlett Packard di Asia Tenggara yang telah berkembang daripada pemasangan mesin pengira kepada pengeluaran, pembangunan peralatan dan rekabentuk proses termasuklah rekabentuk *chip* untuk pencetak mudah alih, komputer peribadi dan juga *server*. Sementara itu, syarikat Compaq pula telah meningkatkan tanggungjawab dan aktiviti operasi wilayah daripada pemasangan PCB kepada keseluruhan tanggungjawab korporat untuk reka bentuk dan pengeluaran *notebook* dan komputer peribadi.

Contoh M2 (a) dan (b) menunjukkan penerapan kajian lepas yang tidak mempunyai kaitan dalam menjelaskan berkenaan subtajuk ‘Pelaburan Asing dan Pengantarabangsaan Modal’. Selain itu, analisis juga menunjukkan dalam penulisan M2 terdapat penerapan huraian data yang tidak mempunyai kaitan dengan tajuk penulisan. Maksud yang tidak mempunyai kaitan di sini ialah huraian data tersebut tidak menyokong atau membantu dalam menjelaskan tajuk atau subtajuk dalam penulisan. Hal ini dapat dilihat melalui contoh M2(c), (d) dan (e). Misalnya, contoh M2 (c) yang menjelaskan berkenaan sejarah pelabuhan Pulau Pinang dan perenggan ini ditulis di bawah tajuk ‘Perkembangan Sektor Pembuatan dan Lokasi Industri di Pulau Pinang’. Selain itu, contoh M2 (c) menunjukkan penerapan data yang di luar daripada lingkungan tahun yang dibincangkan dalam penulisan makalah ini, iaitu dari tahun 1970 sehingga 2007 turut dibincangkan dalam penulisan. Manakala contoh M2 (d) dan (e) merujuk kepada contoh-contoh data yang tidak mempunyai kaitan dengan



tajuk atau subtajuk penulisan M2 tetapi turut dimuatkan dalam penulisan M2. Oleh yang demikian, dapat dikatakan bahawa penulisan M2 ini dilihat sebagai melanggar maksim kuantiti apabila penulisan ini menerapkan data-data yang tidak berkaitan dengan tajuk penulisan sehingga maklumat yang disampaikan dalam penulisan M2 melebihi daripada data yang sepatutnya diterapkan dalam penulisan.

Berikutnya, analisis gejala menyumbat dari aspek penggunaan kaedah nota hujung. Kaedah nota hujung ialah satu kaedah yang digunakan dalam penulisan ilmiah untuk memuatkan maklumat sampingan berkenaan tajuk penulisan dalam bentuk nota yang ringkas. Nota hujung pada kebiasaannya ditulis di bahagian catatan akhir bab sebelum rujukan. Penggunaan kaedah nota hujung dalam penulisan makalah ilmiah sewajarnya memberi keutamaan terhadap penerapan maklumat tambahan dalam konteks untuk menyokong huraian dalam penulisan. Walau bagaimanapun, penggunaan kaedah nota hujung boleh menjadi gejala menyumbat sekiranya terlalu banyak maklumat tambahan yang diterapkan melalui kaedah tersebut.

Analisis menunjukkan terdapat gejala menyumbat melalui penulisan nota hujung dalam penulisan M5. Daripada penelitian didapati lambakan maklumat tambahan, contoh-contoh yang tidak berkaitan dan rujukan kajian lepas yang kurang relevan dengan penulisan diterapkan dalam penulisan M5. Hal ini dapat dilihat melalui bilangan nota hujung yang ditulis di akhir bab penulisan M5, iaitu sebanyak 73 nota dan ditulis dalam tujuh halaman. Selain itu, analisis mendapati terdapat kekeliruan penggunaan kaedah nota hujung dalam penulisan M5. Misalnya, maklumat tambahan yang dinyatakan di bahagian nota hujung lebih sesuai sekiranya ditulis dalam bentuk

rujukan atau bibliografi berbanding dengan meletakkannya sebagai nota hujung.

Perkara ini dapat dilihat melalui penulisan nota hujung bilangan 3, 5, 6, 12 dan 54.

Seterusnya, analisis juga menunjukkan dalam penulisan M5 terdapat data yang tidak berkenaan dengan tajuk penulisan turut diterapkan dalam nota hujung seperti contoh yang berikut:

#### Contoh M5

- a. Jawapannya jelas sekali, iaitu kerana digunakan untuk projek-projek pembangunan negara dan pindah milik terutama di negeri-negeri Pantai Barat Semenanjung.<sup>29</sup> Sebenarnya masalah pindah milik Tanah Rizab Melayu kepada bukan Melayu telah pun berlaku sejak tahun 1920-an. Orang Melayu menjual dan menggadaikan tanah-tanah mereka, khususnya kepada ceti-ceti yang merupakan pemegang tanah-tanah tersebut. Di Perak misalnya, ketua-ketua Melayu di negeri itu membantah perbuatan pemilik-pemilik Tanah Rizab Melayu yang mengadakan perjanjian sulit dengan orang Cina untuk menyewakan tanah mereka.<sup>30</sup> Akibat berleluasanya perbuatan pindah milik kepada bukan Melayu, maka pada tahun 1933 kerajaan telah membuat pindaan ke atas Enakmen Rizab Melayu 1913.<sup>31</sup>

(hal. 44)

- b. Misalnya pada tahun 1923, keluasan Tanah Rizab Melayu di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu iaitu Perak, Selangor, Pahang dan Negeri Sembilan ialah seluas 1,167,204 hektar. Akan tetapi hanya seluas 588,000 hektar sahaja yang sesuai untuk pertanian. Ini bererti lebih separuh daripada keluasan Tanah Rizab Melayu itu terdiri daripada hutan belantara dan gunung-ganang.<sup>35</sup> Sebaliknya, kampung-kampung Melayu yang mempunyai kepentingan ekonomi seperti di Perak dan Selangor tidak dijadikan Tanah Rizab Melayu.<sup>36</sup> Tanah Rizab Melayu yang diisytiharkan semasa penjajah British itu bukan sahaja terdiri daripada tanah hutan dan gunung-ganang yang terletak jauh di pedalaman dan tidak ada nilai ekonomi, malah kebanyakan tanah-tanah itu dalam kelas tiga, empat dan lima (terletak di luar bandar) kerana pihak pentadbir British tidak pernah merizabkan tanah kelas satu dan dua yang terletak dalam bandar-bandar kecuali di negeri Kelantan.<sup>37</sup>

(hal. 45)

Contoh M5 (a) dan (b) memperlihatkan contoh nota hujung yang menjelaskan berkenaan pelaksanaan Tanah Rizab Melayu di Negeri - Negeri Melayu Bersekutu.

Huraian ini merupakan data sokongan daripada perbincangan berkenaan tajuk utama penulisan, iaitu pelaksanaan Tanah Rizab Melayu di Negeri Kelantan. Oleh yang demikian, maklumat tambahan tersebut tidak perlu dihuraikan secara terperinci pada bahagian nota hujung. Selain contoh M5 (a) dan (b), maklumat tambahan yang dihuraikan secara terperinci dapat dilihat pada nota hujung bilangan 29, 30, 31, 35, 36 dan 37 .

Dalam penulisan M5, juga dapat dilihat contoh-contoh yang tidak berkaitan turut dimuatkan dalam penulisan nota hujung seperti yang berikut:

- c. Misalnya pada tahun 1923, keluasan Tanah Rizab Melayu di Negeri - Negeri Melayu Bersekutu iaitu Perak, Selangor, Pahang dan Negeri Sembilan ialah seluas 1,167,204 hektar. Akan tetapi hanya seluas 588,000 hektar sahaja yang sesuai untuk pertanian. Ini bererti lebih separuh daripada keluasan Tanah Rizab Melayu itu terdiri daripada hutan belantara dan gunung-ganang.<sup>35</sup>  
(hal. 44)

Dalam contoh M5 (c) ini, nota hujung bilangan 35 memperincikan contoh keluasan tanah rizab Melayu di Negeri Melayu Bersekutu. Walau bagaimanapun, didapati maklumat tersebut tidak menyokong huraian berkenaan tajuk penulisan.

Begitu juga halnya dengan petikan-petikan sumber yang kurang relevan dengan tajuk penulisan yang turut dimuatkan dalam penulisan nota hujung. Analisis mendapati terdapat beberapa petikan sumber rujukan yang tidak mempunyai perkaitan dengan tajuk tetapi turut disenaraikan di bahagian nota hujung penulisan M5. Contoh-contoh nota hujung tersebut adalah seperti berikut:

- d. Nota hujung bilangan 30; Sila rujuk Abdul Rahim Awang Kecik, "Tanah Rizab Melayu Hasrat Inggeris Ketika Merancang," *Dewan Masyarakat*

17, no. 7 (Julai 1979): 47–48. Menurut Nik Abdul Rashid, orang Melayu dianggap sebagai pemilik *de jure*, sedangkan orang bukan Melayu sebagai pemilik *de facto*. Lihat Nik Abdul Rashid, *Land Law and Land Administration*, 142.

(hal. 60)

- e. Nota hujung bilangan 32; Meskipun begitu, menurut Tun Dr. Mahathir Mohamad, orang Melayu patut malu dengan pemberian hak keistimewaan seperti Tanah Rizab Melayu ini. Beliau berpendapat hak keistimewaan Tanah Rizab Melayu bukan simbol ketuanan kerana hak Ketuanan Melayu sebenar hanya boleh dimiliki apabila mereka mempunyai kekuatan dan kemampuan untuk menyaingi kaum Cina dan India dalam bidang ekonomi tanpa sokongan daripada kerajaan. Orang Melayu sepatutnya merasa malu dengan keistimewaan tanah rizab Melayu yang diberikan oleh kerajaan kepada mereka kerana ia menunjukkan mereka masih lemah dan perlu dilindungi. Lebih lanjut lihat *Utusan Malaysia*, 23 Ogos 2004, Putrajaya.

(hal. 60 )

- f. Nota hujung bilangan 33; Selain itu, sistem pegangan tanah di Sarawak juga telah mengakui hak istimewa kaum bumiputera terhadap tanah. Sebahagian besar tanah di Sarawak telah diwartakan sebagai kawasan tanah bumiputera yang hanya boleh dimiliki di bawah hak milik persendirian oleh kaum bumiputera. Manakala di Sabah pula, perizaban tanah untuk sesuatu bangsa atau masyarakat tertentu tidak wujud, tetapi sebidang tanah yang dimiliki oleh seseorang itu boleh ditukar kepada tanah hak milik bumiputera apabila diminta oleh tuan punya tanah itu atau semasa pemberian milik dibuat terhadap tanah itu. Lihat Ridzuan Awang, *Undang-undang Tanah Islam: Pendekatan Perbandingan* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1994), 297

(hal. 61 )

Daripada contoh M5 (d), (e) dan (f) ini, ayat yang bergaris menunjukkan contoh petikan daripada sumber rujukan seperti *Dewan Masyarakat*, *Land Law and Land Administration*, *Utusan Malaysia* dan *Undang-undang Tanah Islam: Pendekatan Perbandingan* yang ditulis dalam nota hujung bilangan 30, 32 dan 33. Contoh petikan ini dianggap sebagai gejala menyumbat kerana petikan tersebut hanya berfungsi sebagai maklumat sampingan dan tidak menyokong huraian berkenaan subtauk dalam penulisan tersebut. Selain itu, penerapan petikan-petikan tersebut

dalam nota hujung dianggap melanggar maksim kuantiti dalam penulisan apabila sumbangan maklumat yang disampaikan melalui sesuatu penulisan melebihi daripada maklumat yang sepatutnya.

#### **4.2.1.3. Penggunaan Bahasa Lewah**

Perkataan ‘lewah’ membawa maksud berlebih-lebihan sehingga tertambah perkara, hal, dan sebagainya yang tidak perlu (Nik Safiah Karim, *et al.*, 2003). Manakala konsep ‘lewah’ bermaksud penggunaan bahasa yang berlebih-lebihan sehingga tertambah perkara yang tidak perlu atau berlaku ulangan makna yang sia-sia (Lee & Raja Masittah, 2007). Kelewahan dalam penulisan berlaku apabila terdapat penambahan ataupun pengulangan unsur yang sudah wujud dalam penulisan tersebut. Mengikut hukum tata bahasa bahasa Melayu, ayat yang digunakan secara berlebih-lebihan dianggap sebagai lewah dan tidak gramatis. Dalam lingkungan nahu bahasa Melayu, kelewahan dalam penulisan melibatkan elemen seperti imbuhan, perkataan, frasa dan ayat (Hamidah Abdul Wahab, 2012).

Penggunaan bahasa lewah dalam penulisan didapati melanggar maksim kuantiti. Hal ini kerana, bahasa lewah dalam penulisan menyebabkan maklumat yang disampaikan tidak bersifat informatif dan melebihi daripada maklumat yang sepatutnya. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kelewahan dari aspek perkataan, frasa, imbuhan dan ayat dilihat kerap berlaku dalam penulisan M2, M3, M4, M5, M6, M7 dan M8. Huraian bagi setiap unsur bahasa lewah dalam penulisan makalah yang dikaji adalah seperti yang berikut:

#### 4.2.1.3.1 Kelewahan Perkataan

Unsur kelewahan perkataan dalam penulisan berlaku apabila dua kata sendi nama yang lazimnya membawa maksud yang sama dan digunakan secara berurut-turut. Analisis memperlihatkan bahawa perkataan lewah yang banyak terdapat dalam penulisan ialah penggunaan kata sendi nama ‘dan juga’. Berikut ialah contoh-contoh ayat yang mengandungi perkataan lewah ‘dan juga’ dalam setiap penulisan makalah.

##### Contoh M2

- a. Perkembangan sektor perindustrian pembuatan terutamanya sektor Barangan Elektrik dan Elektronik (BEE) telah membawa banyak perubahan kepada struktur ekonomi, pola guna tenaga dan juga pembangunan kawasan di Malaysia.  
(hal. 43)
- b. Sektor BEE adalah penting kepada pertumbuhan ekonomi Pulau Pinang kerana sumbangannya kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), selain turut menyediakan peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan dan juga telah menarik ramai tenaga buruh dari negeri lain untuk bekerja di negeri ini.  
(hal. 44)
- c. PLA juga mempunyai motif atau objektif yang lain seperti untuk menembusi pasaran negara asing, untuk mewujudkan hubungan yang terjamin dengan pembekal dan juga untuk mengatasi halangan-halangan perdagangan seperti tarif.  
(hal. 45)
- d. Peningkatan pesat PTA dalam tahun 1970-an dan 1980-an disebabkan oleh kombinasi beberapa faktor seperti revolusi pengangkutan, telekomunikasi dan juga teknologi komputer (Laszlo 1994).  
(hal. 47)
- e. Penekanan terhadap sektor industri disebabkan ketiadaan kawasan tanah yang luas di negeri ini untuk membangunkan sektor pertanian dan juga kekurangan sumber asli kecuali pantai indah yang sesuai untuk sektor pelancongan.  
(hal. 55)

- f. ...usaha-usaha perlu dipertingkatkan daripada segi perundangan, infrastruktur dan juga sumber manusia untuk menarik pelaburan yang diingini dan mengekalkan momentum pertumbuhan ekonomi tempatan.

(hal. 65)

#### Contoh M3

- a. Watak ini mendapat tempat yang penting dan sering digambarkan kehebatan watak ini dari segi kemampuan kognitifnya dan juga ketahanan dirinya menghadapi kemiskinan yang membelenggu hidup keluarganya.

#### Contoh M5

- a. Enakmen Rizab Melayu tahun 1913 mempunyai dua objektif, iaitu untuk menyekat sebarang perundingan terhadap Tanah Rizab Melayu sebagai barang perniagaan dan juga untuk menyelamatkan orang Melayu daripada dibebani hutang melalui urus niaga tanah.

(hal. 38)

- b. Tegasnya Enakmen Tanah Rizab Melayu Kelantan dan juga enakmen-enakmen Tanah Rizab Melayu bagi Negeri-Negeri Melayu Tidak Bersekutu yang lain seperti Terengganu, Kedah, Perlis dan Johor<sup>18</sup> memperuntukkan semua urusan dan segala percubaan untuk melepaskan mana-mana Tanah Rizab Melayu....

(hal.41)

- c. ... kawasan Tanah Rizab Melayu diperuntukkan khas kepada orang-orang Melayu bagi melindungi hak mereka dan menyekat bangsa asing daripada memilikinya melalui penjualan dan juga penggadaian tanah.

(hal. 43)

- d. ...memandangkan prospek yang ditawarkan oleh getah menyebabkan sebahagian petani mula menanam getah di tanah baru dan juga di tanah yang dahulunya ditanam dengan padi huma.

(hal. 56)

#### Contoh 7

- a. wacana sebagai satuan bahasa terlengkap; dalam hierarki gramatikal dan juga merupakan satuan tertinggi atau terbesar.

(hal. 92)

Daripada contoh-contoh yang dinyatakan di atas, penggunaan perkataan ‘dan’ dan ‘juga’ masing-masing membawa makna yang sama, iaitu berkaitan dengan tujuan. Oleh yang demikian, kedua-dua perkataan tersebut tidak sewajarnya diulang atau

digandakan kerana pengulangan perkataan tersebut hanya akan mewujudkan konsep kelewahan dalam penulisan. Penggunaan salah satu daripada perkataan tersebut dianggap sudah mencukupi. Selain perkataan lewah dari aspek kata sendi nama, perkataan lewah juga didapati berlaku melalui penggunaan rangkai kata dalam ayat seperti contoh yang berikut:

#### Contoh M8

- a. Pada masa dahulu ketika komunikasi tidak begitu lancar dan meluas, orang yang tinggal di satu daerah geografi dinamakan satu bangsa.

(hal. 65).

- b. Pada masa ini, sebuah bangsa mungkin tersebar ke serata dunia.

(hal. 65).

Dalam bahasa Melayu, rangkai kata ‘pada masa ini’ bermaksud kini atau sekarang. Oleh yang demikian, apabila perkataan ‘kini’ ditulis sebagai ‘pada masa ini’ perkataan atau rangkai kata tersebut dianggap lewah. Begitu juga dengan rangkai kata ‘pada masa dahulu’ yang bermaksud masa dahulu, apabila perkataan tersebut ditulis sebagai ‘pada masa dahulu’, rangkai kata tersebut dianggap perkataan lewah. Perkataan yang tepat ialah ‘dahulu’.

#### 4.2.1.3.2. Kelewahan Imbuhan

Kelewahan imbuhan yang sering berlaku adalah melalui penggunaan imbuhan adjektif *memper...kan*, dan *memper...i* bagi ayat aktif dan *imbuhan diper...kan*, dan *diper...i* bagi ayat pasif. Kelewahan dalam imbuhan berlaku apabila bentuk-bentuk imbuhan seperti ini digandingkan dengan kata adjektif. Antara contoh imbuhan lewah yang terdapat dalam penulisan yang diteliti adalah seperti yang berikut:



## Contoh M2

- a. Hymer merupakan orang pertama yang mencadangkan bahawa PLA akan wujud sekiranya firma yang membuat pelaburan tersebut memperolehi kelebihan tertentu berbanding dengan firma tempatan...  
(hal. 47)
- b. Lantaran tiadanya alternatif ekonomi yang lain pada masa tersebut, peluang pekerjaan sukar diperolehi  
(hal. 55)
- c. Pulau Pinang menawarkan tapak pengeluaran yang sangat strategik yang dipengaruhi oleh faktor-faktor seperti kesediaan tapak kilang yang dilengkapi dengan kemudahan infrastruktur yang baik dan mencukupi...  
(hal. 65)
- d. Sektor industri elektronik di Malaysia dan Pulau Pinang khususnya terus dipengaruhi oleh keputusan strategik oleh *global flagship*.  
(hal. 70)

Daripada contoh-contoh yang dinyatakan ini, penggunaan imbuhan yang tepat ialah *memper....* . Imbuhan *memper...kan* dan *memper...i* hanya boleh digandingkan dengan kata nama dan kata kerja. Walau bagaimanapun, apabila imbuhan *memper...kan*, *diper...kan*, *memper...i* dan *diper...i* digandingkan dengan kata adjektif imbuhan tersebut dianggap lewah.

### 4.2.1.3.3. Kelewahan Frasa

Berikutnya ialah penggunaan frasa lewah dalam penulisan. Daripada penelitian, didapati penggunaan frasa lewah yang ketara dalam penulisan M4. Contoh-contoh frasa lewah dalam penulisan M4 adalah seperti berikut:

#### Contoh M4

- a. Namun, apa yang lebih penting ialah kesahihan peristiwa Israk Mikraj harus terus dipelihara dan dipertahankan daripada sebarang unsur-unsur negatif dan penghinaan terhadap Islam dan umatnya.  
(hal. 53)
- b. Diriwayatkan oleh Anas RA, antara tempat-tempat berkenaan ialah Yathrib, Tursina iaitu tempat Nabi Musa AS bermunajat kepada Allah SWT dan Bayt al-Laham iaitu tempat Nabi 'Isa AS dilahirkan.  
(hal. 57)
- c. Keadaan ini berlaku berulang-ulang kali...  
(hal. 58)
- d. Dalam *Risalat al-Ghufran*, al-Ma'arri menyebut terdapat ulama yang berpendapat bahawa ramai penyair-penyair zaman Jahiliyah mahupun Islam yang akan menjadi penghuni neraka.  
(hal. 66)
- e. Antara penyair-penyair tersebut ialah al- A'sha, al-Nabighah, 'Adi dan beberapa orang lagi.  
(hal. 67)
- f. Selain itu, al-Ma'arri menyatakan bahawa Imr al-Qays, 'Antarah, Tarfah dan al-Akhtal adalah antara penyair-penyair yang berada di dalam neraka tersebut.  
(hal. 67)
- g. Perkara ini bukan sahaja disandarkan peristiwa Israk Mikraj sahaja, tetapi ia turut melibatkan beberapa lagi kisah-kisah al-Quran seperti kisah Nabi Yusuf AS dan Zulaykha, juga kisah Taufan Nabi Nuh A.S.  
(hal. 46 )

Penggunaan frasa lewah dalam ayat M4 (a), (b), (c), (d), (e), (f), dan (g) dapat dilihat melalui pengulangan kata bilangan seperti 'sebarang unsur-unsur negatif', 'antara tempat-tempat', 'berulang-ulang kali', 'ramai penyair-penyair', 'antara penyair-penyair', dan 'beberapa lagi kisah-kisah'. Perkataan 'ramai' misalnya merujuk kepada bilangan lebih daripada satu tetapi diulang menjadi 'ramai penyair-penyair'. Hal ini menyebabkan berlakunya frasa lewah dalam penulisan. Begitu juga dengan

pengulangan kata nama selepas perkataan ‘antara’. Mengikut hukum tatabahasa kata nama yang hadir selepas kata sendi ‘antara’ tidak boleh diulang kerana perkataan antara sudah bermaksud bilangan atau lebih daripada satu, yakni sekurang-kurangnya dua unsur. Oleh yang demikian, pengulangan kata bilangan dalam penulisan ini telah menimbulkan kelewahan dalam penulisan.

#### **4.2.1.3.4. Kelewahan Dalam Ayat**

Penelitian terhadap penggunaan bahasa lewah dalam penulisan juga memfokuskan kepada unsur pengulangan ayat dalam penulisan yang membawa makna yang sama. Berdasarkan penelitian, didapati unsur pengulangan yang ketara dalam penulisan M3, M4 dan M5. Dapat dikatakan unsur pengulangan dalam penulisan berlaku dalam tiga keadaan, iaitu pengulangan ayat yang membawa maksud yang sama secara berturutan antara satu perenggan dengan perenggan yang lain, pengulangan ayat yang membawa maksud yang sama dalam satu perenggan yang sama dan pengulangan ayat yang membawa maksud yang sama yang berlaku di sana sini dalam halaman yang berlainan. Contoh pengulangan ayat yang membawa maksud yang sama secara berturutan antara perenggan dengan perenggan yang lain dapat dilihat melalui penulisan M3 (a) dan M4 (a) seperti contoh yang berikut:

##### **Contoh M3**

##### **a. Perenggan 1**

Belitong terkenal dengan timah dan lada hitamnya. Pulau yang seluas 3,000 batu persegi itu mempunyai pantai yang cantik, dan hasil bumi yang lumayan. Walau bagaimanapun, pada waktu yang sama, pulau ini juga kaya dengan kemiskinan.

## Perenggan 2

“...Belitong adalah sebuah tempat yang kaya dengan hasil bumi tetapi kebanyakan penduduknya adalah miskin”

(hal. 36 )

### Contoh M4

#### a. Perenggan 1

Tidak dapat dinafikan bahawa kehebatan peristiwa Israk Mikraj ini telah mempengaruhi dunia kesusasteraan bukan sahaja dalam ruang lingkup kesusasteraan Arab malah juga kesusasteraan Barat.

#### Perenggan 2

Hakikatnya, peristiwa Israk Mikraj mempunyai peranannya yang tersendiri dalam perkembangan kesusasteraan Arab dan Barat.

(hal. 22)

Manakala unsur pengulangan ayat yang membawa maksud yang sama dalam satu perenggan yang sama dapat dilihat seperti melalui contoh M3 (b) dan (c). Ayat yang digariskan menunjukkan berlakunya pengulangan fakta yang mempunyai maksud yang sama dalam satu perenggan.

### Contoh M3

- b. “...Dari segi fizikal, wujud satu kawasan elit yang dikenali sebagai Gedong, yang kehidupannya lebih baik berbanding di tempat-tempat lain. Wujud tembok pemisah dan dikonkritkan dengan tanda amaran, ‘Dilarang Masuk bagi Yang Tidak Memiliki Hak’. Gedong adalah satu kawasan yang wujud hasil daripada perlombongan bijih timah oleh sebuah syarikat yang dikenali sebagai PT Timah dan syarikat ini menjalankan perlombongan timah yang diwarisi daripada penjajah. Kewujudan Gedong telah mewujudkan satu kawasan elit yang mempunyai pelbagai kemudahan untuk staf yang bekerja di situ seperti perumahan, pendidikan dan keselamatan....”

(hal. 36 )

- c. Oleh kerana sekolah ini merupakan sebuah sekolah elit, pelajar dan gurunya memandang rendah kepada sekolah-sekolah lain seperti

Sekolah Dasar (SD) Muhammadiyah yang serba miskin. Hanya segelintir ibu bapa yang mahu menghantar anak mereka belajar di sekolah itu, itu pun atas alasan tertentu. Antaranya ialah SD Muhammadiyah tidak mengenakan sebarang yuran; ibu bapa mahu anak mereka mendapatkan contoh pendidikan agama yang lebih serius; SD Muhammadiyah menjadi pilihan kerana sekolah ini adalah sebuah sekolah agama dan dipilih kerana mereka tidak ada pilihan lain (Andrea 2008a, 4). Dengan kata lain, ibu bapa yang mementingkan kualiti pendidikan dari segi pengajaran dan pembelajaran serta kemudahan di sekolah tidak akan menghantar anak mereka ke SD Muhammadiyah. Lantaran itu, segelintir sahaja ibu bapa yang mahu menghantar anak mereka ke sekolah ini, maka SD Muhammadiyah menghadapi kekurangan pelajar sehingga hampir mahu ditutup.

(hal. 37 )

Penggunaan bahasa lewah melalui pengulangan ayat yang membawa maksud yang sama yang ditulis pada halaman yang berlainan dapat diteliti melalui contoh M3 (d), (e), (f) dan M5 (a) dan (b) .

#### Contoh M3

- e. Jari-jemari A Ling di dalam filem begitu kaku, tidak cantik dan tidak dapat memberi kesan kepada penonton berbanding membacanya di dalam novel.

(hal. 44)

- e. Jari-jemari A Ling kelihatan kaku dan tidak menarik langsung seperti jari-jemari sebuah patung.

(hal. 48)

- f. Jari-jemari yang diperlihatkan di dalam filem tidak menarik langsung, kaku dan tidak berseri.

(hal. 49)

#### Contoh M5

- a. Di Kelantan, pemberi pinjaman berketurunan Cina dan India amat kurang.

(hal. 38)

- b. Memang tidak dapat dinafikan terdapat ramai orang yang berhutang di negeri itu, akan tetapi pemberi pinjaman wang daripada orang

berketurunan Cina atau India kurang terdapat di Kelantan jika dibandingkan dengan negeri-negeri lain.

(hal. 39)

Daripada huraian di atas, dapat dikatakan bahawa penggunaan bahasa lewah dari aspek perkataan, frasa, imbuhan dan ayat yang membawa makna yang sama dalam penulisan ilmiah ini boleh dikategorikan sebagai lewah dan melanggar maksim kuantiti. Hal ini kerana maksim kuantiti menekankan kepada sumbangan maklumat yang bersifat informatif dan tidak melebihi daripada maklumat yang sepatutnya disampaikan dalam penulisan tersebut.

Selain itu, dalam konteks penulisan ilmiah, unsur kelewahan dalam penulisan sewajarnya dielakkan. Hal ini kerana penulisan ilmiah adalah satu bentuk penulisan yang menuntut kepada penggunaan bahasa atau perkataan yang tepat, tetap atau tekal (Husnan & Mohammad, 2008). Dari satu segi yang lain, penggunaan bahasa lewah dalam penulisan ilmiah adalah bertentangan dengan konsep penulisan ilmiah yang menitikberatkan nilai ekonomi dalam penggunaan bahasa. Buktinya, penulisan ilmiah terutamanya penulisan makalah yang diterbitkan dalam jurnal perlu mematuhi had kepanjangan tertentu seperti yang ditetapkan oleh lembaga penerbitan jurnal tersebut. Sememangnya tidak dinafikan kelewahan merupakan suatu unsur dalam bahasa Melayu, namun demikian dalam konteks penulisan ilmiah, penggunaan bahasa lewah dalam penulisan, sewajarnya dihindarkan.

#### **4.2.1.4. Kesimpulan**

Hasil analisis menunjukkan bahawa terdapat pelanggaran dan pematuhan terhadap maksim kuantiti dalam penulisan makalah penyelidikan yang dikaji, merangkumi aspek had kepanjangan, gejala menyumbat dan penggunaan bahasa lewah. Dapat

dikatakan bahawa pelanggaran terhadap maksim kuantiti dalam penulisan berlaku disebabkan oleh ketidakpatuhan terhadap garis panduan penerbitan jurnal. Berikutnya disertakan Jadual 4.2 yang merumuskan pelanggaran terhadap maksim kuantiti yang berlaku dalam setiap kategori analisis maksim kuantiti dalam penulisan.

Jadual 4.2.: *Analisis Pelanggaran Maksim Kuantiti mengikut Kategori*

| Maksim Kuantiti  |                             | Analisis Makalah           |
|------------------|-----------------------------|----------------------------|
| Had Keganjangan  | - Abstrak                   | M2                         |
|                  | - Halaman                   | M1, M2, M7                 |
| Gejala Menyumbat | - Contoh tidak perlu        | M1, M2, M5                 |
|                  | - Sumber yang tidak relevan | M1, M2, M5                 |
|                  | - Nota Hujung               | M5                         |
| Bahasa Lewah     | - Pengulangan               | M2, M3, M4, M5, M6, M7, M8 |


Jadual 4.2 memaparkan rumusan pelanggaran maksim kuantiti dalam penulisan mengikut kategori analisis. Daripada penelitian, didapati hanya penulisan M6 dan M8 sahaja yang mematuhi maksim kuantiti dalam penulisan, manakala penulisan M1, M2, M3, M4, M5 dan M7 masing-masing didapati melanggar maksim kuantiti dari aspek had kepanjangan, gejala menyumbat dan penggunaan bahasa lewah dalam penulisan.

#### 4.2.2. Maksim Kualiti

Maksim kualiti (MQ) bertujuan memastikan maklumat yang disampaikan adalah benar dengan disertakan dalil atau fakta yang menyokong maklumat tersebut serta menghindari daripada maklumat yang tidak disokong oleh bukti yang kukuh (Grice,

1975). Dalam kajian ini, maksim kualiti diteliti melalui perkara-perkara yang menunjangi sesuatu penulisan ilmiah seperti kualiti dari aspek kandungan data penulisan, penggunaan bahasa dan etika akademik yang ditonjolkan dalam penulisan.

Untuk menjadikan analisis maksim kualiti ini lebih terfokus dan terperinci, setiap tema bagi maksim kualiti yang dibina dibahagikan kepada beberapa subtema lain. Berikut disertakan Rajah 4.3 yang memaparkan analisis maksim kualiti yang dijalankan dalam kajian ini.



Rajah 4.4.: Analisis maksim kualiti

#### 4.2.2.1. Analisis Kualiti Kandungan Penulisan

Analisis maksim kualiti dari aspek kandungan dalam penulisan memfokuskan penelitian terhadap dua perkara, iaitu pertama data yang berkualiti dan kedua, bahan



tunjangan yang berkualiti. Data yang dianggap berkualiti bermaksud data yang diterapkan dalam penulisan merupakan data yang sebenar dan bersesuaian dengan perkara yang dibincangkan dalam penulisan tersebut. Manakala penggunaan bahan tunjangan yang berkualiti diteliti melalui penerapan unsur petikan dan sumber rujukan sebenar yang dirujuk melalui karya orang lain.

#### **4.2.2.1.1. Data yang Berkualiti**

Hasil analisis memperlihatkan bahawa terdapat unsur pematuhan dan pelanggaran maksim kualiti dari aspek penerapan data yang berkualiti dalam penulisan yang dikaji. Berdasarkan penelitian, didapati hanya penulisan M3, M4, M7 dan M8 sahaja yang menerapkan data yang benar-benar dianggap mematuhi maksim kualiti, sementara dalam penulisan M1, M2, M5 dan M6 didapati berlaku pelanggaran maksim kualiti dari aspek data kandungan dalam penulisan masing-masing. Pelanggaran maksim kualiti ini berlaku disebabkan oleh dua faktor. Pertama, penerapan data yang tidak berkenaan tajuk yang dibincangkan dalam penulisan. Kedua, penerapan data yang tidak disertakan dengan bukti yang kukuh bagi menyokong huraian data tersebut dalam penulisan. Contoh-contoh bentuk penulisan yang melanggar maksim kualiti dari aspek data kandungan ini dapat dilihat melalui contoh seperti yang berikut:

##### **Contoh M1**

- a. Selain daripada Undang-undang Pelabuhan Kedah, terdapat juga beberapa undang-undang Kedah yang lain yang turut dimuatkan dalam Raf 77, tetapi tidak dijadikan fokus kajian. Begitu juga dengan manuskrip Undang-undang Kedah daripada versi yang lain seperti Undang-undang Kedah Versi *Ku Din Ku Meh* di Arkib Negara Malaysia, undang Laut versi Aceh, Maxwell 47 halaman 64–81, versi Von de Wall 57 dan 59 (Liaw 2003) dan Undang-undang Perbuatan

Datuk Besar Dahulu (Perpustakaan Negeri Kedah). Teks-teks ini juga tidak dijadikan sebagai bahan kajian.

(hal. 4)

- b. Namun begitu, terdapat sedikit kekeliruan bagi perkataan “tebusan” yang dieja dalam Raf 77 dan ML25, tetapi ditulis sebagai “utusan” ( ) dalam MS 40329 menyebabkan berlaku salah tafsir pada Winstedt (1928) yang membacanya sebagai “utusan”, Mariyam (2005) dan Abu Hassan (2006) yang membacanya sebagai “utusan”. Namun begitu, Abu Hassan seolah-olah menyedari berlakunya kesilapan ini lalu beliau meletakkan perkataan “hamba” dalam kurungan dan diikuti oleh tanda soal yang menunjukkan ketidakpastian beliau terhadap perkataan tersebut. ... Begitu juga dengan perkataan “lambu” (bil. 4 dalam Jadual 1) yang dieja dalam Raf 77 dan MS 40329 dan (2 kali) / (sekali) dalam ML 25, telah dibaca sebagai “lembu” oleh Winstedt (1928) dan Abu Hassan (2006), dibaca “lambu” oleh Mariyam (2005) dan dibaca “Lombok” oleh Siti Hawa (1999).

(hal.9)

Contoh M1(a), memperlihatkan penerapan data yang tidak disertakan dengan bukti yang kukuh dalam penulisan M1. Misalnya, data yang dirujuk daripada Liaw (2003) dan Perpustakaan Negeri Kedah. Dalam contoh ini pernyataan “...Teks-teks ini juga tidak dijadikan sebagai bahan kajian” menunjukkan bahawa penulis tidak mempunyai data yang kukuh untuk membincangkan berkenaan perkara tersebut. Oleh yang demikian, penerapan data tersebut dalam penulisan dianggap sebagai melanggar maksim kualiti. Manakala contoh M1 (b) menunjukkan penerapan data daripada kajian lepas yang tidak berkaitan dengan tajuk penulisan M1. Misalnya, data yang dirujuk daripada Winstedt (1928), Mariyam Salim (2005), Siti Hawa (1999), Hassan (2006) yang menghuraikan berkenaan kekeliruan ejaan barangan yang dikenakan cukai. Walau bagaimanapun, data ini didapati tidak mempunyai perkaitan dengan subtajuk penulisan, iaitu berkenaan dengan sejarah percukaian.

Hal yang sama juga dilihat berlaku dalam penulisan M2. Analisis menunjukkan terdapat data yang tidak berkaitan dengan subtajuk penulisan turut diterapkan dalam

penulisan M2. Sebagai contoh, data yang dirujuk daripada (Dicken 1992) berkenaan Model Kitaran Hayat Produk oleh Vernon (1979) (hal. 49); Markusen (dalam United Nations 1995) yang memperincikan berkenaan Teori Pembahagian Buruh Antarabangsa yang Baru (PBAB) (hal. 49); Kojima (1978) yang menjelaskan Model *Kojima-type capital export* (hal. 50) dan data yang dirujuk daripada (Dunning 1993) dan (Ernst 2003) (hal. 50) merupakan data yang tidak berkenaan dengan subtajud Pelaburan Langsung Asing (PLA) tetapi data-data tersebut turut dibincangkan dalam penulisan tersebut. Oleh itu, penerapan data tersebut dalam penulisan M2 dianggap melanggar maksim kualiti dalam penulisan.

Sementara dalam penulisan M5 dan M6, terdapat pelanggaran maksim kualiti dalam penulisan dari aspek penerapan data yang tidak disertakan dengan bukti yang kukuh. Misalnya, dalam penulisan M5, hanya terdapat tiga (3) sumber rujukan dinyatakan di bahagian bibliografi. Manakala selebihnya merupakan data-data sampingan yang berfungsi sebagai maklumat tambahan dan diterapkan dalam penulisan menggunakan kaedah nota hujung. Sumber rujukan yang terhad dalam penulisan dianggap melanggar maksim kualiti kerana data dalam penulisan tersebut tidak disokong dengan sumber rujukan yang sahih bagi membuktikan kebenaran data-data yang dirujuk dalam penulisan tersebut. Selain itu, penerapan data yang diterapkan menerusi nota hujung dalam penulisan M5 juga didapati melanggar maksim kualiti. Hal ini kerana nota hujung bilangan 12, 16, 22, 23, 32, 33 dan 46 didapati tidak berkenaan dengan tajuk penulisan, iaitu pelaksana enakmen tanah rizab Melayu Kelantan, 1930.

Begitu juga dengan dalam penulisan M6, analisis menunjukkan data yang dinyatakan di bahagian teks tidak disertakan dengan pernyataan sumber data tersebut di bahagian

rujukan. Sebaliknya data tersebut hanya disokong oleh sumber data yang dinyatakan melalui kaedah nota hujung. Oleh itu, dapat dikatakan bahawa penulisan M6 menerapkan data yang tidak disertakan dengan bukti yang kukuh bagi menyokong data tersebut dalam penulisan. Hal ini juga dilihat sebagai melanggar maksim kualiti dalam penulisan.

Selain pelanggaran maksim kualiti dari aspek penggunaan data dalam penulisan, terdapat juga penulisan yang mematuhi maksim kualiti melalui penerapan data-data yang dianggap benar dengan disertakan bukti-bukti kukuh bagi menyokong huraian data tersebut. Hal ini dapat dilihat melalui penulisan M3, M4, M7 dan M8.

Misalnya, penulisan M3 yang membincangkan adaptasi novel *Laskar Pelangi* daripada novel kepada filem. Data-data yang diterapkan dalam penulisan M3 dapat dianggap sebagai mematuhi maksim kualiti kerana data tersebut terdiri daripada data yang autentik, iaitu data yang dirujuk daripada sumber asal data tersebut. Sebagai contoh, penerapan data sebenar yang dirujuk daripada penulis novel itu sendiri, iaitu Andres (2005); (2006); (2007); (2008a);(2008b) dan (2008c), di samping, data daripada beberapa kajian lain yang menyokong perbincangan tajuk dan subtajuk penulisan turut dinyatakan dalam penulisan M3. Begitu juga dengan penulisan M4, yang menjelaskan berkenaan manipulasi peristiwa Israk dan Mikraj dalam sastera Arab dan Barat. Data yang dirujuk dalam penulisan M4 ini terdiri daripada sumber data yang asli, iaitu keratan-keratan daripada ayat al-Quran yang telah diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu dan disokong oleh data yang dibuktikan daripada sumber-sumber kajian penyelidikan yang dijalankan berkaitan dengan tajuk penulisan tersebut.

Penulisan M7 pula menghuraikan fungsi gaya bahasa pengulangan dalam penulisan novel. Dalam penulisan ini pematuhan maksim kualiti dilihat melalui aplikasi teori yang menjadi kelaziman rujukan dalam kajian-kajian bahasa, iaitu Teori Halliday. Selain itu, dalam membincangkan berkenaan gaya bahasa pengulangan, data yang diterapkan dalam penulisan juga merupakan data sebenar yang dirujuk daripada tokoh-tokoh pengkaji bahasa yang berwibawa seperti Harimurti Kridalaksana, Gorys Keraf, Rahman Shaari, Halliday Henry Guntur Tarigan, Shahnnon Ahmad dan Nathesan, S.

Akhir sekali, penulisan M8 yang menghuraikan berkenaan bahasa Melayu, antara jati diri dan rempuhan globalisasi. Analisis menunjukkan bahawa data yang diterapkan dalam penulisan M8 juga mematuhi maksim kualiti. Misalnya, dalam menjelaskan berkenaan definisi jati diri, data yang diterapkan dalam penulisan dirujuk daripada kamus falsafah dan definisi berkenaan jati diri yang dipetik daripada ahli falsafah yang terkenal seperti Joseph Butler (1692–1752), Gotfried Leibniz (1646–1716) dan John Locke (1632–1704).

Selain itu, penulisan M8 turut memasukkan contoh-contoh yang relevan dalam membantu untuk menjelaskan berkenaan konsep jati diri. Begitu juga halnya dalam menghuraikan berkenaan ciri-ciri yang membentuk jati diri bangsa, data yang digunakan dalam penulisan dirujuk daripada tokoh-tokoh yang berwibawa dalam bidang yang diperkatakan seperti Asmah Omar, Shamsul Amri dan Pakir. Keseluruhannya, dapat dikatakan data yang digunakan dalam penulisan M8 mematuhi maksim kualiti kerana data tersebut merupakan data yang benar dengan

disertakan dengan bukti hujah sokongan daripada tokoh-tokoh sarjana yang berwibawa dalam bidang tersebut dan dibincangkan dalam lingkungan perbincangan tajuk atau subtajuk penulisan tersebut atau lebih tepat dikatakan data yang digunakan berkaitan dengan tajuk penulisan.

#### **4.2.2.1.2. Bahan Tunjangan yang Berkualiti**

Penggunaan bahan tunjangan yang berkualiti dalam penulisan dapat membantu pembaca untuk memahami atau mengenal sesuatu konsep yang dibincangkan dengan lebih tepat. Dalam kajian ini, maksim kualiti penggunaan bahan tunjangan diteliti dengan memfokuskan kepada dua aspek, iaitu sumber rujukan dan petikan yang diterapkan dalam penulisan.

Penulisan rujukan yang dianggap mematuhi maksim kualiti terdiri daripada rujukan yang sebenar, sahih dan dirujuk daripada pengkaji yang berwibawa, selain penggunaan rujukan lain seperti kamus umum atau kamus istilah. Manakala penerapan unsur petikan yang mematuhi maksim kualiti diteliti berdasarkan petikan yang mempunyai ciri-ciri berikut, pertama petikan yang dirujuk daripada karya asal dengan menggunakan bahasa karya itu sendiri; kedua, petikan yang telah diterjemahkan dan dapat membawa maksud sebenar seperti maksud yang disampaikan dalam karya asal dan petikan yang telah diparafrasakan dalam penulisan tanpa sebarang penambahan atau pengurangan dalam parafrasa yang dilakukan dalam penulisan tersebut (Asmah, 2007).

##### **4.2.2.1.2.1. Rujukan yang berkualiti**

Berdasarkan analisis yang telah dijalankan, didapati semua penulisan makalah (M1, M2, M3, M4, M5, M6, M7 dan M8) mematuhi maksim kualiti dengan menyatakan

sumber rujukan yang dirujuk dalam penulisan masing-masing di bahagian bibliografi sebagai bukti rujukan tersebut. Contoh penulisan rujukan yang mematuhi maksim kualiti yang dilihat dalam setiap penulisan adalah seperti contoh yang berikut:

#### Contoh M1

- a. "...Menurut Kamus Besar Arab Melayu Dewan (2006), makna *qabd (al)mal* ialah "mengambil harta" yang mungkin telah mengalami peluasan makna atau dalam konteks sekarang boleh dianggap sebagai "bendahari"  
(hal. 12)
- b. Kamus Dewan (edisi keempat) memberikan makna entri "kunca" sebagai "ukuran isi bagi padi (biasanya sama dengan 160 gantang)"  
(hal. 14)
- c. "...Penggunaan tahun Melayu ini diamalkan oleh para penulis manuskrip Melayu sebelum abad ke-20. Ia dikenali sebagai daur kecil yang dicirikan dengan pusingan lapan tahun oleh penulis serta pujangga istana dan keraton di kepulauan Melayu yang menghitung tahun Hijrah dengan menamakan setiap pusingannya sebagai Tahun *Alif, Ha, Jim* (Awal), *Zai, Dal* (Awal), *Ba, Wau, Dal* (Akhir) atau *Jim* (Akhir) (Ahmat Adam 2009)..."  
(hal. 5)

Contoh M1 (a) dan (b) memperlihatkan penggunaan sumber rujukan seperti kamus istilah dan kamus umum dalam penulisan M1 untuk menjelaskan makna perkataan tertentu. Manakala contoh M1(c) menunjukkan penerapan sumber rujukan yang berwibawa dalam penulisan, iaitu melalui karya oleh Ahmat Adam (2009) yang digunakan untuk menjelaskan konsep tahun *Zai* atau tahun Melayu secara lebih tepat.

#### Contoh M2

- a. PLA boleh didefinisikan [sic] secara kasarnya sebagai pemindahan melepasi sempadan sumber-sumber pengurusan (Alvstam 1993).  
(hal. 46)

- b. Menurut United Nations (1997), PLA merupakan pelaburan yang melibatkan hubungan jangka panjang dan wujudnya kepentingan dan kawalan milikan (pelabur asing atau syarikat induk) dalam sesebuah ekonomi negara yang dilabur.
- (hal. 46)

Begitu juga dengan contoh M2(a), untuk mendefinisikan maksud Pelaburan Langsung Asing (PLA), rujukan tokoh yang berwibawa dalam bidang tersebut turut dirujuk. Manakala untuk menjelaskan konsep PLA tersebut, rujukan daripada sumber yang berwibawa, iaitu sumber daripada turut United Nations diterapkan dalam penulisan seperti contoh M2 (b).

#### Contoh M3

- a. Francesco Casetti dalam tulisannya yang bertajuk *Adaptation and misadaptations: Film, literature and social discourses* menyatakan bahawa adaptasi ialah satu *reappearance*
- (hal. 38)
- b. Unsur naratif ialah unsur utama yang boleh dipindahkan dari novel ke filem. Menurut McFarlane (1996, 12): *...and what novels and films most strikingly have in common is the potential and propensity for narrative. And narrative, at certain levels, is undeniably not only the chief factor novels and the films based on them have in common but is the chief transferable element.*
- (hal. 39)

Contoh M3(a) dan (b) juga memperlihatkan rujukan daripada tokoh yang berwibawa dalam bidang penulisan tersebut digunakan dalam penulisan bagi menjelaskan tentang konsep adaptasi dan naratif dalam penulisan tersebut.

#### Contoh M4

- a. Firman Allah SWT yang bermaksud: ‘‘Maha suci Allah, yang telah memperjalankan hamba-Nya pada suatu malam, dari Masjid al-Haram ke Masjid al-Aqsa yang telah Kami berkati sekelilingnya, agar Kami



perlihatkan kepadanya sebahagian daripada tanda-tanda kebesaran Kami. Sesungguhnya Dia adalah Maha Mendengar lagi Maha Melihat’’ (surah al-Isra’, ayat 1).

(hal. 56)

- b. ‘’Dan sesungguhnya Muhammad telah melihat Jibril (dalam bentuknya yang asal) pada waktu yang lain. (Iaitu) di *Sidrat al-Muntaha*. Berhampiran dengannya terdapat syurga tempat tinggal (Muhammad melihat Jibril) ketika *Sidrat al-Muntaha* diliputi oleh sesuatu yang meliputinya. Penglihatannya (Muhammad) tidak berpaling dari yang dilihatnya itu dan tidak (pula) melampauinya. Sesungguhnya dia telah melihat sebahagian tanda-tanda (kekuasaan) Tuhannya yang paling besar’’ (surah al-Najm, ayat 13–18).

(hal. 56)

Contoh M4 (a) dan (b) menunjukkan penggunaan sumber rujukan yang berwibawa dalam penulisan, iaitu keratan daripada ayat-ayat suci al-Quran yang telah diterjemahkan daripada sumber asal iaitu al-Quran bagi menjelaskan berkenaan peristiwa Israk dan Mikraj. Selain itu, dalam menjelaskan berkenaan konsep atau maksud Israk dan Mikraj, penulisan M4 ini turut menerapkan rujukan daripada tokoh-tokoh dalam bidang tersebut yang diselitkan di bahagian nota hujung seperti tokoh al-Imam al-Hafiz Ahmad ibn ‘Ali ibn Hajar al-‘Asqalani dan ‘Abd al-Malik Murtad.

#### Contoh M7

- a. Berdasarkan definisi yang dikemukakan oleh Gorys Keraf (1990: 127), epizeuksis adalah pengulangan yang bersifat langsung iaitu yang mementingkan kata dan diulang berturut-turut.

(hal. 97)

Contoh M7 (a) turut menunjukkan penggunaan rujukan yang terdiri daripada tokoh-tokoh yang berwibawa dalam bidang penulisan tersebut. Selain tokoh yang dinyatakan dalam contoh M7 (a), penulisan ini turut menerapkan rujukan daripada

tokoh-tokoh lain dalam bidang tersebut seperti Harimurti Kridalaksana, Henry Guntur Tarigan, Halliday dan lain-lain lagi. Begitu juga dengan penulisan M8 yang menunjukkan pematuhan terhadap maksim kualiti dari aspek penggunaan bahan tunjangan dalam penulisan tersebut. Misalnya, dalam menjelaskan konsep jati diri, sumber rujukan daripada tokoh-tokoh falsafah yang berwibawa diterapkan dalam penulisan seperti Joseph Butler (1692–1752), Gotfried Leibniz (1646–1716), John Locke (1632–1704). Begitu juga halnya dengan penerapan rujukan daripada karya yang berwibawa yang dapat dilihat melalui ulasan terhadap beberapa petikan dalam penulisan seperti Hipotesis Sapir-Whorf, Hipotesis Bahasa Ekspresif, Hipotesis Muatan Rohaniah dan Hipotesis Mak Si Randang.

Berbeza dengan penulisan-penulisan lain, analisis menunjukkan dalam penulisan M5 dan M6, sumber rujukan tidak ditulis dalam teks, sebaliknya sumber rujukan tersebut ditulis di bahagian nota akhir. Contohnya, dalam penulisan M5 untuk menjelaskan berkenaan Enakmen Rizab Melayu (1913), garis panduan undang-undang *Federated Malay States* dijadikan sebagai sumber rujukan. Walau bagaimanapun, rujukan karya tersebut ditulis di bahagian nota hujung dan bukannya ditulis di bahagian rujukan.

#### **4.2.2.1.2.2. Petikan yang berkualiti**

Petikan yang diterapkan dalam penulisan dianggap mematuhi maksim kualiti sekiranya petikan tersebut mengandungi ciri-ciri petikan seperti yang berikut:

- a. Pertama, petikan yang dirujuk daripada karya yang berwibawa dan petikan tersebut diambil secara langsung daripada karya asal dengan menggunakan bahasa karya itu sendiri.
- b. Kedua, petikan yang diterjemahkan yang dapat membawa maksud sebenar seperti maksud yang disampaikan dalam karya asal.

- c. Ketiga, petikan yang telah diparafrasakan dalam penulisan tanpa sebarang penambahan atau pengurangan dalam parafrasa yang dilakukan dalam penulisan tersebut.

(Asmah Omar, 2007, hal. 106)

Daripada penelitian, didapati tidak semua penulisan yang dikaji menggunakan fungsi petikan sebagai bahan tunjangan dalam penulisan. Buktinya hanya penulisan M1, M3, M4, M5 dan M6 sahaja yang menjadikan petikan sebagai bahan tunjangan dalam penulisan masing-masing. Manakala penulisan M2, M7 dan M8 tidak menerapkan fungsi petikan sebagai bahan tunjangan dalam penulisan.

Selain itu, analisis juga menemukan bahawa daripada ketiga-tiga ciri petikan yang dinyatakan di atas, hanya terdapat dua ciri petikan yang diterapkan dalam penulisan, iaitu petikan yang dirujuk daripada karya asal yang berwibawa dan diambil secara langsung daripada karya tersebut dengan menggunakan bahasa karya itu sendiri dan petikan yang telah diterjemahkan daripada karya asal sahaja. Manakala petikan yang telah diparafrasakan tidak diterapkan dalam mana-mana penulisan. Maksud parafrasa ialah petikan yang tidak diturunkan secara kata demi kata dari karya asal tetapi dijelaskan dalam penulisan tanpa diadakan sebarang penambahan atau pengurangan dalam parafrasa yang dilakukan.

Daripada analisis yang dijalankan, didapati penulisan M1, M3, M4, M5, dan M6 mematuhi maksim kualiti bahan tunjangan. Huraian lanjut berkenaan contoh petikan dalam penulisan adalah seperti yang berikut:

### Contoh M1

- a. Segala hukum bersesuaian dengan Islam dan diberitahu kepada rakyat setahun sekali ... (Wan Ab Rahman Khudzri & Mohd Afandi 2002)

(hal. 6)

Contoh M1 (a), memaparkan bentuk petikan yang dikutip terus daripada karya asal dengan menggunakan bahasa karya itu sendiri untuk menyokong huraian berkenaan penggunaan tarikh Melayu/Islam dalam penulisan M1.

### Contoh M3

- a. "...Kita membuat karakter dalam buku bisa dengan 10 halaman. Dalam filem, Cuma dengan beberapa frame. *Nah*, Riri sukses membangunkan karakter-karakter itu" (Andrea 2008b, 17).

(hal. 42)

- b. Pak Harfan: Lihat diri kau Zul. Dari mana kau dapatkan rasa kepedulian itu? Orang biasanya kalau sudah terlalu nyaman, punya kekuasaan, punya wang banyak, lalu lupa diri. Mahunya tambah kekuasaan, tambah kekayaan dengan menghalal segala cara. Kalau perlu, seluruh kekayaan negeri ini, untuk keluarganya saja. Kau Zul, tak, kerana kau hasil didikan sekolah serupa di Jogja. Jadi, sekolah ini tidak boleh ditutup.

Zul: Baiklah-baiklah Pak, aku cuba membantu semampuku

(Petikan daripada filem *Laskar Pelangi*)

(hal. 45)

Begitu juga dengan contoh petikan M3 (a) dan (b) yang menerapkan petikan daripada karya asal dengan menggunakan bahasa asal penulis itu sendiri, iaitu bahasa Indonesia. Petikan ini diterapkan dalam penulisan M3 sebagai bahan tunjangan bagi mengukuhkan huraian berkenaan tema transformasi peringkat verbal ke visual dalam penulisan novel dan filem *Laskar Pelangi*.

#### Contoh M4

- a. *Six hundred years at least before Dante Alighieri conceived his 128ohnson128a poem, there existed in Islam a religious legend narrating the journey of Mahomet to the abodes of the after-life. In the course of time from the eighth to the thirteenth centuries of our era-Moslem traditionist, theologians, interpreters of the Scriptures, mystics, philosophers and poets — all united in weaving around the original legend a fabric of religious narrative; at times their stories were amplifications, at others, allegorical adaptations or literary imitations. A comparison with the Divine Comedy of all these versions combined bewrays many points of resemblance, and even of absolute coincidence, in the general architecture and ethical structure of hell and paradise; in the description of the tortures and rewards; in the general lines of the dramatic action; in the episodes and incidents of the journey; in the allegorical signification; in the roles assigned to the protagonist and to the minor personages; and, finally, in intrinsic literary value.* (Palacios 2001, 75)  
(hal. 72)
- b. Firman Allah SWT yang bermaksud: ‘‘Kitab al-Quran ini tiada keraguan padanya, petunjuk bagi mereka yang bertakwa’’ (surah al-Baqarah, ayat 2).  
(hal. 54)
- c. Firman Allah SWT yang bermaksud ‘‘Maha suci Allah, yang telah memperjalankan hamba-Nya pada suatu malam, dari Masjid al-Haram ke Masjid al-Aqsa yang telah Kami berkati sekelilingnya, agar Kami perlihatkan kepadanya sebahagian daripada tanda-tanda kebesaran Kami. Sesungguhnya Dia adalah Maha Mendengar lagi Maha Melihat’’ (surah al-Isra’, ayat 1).  
(hal. 56)
- d. ‘‘Dan sesungguhnya Muhammad telah melihat Jibril (dalam bentuknya yang asal) pada waktu yang lain. (Iaitu) di *Sidrat al-Muntaha*. Berhampiran dengannya terdapat syurga tempat tinggal (Muhammad melihat Jibril) ketika *Sidrat al-Muntaha* diliputi oleh sesuatu yang meliputinya. Penglihatannya (Muhammad) tidak berpaling dari yang dilihatnya itu dan tidak (pula) melampauinya. Sesungguhnya dia telah melihat sebahagian tanda-tanda (kekuasaan) Tuhannya yang paling besar’’ (surah al-Najm, ayat 13–18)  
(hal. 56)

Berikutnya, contoh M4(a) memaparkan petikan yang dirujuk kepada karya yang berwibawa, iaitu karya yang dihasilkan daripada kajian oleh Miguel Asin Palacios terhadap karya asal *The Divine Comedy* dan diterapkan dalam penulisan

menggunakan bahasa asal karya tersebut, iaitu bahasa Inggeris. Petikan ini dijadikan sebagai bahan tunjangan untuk menjelaskan berkenaan tema manipulasi peristiwa Israk dan Mikraj yang terdapat dalam karya *The Divine Comedy*.

Sementara contoh petikan M4 (b), (c) dan (d) merupakan contoh petikan yang telah diterjemahkan daripada sumber asal. Daripada contoh M4 (b), (c) dan (d) di atas, petikan-petikan tersebut merupakan petikan daripada al-Quran yang ditulis dengan huruf jawi. Walau bagaimanapun, untuk memberikan lebih kefahaman kepada pembaca, maka petikan tersebut diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu. Maksim kualiti yang diperlihatkan di sini adalah apabila petikan tersebut masih dapat membawa maksud sebenar seperti maksud yang disampaikan dalam sumber asal walaupun setelah diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu.

#### Contoh M5

- a. *Malay, means a person belonging to any Malayan race who speaks any Malayan language and professes the Mohammedan religion, and shall include (a) the Majlis Ugama Islam (b) the Official Administrator when acting as administrator or trustee of estate of a deceased Malay.*

(hal. 40)

Contoh M5(a) memperlihatkan petikan yang dirujuk kepada karya yang berwibawa, iaitu Enakmen Tanah Rizab Melayu 1930 dan petikan tersebut diterapkan dalam penulisan menggunakan bahasa asal karya. Petikan ini menjadi bahan tunjangan bagi menjelaskan berkenaan tema pelaksanaan enakmen tanah rizab Melayu di Kelantan.

#### Contoh 6

- a. *The Malay Nationalist Party is a National Movement and so every Malay has the right to come forward and with his views and findings*

*for the upliftment of his Nation. This right is also granted by his religion to tell the highest Authority in the State when things are done contrary to the teachings of his religion. The humble Raayat has the right to go to the Ruler, his Sultan, and tell him what is wrong with his Government. This is Democracy. There is that perfect understanding and that perfect unison between the Imam and the Ma'mum! That should be the case of the Malay Sultan and the Raayats. Just as the Imam respects the Ma'mum so the Ma'mum respects the Imam.*

(hal. 73)

- b. *Malays should realize this instantly and rally round [sic] any National Movement calculated to advance Malay Cause! They must not remain indifferent any longer. They should jump to it and support it unhesitatingly.*

(hal. 73)

Manakala contoh 6 (a) dan (b) di atas juga merupakan petikan yang berwibawa, iaitu petikan yang dirujuk daripada akhbar *Voice of the People* dalam membincangkan berkenaan dasar perjuangan Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM). Petikan ini juga diterapkan dalam penulisan menggunakan bahasa asal petikan tersebut.

Daripada huraian di atas, dapat dikatakan bahawa penggunaan petikan sebagai bahan tunjangan dalam penulisan makalah yang dikaji mematuhi maksim kualiti. Walau bagaimanapun, hanya terdapat dua ciri petikan yang sering diterapkan dalam penulisan makalah, iaitu petikan yang diterapkan dalam penulisan menggunakan bahasa asal karya tersebut dan petikan yang diterjemahkan. Analisis mendapati ciri petikan yang diparafrasakan tidak terdapat dalam mana-mana penulisan yang dikaji.

#### **4.2.2.2. Analisis Kualiti Penggunaan Bahasa**


Analisis kesalahan bahasa bertujuan mengidentifikasikan kesalahan-kesalahan bahasa yang terdapat dalam penulisan, menjelaskan kesalahan bahasa tersebut dan

mengklasifikasikan kesalahan bahasa tersebut berdasarkan punca-punca berlakunya kesalahan bahasa dan sebagainya (Tarigan, 1995).

Dalam kajian ini, analisis maksim kualiti penggunaan bahasa bertujuan meneliti dan mengidentifikasikan kesalahan-kesalahan yang sering berlaku dalam penulisan makalah penyelidikan dari aspek teknikal. Analisis dijalankan dengan bersandarkan panduan penulisan Gaya Dewan Edisi Ketiga (1995). Pemilihan Gaya Dewan ini adalah kerana gaya penerbitan tersebut digunakan sebagai panduan dalam penulisan makalah yang dikaji (Suhana Sobi, komunikasi perseorangan, 24 Julai 2013).

Berdasarkan Gaya Dewan, terdapat tujuh elemen penggunaan bahasa yang dititikberatkan dalam penulisan, iaitu tatabahasa, tanda baca, huruf besar dan huruf condong, penomboran, singkatan dan akronim, karya undang-undang dan karya sastera. Walau bagaimanapun, dalam konteks penulisan makalah penyelidikan yang dikaji (makalah penyelidikan dalam bidang SSK) daripada tujuh elemen bahasa tersebut hanya tiga elemen bahasa yang dirasakan sesuai untuk diteliti dan dibincangkan dari aspek kualiti penggunaan bahasa, iaitu aspek tatabahasa, penggunaan tanda bacaan dan penggunaan huruf condong dan huruf besar. Manakala elemen penggunaan bahasa seperti penomboran, singkatan dan akronim, karya undang-undang dan karya sastera tidak digunakan dalam penulisan makalah penyelidikan yang dikaji. Oleh itu, perbincangan berkenaan analisis maksim kualiti penggunaan bahasa ini akan memfokuskan penggunaan ketiga-tiga elemen bahasa tersebut. Untuk memudahkan pemahaman, berikut disertakan Rajah 4.5 yang memaparkan analisis maksim kualiti dari aspek penggunaan bahasa.





Rajah 4.5.: Analisis kualiti penggunaan bahasa

#### 4.2.2.2.1. Tatabahasa

Analisis dari aspek tatabahasa memfokuskan kepada 12 elemen tatabahasa seperti yang digariskan dalam Gaya Dewan. Elemen tatabahasa tersebut terdiri daripada penggunaan kata sendi nama, kata ganti nama singkat, kata ganti nama, partikel, kata ulang, kata hubung pancangan ‘yang’, imbuhan, imbuhan asing, kata majmuk, kata pemeris ‘ialah’ dan ‘adalah’, penanda wacana dan kesalahan ejaan. Berikut disertakan Jadual 4.3 yang memaparkan jenis kesalahan tatabahasa yang diteliti dalam setiap penulisan makalah. Manakala Jadual 4.4. memperlihatkan kekerapan berlakunya kesalahan tatabahasa yang diteliti dalam setiap penulisan makalah.

Jadual 4.3.:Jenis Kesalahan Tatabahasa

| Kesalahan Tatabahasa | Makalah                |
|----------------------|------------------------|
| Ejaan                | M1, M2, M3, M4, M6     |
| Penanda wacana       | M1, M2, M3, M4, M5     |
| Kata Pemeris         | M2, M3, M4, M7         |
| Kata Sendi Nama      | M1, M2, M3, M4, M5, M7 |
| Kata Ulang           | M2, M4, M7             |

(sambungan)

|                              |         |
|------------------------------|---------|
| Kesalahan Tatabahasa         | Makalah |
| Imbuhan                      | M1, M3  |
| Kata Majmuk                  | M3, M8  |
| Kata Hubung pancangan ‘Yang’ | M1      |
| Imbuhan Asing                | M8      |
| Partikel                     | M3      |

Jadual 4.4.: *Kekerapan Kesalahan Tatabahasa dalam Penulisan Makalah*

| Jenis Kesalahan Tatabahasa | Makalah | Kekerapan Kesalahan |
|----------------------------|---------|---------------------|
| Ejaan                      | M1      | 1                   |
|                            | M2      | 11                  |
|                            | M3      | 11                  |
|                            | M4      | 2                   |
|                            | M6      | 2                   |
|                            | M7      | 1                   |
| Penanda Wacana             | M1      | 1                   |
|                            | M2      | 2                   |
|                            | M3      | 1                   |
|                            | M4      | 6                   |
|                            | M5      | 4                   |
| Kata Pemerl                | M1      | 3                   |
|                            | M2      | 1                   |
|                            | M3      | 4                   |
|                            | M4      | 5                   |
|                            | M7      | 5                   |
| Kata Sendi Nama            | M2      | 7                   |
|                            | M3      | 11                  |
|                            | M4      | 3                   |
|                            | M5      | 1                   |
|                            | M7      | 4                   |
| Kata Ulang                 | M2      | 2                   |
|                            | M4      | 2                   |
|                            | M7      | 1                   |

Berdasarkan Jadual 4.3 dapat diperhatikan bahawa daripada 12 elemen tatabahasa yang diteliti, kesalahan tatabahasa yang paling ketara dalam penulisan terdiri daripada kesalahan ejaan, penggunaan fungsi penanda wacana, penggunaan kata

pemer, penggunaan kata sendi nama dan penggunaan kata ulang. Oleh yang demikian, perbincangan kajian akan menumpukan kepada jenis-jenis kesalahan tatabahasa yang sering dikenal pasti dalam penulisan setiap makalah yang dikaji. Huraian bagi contoh-contoh kesalahan tatabahasa yang diteliti dalam penulisan makalah yang dikaji adalah seperti yang berikut:

#### **4.2.2.2.1.1. Kesalahan Ejaan**

Kesalahan tatabahasa dari aspek penggunaan kata yang terdapat dalam penulisan makalah yang dikaji ialah kesalahan ejaan. Kesalahan ejaan ini dikenal pasti melalui analisis kajian dengan menggunakan perisian Nvivo 8.0. Dalam analisis yang dijalankan di bawah tema kesalahan ejaan ini, sebanyak tiga *node* dibina dan dilabelkan dalam kategori kesalahan ejaan, iaitu kesalahan ejaan apabila berlakunya penguguran atau penambahan huruf dalam satu perkataan, kesalahan ejaan pada perkataan sehingga membawa makna atau fakta selain daripada yang dimaksudkan dalam penulisan dan kesalahan ejaan kata majmuk yang tidak ditulis secara terpisah..

Berdasarkan penelitian, didapati kesalahan ejaan yang dikenal pasti ini berlaku dalam penulisan M1, M2, M3, M4 dan M6. Antara contoh kesalahan ejaan penggunaan kata yang mengalami penguguran atau penambahan huruf dalam satu perkataan dapat dilihat melalui perkataan bergaris di bawah:

##### **Contoh M1**

- a. Manuskrip ini dimulai dengan *Syair Pipit dan Enggang*, kemudian barulah diikuti dengan *Undang-undang Pelabuhan Kedah*

(hal. 3)

#### Contoh M2

- a. PLA boleh didefinisikan secara kasarnya sebagai pemindahan melepasi sempadan sumber-sumber pengurusan (Alvstam 1993)  
(hal. 46)

#### Contoh M3

- a. Kompleksiti adaptasi novel ke filem telah menyebabkan ada pengarah filem yang enggan membuatnya.  
(hal. 38)
- b. Namun, ia tidaklah sampai menjadi criteria terpenting dalam penilaian kepada filem berkenaan.  
(hal. 39)
- c. Filem ini juga mengeneipkan beberapa peristiwa yang dianggap tidak penting.  
(hal. 40)
- d. Lagi ini semacam berpesan kepada Ikal supaya kembali kepada realiti dan terus belajar.  
(hal. 49)

#### Contoh M4

- a. Allah SWT telah merakamkan peristiwa Miraj Rasulullah SAW ke langit menerusi firman-Nya yang bermaksud...  
(hal. 56)

Contoh M1(a) , M2 (a) , M3 (a), (b) (c) (d) dan M4 (a) menunjukkan kesalahan ejaan yang berlaku dalam konteks adanya pengguguran atau penambahan huruf dalam sesuatu perkataan. Sebagai contoh, perkataan ‘didefinisikan’ ditulis sebagai ‘didefiniskan’, manakala perkataan ‘diikuti’ ditulis sebagai ‘dikuti’. Kesalahan yang sama juga dikenal pasti dalam penulisan apabila ejaan ‘yang enggan’ ditulis sebagai ‘yeng engan’, perkataan ‘kriteria’ ditulis dengan ejaan bahasa Inggeris, iaitu ‘*criteria*’, perkataan berimbuhan ‘mengetepikan’ yang dieja sebagai

‘mengenepikan’, dan perkataan ‘lagu’ dieja sebagai ‘lagi’ . Sementara dalam contoh M4 (a), ejaan perkataan ‘Mikraj’ ditulis sebagai ‘Miraj’, iaitu huruf ‘k’ digugurkan dalam ejaan perkataan tersebut.

Bentuk kesalahan ejaan yang kedua ialah kesalahan ejaan pada perkataan yang boleh membawa makna yang lain daripada makna perkataan yang dimaksudkan dalam penulisan. Kesalahan ejaan seperti ini dianggap melanggar maksim kualiti yang menekankan penyampaian maklumat yang tepat dan benar sahaja dalam penulisan ilmiah. Contoh-contoh kesalahan ejaan tersebut dapat dilihat melalui perkataan bergaris dalam contoh ayat yang berikut:

#### Contoh M2

- a. Peningkatan pesat PTA dalam tahun 1970-an dan 1980-an disebabkan oleh oleh kombinasi beberapa faktor seperti revolusi pengangkutan, telekomunikasi dan juga teknologi komputer (Laszlo 1994).  
(hal. 47)
- b. Dari segi pelaburan yang diterima oleh negeri dalam sektor industri pembuatan, dapat dilihat wujudnya turun baik dalam kitaran pelaburan.  
(hal. 57)
- c. Pada 1997, permintaan global yang lembab terhadap produk elektronik, peningkatan kos pengeluaran, penguncupan pasaran Asia Timur akibat krisis kewangan turut menyebabkan kejatuhan dalam TFP (*Total Factor Productivity*) dalam kebanyakan sektor industri pembuatan.
- d. Laporan Nathan telah merumuskan pelan pembangunan ekonomi yang baru untuk Pulau Pinang.  
(hal. 55)
- e. Kerajaan Persekutuan telah bersetuju untuk mengimplementasikan sistem pengurusan estet perindustrian yang baru dan mewujudkan Zon Perindustrian Bebas (FTZ) bagi membangunkan industri berorientasikan eksport.  
(hal. 55)

### Contoh M3

- a. Pada peringkat penulisan skrip filem *Langit Petang*, terdapat 17 draf dihasilkan oleh penulis skripnya dan menurut Riri Riza, draf yang ke-11 telah diberikan kepada Andrea untuk diteliti.  
(hal. 39)
- b. Misalnya, keadaan fizikal sekolah SD Muhammadiyah *Gantong* telah dibangunkan untuk menunjukkan kedaifan bangunannya...  
(hal. 41)
- c. Dengan perkataan lain, gandingan secara visual antara bentuk fizikal dan perwatakan watak-wataknya, filem *Laskar Pelangi* telah berjaya membangunkan satu landskap mental yang baik dan memancarkan satu *spiritual vitality* sebuah tempat miskin bernama *Gantong* di Belitong, Sumatera  
(hal. 43)

### Contoh M6

- a. Kesedaran yang ditimbulkan oleh akhbar tersebut telah memberikan semangat baru kepada anak-anak muda Perak khususnya dan masyarakat Melayu di Tanah Melayu amnya  
(hal. 73)

Merujuk kepada contoh M2(a), kesalahan ejaan yang berlaku ialah apabila singkatan perkataan PLA yang bermaksud pelaburan langsung asing ditulis sebagai 'PTA'. Kesalahan ejaan seperti ini boleh menyebabkan kekeliruan makna kepada pembaca. Begitu juga dengan contoh M2(b) dan (c) , iaitu perkataan 'turun baik' yang merujuk kepada maksud 'turun naik' pelaburan tetapi ditulis sebagai 'turun baik' dan perkataan 'lembap' yang membawa maksud keadaan yang lambat atau kurang mencapai kemajuan ditulis sebagai 'lembab'. Kedua-dua ejaan perkataan ini tidak dapat mendukung sebarang maksud yang berkaitan dalam penulisan tersebut.

Kekeliruan makna yang disebabkan oleh kesalahan ejaan dapat dilihat melalui contoh M3 (a) (b) dan (c). Misalnya, dalam contoh M3(a) filem 'Laskar Pelangi'

ditulis sebagai ‘Langit Petang’, kesalahan ejaan ini boleh mengelirukan pembaca kerana perkataan ‘Langit Petang’ adalah tidak berkenaan dengan penulisan M3. Begitu juga dengan contoh M3(b) dan (c), dalam kedua-dua contoh ayat ini, nama tempat ‘Gedong’ di Belitong, Sumatera ditulis sebagai ‘Gantong’ dapat mengelirukan pembaca dan memberi makna yang lain daripada maksud yang ingin disampaikan. Manakala dalam contoh M4 (d), (e) dan M6 (a) ejaan perkataan ‘baharu’ yang ditulis sebagai ‘baru’ juga memberi maksud yang berbeza. Perkataan ‘baru’ membawa makna baru sahaja sampai sedangkan perkataan ‘baharu’ bermaksud sifat yang baharu. Oleh yang demikian, ejaan perkataan yang tepat dalam contoh-contoh ayat tersebut ialah ‘baharu’.

Dapat dikatakan bahawa kesalahan ejaan yang berlaku dalam penulisan ini tidak sewajarnya berlaku. Hal ini kerana kesalahan seperti ini selain mengelirukan pembaca, ia juga turut mengaburi maklumat yang ingin disampaikan melalui penulisan tersebut. Kesalahan ejaan ini didapati melanggar maksim kualiti kerana kekeliruan maksud dalam penulisan ini dapat memberikan maklumat yang kurang tepat kepada pembaca.

Berikutnya, kesalahan ejaan dari aspek penulisan kata majmuk yang tidak dijarakkan. Analisis mendapati terdapat ketidakseragaman dari segi ejaan kata majmuk dalam penulisan M2. Ketidakseragaman ini bermaksud dalam penulisan M2, ejaan kata majmuk ditulis sebagai satu kata dan ada kalanya ditulis secara terpisah. Contoh ejaan kata majmuk yang didapati ditulis secara tidak seragam seperti ‘bandaraya’, ‘keretapi’ dan ‘rekabentuk’ yang ditulis sebagai satu kata.

Mengikut hukum tatabahasa, perkataan ini harus ditulis sebagai dua kata atau ejaan yang sebetulnya ialah ‘bandar raya’, kereta api’ dan reka bentuk’.

#### **4.2.2.2.1.2. Kesalahan Penggunaan Penanda Wacana**

Kesalahan penggunaan fungsi penanda wacana juga sering berlaku dalam penulisan yang dikaji. Penanda wacana merupakan perangkai ayat untuk menentukan perkaitan atau kesinambungan antara satu idea dengan satu idea yang lain dalam ayat atau perenggan. Dalam penulisan penanda wacana digunakan untuk memantapkan lagi keutuhan wacana bagi mengaitkan perenggan dengan perenggan.

Dapatan analisis menunjukkan terdapat kekeliruan makna dalam penggunaan penanda wacana ‘justeru’ dalam penulisan M1, M3, M4 dan M5. Penanda wacana ‘justeru’ yang diterapkan dalam penulisan membawa makna ‘oleh itu’ atau ‘oleh sebab itu’. Hal ini menyalahi fungsi penanda wacana ‘justeru’ yang betul. Menurut Dewan Bahasa dan Pustaka, penanda wacana ‘justeru’ hanya membawa dua makna. Pertama ‘justeru’ bermakna ‘kebetulan’, ‘tepat’ dan ‘kena benar’, manakala makna kedua ialah ‘malahan’ dan ‘bahkan’. Oleh yang demikian, penggunaan penanda wacana ‘justeru’ yang membawa maksud “oleh itu” atau “oleh sebab itu” adalah salah dan tidak boleh digunakan dalam penulisan. Berikut ialah contoh-contoh kesalahan penggunaan penanda wacana ‘justeru’ yang membawa maksud ‘oleh sebab itu’ dalam penulisan makalah yang dikaji.

#### **Contoh M1**

- a. Manuskrip undang-undang pelabuhan Kedah ini dianggap sebagai undang-undang pelabuhan Melayu lama yang paling lengkap. Justeru, kajian ini menggunakan pendekatan analisis teks berdasarkan



manuskrip Undang-undang Pelabuhan Kedah versi Raf 77 dan dibantu dengan manuskrip Undang-undang Pelabuhan Kedah versi MS 40329 dan ML 25

(hal. 1)

#### Contoh M2

- a. Apabila novel ini diadaptasi ke filem, ia mempunyai sistem signifikasi yang berbeza kerana filem menggunakan medium visual berbanding novel yang menggunakan medium verbal atau bahasa. Justeru, ada teknik di dalam novel tidak lagi sesuai digunakan di dalam filem teknik sudut pandangan orang pertama, aku dan sudut pandangan orang ketiga, kami.

(hal. 39)

#### Contoh M3

- a. Peristiwa Israk Mikraj merupakan salah satu tanda kekuasaan Allah SWT yang diperlihatkan kepada hamba-Nya. Tanpa iman yang kukuh, ia tidak dapat diterima akan kebenarannya. Justeru, peristiwa yang mengandungi seribu satu hikmah dan mukjizat ini amat besar nilainya di sisi Islam yang akan tetap terpahat dalam lipatan sejarah Islam.

(hal. 53)

- b. Hakikatnya, peristiwa ini amat berpengaruh jika dikaitkan dengan hasil karya sastera, bukan sahaja mencakupi kesusasteraan Arab, malah juga kesusasteraan Barat. Sebagai contoh, kegiatan penterjemahan peristiwa Israk Mikraj seperti yang telah dilakukan oleh Munoz Sendino dan Enrico Cerolli menyerlahkan kehebatan pengaruh peristiwa ini dalam kegiatan keilmuan masyarakat Barat. Justeru, tidak hairanlah apabila terdapat beberapa versi peristiwa Israk Mikraj ataupun adaptasinya dalam karya-karya yang dihasilkan oleh para karyawan sastera.

(hal. 54-55).

- c. Justeru, kebenaran yang diungkap oleh Rasulullah SAW dalam menceritakan perihal Bayt al-Maqdis secara langsung membuktikan kebenaran peristiwa yang dilalui oleh Baginda SAW selepas itu, iaitu Mikraj ke langit (al-‘Asqalani 2003, 7/255)

(hal. 61)

- d. Justeru, dapat ditegaskan di sini bahawa para pembaca *al-Maqamah al-Iblisiyah* yang mengetahui peristiwa Israk Mikraj akan dengan mudah mendapati bahawa karya *al-Maqamah al-Iblisiyah* lahir daripada manipulasi peristiwa Israk Mikraj.

(hal. 62)

- e. Justeru, dapat disimpulkan bahawa pengaruh peristiwa Israk Mikraj dalam karya *al-Maqamah al-Iblisiyah* secara jelas menjurus kepada penghinaan yang semestinya memberi impak negatif terhadap akidah para pembaca karya tersebut khususnya bagi mereka yang memiliki pengetahuan tentang peristiwa Israk Mikraj.  
(hal. 63)
- f. Justeru, Umar Farukh menyatakan bahawa tujuan al-Ma'arri menulis *Risalat al-Ghufran* ialah untuk menerangkan kepada manusia bahawa keampunan Allah SWT itu amat luas yang secara tidak langsung memberi galakan kepada Ibn al-Qarih untuk segera bertaubat (Farukh 1992, 3/125)  
(hal. 66)
- g. Justeru, al-Quran tidak boleh ditafsirkan menurut akal fikiran manusia yang amat terbatas. Malah pemanfaatan isi kandungan al-Quran dalam apa juga bidang seperti sastera, tidak boleh sama sekali menyalahi konteks sebenar ayat itu diturunkan.  
(hal. 73)
- g. Justeru, kepercayaan dan keimanan terhadap peristiwa ini yang termasuk dalam perkara-perkara ghaib (*ghaybiyat*) menjadi titik-tolak kepada pembuktian keimanan seseorang kepada Allah SWT .  
(hal. 73-74)
- i. Justeru, sebarang bentuk usaha memanipulasi kisah atau peristiwa benar yang dirakamkan dalam al-Quran adalah sesuatu yang amat bertentangan dengan akidah Islam.  
(hal. 74)

#### Contoh M4

- a. Menurut Seksyen 20, Enakmen Tanah Rizab Melayu (*Federated Malay States*), bab 142 dan Seksyen 13, Enakmen Tanah Rizab Melayu Kelantan, 1930, semua enakmen yang terdapat di setiap negeri perlu merujuk kepada pihak berkuasa negeri atau kepada Raja dalam Mesyuarat (*Ruler-in-Council*) apabila berlaku keraguan dalam membuat keputusan berhubung status Melayu atau bukan Melayu. Justeru, sebarang urusan niaga tanah yang dibuat oleh seorang *native of Kelantan* kepada seseorang yang bukan *native of Kelantan* jika dibuat tanpa kebenaran raja dalam mesyuarat [melainkan dalam kes cagaran kepada Menteri Kewangan, Majlis Amanah Rakyat, Pemegang Amanah, Lembaga (penanaman semula), perusahaan getah dan bank-bank] akan dianggap sebagai batal.  
(hal. 41)
- b. Malah dengan adanya penguatkuasaan Enakmen Tanah Rizab Melayu Kelantan, 1930 sekurang-kurangnya dapat mengelak tanah-tanah di

negeri Kelantan daripada diserahkan kepada orang asing secara berleluasa memandangkan terdapat usaha orang asing mengambil kesempatan melalui sogokan wang atau tipu helah<sup>22</sup> supaya pemilik menyerahkan tanah mereka. *Justeru* walaupun hak milik Tanah Rizab Melayu kekal dengan nama Melayu sebagai pemilik *de jure*, tetapi penguasaan dan pemiliknya sudah bertukar tangan kepada orang bukan Melayu sebagai pemilik *de facto*.

(hal.43)

- c. Selain itu, ada beberapa kawasan di jajahan Pasir Mas,<sup>25</sup> Pasir Puteh<sup>26</sup> dan Hulu Kelantan<sup>27</sup> yang diisytiharkan sebagai Tanah Rizab Melayu. *Justeru* orang bukan Melayu yang menjadi rakyat Kelantan hanya boleh memiliki tanah di kawasan Melayu jika ada persetujuan daripada sultan dalam majlis atau Majlis Kerja Negeri

(hal. 43).

- d. *Justeru*, Jadual 1 memberi gambaran tentang pemilikan tanah yang tinggi dalam kalangan orang Melayu

(hal. 52)

Daripada contoh-contoh yang dinyatakan, dapat dilihat bahawa berlaku kekeliruan maksud penggunaan penanda wacana ‘*justeru*’ dalam setiap penulisan yang diteliti. Penanda wacana ‘*justeru*’ dalam contoh-contoh ayat tersebut merujuk kepada maksud ‘oleh sebab itu’ atau ‘oleh itu’. Walau bagaimanapun, penggunaan penanda wacana ‘*justeru*’ yang membawa maksud ‘oleh sebab itu’ atau ‘oleh itu’ adalah kurang tepat dan tidak boleh digunakan mengikut hukum tatabahasa bahasa Melayu yang betul.

Selain penggunaan perkataan ‘*justeru*’ sebagai penanda wacana, terdapat kesalahan penggunaan kata sendi nama pada pangkal ayat bagi menggantikan fungsi penanda wacana. Hal ini dapat dilihat dalam penulisan M2 seperti contoh yang berikut, “Selain daripada perubahan dalam peta perdagangan dan pengeluaran (production), PLA juga merupakan petunjuk utama kepada pengantarabangsaan modal dan globalisasi aktiviti ekonomi.”. Dalam contoh ini penggunaan kata sendi ‘selain daripada’ adalah kurang tepat dan sepatutnya digantikan dengan penanda wacana

‘selain’ atau ‘selain itu’. Kesalahan penggunaan penanda wacana ini dilihat melanggar maksim kualiti, dari aspek penyataan maklumat yang tidak tepat dalam penulisan.

#### **4.2.2.2.1.3. Kesalahan Penggunaan Kata Pemerih ‘ialah’ dan ‘adalah’**

Berikutnya ialah kesalahan dari aspek penggunaan kata pemerih. Kata pemerih bermaksud unsur kata yang menjadi perangkai antara subjek dengan frasa-frasa utama dalam predikat. Kata pemerih ‘ialah’ digunakan untuk menunjukkan persamaan dan hadir di hadapan kata nama atau frasa nama. Manakala kata pemerih ‘adalah’ pula digunakan untuk menunjukkan huraian dan hadir di hadapan kata adjektif, frasa adjektif, kata sendi nama atau frasa sendi nama (Nik Safiah Karim, *et al.* 2003).

Dapatan analisis menunjukkan terdapat ketidakseragaman penggunaan kata pemerih ‘ialah’ dan ‘adalah’ dalam penulisan M1, M2, M3, M4 dan M7. Maksud tidak seragam di sini ialah, terdapat penggunaan kata pemerih yang mematuhi hukum tata bahasa yang betul dan terdapat juga penggunaan kata pemerih yang menyalahi hukum tata bahasa. Contoh-contoh kesalahan penggunaan kata pemerih ini dapat dilihat melalui penulisan M2, M3, M4 dan M7 seperti yang berikut:

##### **Contoh M2**

- a. Bilangan kilang yang beroperasi di kawasan PDC sehingga Disember 2003, adalah sebanyak 731 buah kilang.  
(hal. 52)

##### **Contoh M3**

- a. Empat buah novel ini adalah buah tangan pengarang yang lahir di Belitong, sebuah pulau yang terletak di Sumatera Timur, di Laut Jawa.  
(hal. 36)

- b. Belitong adalah sebuah tempat yang kaya dengan hasil bumi tetapi kebanyakan penduduknya adalah miskin.  
(hal. 36)
- c. Gedong adalah satu kawasan yang wujud hasil daripada perlombongan bijih timah oleh sebuah syarikat yang dikenali sebagai PT Timah dan syarikat ini menjalankan perlombongan timah yang diwarisi daripada penjajah.  
(hal. 36)
- d. SD Muhammadiyah menjadi pilihan kerana sekolah ini adalah sebuah sekolah agama.  
(hal. 37)

#### Contoh M4

- a. Perkara ini turut diulas oleh Munjid Mustafa Bahjat yang menyatakan bahawa titik persamaan yang amat jelas antara karya *al-Tawabi' wa al-Zawabi'* dengan peristiwa Israk Mikraj ialah apabila kedua-duanya membicarakan satu situasi yang sama, iaitu peralihan latar kisah dari alam nyata ke alam ghaib.  
(hal. 65)
- b. Umar Farukh menyatakan bahawa tujuan al-Ma'arri menulis *Risalat al-Ghufran* ialah untuk menerangkan kepada manusia bahawa keampunan Allah SWT itu amat luas yang secara tidak langsung memberi galakan kepada Ibn al-Qarih untuk segera bertaubat.  
(hal. 66)
- b. Meskipun tujuan utama penulisannya ialah untuk menyatakan bahawa keampunan Allah SWT itu amat luas terhadap hamba-Nya.  
(hal. 67)
- d. Sebagai contoh ialah wujudnya penceritaan tentang nikmat syurga dan azab neraka seperti yang disaksikan oleh Ibn al-Qarih dalam *Risalat al-Ghufran*.  
(hal. 68)
- e. Secara jelas, ia menceritakan satu fakta yang memang terdapat di dalam al-Quran iaitu yang menyatakan bahawa tempat bagi syaitan adalah neraka yang bersifat azab.  
(hal. 71)

### Contoh M7

- a. Nahu fungsional Halliday (1985, 38–40) yang diasaskan daripada aliran Linguistik Praha telah menjelaskan bahawa fungsi ayat seperti dalam Jadual 1 *adalah* berperanan menyampaikan mesej (idea) yang terbina daripada unsur tema dan rema. Tema yang dimaksudkan adalah idea lama, manakala rema *adalah* idea baru.  
(hal. 93)
- b. Secara lebih lanjut, nahu fungsional Halliday (1985, 38–40), yang diasaskan daripada aliran Linguistik Praha dijelaskan bahawa ayat atau dinamakan klausa adalah berperanan menyampaikan mesej (idea) yang terbina daripada unsur tema dan rema (*theme and rheme*). Tema yang dimaksudkan adalah titik tolak mesej manakala rema adalah mesej atau maklumat yang belum diketahui oleh sasaran wacana. Dengan kata lain, tema adalah idea lama manakala rema adalah idea baru. Lantaran itulah, unsur tema dan rema inilah yang akan dikembangkan melalui ayat kedua dan ayat berikutnya bagi membentuk kesatuan perenggan yang utuh.  
(hal. 94)
- c. Oleh yang demikian dapat disimpulkan bahawa epistrofa adalah perkataan yang disusun di hujung baris kata dan ia merupakan kebalikan daripada unsur gaya bahasa anafora yang merupakan pengulangan di awal baris.  
(hal. 99)
- d. Keraf (1990, 128) mengatakan epanalepsis adalah pengulangan yang wujud di akhir kata yang mengulang kata pertama pada frasa atau klausa dalam ayat.  
(hal. 104)
- e. Anadiplosis adalah kata atau frasa terakhir dari suatu klausa atau kalimat menjadi kata atau frasa pertama dari klausa atau kalimat berikutnya.  
(hal. 106)

Daripada contoh-contoh di atas, dapat dikatakan bahawa kata pemeris ‘ialah’ dan ‘adalah’ digunakan dengan sewenang-wenangnya dalam penulisan. Hal ini dapat dibuktikan apabila terdapat penggunaan kata pemeris yang mematuhi tatabahasa yang betul dan pada masa yang sama juga dapat dilihat penggunaan kata pemeris yang melanggar tatabahasa yang betul dalam penulisan yang dikaji.

#### **4.2.2.2.1.4. Kesalahan Penggunaan Kata sendi Nama**

Selain kesalahan penggunaan kata pemeris, analisis juga menemukan kesalahan tata bahasa dari aspek penggunaan kata sendi nama dalam penulisan makalah yang dikaji. Kata sendi nama ialah bentuk morfem atau kata yang letaknya di hadapan frasa nama. Kata sendi nama berfungsi sebagai kata hadapan kepada kata nama atau frasa nama dan menjadi penyambung kata atau frasa dalam sesuatu ayat (Nulawadin, 1991).

Daripada penelitian, didapati penggunaan kata sendi nama yang melanggar hukum tata bahasa yang betul banyak dilihat berlaku dalam penulisan makalah yang dikaji. Antara kesalahan penggunaan kata sendi nama yang sering ditemui dalam penulisan adalah seperti kata sendi nama dari, daripada, di, ke, pada, kepada, seperti, untuk, akan, bagi, kerana, antara, di antara dan oleh. Huraian bagi setiap contoh kesalahan yang dilakukan adalah seperti yang berikut:

#### **4.2.2.2.1.5. Kesalahan Penggunaan kata sendi nama ‘pada’**

Kata sendi nama ‘pada’ digunakan di hadapan kata nama atau frasa nama untuk menunjukkan keterangan berkaitan dengan waktu dan tempat, untuk menunjukkan tempat bagi perbuatan sesuatu kata kerja dan membawa maksud sandaran. Analisis menemukan kesalahan penggunaan kata sendi nama ‘pada’ dalam penulisan M1, M2, M4 dan M7. Hal ini dapat dilihat melalui contoh-contoh berikut:

##### **Contoh M1**

- a. Pada peringkat awal perkembangan kerajaan Kedah, kegiatan perdagangan banyak tertumpu di pelabuhan Sungai Mas dan Lembah Bujang.  
(hal. 2)

##### **Contoh M2**

- a. Kejayaan industri BEE di Malaysia sejak beberapa dekad ini banyak bergantung pada kelebihan lokasi industri di negara ini untuk menarik pelaburan langsung asing.  
(hal. 43)

- b. Walaupun Malaysia mampu melakar perkembangan industri BEE yang baik, namun pergantungan kepada pengeluaran industri BEE untuk eksport dan pelaburan modal asing, telah menyebabkan negara ini turut menerima kesan yang ketara akibat perubahan yang berlaku pada peringkat global.  
(hal. 43)
- c. Kawasan perindustrian Bayan Lepas, Pulau Pinang yang dikenali pada peringkat global sebagai pengeluar produk elektronik yang terkemuka di Malaysia.  
(hlm. 43)
- d. Namun demikian, model ini tidak dapat menjelaskan fenomena pelaburan antarabangsa yang menjadi semakin kompleks pada peringkat global.  
(hal. 44)
- e. Persaingan lokasi dalam menarik pelaburan pada peringkat global semakin meningkat.  
(hal. 51)
- f. Perubahan corak pengeluaran industri BEE pada peringkat global memberi kesan langsung kepada negara-negara membangun, khususnya Malaysia.  
(hal. 54)

#### Contoh M4

- a. Pada setiap bab dalam karya *The Divine Comedy* ini dimuatkan sebanyak 33 kumpulan puisi, kecuali bab pertama yang menyatakan perihal Neraka (*Hell*) yang mengandungi 34 kumpulan puisi serta tambahan satu lagu sebagai mukadimah di permulaan karya.  
(hal. 69)
- b. ... pertemuan watak utama dalam kedua-dua karya dengan beberapa individu penting di zaman masing-masing.  
(hal. 71)

#### Contoh M7

- a. Pemerihalan unsur nahuan di aras ayat malah di aras perenggan adalah wajar kerana manusia berbahasa bukan sekadar menghasilkan ayat secara terpisah satu-satu, tetapi adalah dalam suatu lakuan bahasa yang dinamakan wacana.  
(hal. 93)

Berdasarkan contoh-contoh di atas, dapat dilihat bahawa penggunaan kata sendi nama ‘pada’ dalam contoh M1 (a), M2 (a), (b), (c), (d), (e) dan (f) adalah kurang tepat. Penggunaan



kata sendi nama ‘pada peringkat’ sepatutnya digantikan dengan kata sendi nama ‘di peringkat’. Hal ini kerana fungsi kata sendi nama ‘di’ adalah untuk menyatakan sesuatu tempat, arah atau nama tempat. Manakala bagi contoh ayat M4 (a), (b) dan M7 (a) penggunaan kata sendi nama yang lebih tepat ialah ‘pada’ dan bukan kata sendi nama ‘di’. Hal ini kerana dalam konteks ayat sebegini kata sendi nama ‘pada’ berfungsi untuk memberi keterangan berkaitan dengan waktu dan tempat.

#### **4.2.2.2.1.6. Kesalahan Penggunaan Kata sendi Nama ‘di’ dan ‘di dalam’**

Berikutnya ialah kesalahan penggunaan kata sendi nama ‘di’ dan ‘di dalam’. Kata sendi nama ‘di’ berfungsi untuk menyatakan sesuatu tempat, arah atau nama tempat. Manakala kata sendi nama ‘di dalam’ berfungsi untuk menerangkan tempat yang khusus dan mempunyai had yang konkrit. Daripada penelitian, analisis menunjukkan terdapat kesalahan penggunaan kata sendi nama ‘di’ dan ‘di dalam’ dalam penulisan M3 dan M4. Hal ini dapat dilihat melalui contoh ayat yang berikut :

Contoh M3

- a. Pelbagai reaksi terhadap filem ini telah diterima dan filem ini dikatakan mendapat sambutan yang baik di kalangan peminat filem Indonesia, walaupun adaptasinya belum diperkatakan secara mendalam.  
(hal. 36)
- b. Sikap ini menunjukkan bahawa sukar berlaku mobiliti sosial di kalangan masyarakat di Belitong. Kumpulan elit akan terus maju, sementara kumpulan terpinggir akan terus terpinggir.  
(hal. 36)
- c. Tegasnya, penggunaan dialog sangat penting untuk mengambil alih peranan sudut pandangan orang pertama dan ketiga di dalam filem ini. Misalnya di dalam novel, Ikal menyatakan bahawa Pak Harfan ada menceritakan bagaimana segelintir dermawan telah memberi sumbangan berterusan untuk membangunkan SD Muhammadiyah.  
(hal. 45)

- d. Penggunaan *voice-over* di dalam filem *Laskar Pelangi* boleh didapati di beberapa tempat seperti di awal, di pertengahan dan di penghujung filem.

(hal. 45)

- e. Misalnya, di dalam novel dan juga filem, Pak Harfan berpesan kepada Ikal dengan satu prinsip hidup yang berasaskan agama Islam

(hal. 46)

#### Contoh M4

- a. Secara tidak langsung, gambaran-gambaran tersebut membuktikan ketegasan Islam berkaitan perkara larangan yang sememangnya membawa kesan negatif di dalam kehidupan manusia.

(hal. 73)

Berdasarkan contoh yang dinyatakan, kesalahan penggunaan kata sendi ‘di’ dapat dilihat melalui contoh M3 (a) dan (b). Dalam contoh-contoh ini penggunaan frasa sendi nama ‘di kalangan’ adalah kurang tepat. Hal ini kerana kata sendi nama ‘di’ digunakan untuk menunjukkan tempat atau lokasi. Walau bagaimanapun, kata ‘kalangan’ merujuk kepada lingkungan dan tidak merujuk kepada tempat. Oleh yang demikian, penggunaan frasa sendi ‘di kalangan’ adalah tidak gramatis atau kurang tepat. Penggunaan frasa sendi yang lebih tepat untuk contoh ayat M3 (a) dan (b) ialah ‘dalam kalangan’ yang merujuk kepada maksud lingkungan.

Berikutnya, contoh kesalahan penggunaan kata sendi nama ‘di dalam’ bagi contoh ayat M3(c), ( d), (e), M4 (a) dan M7(a). Didapati penggunaan kata sendi ‘di dalam’ tersebut adalah menyalahi hukum tatabahasa. Hal ini kerana penggunaan kata sendi nama ‘di dalam’ berfungsi untuk menerangkan tempat yang khusus dan mempunyai had yang konkrit. Dalam konteks penggunaan kata sendi ‘di dalam’ filem, ‘di dalam’ novel dan ‘di dalam’ kehidupan, penggunaan kata sendi ‘di dalam’ tersebut tidak merujuk kepada tempat yang khusus dan mempunyai had yang konkrit. Oleh yang

demikian penggunaan kata sendi yang lebih tepat seperti contoh yang dinyatakan dalam ayat M3(c),( d),(e), M4 (a) dan M7(a) ialah ‘dalam filem’, ‘dalam novel’ dan ‘dalam kehidupan’.

#### **4.2.2.2.1.7. Kesalahan Penggunaan Kata Sendi Nama ‘dari’ dan ‘daripada’**

Kata sendi nama ‘dari’ berfungsi untuk menyatakan arah, tempat, waktu dan masa. Kata sendi nama ‘dari’ selalunya hadir di hadapan kata nama arah, tempat, waktu dan masa. Walau bagaimanapun, kata sendi nama ‘dari’ tidak boleh digunakan di hadapan kata nama manusia, benda dan haiwan. Hal ini menyalahi hukum tata bahasa dan sekiranya digunakan dalam penulisan, kata sendi nama tersebut akan menghasilkan ayat yang tidak gramatis. Sementara kata sendi nama ‘daripada’ berfungsi untuk menerangkan kata nama, iaitu kata nama manusia, haiwan, benda, unsur mujarad, sumber atau asal kejadian sesuatu benda, perbezaan dan perbandingan (Nik Safiah Karim, *et al.*, 2003).

Daripada penelitian didapati terdapat kesalahan penggunaan kata sendi nama ‘dari’ dan ‘daripada’ dalam penulisan makalah M2, M3 dan M7. Berikut ialah contoh-contoh kesalahan penggunaan kata sendi nama ‘dari’ dan ‘daripada’ dalam penulisan makalah M2, M3 dan M7.

##### **Contoh M2**

- a. Perubahan global yang melibatkan pergerakan [sic] keluar firma pembuatan daripada negara industri.

(hal. 44)

##### **Contoh M3**

- a. Unsur naratif ialah unsur utama yang boleh dipindahkan dari novel ke filem.

- b. Apabila memperkatakan tentang adaptasi unsur naratif dari novel ke filem.

(hal. 39)

#### Contoh M7

- a. Beliau telah menghuraikan bahawa jalinan idea bagi ayat topik yang terbina dari unsur frasa, klausa yang membawa kepada penghasilan jalinan ayat dalam satu perenggan akan menghasilkan kesatuan perenggan yang utuh keseluruhannya.

(hal. 95)

Berdasarkan contoh ayat M2(a), penggunaan kata sendi nama ‘daripada’ adalah kurang tepat kerana ayat tersebut menunjukkan arah dan tempat. Oleh yang demikian, kata sendi nama yang lebih tepat ialah ‘dari’ seperti contoh ayat berikut: “pergerakan keluar firma pembuatan ‘dari’ negara industri”. Manakala contoh ayat M3 (a) dan (b) dan M7(a) merujuk kepada kata nama yang menerangkan sumber atau asal sesuatu benda. Oleh yang demikian, kata sendi nama yang tepat serta mematuhi hukum tatabahasa yang betul bagi ayat tersebut ialah ‘daripada’ novel ‘kepada’ filem.

#### **4.2.2.2.1.8. Kesalahan Penggunaan Kata Sendi Nama ‘antara’ dan ‘di antara’**

Kata sendi nama ‘di antara’ berfungsi untuk menunjukkan kedudukan fizikal atau tempat. Manakala kata sendi nama ‘antara’ berfungsi untuk menunjukkan perbandingan, kata nama am yang tidak perlu diulang, dan kata nama jamak yang mengalami penggandaan separa. Analisis menunjukkan terdapat kesalahan penggunaan fungsi kata sendi ‘antara’ dan ‘di antara’ dalam penulisan M3 dan M7.

Hal ini dapat dilihat melalui contoh-contoh seperti yang berikut:

### Contoh M3

- a. Makalah ini menjelaskan secara kritis hubungan di antara novel *Laskar Pelangi* karya Andrea Hirata dengan filem yang memakai tajuk yang sama arahan Riri Riza.  
(hal. 35)
- b. Hasil penelitian ini mendapati wujud sinergi yang kuat di antara pengarang novel dengan pengarah, penulis skrip dengan penerbit filem *Laskar Pelangi*.  
(hal. 35)
- c. Terdapat hubungan yang erat di antara Andrea dengan Riri Riza.  
(hal. 39).
- d. Cerita Pak Harfan yang disampaikan oleh Ikal melalui sudut pandangan orang pertama ini telah ditransformasikan kepada bentuk dialog di antara Pak Harfan dengan Zulkifli seorang mewakili segelintir dermawan itu.  
(hal. 45).
- e. Sungguhpun terdapat sinergi yang kuat di antara pengarang novel dengan pengarah, penulis skrip dan penerbit filem *Laskar Pelangi*, indentiti sebuah filem itu terpelihara.  
(hal. 52)

### Contoh M7

- a. Jalinan yang harmoni dan seimbang di antara kedua-dua aspek tersebut menjadikan karya ini lebih bertenaga dan berkualiti.

Misalnya, contoh penggunaan kata sendi 'antara' dan 'di antara' dalam ayat M3 (a), (b), (c), (d), (e) dan M7 (a) di atas, dilihat menyalahi fungsi penggunaan kata sendi nama 'antara' dan 'di antara' mengikut tatabahasa bahasa Melayu yang betul. Hal ini kerana contoh ayat M3 (a), (b), (c), (d), (e) dan M7 (a) di atas menerangkan berkenaan unsur perbandingan dalam ayat. Oleh yang demikian, penggunaan kata sendi nama yang tepat ialah kata sendi nama 'antara' dan bukannya kata sendi nama 'di antara'. Daripada huraian contoh-contoh kesalahan bahasa di atas, dapat

dikatakan bahawa terdapat banyak kesalahan bahasa yang berlaku dalam penulisan dari aspek penggunaan kata sendi mana.

Intihanya, maksim kualiti menekankan penyampaian maklumat yang benar dan tepat dalam penulisan. Walau bagaimanapun, dapatan kajian membuktikan bahawa berlaku pelanggaran maksim kualiti penggunaan bahasa dari aspek tatabahasa seperti kesalahan ejaan, penggunaan penanda wacana, penggunaan kata pemerian dan penggunaan kata sendi nama.

Kesalahan bahasa yang berlaku ini juga menyebabkan terhasilnya ayat yang tidak gramatis dalam penulisan. Ayat yang tidak gramatis bermaksud ayat yang ditulis tidak berdasarkan kepada aturan-aturan tatabahasa sesuatu bahasa, dalam konteks kajian ini ialah tatabahasa bahasa Melayu. Ayat yang tidak gramatis ini juga boleh menyebabkan kekaburan maklumat yang ingin disampaikan dalam penulisan tersebut serta melanggar maksim kualiti dalam penulisan.

Selain itu, tidak dinafikan bahawa kesalahan bahasa dalam penulisan makalah ilmiah ini berlaku disebabkan oleh faktor penguasaan bahasa Melayu yang lemah dalam kalangan penulis makalah ilmiah, yang kebanyakannya terdiri daripada para akademik dan sikap sambil lewa penulis terhadap penggunaan bahasa Melayu yang betul dan mematuhi peraturan tatabahasa bahasa Melayu dalam penulisan. Bukti tahap penguasaan bahasa Melayu yang rendah dapat dilihat melalui penulisan makalah yang dipenuhi oleh kesalahan tatabahasa dan ayat-ayat yang tidak gramatis. Manakala sikap sambil lewa penulis terhadap penggunaan bahasa Melayu dalam penulisan dapat dilihat melalui aspek ketidakseragaman penggunaan tatabahasa yang

betul dalam penulisan makalah yang dikaji. Dapatan kajian ini juga menyokong pendapat Lado (1961), iaitu kesalahan dalam penulisan sering berlaku disebabkan oleh mereka yang tidak menguasai sepenuhnya akan struktur-struktur tatabahasa sesuatu bahasa.

Oleh yang demikian, pengetahuan yang luas dalam ilmu linguistik dan penguasaan tatabahasa yang mantap adalah sangat penting untuk menghasilkan sebuah penulisan ilmiah yang mantap dan bebas daripada sebarang kesalahan tatabahasa. Tanggapan bahawa sesuatu ayat tersebut dianggap betul sekiranya ayat tersebut dapat difahami adalah kurang tepat. Hal ini kerana menurut pandangan Lutfi Abas, (1986) ayat yang difahami itu tidak boleh disamakan dengan ayat yang betul menurut peraturan-peraturan tatabahasa.

#### **4.2.2.2.2. Penggunaan Tanda Baca**

Tanda baca merupakan salah satu aspek yang sangat penting dalam menentukan kualiti sesebuah penulisan terutamanya penulisan ilmiah. Dalam bahasa tulisan tanda baca berperanan sebagai tatacara atau peraturan untuk membantu penulis menyusun frasa dan klausa dengan betul sesuai dengan idea yang ingin disampaikan dalam penulisan tersebut. Selain itu, tanda baca juga menjadi alat untuk membantu menyampaikan perasaan rasa, perasaan, sikap, emosi di samping menentukan kejelasan, ketepatan dan penegasan. Walau bagaimanapun, dalam penulisan ilmiah penggunaan tanda baca perlulah wajar dan bersesuaian dengan matlamat dan tujuan penulisan. Penggunaan tanda baca yang berlebihan atau kurang tepat akan menyebabkan berlakunya kekeliruan makna dan menyukarkan pemahaman pembaca

serta melanggar maksim kualiti yang menekankan penyampaian maklumat yang benar sahaja dalam penulisan.

Dalam tulisan rumi bahasa Melayu, terdapat 17 jenis tanda baca yang telah digunakan secara mantap, iaitu tanda noktah (.), tanda koma (,), tanda sempang (-), tanda pisah ( - ), tanda elipsis (...), tanda titik bertindih (:) tanda koma bertitik (;), tanda soal (?), Tanda seru (!), tanda kurung ( ), tanda kurung siku ([ ]), tanda kurung dakap ( { } ), tanda petik ( “ ” ), tanda petik tunggal ( ‘ ’ ), tanda garis miring ( / ), dan tanda penyingkat atau singkatan ( ’ ).

Dalam kajian ini, analisis dijalankan dengan memfokuskan kepada penggunaan semua jenis tanda baca yang dinyatakan di atas dalam penulisan makalah. Dapatan analisis menunjukkan penggunaan tanda baca seperti tanda sempang (-), tanda pisah ( - ), tanda elipsis (...), tanda titik bertindih (:) tanda koma bertitik (;), tanda soal (?), Tanda seru (!), tanda kurung ( ), dan tanda petik ( “ ” ) dilihat mematuhi tata cara penggunaan tanda baca yang tepat dalam penulisan. Walau bagaimanapun, penggunaan tanda baca seperti tanda petik tunggal ( ‘ ’ ), garis miring ( / ), tanda kurung siku ([ ]), tanda kurung dakap ( { } ), didapati tidak terdapat dalam mana-mana penulisan yang dikaji.

Daripada penelitian, didapati hanya dua jenis tanda baca yang sering melanggar tatacara penggunaan tanda baca yang betul, iaitu penggunaan tanda baca koma (,) dan noktah (.). Fungsi tanda koma ialah tanda baca yang digunakan untuk menyenaraikan tiga unsur atau lebih, memisahkan klausa yang digabungkan dengan ayat utama dalam konteks binaan ayat majmuk, menandakan berhenti sekejap dalam



ayat yang panjang atau kompleks, menunjukkan frasa yang berlawanan dalam ayat, menunjukkan senarai contoh dalam ayat, menandakan petikan langsung, memisahkan penjelasan dengan perkara yang dijelaskan, menunjukkan penekanan terhadap sesuatu perkara dalam ayat dan menandakan penerang bagi frasa sebelumnya. Manakala tanda noktah berfungsi untuk melengkapkan ayat, menyatakan kependekan kata, membezakan antara nilai ringgit dan sen, menunjukkan tanda perpuluhan dan menunjukkan tanda berhenti.

Analisis menunjukkan bahawa penulisan M1, M6 dan M8 mematuhi fungsi penggunaan tanda koma (,) yang betul dalam penulisan. Manakala penulisan M2, M3, M4, M5, M7 didapati melanggar tatacara penggunaan tanda koma (,) yang betul mengikut peraturan bahasa tulisan bahasa Melayu.

Penggunaan tanda koma yang tidak mematuhi peraturan tanda baca yang betul dilihat berlaku dalam penulisan M2, M3, M4, M5, M7 ialah dalam konteks penggunaan tanda koma yang berfungsi semasa membina ayat majmuk, iaitu memisahkan klausa yang digabungkan dengan ayat utama. Sebagai contoh, tanda koma (,) yang hadir sebelum keterangan tambahan di akhir ayat yang bermula dengan perkataan “iaitu” dan “misalnya”. Dapat dikatakan, fungsi penggunaan tanda koma dalam konteks ini digunakan secara tidak seragam dalam penulisan M2, M3, M4, M5, dan M7. Tidak seragam di sini bermaksud terdapat penggunaan tanda koma yang mematuhi tatacara penggunaan tanda baca yang betul dan pada masa yang sama terdapat juga penggunaan tanda koma yang tidak mematuhi tatacara penggunaan tanda koma yang betul dalam satu-satu penulisan yang dikaji. Demikian halnya dengan penggunaan tanda noktah (.). Didapati terdapat pengguguran tanda

noktah yang berfungsi untuk melengkapkan ayat. Kesalahan tanda baca ini menyebabkan berlakunya ayat yang tergantung dalam penulisan yang dikaji.

#### **4.2.2.2.3. Penggunaan Huruf Condong dan Huruf Besar**

Dalam penulisan huruf besar digunakan dalam keadaan berikut, huruf pertama awal ayat, huruf pertama petikan langsung, huruf pertama dalam ungkapan yang bersangkutan dengan kitab suci atau nama tuhan, huruf pertama bagi gelaran kehormatan, keturunan dan keagamaan yang diikuti oleh nama orang, huruf pertama nama jawatan dan pangkat yang diikuti oleh nama orang, huruf pertama nama khas dan akronim. Manakala huruf condong pula digunakan untuk menunjukkan adanya sesuatu yang berlainan tentang perkataan atau frasa yang berkenaan dalam penulisan, merujuk kepada nama buku, majalah dan surat khabar, nama ilmiah atau ungkapan asing kecuali yang telah disesuaikan ejaannya dan menyatakan sambungan di bawah teks.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa penggunaan huruf besar menepati konteks penggunaan yang betul dalam semua penulisan kecuali dalam penulisan M2 seperti contoh yang berikut:

#### **Contoh M2**

Menurut Dunning (1993), terdapat empat motif utama PLA iaitu:

- Untuk mendapatkan sumber bahan semula jadi yang harganya lebih murah dan/atau berkualiti daripada yang terdapat di negara sendiri (pelabur).
- Untuk menguruskan pasaran asing terutamanya pasaran di negara tempat pelaburan dilakukan.
- Untuk menstrukturkan semula aktiviti sedia ada supaya mempunyai nilai tambah yang lebih (*value-added*) bagi meningkatkan kecekapan dan perubahan dalam '*range*' atau kepelbagaian produk yang dihasilkan.

- Untuk mendapatkan aset strategik iaitu aset yang komplemen dengan aset sedia ada bagi tujuan untuk mengurangkan risiko, mendapat kelebihan ekonomi skel dan mengukuhkan kedudukan daya saing dalam pasaran nasional dan global.

(hal. 45)

Daripada contoh di atas didapati perkataan kata tugas “untuk” dieja dengan huruf besar. Walau bagaimanapun hal ini menyalahi penggunaan huruf besar yang betul kerana perkataan tersebut merupakan penghubung atau penerang kepada ayat utama. Oleh yang demikian perkataan bergaris ‘untuk’ tersebut sepatutnya dieja dengan huruf kecil.

Bagi penggunaan huruf condong pula, semua penulisan menggunakan huruf condong mengikut tata cara yang betul kecuali dalam penulisan M5. Hal ini dapat dibuktikan melalui contoh yang berikut:

#### Contoh M5

- a. Malah dalam Enakmen Tanah Rizab Melayu, 1930 juga terdapat peruntukan takrif perkataan ‘Melayu’. Antaranya disebutkan:

Malay, means a person belonging to any Malayan race who speaks any Malayan language and professes the Mohammedan religion, and shall include (a) the Majlis Ugama Islam (b) the Official Administrator when acting as administrator or trustee of estate of a deceased Malay.<sup>8</sup>

(hal. 40)

- b. Wong mendefinisikan ‘Melayu’ sebagai *a person belonging to any Malayan race who habitually speaks the Malay language or any Malayan language and professes the Muslim religion*, sedangkan di dalam *The Kelantan Enactment* menurut beliau, *left out the specific reference to the Malay language* (Wong 1977, 512).

(hal. 40)

- c. Misalnya dalam kes Idris bin Haji Mohamed Amin lawan Ng Ah Siew (1935) 49 didapati surat kuasa wakil itu tidak sah.

(hal. 48)

Contoh M5 (a) dan (b), jelas membuktikan wujud ketidakseragaman penggunaan huruf condong dalam penulisan M5. Hal ini dapat dilihat melalui ayat yang ditulis dalam bahasa Inggeris dalam contoh M5 (a) dan dinyatakan dalam bentuk petikan langsung tetapi tidak menggunakan huruf condong. Manakala ayat dalam bahasa Inggeris dalam contoh M5(b) ditulis menggunakan huruf condong. Dalam contoh ini, ayat yang ditulis menggunakan bahasa Inggeris seharusnya ditulis condong. Hal ini untuk menunjukkan fungsi huruf condong dalam penulisan, iaitu untuk menunjukkan adanya sesuatu yang berlainan tentang perkataan atau frasa yang berkenaan dalam penulisan.

Berikutnya, kesalahan penggunaan huruf condong dalam konteks penulisan karya undang-undang yang diteliti melalui contoh M5 Kuala Lumpur. Berdasarkan contoh M5 Kuala Lumpur, ayat tersebut sepatutnya ditulis dengan huruf condong seperti contoh berikut: “Misalnya dalam kes *Idris bin Haji Mohamed Amin* lawan *Ng Ah Siew* (1935) 49 didapati surat kuasa wakil itu tidak sah.

Kesimpulannya, dapat dikatakan bahawa tidak semua penulisan yang menggunakan format penulisan huruf condong dan huruf besar yang betul dan tepat. Masih terdapat kesalahan dalam penulisan huruf condong dan huruf besar yang dikenal pasti dalam penulisan makalah yang dikaji.

#### **4.2.2.3. Kepatuhan Etika Akademik**

Maksim kualiti dalam penulisan dilihat melalui penyampaian maklumat yang benar yang disertakan dengan bukti yang kukuh. Oleh itu, analisis maksim kualiti kepatuhan terhadap etika akademik dalam penulisan diteliti melalui perakuan penulis terhadap sumber rujukan dan sikap objektif terhadap penulisan karya lain. Perakuan terhadap sumber rujukan bermaksud sesuatu penulisan hendaklah memberikan rujukan yang sah atau bukti terhadap sumber yang dinyatakan dalam penulisan tersebut (sama ada pengarang atau institusi) dengan menyatakan rujukan tersebut menggunakan kaedah penulisan rujukan yang betul. Manakala sikap objektif terhadap penulisan karya lain bermaksud penulisan yang menerapkan ungkapan-ungkapan yang sesuai dalam memberikan penilaian akademik terhadap karya orang lain (Asmah Omar, 2007).

Analisis menunjukkan terdapat pelanggaran maksim kualiti terhadap perakuan sumber rujukan dalam penulisan M1 dan M2. Misalnya, dalam penulisan M1 terdapat sumber rujukan daripada pengarang yang dinyatakan di bahagian teks tetapi maklumat lengkap berkenaan sumber rujukan tersebut tidak dinyatakan di bahagian rujukan. Sebagai contoh, rujukan pengarang Jelani Harun (2006) dan Ismail Haji Salleh (2006) yang dirujuk dalam penulisan pada halaman 4 dan rujukan Kamus Besar Arab Melayu Dewan (2006) yang dirujuk pada halaman 12. Walau bagaimanapun, maklumat lengkap kedua-dua sumber rujukan ini tidak ditulis atau tidak dinyatakan di bahagian bibliografi. Hal ini dianggap menafikan perakuan terhadap sumber rujukan dalam penulisan dan melanggar etika akademik dalam penulisan.

Begitu juga dengan contoh penulisan M2, analisis menunjukkan ketidaksahihan sumber rujukan yang dinyatakan dalam penulisan M2 apabila terdapat percanggahan maklumat di antara tahun dan sumber rujukan yang dinyatakan dalam teks dengan tahun yang dinyatakan di bahagian rujukan. Contohnya, rujukan sumber institusi, iaitu United Nations (1987) dinyatakan dalam teks pada halaman 52, manakala pada bahagian bibliografi, rujukan tersebut ditulis sebagai United Nations (1997).

Selain percanggahan sumber rujukan, penulisan M2 juga menunjukkan ketidakselarasan sumber rujukan yang dinyatakan dalam teks dengan sumber rujukan yang dinyatakan di bahagian bibliografi. Misalnya, rujukan sumber yang dinyatakan pada halaman 53, sebagai sumber tunggal, iaitu Boruss (1994) tetapi di bahagian bibliografi sumber rujukan tersebut dinyatakan melebihi daripada seorang seperti berikut, 'Boruss, M., Ernst, D. and Haggard, S. (1994)'.

Dapat dikatakan bahawa percanggahan tahun dan sumber rujukan yang ditulis di dalam teks dan di bahagian bibliografi ini menimbulkan ketidaksahihan sumber maklumat dan hal ini dianggap melanggar maksim kualiti dari aspek etika penulisan akademik itu sendiri.

Sementara analisis terhadap keobjektifan terhadap karya orang lain menunjukkan bahawa semua penulisan (M1, M2, M3, M4, M5, M6, M7 dan M8) bersifat objektif dalam mengulas karya-karya yang dirujuk daripada sarjana lain dalam penulisan masing-masing. Penilaian terhadap karya - karya lain yang diterapkan dalam penulisan ditulis secara objektif dan beretika. Penulisan seperti ini, selain daripada mematuhi maksim kualiti, ia dianggap dapat meningkatkan nilai kesarjanaan terhadap penulisan itu sendiri.


Dapat dikatakan bahawa terdapat unsur pelanggaran dan pematuhan terhadap maksim kualiti dalam penulisan makalah penyelidikan yang dikaji. Analisis kajian memperlihatkan pelanggaran terhadap maksim kualiti ini berlaku dalam semua subkategori yang diteliti merangkumi kualiti dari aspek kandungan data penulisan, kualiti penggunaan bahasa dan kepatuhan terhadap etika akademik. Pada keseluruhannya, pelanggaran terhadap maksim kualiti dalam penulisan berlaku disebabkan oleh pelanggaran terhadap gaya penerbitan jurnal yang ditetapkan, iaitu Gaya Dewan.

#### **4.2.3. Maksim Relevan**

Maksim Relevan (MR) atau dikenali sebagai maksim pertalian bertujuan memastikan bahawa maklumat yang ingin disampaikan dalam penulisan harus mempunyai perkaitan atau pertalian dengan maklumat awal yang ingin disampaikan (Grice, 1975).

Dalam hubungannya dengan kajian ini, analisis maksim relevan memfokuskan penelitian kepada dua aspek, iaitu kerelevanan teks linear dan kerelevanan teks bukan linear. Kerelevanan teks linear diteliti melalui kerelevanan kajian lepas dalam penulisan, sama ada perbincangan berkenaan kajian lepas tersebut relevan dan berada dalam garis-garis sempadan tajuk dan subtajuk penulisan tersebut atau sebaliknya. Manakala kerelevanan teks bukan linear diteliti melalui pemaparan elemen teks bukan linear seperti graf, jadual, gambar rajah, peta dan sebagainya untuk melihat sama ada pemaparan elemen-elemen teks bukan linear tersebut adalah relevan dan dapat membantu menjelaskan maklumat yang disampaikan dalam

penulisan atau sebaliknya. Untuk memudahkan pemahaman, berikut disertakan Rajah 4.6. yang memaparkan pengkategorian analisis Maksim Relevan.



Rajah 4.6: Analisis maksim relevan

#### 4.2.3.1. Maksim Relevan Teks Linear

Analisis maksim relevan teks linear memberi tumpuan kepada kerelevanan kajian-kajian lepas dan teori atau pendekatan yang diterapkan dalam penulisan. Secara keseluruhannya, dapatan analisis menunjukkan terdapat pematuhan dan pelanggaran maksim relevan dalam penulisan makalah yang dikaji. Hasil analisis menunjukkan penulisan M3, M4, M5, M6, M7 dan M8 mematuhi maksim relevan teks linear. Manakala penulisan M1 dan M2 didapati melanggar maksim relevan dalam penulisan. Berikut disertakan huraian contoh-contoh yang menunjukkan pelanggaran terhadap maksim relevan dalam penulisan.

##### Contoh M1

Penulisan M1 adalah berkaitan dengan undang-undang Pelabuhan Kedah versi Raf. 77. Gambaran umum berkenaan tajuk penulisan ini dijelaskan pada bahagian



pengenalan. Walau bagaimanapun, analisis menunjukkan terdapat kajian – kajian lepas yang tidak relevan atau kajian lepas yang di luar daripada garis sempadan tajuk penulisan ini turut diselitkan pada bahagian pengenalan. Contohnya, kajian lepas yang dirujuk daripada Liaw (2003) dan Perpustakaan Negeri Kedah. Perkara yang sama juga dilihat berlaku dalam penulisan subtajuk sejarah percukaian dalam Undang-undang Pelabuhan Kedah. Analisis mendapati kajian-kajian lepas yang dirujuk daripada Mariyam (2005), Abu Hassan (2006), dan Winstedt (1928) yang menjelaskan berkenaan kesalahan ejaan dalam barangan yang dikenakan cukai merupakan kajian lepas yang di luar daripada garis sempadan perbincangan subtajuk penulisan tersebut, iaitu berkenaan sejarah percukaian.

#### Contoh M2

Penulisan M2 pula adalah berkenaan Pelaburan Langsung Asing dan pembangunan industri barangan elektrik dan elektronik di negeri Pulau Pinang. Dalam penulisan ini, didapati terdapat kajian lepas yang diterapkan dalam penulisan yang tidak relevan dengan tajuk penulisan tersebut. Misalnya, dalam membincangkan subtajuk pelaburan langsung asing, kajian lepas berkenaan model dan teori pelaburan yang tidak relevan dengan subtajuk penulisan tersebut yang dirujuk daripada Dicken (1992), Markusen (dalam United Nations 1995), Vernon (1979), dan Kojima (1978), turut diterapkan dalam penulisan. Selain itu, terdapat juga kajian lepas yang di luar daripada sempadan garis perbincangan tajuk penulisan turut diterapkan dalam penulisan seperti kajian Dunning (1993) dan Ernst (2003).

#### **4.2.3.2. Maksim Relevan Teks Bukan Linear**

Penelitian terhadap kerelevanan penggunaan teks bukan linear dalam penulisan mendapati tidak semua penulisan menggunakan unsur teks bukan linear sebagai bahan sokongan untuk menjelaskan data dan huraian dapatan kajian. Daripada lapan makalah yang dikaji, didapati hanya lima makalah menggunakan elemen teks bukan linear ini dalam penulisan, iaitu M2, M3, M5, M6, dan M7. Manakala makalah M1, M4, dan M8 tidak menerapkan elemen teks bukan linear dalam penulisan masing-masing.

Dari aspek kerelevanan penggunaan teks bukan linear dalam penulisan, didapati penggunaan teks bukan linear dalam penulisan M3, M5, M6, dan M7 adalah relevan dan elemen teks bukan linear tersebut berfungsi untuk menjadi bahan sokongan bagi menjelaskan data dan dapatan kajian yang dibincangkan dalam penulisan tersebut. Walau bagaimanapun, analisis menunjukkan penggunaan teks bukan linear dalam penulisan M2 adalah kurang relevan dalam menjelaskan berkenaan data dan dapatan kajian. Hal ini berlaku disebabkan oleh penyusunan atau reka letak halaman yang memuatkan teks bukan linear yang tidak seiring dengan tajuk yang dibincangkan dalam penulisan.

Sebagai contoh, teks bukan linear, iaitu Rajah 1 direka letak pada halaman 48, walau bagaimanapun huraian berkenaan data dalam Rajah 1 dibincangkan pada halaman 46. Reka letak halaman teks bukan linear yang tidak sejajar dengan perbincangan dalam penulisan makalah ini menyebabkan fungsi teks bukan linear sebagai bahan sokongan perbincangan data kajian menjadi tidak relevan dan tidak mencapai


matlamat yang diharapkan. Hal yang sama dapat dilihat dalam reka letak Jadual 2 pada halaman 58, Rajah 3 pada halaman 60, Jadual 4 pada halaman 59 dan Jadual 5 pada halaman 59. Didapati unsur teks bukan linear dalam penulisan ini direka letak pada halaman yang berlainan dengan huraian teks linear tersebut. Hal ini menyebabkan berlakunya ketidakrelevanan penggunaan teks bukan linear dalam penulisan.

Berdasarkan penelitian, dapat dikatakan bahawa terdapat unsur pelanggaran dan pematuhan terhadap maksim relevan dalam penulisan makalah penyelidikan yang dikaji. Dapat dikatakan bahawa, pelanggaran terhadap maksim relevan dalam penulisan berlaku disebabkan oleh penggunaan elemen teks bukan linear yang melanggar garis panduan penerbitan jurnal.

#### **4.2.4. Maksim Cara**

Maksim Cara (MC) merujuk kepada cara penulisan yang bersifat jelas, ringkas dan padat serta mengikut susunan yang betul (tertib) Grice (1975).

Dalam kajian ini, analisis maksim cara diteliti melalui cara penulisan dan pengorganisasian beberapa bahagian teks yang dianggap penting dan menjadi rujukan kepada pembaca, iaitu bahagian abstrak, kesimpulan, nota hujung dan bibliografi. Untuk menjadikan analisis kajian lebih terfokus, analisis setiap organisasi teks tersebut dibahagikan kepada beberapa kategori lain. Untuk pemahaman yang lebih lanjut, berikut disertakan Rajah 4.7 yang mempamerkan pengkategorian analisis maksim cara dalam penulisan.



Rajah 4.7: Analisis maksim cara

#### 4.2.4.1. Cara Menulis Nota Hujung

Nota bermaksud maklumat sampingan yang dicatatkan secara ringkas dan ditulis di bahagian akhir bab. Nota juga boleh merangkumi rujukan (Asmah Omar, 2007). Kaedah pemaparan nota penting dianalisis kerana kaedah ini dapat mempengaruhi penyusunan idea dalam teks secara tidak langsung dapat menjaga maksim kerelevanan.

Analisis menunjukkan penerbitan jurnal ini menggunakan kaedah nota hujung berbanding dengan kaedah nota kaki. Pemilihan kaedah nota hujung dalam penulisan makalah adalah bertujuan merapikan halaman reka letak penulisan. Walau bagaimanapun, didapati tidak semua penulisan makalah menerapkan kaedah nota hujung ini. Buktinya hanya penulisan M4, M5, M6, M7 dan M8 yang menggunakan kaedah nota hujung, manakala penulisan M1, M2 dan M3 tidak menggunakan

kaedah nota hujung. Hal ini turut membuktikan bahawa tidak semua bentuk penulisan ilmiah memerlukan kaedah nota hujung sebagai satu kaedah untuk menyampaikan maklumat sampingan dalam penulisan.

Di samping itu, analisis juga menunjukkan terdapat pelanggaran maksim cara dalam penulisan nota hujung ini. Pelanggaran maksim cara ini berlaku disebabkan oleh terlalu banyak maklumat sampingan yang diterapkan dalam nota hujung sehingga menyebabkan penulisan nota hujung menjadi terlalu panjang. Hal ini juga dilihat melanggar maksim cara yang menekankan kepada bentuk penulisan nota hujung yang ringkas, padat, dan jelas serta mengelakkan ketaksaan dalam penulisan.

#### **4.2.4.2. Cara Menulis Rujukan Kepengarangan**

Dari aspek cara menulis rujukan kepengarangan, didapati berlaku pelanggaran maksim cara menulis rujukan pengarang yang tepat dalam penulisan. Analisis menunjukkan penulisan rujukan pengarang yang lengkap dan tepat dapat dilihat melalui penulisan M3, M4, M7, dan M8. Manakala dalam penulisan M1, M2, M5, dan M6 didapati berlaku ketidakselarasan dari aspek penulisan rujukan kepengarangan.

Misalnya, ketidakselarasan nama pengarang yang ditulis di bahagian teks dengan nama pengarang yang ditulis di bahagian bibliografi. Sebagai contoh, dalam penulisan M1 pengarang Jelani Harun (2006) dan Ismail Haji Salleh (2006) dinyatakan pada halaman 4 dan Kamus Besar Arab Melayu Dewan (2006) dinyatakan pada halaman 12. Walau bagaimanapun, analisis menunjukkan maklumat lengkap kedua-dua rujukan pengarang ini tidak dinyatakan di bahagian bibliografi.

Selain itu, terdapat juga ketidakselarasan tahun rujukan yang dinyatakan di dalam teks dan di bahagian bibliografi. Contohnya, dalam penulisan M2, rujukan United Nations (1987) dinyatakan dalam teks halaman 52, manakala di bahagian bibliografi rujukan tersebut ditulis sebagai United Nations (1997). Analisis juga mendapati ketidakselarasan dari aspek ejaan nama pengarang yang ditulis di dalam teks dengan ejaan nama pengarang yang ditulis di bahagian bibliografi. Misalnya, dalam penulisan M2 nama pengarang dieja sebagai Boruss (1994) pada halaman 53 tetapi di bahagian bibliografi rujukan tersebut ditulis melebihi daripada seorang pengarang seperti contoh yang berikut, “ Boruss, M., Ernst, D. and Haggard, S. 1994”.

Selain ketidakselarasan penulisan rujukan pengarang, analisis menemukan kekeliruan penggunaan kaedah rujukan pengarang dalam penulisan. Misalnya, dalam penulisan M6 terdapat rujukan pengarang yang dinyatakan di dalam teks tetapi tidak ditulis di bahagian bibliografi, sebaliknya rujukan pengarang tersebut ditulis di bahagian nota hujung. Hal yang sama juga dilihat berlaku dalam penulisan M5. Analisis menunjukkan penulisan M5 hanya menyenaraikan tiga rujukan pengarang dalam penulisan. Manakala rujukan pengarang dan maklumat sampingan selebihnya disenaraikan melalui penulisan nota hujung.

Pelanggaran maksim cara menulis rujukan kepengarangan ini juga berlaku disebabkan oleh kekeliruan terhadap kaedah menulis rujukan dan kaedah menulis bibliografi dalam penulisan makalah. Buktinya, dalam garis panduan penulisan makalah dinyatakan bahawa penulisan rujukan kepengarangan menggunakan kaedah rujukan, walau bagaimanapun analisis menunjukkan terdapat makalah yang menggunakan kaedah bibliografi dalam penulisan rujukan kepengarangan. Sebagai

contoh, penulisan M1, M2 dan M6 menggunakan kaedah bibliografi sebagai rujukan kepengarangan. Manakala penulisan M3, M4, M7, dan M8 menggunakan kaedah rujukan sebagai rujukan kepengarangan, selain penulisan M5 dan M6 yang mencampuradukkan penulisan rujukan kepengarangan kepada bentuk kaedah nota hujung. Berdasarkan analisis terhadap cara menulis rujukan kepengarangan ini dapat dikatakan bahawa contoh-contoh ketidakselarasan penggunaan kaedah bibliografi ini mewujudkan ketaksaan dalam penulisan makalah yang dikaji dan melanggar maksim cara menulis rujukan pengarang yang tepat dalam penulisan.

#### **4.2.4.3. Cara Menulis Abstrak**

Abstrak ditakrifkan sebagai suatu keterangan atau ringkasan fakta daripada laporan yang panjang. Penulisan abstrak bertujuan memberikan maklumat yang tepat dan ringkas berkenaan penulisan keseluruhan artikel tersebut (Tseng, 2008). Untuk menghasilkan penulisan abstrak yang bersifat tepat, padat dan ringkas, tiga elemen yang dianggap penting untuk dinyatakan dalam penulisan abstrak, iaitu pertama, tajuk dan pembatasan kajian. Kedua, analisis yang dijalankan ke atas data melalui teori atau pendekatan yang diterapkan dalam kajian dan ketiga, dapatan kajian. Dalam kajian ini, analisis cara menulis abstrak meneliti ketiga-tiga aspek yang dinyatakan tersebut.

Dapatan analisis menunjukkan hanya penulisan M1, M3 dan M7 sahaja yang menerapkan ketiga-tiga elemen tersebut dalam penulisan abstrak masing-masing. Manakala penulisan M4, M5 dan M8 hanya menerapkan dua daripada tiga elemen tersebut dalam penulisan abstrak, iaitu tajuk, batasan kajian dan dapatan kajian. Sementara M2 hanya menerapkan satu elemen sahaja, iaitu tajuk dan batasan kajian

dalam penulisan abstrak. Selain itu, penulisan M6 didapati melanggar maksim cara menulis abstrak yang betul dengan tidak menerapkan ketiga-tiga elemen tersebut dalam penulisan abstrak.

#### **4.2.4.4. Cara Menulis Kesimpulan**

Dalam kajian ini, analisis cara menulis kesimpulan diteliti dengan memfokuskan kepada tiga aspek yang dianggap perlu dinyatakan dalam bab kesimpulan, iaitu perbincangan tentang dapatan kajian, dapatan yang menyokong atau tidak menyokong teori dan manfaat kajian tersebut dijalankan (Asmah Omar, 2007).

Dapatan analisis menunjukkan hanya penulisan M1 dan M7 sahaja yang menerapkan ketiga-tiga elemen tersebut dalam penulisan bab kesimpulan. Manakala penulisan M8, membincangkan berkenaan dapatan kajian dan dapatan yang menyokong teori kajian dalam bab kesimpulan. Selain itu, penulisan M2, M3, M4, M5, dan M6 pula hanya membincangkan berkenaan dapatan kajian sahaja dalam penulisan kesimpulan masing-masing.

Melalui analisis cara penulisan bab kesimpulan ini, didapati elemen berkenaan manfaat kajian serta cadangan implikasi hasil kajian yang telah dijalankan dalam bidang-bidang kajian lain tidak dibincangkan dalam hampir semua penulisan bab kesimpulan kecuali penulisan bab kesimpulan M1 dan M7. Perkara ini membuktikan bahawa dalam konteks penulisan makalah ilmiah, perbincangan berkenaan manfaat kajian serta cadangan implikasi hasil kajian tidak sesuai untuk diterapkan dalam penulisan.



Secara keseluruhannya, hasil analisis memperlihatkan bahawa terdapat unsur pematuhan dan pelanggaran maksim cara dalam penulisan nota hujung, penulisan rujukan kepengarangan, penulisan abstrak, dan penulisan kesimpulan. Pelanggaran terhadap maksim cara ini berlaku disebabkan oleh ketidakpatuhan penulis terhadap garis panduan penulisan makalah penyelidikan seperti yang ditetapkan dalam jurnal tersebut. Selain itu, ketiadaan satu garis panduan penulisan makalah penyelidikan yang piawai juga menjadi satu daripada faktor yang menyebabkan berlakunya pelanggaran maksim cara dalam penulisan makalah ini.

#### **4.2.5. Kesimpulan**

Bab ini secara keseluruhannya telah memaparkan perbincangan yang mendalam berkenaan strategi retorik penulisan makalah penyelidikan dengan berlandaskan kepada Teori Prinsip Kerjasama Grice. Prosedur analisis yang dimulakan dengan pengkategorian maksim dalam Teori Kerjasama Grice dengan menggunakan perisian Nvivo 8.0. membolehkan analisis strategi retorik penulisan makalah penyelidikan ini dijalankan secara lebih terfokus. Setiap maksim dianalisis menerusi data yang terdiri daripada makalah berbahasa Melayu yang diterbitkan dalam Jurnal KEMANUSIAAN *The Asian Journal of Humanities*.

Hasil analisis strategi retorik penulisan makalah penyelidikan ini berupaya membuktikan bahawa Teori Prinsip Kerjasama Grice dapat membantu penulis untuk menghasilkan strategi retorik penulisan makalah penyelidikan yang mantap. Selain itu, hasil analisis juga menunjukkan bahawa makalah penyelidikan berbahasa Melayu yang diterbitkan dalam jurnal KEMANUSIAAN *The Asian Journal of Humanities* tidak mematuhi sepenuhnya Teori Prinsip Kerjasama Grice. Berdasarkan

penelitian didapati pelanggaran terhadap Prinsip Kerjasama yang disebabkan oleh pelanggaran terhadap gaya penerbitan dan garis panduan penerbitan jurnal.

Selain penelitian terhadap aspek strategi retorik dalam penulisan makalah penyelidikan, aspek penggunaan jenis retorik dalam penulisan makalah penyelidikan juga penting untuk dibincangkan. Kupasan lanjut berkenaan penggunaan jenis retorik dalam penulisan makalah penyelidikan ini akan dibincangkan dalam bab berikutnya, iaitu bab lima.



## **BAB LIMA**

### **JENIS RETORIK PENULISAN**


#### **5.1. Pengenalan**

Penulisan ilmiah mempunyai ciri dan strategi retorik yang tersendiri dalam memaparkan idea baharu atau mengemukakan sesuatu penemuan. Dalam bab empat telah dibincangkan analisis strategi retorik dalam penulisan makalah penyelidikan yang dijalankan dengan bersandarkan Teori Prinsip Kerjasama Grice 1975. Berikutnya, bab lima ini akan membincangkan jenis retorik dalam penulisan makalah ilmiah.

Setiap jenis penulisan mempunyai tujuan tertentu. Misalnya, untuk menjelaskan atau memaklumkan sesuatu perkara, menyatakan atau memberi gambaran, menceritakan atau melaporkan sesuatu dan memujuk serta meyakinkan pembaca. Tujuan penulisan juga dikenali sebagai mod wacana. Dalam penulisan, mod wacana berfungsi untuk menyampaikan maksud dan mesej dengan berkesan (Kamarudin Husin & Siti Hajar Abdul Aziz, 1997; Brooks & Warren, 1979). Untuk menyampaikan maksud dan mesej dengan berkesan dalam penulisan, maka kemahiran retorik sangat diperlukan. Hal ini kerana retorik menyentuh hal yang berkaitan dengan cara menyampaikan pendapat, idea, saranan, atau cara menghuraikan sesuatu wacana dalam sesuatu bentuk penulisan dengan jelas dan berkesan (Raminah Sabran, 2002; Enos & Brown, 1993). Penulisan yang tidak disertai dengan retorik akan merendahkan mutu penulisan tersebut (McCroskey, 2001).

Retorik jenis argumentatif sering dikaitkan dengan penulisan ucapan atau pidato (Keraf, 2001). Manakala retorik jenis persuasif digunakan dalam bidang periklanan

dan ceramah (Asmah, 2007), dan retorik jenis naratif, deskriptif dan eksposisi sering dikaitkan dengan penulisan karya kreatif dan karya ilmiah (Brooks & Warren, 1979). Walau bagaimanapun, dalam kajian ini, jenis-jenis retorik tersebut diteliti dengan bersandarkan skema retorik penulisan yang dikemukakan oleh Brooks dan Warren (1979). Pemilihan skema Brooks dan Warren ini dibuat kerana skema tersebut digunakan secara meluas dalam pengajaran penulisan karangan (Stotsky, 1983; Lockhart, 2012). Sebelum menghuraikan dengan lebih lanjut berkenaan analisis jenis retorik ini, berikut disertakan Rajah 5.1 yang memaparkan kerangka analisis jenis retorik dan ciri-ciri bagi setiap jenis retorik yang diteliti.



**Sumber:** Brooks dan Warren (1979).

*Rajah 5.1.* Kerangka analisis jenis retorik

Rajah 5.1 memperlihatkan bahawa analisis jenis retorik ini diteliti dengan bersandarkan lima jenis retorik penulisan yang utama, iaitu jenis retorik deskriptif, naratif, argumentatif, eksposisi dan persuasif. Penelitian terhadap jenis retorik deskriptif terbahagi kepada dua, iaitu deskriptif ekspositori dan deskriptif sugestif.

Begitu juga dengan jenis retorik naratif yang diteliti berdasarkan jenis retorik naratif ekspositori dan naratif sugestif.

Analisis dijalankan dengan memfokuskan penelitian terhadap tiga komponen utama penulisan, iaitu bahagian pendahuluan, bahagian isi kandungan, dan bahagian kesimpulan. Penelitian terhadap ketiga-tiga komponen penulisan tersebut dibuat dengan bersandarkan pandangan bahawa keutuhan sesebuah wacana penulisan terbentuk daripada ketiga-tiga komponen, iaitu bahagian pengenalan, bahagian isi kandungan, dan bahagian kesimpulan (Halliday & Rugaiyah, 1976). Untuk menjadikan analisis jenis retorik ini lebih terfokus dan mendalam, setiap petikan dan sedutan teks yang berunsur retorik diteliti dan dicerakin berdasarkan elemen-elemen retorik yang dikenal pasti. Penelitian tidak hanya terbatas pada penggunaan kata, frasa dan ayat semata-mata tetapi melihat kepada keseluruhan konteks wacana penulisan tersebut. Hal ini kerana ungkapan retorik hadir dalam pelbagai bentuk, misalnya bentuk kata, frasa, klausa, ayat atau perenggan. Huraian lanjut berkenaan analisis bagi setiap jenis retorik adalah seperti di bawah.

## **5.2. Deskriptif**

Deskriptif bermaksud menerangkan atau memerihalkan sesuatu peristiwa, benda, manusia, pemandangan dan sifat sesuatu watak melalui pemerhatian dan pengamatan (Yahya Othman, 2005). Manakala retorik jenis deskriptif ialah teknik penggunaan bahasa yang bertujuan menerangkan atau memerihalkan sesuatu perkara melalui pengamatan atau pemerhatian, sehingga apabila pembaca selesai membaca penulisan jenis deskriptif ini, pembaca seolah-olah dapat menyaksikan sendiri perkara yang digambarkan. Penulisan deskriptif umumnya disertakan dengan contoh yang jelas

dan tanggapan yang khusus berkenaan sesuatu peristiwa (Abdul Rani, Bustanul Arifin, & Martutik, 2006; Donald, Morrow, Wargets & Werner, 1989; Roy & Roy, 1989; Sobariah Baharum, 2008).

Retorik jenis deskriptif dapat dikategorikan kepada dua jenis, iaitu deskriptif ekspositori dan deskriptif sugestif (Brooks & Warren, 1979; Keraf, 2001). Deskriptif ekspositori menekankan pencirian atau penerangan berkenaan sesuatu objek berdasarkan fakta, sehingga pembaca dapat menghayati dan mengenali objek yang digambarkan apabila berhadapan dengan objek yang telah digambarkan tersebut. Berbeza dengan deskriptif ekspositori, deskriptif sugestif pula ialah bentuk penulisan yang menggunakan daya imaginasi untuk mempengaruhi pembaca menghayati sesuatu objek yang dicirikan dalam penulisan tersebut.

Daripada penelitian, didapati bahawa penulisan M1, M2, M3 dan M4 menggunakan retorik jenis deskriptif. Antara contohnya adalah seperti berikut:

#### Contoh M1

1. manuskrip ini berukuran 19.5 cm × 14 cm dengan 44 folio di dalamnya dan 15 baris pada setiap halaman serta ditulis di atas kertas Eropah dengan tera air *Polleri*. Manuskrip ini dimulai dengan *Syair Pipit dan Enggang*, kemudian barulah diikuti dengan *Undang-undang Pelabuhan Kedah*. Oleh itu, manuskrip Raf 77 yang diberi tajuk *Code de Kedah* ini bermula daripada halaman 152 hingga 164 tetapi mengandungi 22–23 baris setiap halaman.

(hal. 4)

Contoh M1(1) menunjukkan penulis menggunakan jenis deskriptif ekspositori untuk memerihalkan gambaran fizikal Manuskrip Undang-Undang Pelabuhan Kedah. Dalam penulisan ini, penulis cuba menerangkan secara terperinci berkenaan gambaran manuskrip Undang-Undang Pelabuhan Kedah dari aspek ukuran saiz, jenis

kertas yang digunakan, bilangan halaman bertulis, serta keunikan manuskrip tersebut yang dimulakan dengan syair sebelum diikuti oleh Undang-Undang Pelabuhan Kedah. Penggunaan jenis retorik deskriptif ekspositori dalam penulisan ini didapati telah berupaya memerihalkan gambaran manuskrip tersebut kepada pembaca. Selain itu, dalam penulisan M1 jenis retorik deskriptif diterapkan pada bahagian isi kandungan dan digunakan sebagai mengukuhkan hujah yang dikemukakan dalam penulisan jenis argumentatif.

#### Contoh M2

1. Artikel ini menyusur galur proses perkembangan industri BEE di Malaysia amnya dan Pulau Pinang khususnya, rentetan daripada perubahan global industri BEE yang telah membawa kepada aliran masuk pelaburan langsung asing ke negeri ini. Walaupun PLA telah membawa banyak perubahan kepada negeri ini, pembangunan yang berlaku masih memperlihatkan beberapa kelemahan yang boleh memberi kesan terhadap pembangunan di negeri ini, selain daripada beberapa cabaran yang harus diatasi oleh Pulau Pinang dalam usaha untuk terus menjadi hub yang menarik kepada pelaburan asing di rantau ini.

(hal. 45)

Contoh M2 (1) pula menunjukkan penulis menggunakan jenis retorik deskriptif untuk menjelaskan *pattern* atau kerangka keseluruhan penulisan makalah tersebut. Jenis retorik ini diterapkan pada bahagian pendahuluan. Dalam contoh ini, pemilihan klausa yang menjadi petanda retorik seperti ‘menyusur galur’, ‘rentetan daripada perubahan global industri BEE’, ‘masih memperlihatkan beberapa kelemahan’, ‘memberi kesan’, dan ‘beberapa cabaran’ dilihat dapat memberi gambaran awal kepada pembaca berkenaan kerangka teks dan bentuk perbincangan pada bahagian isi kandungan dalam penulisan makalah tersebut. Jenis retorik deskriptif yang diterapkan pada bahagian pendahuluan dalam penulisan ini didapati berupaya untuk



memberi gambaran awal kepada pembaca berkenaan keseluruhan kerangka penulisan makalah tersebut.

### Contoh M3

1. Dalam filem ini, Ikal yang telah dewasa diperlihatkan berada di dalam bas dalam perjalanan pulang ke kampung halamannya. Melalui teknik *voice-over* atau suara latar, penonton diberitahu tentang asal usulnya dan Belitong yang kaya tetapi penduduknya miskin. Kemudian, penonton diberitahu bahawa Ikal semasa kecilnya mula bersekolah di SD Muhammadiyah dan rakannya seramai sembilan orang. Dalam novel *Laskar Pelangi*, cerita bermula dalam bilik darjah, Ikal bersama bapanya dan rakan-rakannya yang juga bersama ibu atau bapa mereka menanti kemunculan seorang lagi pelajar yang mengenakan mereka menjadi sepuluh pelajar bagi membolehkan kelas di SD Muhammadiyah dibuka semula. Pak Harfan dan Bu Mus yang menjadi guru sekolah itu, juga menanti dengan penuh bimbang.  
(hal. 40)
2. Misalnya, keadaan fizikal sekolah SD Muhammadiyah Gantong telah dibangunkan untuk menunjukkan kedaifan bangunannya seperti dinding papan yang buruk, lantai simen yang pecah seribu, bumbung yang bocor dan bangunan yang hampir rebah. Kemiskinan sekolah ini dapat dilihat dan ditanggapi oleh penonton.  
(hal. 42)
3. ...di dalam bas, ketika dalam perjalanan pulang ke kampung halaman setelah beberapa tahun meninggalkannya, penonton diberitahu melalui *voice-over* tentang sejarah Belitong yang miskin di mana Ikal dilahirkan dan bersekolah di situ bersama kawan-kawanya... Dengan menggunakan *voice-over*, penonton dibawa mendengar sejarah Pulau Belitong yang kaya tetapi penduduknya miskin. Kemudian ditimbulkan tentang seorang anak pesisir yang miskin tetapi luar biasa sekali manusianya. Seterusnya, penonton dibawa ke dunia masa lalu di mana Ikal mula belajar di SD Muhammadiyah bersama-sama dengan rakan-rakannya termasuklah kanak-kanak yang luar biasa itu.  
(hal. 45-47)
4. Mimik muka yang bersahaja yang ditunjukkan oleh Lintang yang mempunyai otak genius memancarkan keikhlasan dan kejujuran seorang anak yang menagih simpati penonton terhadap nasibnya yang malang kerana gagal untuk meneruskan pelajarannya kerana kemiskinan keluarga. Terpancar satu harapan yang besar dan tulus setiap kali beliau berhenti mengayuh basikalnya menantikan seekor buaya besar berlalu dari jalan yang dilaluinya ke sekolah. Penonton

dapat menghayati perasaan Lintang menghadapi saat-saat tidak lagi boleh ke sekolah kerana masalah keluarga.

(hal. 47)

Dalam penulisan M3, penulis menggunakan jenis deskriptif ekspositori dalam menjelaskan peringkat adaptasi daripada novel kepada filem *Laskar Pelangi*. Jenis retorik deskriptif ekspositori ini diterapkan pada bahagian isi kandungan penulisan makalah tersebut bertujuan menyokong salah satu kaedah yang diterapkan dalam penulisan jenis retorik eksposisi, iaitu kaedah analisis.

Contoh M3 (1) menunjukkan penulis menggunakan jenis retorik deskriptif ekspositori untuk menjelaskan adaptasi daripada novel *Laskar Pelangi* kepada filem *Laskar Pelangi* yang berlaku pada peringkat naratif. Melalui pengamatannya, penulis memerihalkan peringkat naratif dalam filem tersebut dengan menggambarkan watak Ikal yang pulang ke kampung halamannya setelah dewasa, turut digambarkan perihal suasana kampung yang bernama Belitong. Dalam contoh ini, penggunaan beberapa klausa yang menjadi petanda retorik jenis deskriptif seperti ‘diperlihatkan berada dalam bas’ dan ‘penonton diberitahu’ dilihat berupaya untuk memberi gambaran kepada pembaca berkenaan peringkat naratif yang terdapat dalam filem tersebut, seolah-olah pembaca sendiri yang menonton filem itu. Perkara yang sama juga dilihat dengan pernyataan berkenaan adaptasi peringkat naratif dalam novel *Laskar Pelangi*. Dalam contoh ini, penulis menggunakan jenis retorik deskriptif ekspositori bagi menggambarkan suasana gelisah dan cemas seperti yang diceritakan dalam penulisan novel tersebut melalui penggunaan ayat seperti ‘cerita bermula dalam bilik darjah, Ikal bersama bapanya dan rakan-rakannya yang juga bersama ibu atau bapa mereka menanti kemunculan seorang

lagi pelajar yang mengenakan mereka menjadi sepuluh pelajar bagi membolehkan kelas di SD Muhammadiyah dibuka semula'. Penggunaan jenis retorik deskriptif ini dilihat dapat memberi gambaran kepada pembaca berkenaan penceritaan dalam novel tersebut seolah-olah pembaca sendiri membaca novel tersebut.

Contoh M3 (2) pula memperlihatkan penulis menerapkan jenis retorik deskriptif untuk menggambarkan keadaan fizikal sekolah SD Muhammadiyah yang daif disebabkan oleh kemiskinan. Dalam contoh ini, penggunaan klausa retorik seperti 'dinding papan yang buruk, lantai simen yang pecah seribu, bumbung yang bocor dan bangunan yang hampir rebah' ternyata dapat memberi gambaran kepada pembaca berkenaan keadaan sekolah tersebut yang daif disebabkan oleh kemiskinan. Berikutnya, dalam contoh M3 (3) penulis menggambarkan penggunaan teknik *voice-over* filem *Laskar Pelangi*. Penggunaan frasa retorik seperti 'penonton diberitahu', 'penonton dibawa mendengar', 'kemudian ditimbulkan' dan 'penonton di bawa ke dunia masa lalu' dilihat berupaya memberi gambaran berkenaan jalan cerita dalam filem tersebut.

Contoh M3(4) pula menunjukkan penulis menggunakan retorik deskriptif untuk menggambarkan watak penting yang diperihalkan dalam filem tersebut, iaitu watak Lintang seorang anak muda yang gigih untuk belajar walaupun hidup dalam kemiskinan. Penulis menggunakan retorik deskriptif untuk memerihalkan kegigihan watak Lintang yang dinyatakan melalui petanda retorik seperti 'mimik muka yang bersahaja', 'memancarkan keikhlasan dan kejujuran', 'terpancar satu harapan yang besar dan tulus'.

Secara keseluruhannya, didapati dalam penulisan M3 penulis menggunakan retorik jenis deskriptif untuk menggambarkan berkenaan peringkat-peringkat adaptasi daripada novel *Laskar Pelangi* kepada filem *Laskar Pelangi*. Aspek keindahan bahasa yang diterapkan dalam penulisan ini dilihat dapat menarik minat pembaca untuk menghayati penulisan makalah tersebut. Penggunaan bahasa yang indah dalam contoh ini juga adalah seiring dengan prinsip retorik yang cenderung kepada penggunaan diksi yang bersifat artistik dan mempunyai kehalusan makna (Enos & Brown, 1993).

Dapatan analisis juga menunjukkan retorik jenis deskriptif diterapkan pada bahagian isi kandungan penulisan M3 bertujuan menyokong salah satu kaedah yang diterapkan dalam penulisan jenis eksposisi, iaitu kaedah analisis. Angelo (1984) berpendapat retorik jenis deskriptif boleh diterapkan dalam jenis retorik penulisan eksposisi sekiranya tujuan penulisan tersebut adalah bersifat informatif. Penulisan M3 dilihat bersifat informatif, iaitu untuk menjelaskan adaptasi daripada novel *Laskar Pelangi* kepada filem *Laskar Pelangi*. Oleh yang demikian, penggunaan retorik jenis deskriptif dalam penulisan M3 didapati seiring dengan pandangan yang dikemukakan oleh Angelo (1984).

#### Contoh M4

##### 1. **Al-Maqamah Al-Iblisiyah**

Kisah ini bermula apabila 'Isa ibn Hisham kehilangan untanya. Lalu dalam usaha mencari unta tersebut, beliau telah menjumpai sebuah kawasan yang amat indah dan tidak pernah dilihatnya sebelum ini. Tempat tersebut dipenuhi dengan pokok-pokok yang menghijau dan merimbun, sungai yang mengalir daripadanya air yang jernih, buah-buahan yang bergantung, dan bunga-bunga yang bercahaya. Dalam keasyikan menikmati suasana yang amat indah itu, 'Isa ibn Hisham telah terserempak dengan seorang tua yang sedang duduk 183ohnson183ativ. Sebenarnya si tua tersebut adalah iblis. Setelah menemui si tua itu dan menceritakan masalahnya, 'Isa ibn Hisham telah

diminta untuk memperdengarkan kepadanya bait-bait syair daripada penyair Arab yang terkenal seperti Imr al-Qays, ‘Abid, Labid, Tarfah, Jarir dan Abu Nuwas, lalu dipenuhi permintaan tersebut. Apabila tiba kepada syair Abu Nuwas, ‘Isa ibn Hisham mendapati si tua tadi memukul gendang tanda gembira mendengar syair tersebut. Lalu ‘Isa ibn Hisham bertanya kepada si tua tentang kelebihan syair Abu Nuwas berbanding syair-syair yang lain, sedangkan Abu Nuwas merupakan seorang yang bersifat fasik atau dengan kata yang mudah, beliau memiliki sifat yang tidak baik untuk dibanggakan dan dicontohi. Lalu si tua itu memberitahu bahawa setiap penyair mempunyai iblisnya yang tersendiri sebagai pembantu, dan iblis bagi Abu Nuwas adalah dirinya sendiri, lalu si tua tadi terus menghilangkan diri (al-Hamadhani 2003, 208–212).

(hal. 61)

## 2. **Al-Tawabi’ Wa Al-Zawabi’**

Ibn Shuhayd menceritakan perjalanannya bersama seekor kuda yang hebat dan tangkas ke alam ghaib, lalu bertemu dengan Zuhayr bin Numayr yang merupakan antara jin yang paling kuat dan berkuasa. Kemudian kedua-duanya berbual mengenai kisah para khatib dan penyair Arab terkenal pada zaman lampau. Selain itu, dikisahkan bahawa Ibn Shuhayd telah membuat satu permintaan kepada Zuhayr bin Numayr untuk bertemu dengan jin-jin yang lain di alam tersebut. Lalu mereka menunggang seekor kuda milik Ibn Shuhayd yang berwarna hitam serta amat tangkas dan hebat. Mereka pun terbang dengan menggunakan kuda tersebut, dari satu tempat ke tempat yang lain seperti terbangnya seekor burung yang bebas, sehingga mereka sampai di suatu tempat yang agak ganjil. Di tempat ini, Ibn Shuhayd dan ketua jin tadi bertemu dengan beberapa jin lain yang merupakan jin-jin kepada para penyair terkenal zaman Jahiliyah seperti jin Imr al-Qays, Tarfah dan Qays ibn al-Hatim. Selain itu, mereka juga bertemu dengan jin-jin bagi para penyair zaman Islam seperti jin Abu Tammam, al-Buhturi, Abu Nuwas, dan al-Mutanabbi. Setiap kali berjumpa dengan jin-jin tersebut, Ibn Shuhayd akan berbual mengenai syair mereka yang sememangnya memiliki keistimewaan tersendiri, selain mengambil *ijazah* atau pengiktirafan daripada mereka. Turut diceritakan dalam *al-Tawabi’ wa al-Zawabi’* bahawa Ibn Shuhayd telah bertemu dengan syaitan al-Jahiz, Badi’ al-Zaman al-Hamadhani (pengarang *al-Maqamah al-Iblisiyah*) dan ‘Abd al-Hamid al-Katib. Kesemua mereka bukanlah daripada golongan penyair tetapi golongan yang amat aktif dalam penghasilan prosa-prosa kesusasteraan Arab.

(hal. 63)

## 3. **Risalat Al-Ghufran**

Seterusnya al-Ma’arri membayangkan bahawa Ibn al-Qarih telah sampai ke satu tempat yang amat indah iaitu, yang digambarkan seperti syurga. Tempat ini dipenuhi dengan pokok-pokok yang merimbun dan dipenuhi

dengan kenikmatan seperti terdapatnya pelbagai jenis minuman. Minuman tersebut dihidangkan menggunakan gelas-gelas emas, minuman-minuman itu pula dituang daripada jag-jag yang diperbuat daripada zabarjad, selain tempat itu juga dihiasi dengan bunga-bunga yang amat indah dan segar...dalam *Risalat al-Ghufran*, Ibn al-Qarih telah bertemu dengan beberapa orang penyair zaman Jahiliyah yang berada di syurga. Para penyair tersebut berada di dalam syurga disebabkan karya-karya mereka yang baik dan indah. Oleh sebab itu, walaupun mereka hidup pada zaman Jahiliyah, namun mereka telah diberi keampunan atas segala dosa mereka dan seterusnya ditempatkan di dalam syurga. Antara penyair-penyair tersebut ialah al- A'sha, al-Nabighah, 'Adi dan beberapa orang lagi. Di samping itu, dikisahkan bahawa Ibn al-Qarih sendiri telah menerima syafaat daripada Rasulullah SAW melalui perantaraan Sayyidatina Fatimah RA, lalu Ibn al-Qarih dibenarkan masuk ke dalam syurga bagi meninjau keadaan syurga tersebut (al-Tunji 1995, 129). ...Seterusnya, Ibn al-Qarih dibawa melihat keadaan neraka bagi melihat keadaan iblis yang menerima seksaan yang amat pedih daripada Tuhannya. Selain itu, al-Ma'arri menyatakan bahawa Imr al-Qays, 'Antarah, Tarfah dan al- Akhtal adalah antara penyair-penyair yang berada di dalam neraka tersebut.

(hal. 65)

Penulisan M4 menggunakan jenis retorik deskriptif ekspositori untuk menerangkan atau memerihalkan berkenaan ciri-ciri khusus yang dimiliki orang, benda, tempat, dan peristiwa yang terdapat dalam sastera Arab yang dimanipulasikan daripada peristiwa Israk dan Mikraj. Jenis deskriptif ini diterapkan pada bahagian isi kandungan penulisan makalah tersebut.

Contoh M4 (1) memperlihatkan penulis menggunakan jenis retorik deskriptif untuk menggambarkan manipulasi terhadap peristiwa Israk dan Mikraj yang terdapat dalam karya sastera Arab berjudul *al-Maqamah al-Iblisiyah*. Dalam contoh ini penulis menggambarkan suasana tempat yang indah yang dinyatakan dengan menggunakan ayat-ayat, seperti 'kawasan yang amat indah dan tidak pernah dilihatnya sebelum ini, dipenuhi dengan pokok-pokok yang menghiu dan merimbun, sungai yang mengalir daripadanya air yang jernih, buah-buahan yang bergantung, dan bunga-bunga yang bercahaya'. Pemilihan klausa yang mempunyai petanda retorik seperti

‘menghijau dan merimbun’, ‘mengalir daripadanya’, ‘buah-buahan yang bergantung’, ‘bunga yang bercahaya’ dapat memberi kesan imejan yang terperinci kepada pembaca untuk menghayati keindahan tempat dan menyentuh pancaindera manusia seperti yang digambarkan dalam penulisan makalah tersebut.

Contoh M4 (2) juga menunjukkan penulis menggunakan jenis retorik deskriptif untuk menggambarkan manipulasi peristiwa Israk dan Mikraj yang terdapat dalam karya *Al-Tawabi’ Wa Al-Zawabi’*. Dalam contoh ini, digambarkan perjalanan Ibn Shuhayd ke alam ghaib bersama seekor kuda yang hebat dan tangkas. Gambaran suasana perjalanan yang menarik ke alam ghaib dapat dilihat melalui ayat, ‘Lalu mereka menunggang seekor kuda milik Ibn Shuhayd yang berwarna hitam serta amat tangkas dan hebat. Mereka pun terbang dengan menggunakan kuda tersebut, dari satu tempat ke tempat yang lain seperti terbangnya seekor burung yang bebas’. Dalam ayat ini penulis cuba menonjolkan suasana perjalanan yang menarik ke alam ghaib dengan menggunakan petanda retorik seperti penggunaan ayat ‘seperti terbangnya seekor burung yang bebas’.

Contoh M4 (3) juga memaparkan jenis retorik deskriptif yang digunakan oleh penulis bagi menggambarkan manipulasi peristiwa Israk dan Mikraj dalam karya *Risalat Al-Ghufran*. Dalam contoh ini, penulis menggambarkan suasana keindahan suasana, tempat dan objek yang digambarkan dalam karya tersebut seperti ‘syurga dan dipenuhi dengan pokok-pokok yang merimbun dan dipenuhi dengan kenikmatan seperti terdapatnya pelbagai jenis minuman. Minuman tersebut dihidangkan menggunakan gelas-gelas emas, minuman-minuman itu pula dituang daripada jag-jag yang diperbuat daripada zabarjad, selain tempat itu juga dihiasi dengan bunga-

bunga-bunga yang amat indah dan segar'. Daripada contoh ini, jelas memperlihatkan bahawa penggunaan jenis retorik deskriptif dalam penulisan makalah ini berjaya menonjolkan gambaran imejan dan menyentuh pancaindera pembaca seolah-olah mereka mengalami sendiri apa yang digambarkan oleh penulis atau membaca karya yang diperihalkan oleh penulis.

Jelas di sini penggunaan retorik deskriptif telah menjadikan penulisan ini lebih berkesan apabila pembaca dapat turut merasakan gambaran peristiwa yang diperihalkan dalam penulisan ini. Dalam penulisan M4 ini, jenis retorik deskriptif digunakan sebagai bukti bagi menyokong penulisan jenis argumentatif yang membahaskan berkenaan peristiwa Israk dan mikraj serta manipulasi peristiwa tersebut dalam karya sastera Arab dan karya Barat. Dapatan analisis ini didapati seiring dengan pernyataan Warren dan Brook, iaitu "*expository description as an extended part of work of exposition and argument or even in narration*" (hal. 171). Selain itu, penulisan M4 turut menerapkan aspek keindahan bahasa dalam penulisan. Aspek keindahan bahasa melalui penulisan juga adalah seiring dengan prinsip retorik itu sendiri (Enos & Brown, 1993).

### **5.3. Naratif**

Naratif ialah bentuk penulisan yang bertujuan menerangkan sesuatu pengalaman, peristiwa atau urutan peristiwa dalam bentuk cerita yang berlaku menurut susunan kronologi (Kamarudin Husin & Siti Hajar, 1997). Manakala jenis retorik naratif bermaksud penggunaan bahasa yang bertujuan menceritakan sesuatu perkara, dan penceritaan berkenaan perkara tersebut bersifat hidup sehingga apabila pembaca



membaca jenis retorik naratif ini, mereka seolah-olah melihat atau mengalami sendiri perkara tersebut.

Penulisan jenis naratif dikategorikan kepada dua, iaitu naratif ekspositori dan naratif sugestif (Keraf, 2001; Brooks & Warren, 1979). Retorik jenis naratif ekspositori ialah bentuk penulisan yang menceritakan peristiwa yang benar-benar berlaku atau wujud dalam kehidupan nyata. Sementara bentuk penulisan naratif sugestif ialah penulisan yang menekankan daya imaginasi penulis. Penulisan naratif sugestif menekankan kepada tindakan yang dirangkaikan dengan kejadian atau peristiwa. Matlamat utama penulisan naratif sugestif adalah untuk memberi makna kepada sesuatu perkara atau peristiwa, sehingga perkara atau peristiwa tersebut dianggap sebagai satu pengalaman. Oleh yang demikian, untuk mencapai matlamat penulisan naratif sugestif ini memerlukan kepada daya imaginasi yang tinggi.

Jenis naratif mempunyai ciri-ciri yang hampir sama dengan jenis deskriptif. Walau bagaimanapun, jenis naratif dibezakan dengan jenis deskriptif melalui kesatuan waktu. Hal ini kerana unsur utama penulisan jenis naratif ialah perbuatan, tindakan dan peristiwa yang dilakukan berlaku dalam satu kesatuan waktu (Keraf, 2001; Brooks & Warren, 1979). Dalam kajian ini, analisis jenis retorik naratif diteliti melalui ciri-ciri retorik jenis naratif, iaitu tujuan penulisan, tindakan dan peristiwa yang digambarkan berlaku dalam kesatuan waktu dan sudut pandangan yang diterapkan dalam penulisan.

Daripada penelitian, didapati penulisan M3 dan M4 menerapkan jenis retorik naratif. Huraian berkenaan contoh retorik jenis naratif dalam penulisan M3 dan M4 adalah seperti yang berikut:

### Contoh M3

1. Filem *Laskar Pelangi* (2008) diarah oleh Riri Riza dan beliau juga menulis skripnya bersama Salman Aristo. Filem ini mula ditayangkan di Indonesia pada 25 September 2008. Pada April tahun 2009, filem ini ditayang di beberapa buah bandar di Australia. Filem *Laskar Pelangi* karya Andrea Hirata... Andrea Hirata ialah seorang pengarang muda Indonesia yang popular dengan tetralogi *Laskar Pelangi*. Tetralogi ini mengandungi novel *Laskar Pelangi* (2005), *Sang Pemimpin* (2006), *Edensor* (2007) dan yang terbaru ialah *Maryamah Karpov* (2008). Empat buah novel ini adalah buah tangan pengarang yang lahir di Belitong, sebuah pulau yang terletak di Sumatera Timur, di Laut Jawa. Belitong terkenal dengan timah dan lada hitamnya. Pulau yang seluas 3,000 batu persegi itu mempunyai pantai yang cantik, dan hasil bumi yang lumayan. Walau bagaimanapun, pada waktu yang sama, pulau ini juga kaya dengan kemiskinan. Penduduknya lebih kurang 200,000 orang dengan etnik Melayu, sebagai etnik majoriti dan diikuti oleh etnik-etnik lain seperti Bugis, Sunda-etnik dan Cina. Sejak zaman Belanda iaitu kira-kira abad ke-19, kebanyakan penduduk Belitong bekerja sebagai buruh dengan syarikat perlombongan timah. Ramai juga yang menjadi nelayan.

(hal. 36)

Berdasarkan contoh M3 (1), penulis cuba menonjolkan retorik jenis naratif ekspositori untuk menceritakan berkenaan filem *Laskar Pelangi*, situasi dan latar penceritaan serta identiti pengarang novel *Laskar Pelangi*, iaitu Andrea Hirata. Dalam contoh ini, dapat dilihat penggunaan unsur-unsur jenis retorik naratif seperti peristiwa yang berlaku pada kesatuan waktu dan penggunaan sudut pandangan orang ketiga. Contoh peristiwa atau tindakan yang berlaku pada kesatuan waktu dapat dilihat melalui ayat berikut: ‘Belitong terkenal dengan timah dan lada hitamnya. Pulau yang seluas 3,000 batu persegi itu mempunyai pantai yang cantik, dan hasil bumi yang lumayan. Walau bagaimanapun, pada waktu yang sama pulau ini juga kaya dengan kemiskinan. Penduduknya lebih kurang 200,000 orang dengan etnik Melayu, sebagai etnik majoriti dan diikuti oleh etnik-etnik lain seperti Bugis, Sunda-etnik dan Cina’.

Dalam contoh ini digambarkan tempat yang bernama Belitong, yaitu sebuah tempat yang benar-benar wujud di negara Indonesia. Berikutnya ayat ‘Sejak zaman Belanda iaitu kira-kira abad ke-19, kebanyakan penduduk Belitong bekerja sebagai buruh dengan syarikat perlombongan timah’ merupakan petanda retorik jenis naratif yang menceritakan berkenaan suatu kehidupan yang dinamik yang berlaku dalam satu kesatuan waktu. Unsur jenis retorik naratif kedua yang ditonjolkan melalui contoh ini ialah penggunaan sudut pandangan orang ketiga, iaitu dari sudut pandangan panoramik atau serba tahu (Keraf, 2001). Dalam contoh M3(1), sudut pandangan paranomik diterapkan dalam penulisan M3 bertujuan melaporkan apa sahaja yang dianggap relevan dengan tujuan penulisan berdasarkan fakta atau kajian yang dijalankan.

Secara keseluruhannya, jenis retorik naratif ekspositori hanya diterapkan pada bahagian pendahuluan penulisan M3. Dalam penulisan M3, jenis retorik naratif ini hanya bertujuan meluaskan pengetahuan pembaca serta menyampaikan maklumat berkenaan adaptasi daripada penceritaan dalam penulisan novel *Laskar Pelangi* kepada penghasilan filem *Laskar Pelangi*. Jenis retorik naratif ini tidak digunakan sebagai satu bentuk tulisan yang berdiri sendiri dalam penulisan M3, sebaliknya jenis retorik naratif ini hanya diserapkan ke dalam kerangka umum penulisan M3 yang menggunakan jenis retorik eksposisi. Dapatan kajian ini juga didapati sepadan dengan pernyataan Armon (1988), iaitu penulisan jenis eksposisi secara terang mendominasi jenis retorik penulisan lain dan membentuk cara berfikir penulis.

#### Contoh M4

- 1) Menurut Safi al-Din al-Mubarakfuri, peristiwa Israk Mikraj berlaku apabila Baginda SAW mengalami pembedahan dada yang dilakukan oleh

Malaikat Jibril AS... setelah selesai pembedahan yang dilakukan sendiri oleh Jibril AS, didatangkan binatang bernama *Buraq* untuk ditunggangi oleh Rasulullah SAW dalam perjalanan luar biasa yang dinamakan *Isra'*... Selain itu, dicatatkan bahawa dalam perjalanan menuju ke Masjid al-Aqsa, Rasulullah SAW dapat menyaksikan peristiwa-peristiwa simbolik yang amat luar biasa.... Setibanya di Masjid al-Aqsa, Rasulullah SAW turun daripada *Buraq* dan kemudian masuk ke dalam masjid lalu mengimamkan solat yang disertai oleh sekalian para Nabi dan Rasul yang terdahulu daripada Baginda SAW... Selepas peristiwa Israk, Rasulullah SAW didatangkan dengan Mikraj iaitu sebuah tangga yang indah dari syurga... Seterusnya Baginda SAW dan Jibril AS menaiki setiap tingkatan langit dunia yang terdiri daripada tujuh peringkat dan bertemu dengan para Rasul terdahulu daripada Baginda SAW... Selepas itu, Rasulullah SAW telah dinaikkan ke *Sidrat al-Muntaha*1 untuk bertemu dengan Allah SWT, iaitu untuk menerima perintah solat lima waktu... Selepas peristiwa Mikraj, Rasulullah SAW dibawa turun ke langit dunia semula kembali ke Bayt al-Maqdis. Rasulullah SAW telah dibawa menaiki *Buraq* untuk pulang ke Mekah pada malam yang sama.

(hal. 57-61)

Contoh M4 (1) menonjolkan penulisan jenis retorik naratif ekspositori. Jenis retorik ini diterapkan pada bahagian isi kandungan penulisan makalah untuk menceritakan berkenaan kronologi peristiwa Israk dan Mikraj. Berdasarkan contoh M4(1), terdapat dua ciri jenis retorik naratif ekspositori yang digunakan, iaitu unsur peristiwa atau tindakan yang dinyatakan berlaku pada kesatuan waktu dan sudut pandangan yang digunakan dalam penulisan. Contoh peristiwa atau tindakan yang dinyatakan berlaku pada kesatuan waktu dapat dilihat melalui penggunaan perkataan seperti 'setelah selesai pembedahan', 'didatangkan binatang bernama *Buraq*', 'setibanya di Masjid al-Aqsa', 'selepas peristiwa Israk', 'seterusnya', 'selepas itu', dan 'selepas peristiwa Mikraj'. Penggunaan perkataan seperti ini menunjukkan adanya kronologi atau urutan waktu dalam penceritaan yang dinyatakan dalam contoh ini. Hal ini menepati salah satu daripada ciri jenis retorik naratif.

Selain itu, pemilihan perkataan dan klausa yang menggambarkan unsur perbuatan dan tindakan seperti ‘mengalami pembedahan dada’, ‘didatangkan binatang bernama *Buraq*’, ‘ditunggangi oleh Rasulullah’, ‘menyaksikan peristiwa-peristiwa simbolik’, ‘mengimamkan solat’, dan ‘menaiki setiap tingkatan langit dunia’ menjadi petanda retorik jenis naratif ekspositori. Penggunaan petanda retorik ini ternyata berjaya menghidupkan gambaran dan penceritaan berkenaan peristiwa Israk dan Mikraj tersebut seolah-olah pembaca sendiri melihat dan menghayati peristiwa tersebut.

Berikutnya analisis dari sudut pandangan yang digunakan dalam penulisan M4 mendapati penulisan M4 memperlihatkan penggunaan sudut pandangan Islam bagi menjelaskan berkenaan persoalan adaptasi yang berlaku dalam karya sastera Arab dan Sastera Barat.

Dapat dikatakan bahawa penggunaan jenis naratif deskriptif ekspositori dalam penulisan M4 bertujuan menyampaikan maklumat berkenaan peristiwa Israk dan Mikraj. Oleh yang demikian, bahasa yang digunakan lebih cenderung kepada bahasa yang bersifat informatif dengan menitikberatkan penggunaan perkataan dalam bentuk denotatif. Selain itu, maklumat yang disampaikan juga didasarkan kepada penalaran (logik) yang disandarkan kepada surah-surah dalam al-Quran untuk mencapai kesepakatan rasional di antara penulis dengan pembaca. Hal ini menepati ciri retorik jenis naratif ekspositori seperti yang dinyatakan oleh Keraf (2001) dan Brooks dan Warren (1979).

Selain itu, dapatan kajian menunjukkan jenis retorik naratif ini hanya diterapkan pada bahagian isi kandungan penulisan M4 untuk menjelaskan kronologi peristiwa

Israk dan Mikraj. Jenis retorik naratif ini tidak diterapkan sebagai satu bentuk tulisan yang berdiri sendiri dalam penulisan M4, sebaliknya jenis retorik naratif ini hanya diserapkan ke dalam kerangka umum penulisan M4 yang menggunakan jenis retorik argumentatif. Dapatan kajian ini juga menyokong pernyataan Parret (dalam Armon 1988), iaitu dalam kebanyakan urutan wacana penulisan jenis naratif dan jenis argumentatif didapati saling bertindih antara satu sama lain. Maksud saling bertindih di sini ialah jenis naratif dan jenis argumentatif sering diterapkan bersama dalam sesebuah penulisan.

#### **5.4. Eksposisi**

Eksposisi bermaksud mendedahkan, mempamerkan, memperlihatkan, atau membongkar sesuatu perkara, pendapat, maklumat, ataupun pandangan melalui penerangan atau contoh (Abd Aziz Abd Talib, 2000; Kamarudin Husin & Siti Hajar, 1997). Retorik eksposisi bermaksud jenis penulisan bertujuan menyampaikan idea atau pandangan berkenaan sesuatu perkara, memberikan definisi, menerangkan konsep tertentu, menginterpretasikan, menganalisis atau menghuraikan sesuatu peristiwa atau perkara tertentu dan penghuraian tersebut akan dapat memperluas pengetahuan pembaca (Nurudin, 2007; Warren & Brook, 1979). Jenis retorik eksposisi merupakan jenis retorik penulisan yang paling umum dan sering digunakan dalam penulisan yang mengaplikasikan jenis retorik yang lain, seperti jenis naratif, jenis deskriptif, argumentatif atau persuasif (Sobariah Baharum, 2008; Armon, 1988).

Dalam kajian ini, analisis jenis retorik eksposisi diteliti dengan memfokus kepada lima kaedah yang sering digunakan dalam penulisan jenis retorik eksposisi, iaitu

kaedah perbandingan, pengelasan, pendefinisian, ilustrasi dan analisis. Daripada penelitian, didapati penulisan M2, M3, M4, M5, M7 dan M8 menggunakan retorik jenis eksposisi. Antara contohnya adalah seperti yang berikut:

#### Contoh M2

1. PLA boleh 194ohnson194ative secara kasarnya sebagai pemindahan melepasi sempadan sumber-sumber pengurusan (Alvstam 1993). PLA selalunya diukur dari segi pemindahan modal antarabangsa, walaupun ia juga melibatkan pemindahan sumber manusia dan modal kewangan. PLA melibatkan pengaliran masuk pelaburan benar seperti modal, teknologi dan kepakaran yang biasanya dilakukan oleh syarikat multinasional (atau syarikat transnasional). Menurut United Nations (1997), PLA merupakan pelaburan yang melibatkan hubungan jangka panjang dan wujudnya kepentingan dan kawalan milikan (pelabur asing atau syarikat induk) dalam sesebuah ekonomi negara yang dilabur.

(hal. 46)

2. Vernon membahagikan proses pengeluaran kepada tiga tahap iaitu tahap pengeluaran baru, tahap matang dan tahap piawai. Beliau mengandaikan bahawa pada tahap pertama, semua pengeluaran dilaksanakan di Amerika Syarikat di kawasan bandaraya dengan tujuan untuk mendapatkan pulangan yang tinggi dan permintaan luar dilayan dengan mengeksport barangan dari Amerika Syarikat. Pada tahap kedua, pengeluaran menjadi matang apabila teknologi semakin terpiawai, pesaing mula muncul dan kos pengeluaran menjadi semakin penting. Pada tahap ini, firma pengeluaran mula memberi lesen kepada pengeluar tempatan atau membina firma cawangan di luar negara dengan syarat kos pengeluaran di Amerika Syarikat adalah lebih tinggi daripada kos pengeluaran di luar negara. Pada tahap ketiga, persaingan harga menjadi semakin sengit dan pengeluaran pula berkemungkinan besar dipindahkan ke negara dunia ketiga untuk menikmati kos pengeluaran yang rendah dan pulangan yang tinggi.

(hal. 49)

- 3 Industri BEE Malaysia mempunyai sejarah yang panjang (lebih 30 tahun) bermula pada 1979-an dengan industri yang hanya dimiliki oleh beberapa syarikat dengan tenaga kerja kurang daripada 600 orang, industri ini kini telah muncul sebagai penyumbang utama kepada output, eksport dan guna tenaga negara. Kini terdapat lebih 900 buah syarikat yang mengupah kira-kira 335,200 orang pekerja dengan sumbangan eksport bernilai RM200 bilion dan Malaysia merupakan pengeksport terbesar BEE khususnya semikonduktor dan peralatan audio-visual dunia.

(hal. 51)

4. Secara dasarnya, wujud perbezaan motif pelaburan seberang laut oleh syarikat Amerika Syarikat dan Jepun. Syarikat Amerika Syarikat melabur di seberang laut bagi mendapat kelebihan tapak pengeluaran berkos rendah manakala syarikat Jepun pula berhasrat untuk mengatasi halangan perdagangan yang dikenakan terhadap eksport barangan mereka.

(hal. 53)

Berdasarkan penelitian, didapati penulisan M2 menggunakan jenis retorik eksposisi sebagai kerangka utama penulisan, jenis retorik eksposisi ini digunakan pada bahagian isi kandungan dan bahagian kesimpulan. Analisis menunjukkan bahawa penulisan M2 menggunakan kelima-lima kaedah penulisan yang dicirikan dalam penulisan jenis retorik eksposisi, iaitu kaedah pendefinisian, perbandingan, pengelasan, analisis dan ilustrasi.

Misalnya, contoh M2 (1) menunjukkan penulis menggunakan kaedah definisi dalam penulisan jenis retorik eksposisi untuk menerangkan konsep dan definisi pelaburan langsung asing (PLA). Berikutnya, contoh M2 (2) memaparkan jenis retorik eksposisi yang menggunakan kaedah pengelasan. Berdasarkan contoh ini dapat dilihat bahawa penulis menggunakan kaedah pengelasan untuk memperincikan tahap-tahap pengeluaran produk seperti yang dikemukakan oleh Vernon berkenaan model Kitaran Hayat Produk. Contoh M2 (3) pula merujuk kepada kaedah analisis yang diterapkan dalam penulisan jenis eksposisi ini.

Berdasarkan contoh M2 (3), penulis menggunakan kaedah analisis untuk menghuraikan sejarah perkembangan Industri BEE di Malaysia. Kaedah analisis ini dapat dilihat melalui angka-angka yang dinyatakan dalam contoh ini. Misalnya, pada tahun 1979 hanya terdapat sejumlah 600 tenaga kerja dengan beberapa syarikat dalam industri BEE di Malaysia dan jumlah tersebut dilaporkan telah meningkat



sehingga 335,200 orang pekerja dengan jumlah aset syarikat sebanyak 900 buah syarikat. Selain daripada kaedah-kaedah yang dibincangkan, kaedah perbandingan juga turut diterapkan dalam penulisan jenis eksposisi ini. Contoh M2(4) menunjukkan penerapan kaedah perbandingan yang digunakan bagi menginterpretasikan motif pelaburan oleh syarikat daripada negara luar seperti syarikat Amerika Syarikat dan Jepun. Dalam penulisan M2 ini, kaedah ilustrasi turut digunakan. Penggunaan kaedah ilustrasi dalam bentuk jadual dan rajah dilihat dapat membantu penulis untuk memperlihatkan data-data dalam bentuk yang ringkas serta membantu pembaca untuk mendapat gambaran apa yang ingin disampaikan oleh penulis. Berdasarkan huraian di atas, dapat dikatakan penulisan M2 boleh dianggap sebagai bentuk penulisan yang mantap. Hal ini kerana penulisan ini dilihat berupaya menerapkan kelima-lima kaedah yang digunakan dalam penulisan jenis eksposisi ini.

### Contoh M3

1. Seni sastera berbeza daripada seni filem berdasarkan beberapa unsur yang membentuknya. Karya sastera seperti novel *Laskar Pelangi* mempunyai satu unsur sahaja berbanding filem yang mempunyai lima unsur.  
(hal. 38)
2. Sungguhpun adaptasi merupakan satu proses yang kompleks, maka ia dapat difahami dengan melihat empat peringkat penting yang berhubungan. Empat peringkat itu ialah peringkat naratif, peringkat verbal ke visual, peringkat *enunciation* dan peringkat keseluruhan  
(hal. 38-39)
3. *Enunciation* bermaksud sesuatu yang terdapat dalam novel tidak dapat dipindahkan secara langsung ke dalam filem tetapi dengan menggunakan medium yang tertentu yang dimiliki oleh filem maka adaptasi itu boleh dibuat dan ini memberi kekuatan kepada filem berkenaan.  
(hal. 44)
4. Novel *Laskar Pelangi* cuba membincangkan subbudaya yang bertunjangkan kemiskinan yang melingkungi satu pusat elit yang lebih baik... Di dalam filem *Laskar Pelangi*, subbudaya ini juga yang cuba

digambarkan oleh pengarahnya. Namun sebagai sebuah filem adaptasi, berlaku perubahan di sana sini.

(hal. 40-41)

Penulisan M3 menggunakan jenis retorik eksposisi sebagai kerangka utama penulisan. Jenis retorik eksposisi diterapkan pada bahagian isi kandungan dan bahagian kesimpulan. Kaedah analisis yang digunakan pada bahagian isi kandungan dalam penulisan M3 dilihat bertujuan menyokong penulisan jenis retorik deskriptif.

Daripada penelitian, didapati penulisan M3 menerapkan kelima-lima kaedah yang digunakan dalam penulisan eksposisi, iaitu kaedah perbandingan, pengelasan, pendefinisian, analisis dan kaedah ilustrasi. Contoh M3(1) memaparkan kaedah perbandingan yang digunakan dalam penulisan M3. Dalam contoh ini, penulis menerapkan kaedah perbandingan bagi menjelaskan berkenaan konsep adaptasi serta memperlihatkan persamaan dan perbezaan antara dua seni yang dibincangkan, iaitu penulisan novel dan pengarah filem. Penggunaan kaedah perbandingan dalam contoh M3(1) ini dilihat berupaya untuk menerangkan dan memberi kefahaman kepada pembaca berkenaan konsep adaptasi seperti yang dimaksudkan oleh penulis.

Contoh M3(2) pula menunjukkan kaedah pengklasifikasian atau pengelasan. Kaedah ini turut digunakan oleh penulis untuk menjelaskan berkenaan peringkat-peringkat adaptasi. Penerapan kaedah pengelasan ini dilihat dapat membantu penulis untuk menyusun huraian berkenaan setiap peringkat adaptasi dengan lebih berstruktur dan terarah. Berikutnya contoh M3 (3) memaparkan penggunaan kaedah definisi dalam penulisan jenis eksposisi. Penerapan kaedah definisi dalam penulisan eksposisi ini digunakan untuk membantu pembaca memahami dan menginterpretasikan sesuatu maksud dalam penulisan tersebut serta dapat meluaskan pengetahuan pembaca.

Dalam contoh M3 (4), didapati penulis turut menggunakan kaedah analisis bagi menghuraikan berkenaan isu subbudaya yang terdapat dalam filem dan novel *Laskar Pelangi*. Bagi menjelaskan kaedah analisis yang dibincangkan dalam penulisan ini, penulis turut menyerapkan penggunaan jenis retorik deskriptif. Akhir sekali dalam penulisan M3 ini, turut diselitkan penggunaan kaedah ilustrasi. Kaedah ilustrasi ini digunakan bagi menerangkan berkenaan adaptasi dari peringkat verbal kepada visual. Dalam penulisan M3, penulis menerapkan gambaran ilustrasi sebuah sekolah seperti yang digambarkan dalam penulisan novel tersebut. Penggunaan kaedah ilustrasi dalam penulisan M3 ini ternyata dapat memperlihatkan kepada pembaca berkenaan konsep adaptasi verbal kepada visual seperti yang dijelaskan oleh penulis.

Secara keseluruhannya, dapat dikatakan bahawa penulisan M3 berjaya menerapkan kelima-lima kaedah yang digunakan dalam membentuk penulisan eksposisi. Penerapan kelima-lima kaedah dalam penulisan ini dilihat berupaya untuk meluaskan pengetahuan pembaca serta dapat menghasilkan penulisan makalah yang menerapkan jenis retorik eksposisi yang berkesan.

#### Contoh M4

1. Israk Mikraj merupakan salah satu peristiwa yang termaktub pengkisahannya di dalam al-Quran. Hakikatnya, peristiwa ini amat berpengaruh jika dikaitkan dengan hasil karya sastera, bukan sahaja mencakupi kesusasteraan Arab, malah juga kesusasteraan Barat. Sebagai contoh, kegiatan penterjemahan peristiwa Israk Mikraj seperti yang telah dilakukan oleh Munoz Sendino dan Enrico Cerolli menyerlahkan kehebatan pengaruh peristiwa ini dalam kegiatan keilmuan masyarakat Barat. Justeru, tidak hairanlah apabila terdapat beberapa versi peristiwa Israk Mikraj ataupun adaptasinya dalam karya-karya yang dihasilkan oleh para karyawan sastera.

(hal. 54-55)

2. Sebanyak tiga karya kesusasteraan Arab dan sebuah karya Barat akan dibincangkan bagi tujuan tersebut, iaitu *al-Maqamah al-Iblisiyah* (Maqamat Iblis/*The Maqama of Iblis*) oleh Badi' al-Zaman al-Hamadhani, *al-Tawabi' wa al-Zawabi'* (*al-Tawabi'* merupakan nama bagi jin yang sentiasa mengekori manusia manakala *al-Zawabi'* adalah nama ketua para jin/*The Treatise of Familiar Spirits and Demons*) oleh Ibn Shuhayd, *Risalat al-Ghufran* (Warkah Pengampunan/*The Epistle of Forgiveness*) oleh Abu al-'Ala' al-Ma'arri dan *The Divine Comedy* (Komedi Ketuhanan) oleh Dante Alighieri.

(hal. 55)

Dalam penulisan M4, jenis retorik eksposisi diterapkan pada bahagian pendahuluan. Jenis retorik eksposisi ini bertujuan menjelaskan konsep peristiwa Israk dan Mikraj serta struktur penyusunan fakta-fakta yang akan dijelaskan pada bahagian isi kandungan. Daripada penelitian, didapati jenis retorik eksposisi hanya menggariskan dua kaedah dalam penulisan jenis eksposisi, iaitu kaedah analisis dan kaedah pengelasan. Contoh M4 (1) menunjukkan penggunaan kaedah analisis dalam penulisan retorik jenis eksposisi. Dalam contoh ini, untuk menjelaskan pengaruh dan kepentingan peristiwa Israk dan Mikraj terhadap perkembangan sastera Arab dan Barat, penulis menyenaraikan nama-nama pengkaji daripada Barat yang telah menterjemahkan peristiwa tersebut. Penggunaan kaedah analisis dalam penulisan jenis eksposisi ini dilihat berjaya menonjolkan kepentingan peristiwa tersebut untuk dibincangkan. Manakala contoh M4(2) pula memperlihatkan penggunaan kaedah pengelasan dalam penulisan jenis eksposisi ini. Berdasarkan contoh M4(2), didapati penggunaan kaedah pengelasan ini dapat membantu penyusunan struktur penulisan dan membantu pembaca untuk mendapatkan gambaran awal dan memahami struktur penulisan makalah tersebut secara keseluruhannya.

## Contoh M5

1. Enakmen Rizab Melayu tahun 1913 mempunyai dua objektif, iaitu untuk menyekat sebarang perundingan terhadap Tanah Rizab Melayu sebagai barang perniagaan dan juga untuk menyelamatkan orang Melayu daripada dibebani hutang melalui urus niaga tanah. Jika Perkara 89(2), (3) dan (4) Perlembagaan Persekutuan dirujuk berhubung persoalan Tanah Rizab Melayu, kerajaan-kerajaan negeri boleh mengisytiharkan sesuatu kawasan (iaitu tanah kerajaan yang belum dibuka dan diusahakan) sebagai tanah rizab orang Melayu mengikut undang-undang yang ada, tetapi tertakluk kepada dua syarat, iaitu pertama, perlu diadakan satu kawasan tanah yang belum dibuka atau diusahakan berkeluasan sama dengan kawasan yang diisytiharkan untuk diberi milik kepada umum. Kedua, jumlah kawasan yang dirizabkan untuk orang Melayu dalam sesebuah negeri itu tidak boleh lebih daripada jumlah kawasan tanah yang ada untuk diberi milik kepada umum. Kerajaan negeri juga boleh mengisytiharkan (mengikut undang-undang yang ada) tanah yang telah dibuka dan diusahakan itu sebagai 'tanah rizab orang Melayu' terhadap tiga jenis tanah iaitu tanah yang diambil oleh kerajaan melalui perjanjian dengan tuan-tuan tanah, tanah yang pemilik-pemiliknya telah membuat permohonan supaya mengisytiharkan tanah itu sebagai Tanah Rizab Melayu, dan tanah yang serupa jenis dan sama luasnya dengan Tanah Rizab Melayu yang telah tamat tempohnya menjadi Rizab Melayu.

(hal. 38-39)

2. Menurut David S. Y. Wong, terdapat perbezaan antara pengertian 'Melayu' di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu dengan apa yang diperuntukkan bagi negeri Kelantan. Wong mendefinisikan 'Melayu' sebagai *a person belonging to any Malayan race who habitually speaks the Malay language or any Malayan language and professes the Muslim religion*, sedangkan di dalam *The Kelantan Enactment* menurut beliau, *left out the specific reference to the Malay language* (Wong 1977, 512). Secara keseluruhannya dapatlah disimpulkan bahawa Enakmen Rizab Melayu Kelantan, 1930 mengandungi perkataan 'Melayu' yang ditakrifkan sebagai seorang daripada mana-mana bangsa 'Melayu' yang bercakap mana-mana bahasa 'Melayu' dan menganut agama Islam dan hendaklah termasuk Majlis Agama Islam sebagai pentadbir rasmi apabila bertindak sebagai pemegang amanah bagi harta pusaka si mati orang Melayu sepertimana yang terkandung dalam Seksyen 2, Enakmen Rizab Kelantan, 1930. Sebenarnya penggunaan istilah 'Melayu' di Kelantan agak terbatas dan terhad jika dibandingkan dengan negeri-negeri lain kerana adanya istilah *native of Kelantan* (anak kelantan), sebagaimana yang terkandung dalam bab keempat Enakmen Rizab Kelantan, 1930 itu.

(hal. 40)

3. Sebenarnya penggunaan istilah ‘Melayu’ di Kelantan agak terbatas dan terhad jika dibandingkan dengan negeri-negeri lain kerana adanya istilah *native of Kelantan* (anak kelantan), sebagaimana yang terkandung dalam bab keempat Enakmen Rizab Kelantan, 1930 itu.

(hal. 41)

4. Berbalik kepada persoalan pemberian hak milik setelah Undang-undang Tanah Rizab Melayu diperkenalkan, didapati seluas 7,799 ekar telah diberi milik sepanjang tahun 1930. Daripada jumlah tersebut, seluas 3,323 ekar telah diberi milik untuk tanaman getah, 1,317 ekar untuk padi dan 3,159 ekar untuk pelbagai jenis tanaman. Ini menjadikan jumlah semua tanah yang telah diberi milik sehingga tahun 1930 adalah seluas 484,388 ekar dengan kutipan hasil masing-masing lebih kurang 13.25% seekor daripada kawasan di negeri itu. Laporan tahunan 1930 menunjukkan kawasan pertanian yang telah diberi hak milik adalah seluas 7,799 ekar, dan daripada jumlah tersebut seluas 1,800 ekar kepada African Oil Palm Co. di sepanjang jalan kereta api antara Gua Musang dan sempadan Pahang untuk tujuan penanaman kelapa sawit. Ini merupakan estet kelapa sawit pertama di negeri Kelantan.<sup>55</sup>

(hal. 50)

Dapatan analisis menunjukkan bahawa penulisan M5 menggunakan jenis retorik eksposisi sebagai kerangka utama penulisan. Jenis retorik ini diterapkan pada bahagian pendahuluan, bahagian isi kandungan dan bahagian kesimpulan. Penulisan ini menerapkan kelima-lima kaedah penulisan jenis retorik eksposisi. Menariknya hasil kajian mendapati, dalam penulisan M5 kaedah perbandingan dan kaedah pengelasan digunakan secara ketara dalam penulisan terutamanya pada bahagian isi kandungan.

Contoh M5 (1) menunjukkan penulis menggunakan jenis retorik eksposisi dengan menerapkan kaedah pengelasan pada bahagian pendahuluan makalah. Dalam contoh ini, didapati kaedah pengelasan diterapkan bagi menjelaskan beberapa perkara seperti objektif Enakmen Rizab Melayu tahun 1913, syarat Tanah Rizab Melayu, dan jenis-jenis tanah Rizab Melayu. Berdasarkan contoh M5(1) dapat dilihat penggunaan

kaedah pengelasan yang ketara dalam penulisan jenis retorik eksposisi yang diteliti. Berikutnya contoh M5(2) menonjolkan kaedah pendefinisian yang turut diterapkan dalam penulisan M5. Dalam contoh ini, penulis menggunakan kaedah ini untuk mendefinisikan istilah dan pengertian perkataan ‘Melayu’ dari aspek perundangan.

Selain dua kaedah yang dinyatakan, penulis juga menerapkan kaedah perbandingan dalam penulisan jenis eksposisi ini. Penggunaan kaedah ini dapat dilihat melalui contoh M5(3) yang menerangkan berkenaan perbandingan penggunaan istilah ‘Melayu’ di negeri Kelantan dengan negeri-negeri Melayu Bersekutu yang lain. Selain itu, kaedah analisis turut diterapkan dalam penulisan M5. Kaedah ini dapat dilihat melalui contoh M5(4) yang menjelaskan berkenaan pemberian hak milik setelah Undang-undang Tanah Rizab Melayu diperkenalkan. Untuk mengukuhkan lagi huraian dan menyokong kaedah analisis yang diterapkan dalam penulisan, penulis turut menginterpretasikan kaedah ilustrasi dalam penulisan. Kaedah ilustrasi ini diterapkan dalam bentuk penomboran yang disusun dalam bentuk jadual. Melalui kaedah ini penulis cuba untuk menghuraikan analisis penulisan dengan ringkas untuk membolehkan pembaca memahami maksud penulisan makalah tersebut.

#### Contoh M7

1. Wacana juga merupakan satuan bahasa yang lengkap strukturnya dalam hierarki tatabahasa. Harimurti Kridalaksana (1984, 208) menjelaskan bahawa wacana sebagai satuan bahasa terlengkap; dalam hierarki gramatikal dan juga merupakan satuan tertinggi atau terbesar... Terdapat lapan unsur gaya bahasa pengulangan yang digunakan oleh Hasanuddin Md. Isa dalam novel *Al-Abrar*. Gaya bahasa yang dimaksudkan ialah anafora, epizeuksis, epistrofa, mesodiplosis, epanalepsis, anadiplosis dan paralelisme. Gaya bahasa pengulangan dikelompokkan mengikut jenis-jenisnya berdasarkan pendekatan dan pandangan Gorys Keraf (1990), Rahman Shaari dan Henry Guntur Tarigan (1989)... Namun begitu, analisis wacana yang ditunjukkan akan membuktikan bahawa dengan memanfaatkan tema dan rema yang

menghasilkan ayat topik dalam perenggan akan dapat menjelaskan kefungsian gaya bahasa pengulangan dengan berpada. Jadual 1 menunjukkan contoh ayat yang dicerakinkan berdasarkan struktur tema dan rema yang diperkenalkan oleh Halliday (1985, 38–40).

(hal. 92)

2. Rahman Shaari (1989, 38) mendefinisikan anafora sebagai pengulangan perkataan atau kalimat beberapa kali oleh seseorang penulis bagi menegaskan sesuatu perkara... Jadual 2 menunjukkan bagaimana unsur pengulangan anafora dicerakinkan dan dianalisis dalam aras perenggan... Idea utama (tema) wujud dalam ayat topik pertama (A1).

(hal. 95)

3. Terdapat lapan fungsi gaya bahasa pengulangan yang diacu mengikut pendekatan wacana berdasarkan pengaplikasian tema dan rema... Konklusinya, pendekatan wacana berdasarkan tema dan rema yang diterapkan dalam sesebuah perenggan dalam novel dapat menjelaskan kefungsian gaya bahasa pengulangan dengan lebih berpada. Kefungsian tersebut tidak terikat sebagai unsur penegasan sahaja. Malahan dengan menggunakan pendekatan wacana, kefungsian unsur pengulangan dapat dilihat dengan lebih luas berdasarkan maklumat yang terdapat dalam perenggan.

(hal. 108-109)

Berdasarkan penelitian, didapati penulis menggunakan jenis retorik eksposisi sebagai kerangka utama dalam penulisan M7. Jenis retorik ini diterapkan pada bahagian pendahuluan, isi kandungan dan kesimpulan. Contoh M7(1) memaparkan penggunaan jenis retorik eksposisi yang diterapkan pada bahagian pendahuluan. Dalam contoh ini, penulis menggunakan kaedah definisi untuk menjelaskan maksud wacana, diikuti dengan kaedah pengelasan bagi menghuraikan gaya bahasa pengulangan yang terdapat dalam novel *Al-Abrar* dan akhir sekali penulis menggunakan kaedah ilustrasi dalam bentuk jadual untuk menerangkan struktur tema dan rema seperti yang diperkenalkan oleh Halliday.



Contoh M7(2) pula memaparkan jenis retorik eksposisi yang diterapkan pada bahagian isi kandungan. Melalui contoh ini, dapat dilihat bahawa kaedah-kaedah jenis eksposisi yang diterapkan pada bahagian isi kandungan disusun secara rapi oleh penulis, iaitu dimulakan dengan kaedah definisi, diikuti kaedah analisis dan kaedah ilustrasi. Berdasarkan contoh M7(2), penulis menggunakan kaedah definisi untuk menjelaskan maksud. Kemudian penulis menggunakan kaedah ilustrasi, iaitu dalam bentuk jadual bagi menjelaskan berkenaan unsur pengulangan anafora diikuti dengan kaedah analisis untuk menghuraikan berkenaan penggunaan unsur anafora dalam penulisan novel *Al-Abrar*.

Manakala contoh M7 (3) menonjolkan jenis retorik eksposisi yang diterapkan pada bahagian kesimpulan. Dalam contoh ini, penulis menerapkan kaedah pengelasan untuk merumuskan lapan fungsi gaya bahasa pengulangan dalam wacana berdasarkan pengaplikasian tema dan rema. Selain itu, penulis juga menggunakan kaedah perbandingan dan kontra untuk menjelaskan bahawa unsur pengulangan gaya bahasa dalam novel mempunyai fungsi yang lebih luas dan tidak hanya terikat kepada unsur penegasan sahaja. Hal ini dapat dilihat melalui ayat berikut, ‘Kefungsian tersebut tidak terikat sebagai unsur penegasan sahaja. Malahan dengan menggunakan pendekatan wacana, kefungsian unsur pengulangan dapat dilihat dengan lebih luas’.

Sebagai rumusan dapat dikatakan bahawa dalam penulisan M7, penulis hanya menerapkan satu jenis retorik sahaja, iaitu jenis retorik eksposisi. Menariknya, dalam penulisan makalah ini dapat dilihat penulis berjaya menyusun kaedah-kaedah jenis eksposisi ini secara berstruktur dan konsisten bagi setiap perbincangan. Misalnya, pada bahagian pendahuluan, penulis menggunakan jenis eksposisi melalui kaedah

definisi, kaedah pengelasan dan kaedah ilustrasi. Diikuti bahagian isi kandungan menggunakan kaedah definisi, kaedah ilustrasi dan kaedah analisis dan pada bahagian kesimpulan, penulis menggunakan kaedah pengelasan dan kaedah perbandingan. Penyusunan kaedah jenis eksposisi yang teratur dan kemas dalam penulisan ini dilihat berupaya membantu pembaca untuk lebih memahami penulisan makalah tersebut.

#### Contoh M8

1. Dalam membicarakan tajuk seperti ini, kita tidak dapat lari daripada menjawab beberapa soalan awal. Pertama, apakah definisi bahasa Melayu? Kedua, siapakah yang menuturkan bahasa Melayu? Ketiga, apakah kaitan bahasa Melayu dengan jati diri bangsa orang yang menuturkannya? Keempat, apakah mekanisme yang mengaitkan bahasa dengan proses pembentukan dan pengubahan jati diri orang Melayu? Kelima, bagaimanakah jati diri sesebuah bangsa terbentuk? Keenam, bagaimanakah jati diri bangsa boleh berubah?

Soalan pertama dan kedua terlalu ketara dan tidak memerlukan jawapan. Dalam menjawab persoalan ketiga pula, perbincangan ini tidak membicarakan secara terperinci apa-apa yang dimaksudkan dengan istilah bangsa. Dalam bidang sains politik, psikologi peribadi dan falsafah, isu ini memang penting. Namun begitu, dalam perbahasan sebegini, definisi yang digunakan ialah yang paling umum yang menyatakan bahawa bangsa Melayu ialah orang Melayu yang tinggal di Malaysia. Lagipun inilah masyarakat sasaran yang dimaksudkan dalam perbincangan ini. Mereka bermastautin di Malaysia dan tertakluk serta patuh kepada sebarang dasar dan pelaksanaan dasar tertentu di negara ini. Pandangan ini diambil kerana orang Melayu di negara yang berlainan tidak mengalami peristiwa sejarah dan sosial yang sama. Oleh sebab itu, perbincangan ini tidak membuat pengitlakan umum yang mencakupi semua orang Melayu di luar sempadan politik Malaysia.

Melalui pengenalan yang luas begini, perbincangan ini akan melihat apa-apa isu yang merempuh jati diri manusia yang dinamakan Melayu. Dan ini akan dilakukan secara linear, iaitu jati diri individu dan cara jati diri ini membentuk bangsa; apakah ciri-ciri yang terkandung dalam definisi jati diri menurut ahli falsafah, sejarah dan sains sosial?; isu jati diri Melayu secara umum; isu jati diri Melayu dalam konteks pengliberalan dasar di bawah pengaruh globalisasi; dan kesimpulan.

(hal. 60)

Contoh M8(1) memaparkan penggunaan jenis retorik eksposisi yang diterapkan pada bahagian pendahuluan penulisan makalah tersebut. Dalam contoh ini, penulis menerapkan jenis retorik eksposisi dengan menggunakan kaedah definisi untuk menjelaskan berkenaan prinsip jati diri Melayu. Sebagai permulaan, penulis mengajukan persoalan-persoalan awal yang memerlukan kepada penggunaan jenis eksposisi yang menerapkan kaedah pendefinisian. Hal ini dapat dilihat melalui persoalan-persoalan seperti ‘apakah definisi bahasa Melayu’ yang secara jelas menyatakan akan penggunaan kaedah pendefinisian dalam penulisan makalah tersebut yang dibincangkan dalam perenggan berikutnya. Selain itu, dalam bahagian pendahuluan ini juga turut diterapkan jenis retorik eksposisi yang menggunakan kaedah pengelasan. Penggunaan kaedah pengelasan bertujuan menjelaskan berkenaan struktur penulisan makalah tersebut secara keseluruhan.

Secara keseluruhan, jenis retorik eksposisi diterapkan dalam penulisan M8 bertujuan menjelaskan pandangan penulis berkenaan konsep dan definisi jati diri Melayu serta menerangkan berkenaan struktur penulisan tersebut yang akan diuraikan pada bahagian isi kandungan dengan menggunakan jenis retorik argumentatif.

### **5.5. Argumentatif**

Jenis retorik argumentatif menekankan kepada usaha penulis untuk membuktikan sesuatu kebenaran (Keraf, 2001), mempengaruhi sikap dan pendapat pembaca (Ming & Ching, 2009; Keraf, 2001), mendapatkan persetujuan pembaca berkenaan sesuatu perkara melalui kaedah yang wajar dan beretika (Mayberry, 2002) serta mempengaruhi pembaca untuk melihat dari sudut pandangan penulis (Lannon, 2004; Richardson, 2007). Dalam penulisan jenis retorik argumentatif, penulis

berusaha mempengaruhi pembaca untuk menerima sesuatu pandangan dan idea yang disampaikan dengan mengemukakan fakta dan bukti yang menguatkan hujah penulis. Retorik argumentatif dikembangkan dengan pola proposisi atau pernyataan (premis), penerangan (contoh, analogi, sebab-akibat) dan penalaran (pola deduktif atau induktif). Manakala pemaparan penulisan argumentatif adalah berdasarkan penalaran atau cara berfikir yang logik untuk mempengaruhi pembaca (Brooks & Warren, 1979; Keraf, 2001).

Retorik jenis argumentatif dapat dibezakan dengan retorik jenis eksposisi. Retorik jenis eksposisi mengemukakan fakta dan bukti bagi menjelaskan sesuatu perkara tetapi retorik argumentatif selain menjelaskan sesuatu perkara, jenis retorik argumentatif juga perlu meyakinkan pembaca dengan mengemukakan fakta dan bukti yang jelas (Keraf, 2001). Dalam maksud yang lain, retorik argumentatif memerlukan usaha pembuktian berkenaan fakta dan alasan tersebut.

Daripada penelitian, didapati penulisan M1, M2, M4, M6, dan M8 menggunakan jenis retorik argumentatif dalam penulisan masing-masing. Antara contohnya adalah seperti berikut:

#### Contoh M1

1. Pada peringkat awal perkembangan kerajaan Kedah, kegiatan perdagangan banyak tertumpu di pelabuhan Sungai Mas dan Lembah Bujang, namun kedua-duanya tidak kekal lama sehinggalah muncul Kuala Kedah pada awal abad ke-17 sebagai pelabuhan utama negeri Kedah. Kuala Kedah ini juga dikenali dengan nama Kota Kuala Bahang seperti yang tercatat dalam teks Undang-undang Kedah versi Raf 77, "... negeri Kedah Kota Kuala Bahang Darul Aman ..." (187, baris 13). Namun begitu, kerajaan Kedah pada masa itu masih lagi di bawah pemerintahan Aceh yang melarang pedagang untuk berdagang terus dengan mana-mana pelabuhan di bawah takluknya sejak tahun 1045 H

(1635 M). Semua perdagangan hendaklah dikendalikan di pelabuhan Banda Aceh. Akibatnya, pelabuhan Kedah agak terbiar selama beberapa tahun selepas itu sehinggalah penguasaan kerajaan Aceh ke atas Kedah semakin lemah setelah kemangkatan Sultan Iskandar Thani pada tahun 1641 M. Selepas itu, pelabuhan Kuala Kedah semakin sibuk dengan kapal-kapal dagang dari seluruh pelosok dunia termasuklah India, China dan Eropah. Oleh itu, kerajaan Kedah pada masa itu telah mengambil inisiatif untuk mengkanunkan satu undang-undang bagi menguruskan pelabuhannya sendiri yang dikenali sebagai Undang-undang Pelabuhan (Undang-undang Pelabuhan Kedah).

(hal. 2)

2. Edwar, Nikmah dan Haniah (1981) pula membuat transliterasi dan analisis manuskrip versi ML 25 yang kemudiannya diulas oleh Jelani Harun (2008). Undang-undang Kedah versi Ku Din Ku Meh di Arkib Negara Malaysia pula telah dikaji oleh Mahani (2006). Selain itu, terdapat beberapa kajian lain tentang manuskrip Undang-undang Kedah hasil daripada penyelidikan para pengkaji seperti Wan Ab Rahman Khudzri dan Mohd Afandi (2002), Ahmad Jelani Halimi (2002), Wan Shamsuddin (2002) dan lain-lain yang diterbitkan dalam pelbagai medium penerbitan atau secara dalam talian. Walaupun demikian, analisis terhadap aspek sejarah dan budaya perdagangan di Kedah berdasarkan manuskrip ini masih lagi belum dilaksanakan secara menyeluruh.

(hal. 3)

3. Manuskrip yang dipilih dalam kajian ini ialah manuskrip Raf 77 (koleksi Raffles) yang diperoleh daripada Perpustakaan Negara Malaysia dalam bentuk mikrofilem. Manuskrip ini dipilih kerana belum ada kajian yang mendalam terhadapnya dan mengandungi Undang-undang Pelabuhan Kedah yang paling lengkap setakat ini.

(hal. 3)

4. Berdasarkan perbincangan di atas dapatlah disimpulkan bahawa persejarahan dan pembudayaan perdagangan Melayu dapat dilihat dengan jelas dalam manuskrip Undang-undang Pelabuhan Kedah yang bertarikh 1650 M. Oleh itu, penulisan undang-undang ini bukan sahaja penting kepada pihak pemerintah pada masa itu untuk menguruskan pentadbiran perdagangan, malah perlu dilihat sebagai satu usaha pendokumentasian sejarah dan budaya Melayu yang amat berguna kerana pada masa tersebut, proses transisi daripada kerajaan kelautan kepada pertanian seperti yang dapat dilihat kesannya pada hari ini dikatakan sudah berlaku.

(hal. 14)

Dalam penulisan M1, penulis menerapkan jenis retorik argumentatif pada bahagian pendahuluan, bahagian isi kandungan dan bahagian kesimpulan. Contoh M1(1) menunjukkan penggunaan jenis retorik argumentatif pada bahagian pendahuluan makalah yang bertujuan menjelaskan kemunculan negeri Kedah sebagai pusat perdagangan antarabangsa pada abad ke-17 dan 18 Masihi.

Berdasarkan contoh M1(1), penggunaan jenis retorik argumentatif dilihat melalui unsur proposisi atau pernyataan penulis berkenaan kemunculan Kuala Kedah sebagai pelabuhan utama negeri di Kedah pada awal abad ke-17. Untuk mengukuhkan proposisi ini, penulis turut menyertakan bukti bertulis yang dirujuk daripada teks Undang-undang Kedah versi Raf 77 berkenaan nama asal bagi Kuala Kedah, iaitu Kota Bahang. Akhir sekali, dalam usaha untuk meyakinkan pembaca akan kebenaran fakta yang ditulis, penulis turut menggunakan unsur proposisi yang bersifat kesimpulan bagi keseluruhan bahagian pendahuluan tersebut. Hal ini dapat dilihat melalui ayat berikut ‘Oleh itu, kerajaan Kedah pada masa itu telah mengambil inisiatif untuk mengkanunkan satu undang-undang bagi menguruskan pelabuhannya sendiri yang dikenali sebagai Undang-undang Pelabuhan (Undang-undang Pelabuhan Kedah)’.

Analisis menunjukkan dalam contoh M1(1), penggunaan jenis retorik argumentatif jelas diperlihatkan melalui olahan pendapat secara tersusun dengan disertakan bukti dan kesimpulan terhadap proposisi atau pernyataan awal tersebut. Penerapan jenis retorik argumentatif pada bahagian pendahuluan juga dilihat untuk menarik perhatian pembaca bagi meneruskan pembacaan.

Contoh M1 (2) menunjukkan penggunaan jenis retorik argumentatif yang bertujuan meyakinkan pembaca akan kepentingan penulisan makalah tersebut yang membahaskan aspek sejarah dan budaya perdagangan di Kedah berdasarkan manuskrip Undang-undang Pelabuhan Kedah. Dalam hal untuk meyakinkan pembaca, penulis turut memasukkan unsur bukti yang terdiri daripada data-data kajian lepas berkenaan manuskrip Undang-undang Pelabuhan Kedah yang telah dijalankan sebelum ini. Dalam contoh ini, selain penyajian terhadap data-data kajian lepas, pernyataan penulis, seperti ‘masih lagi belum dilaksanakan secara menyeluruh’ dilihat bertujuan meyakinkan pembaca akan kepentingan penulisan tersebut.

Contoh M1 (3) turut menonjolkan penggunaan jenis retorik argumentatif. Dalam contoh ini, penggunaan klausa seperti ‘belum ada kajian yang mendalam terhadapnya’ dan ‘mengandungi Undang-undang Pelabuhan Kedah yang paling lengkap setakat ini’ menunjukkan bahawa penulis cuba meyakinkan pembaca akan kepentingan penulisan tersebut. Untuk mengukuhkan pernyataan tersebut, penulis turut memuatkan bukti yang terdiri daripada data yang dirujuk melalui kajian lepas sebagai sokongan.

Manakala contoh M1 (4) pula menonjolkan penerapan jenis retorik argumentatif pada bahagian kesimpulan. Berdasarkan contoh M1 (4), penulis membuat penalaran dengan merumuskan pendapat yang didapati signifikan dengan fakta-fakta yang telah dikemukakan pada bahagian pendahuluan dan isi kandungan penulisan makalah tersebut. Dalam penulisan makalah ini, penggunaan jenis retorik argumentatif dilihat berupaya untuk mempengaruhi pendapat dan pandangan pembaca serta bersetuju dengan pandangan yang dikemukakan oleh penulis.

Pada keseluruhannya, dapatan kajian menunjukkan penulisan M1 menerapkan retorik jenis argumentatif sebagai kerangka utama penulisan. Retorik jenis ini diterapkan dalam usaha untuk mempengaruhi dan meyakinkan pembaca akan kebenaran fakta dan hujah yang dinyatakan dalam penulisan makalah tersebut.

#### Contoh M4

1. Peristiwa Israk Mikraj merupakan salah satu peristiwa agung Islam yang dijelaskan oleh Allah SWT di dalam al-Quran. Sesuatu yang tidak dapat disangkal bahawa peristiwa Israk Mikraj telah membawa satu pengertian yang besar dalam Islam kerana melalui peristiwa ini, ibadah solat fardu lima waktu mula disyariatkan. Solat yang merupakan tiang agama Islam telah difardukan secara langsung kepada Nabi Muhammad SAW melalui peristiwa Israk Mikraj. Betapa signifikannya peristiwa ini dalam Islam sehingga Allah SWT menamakan satu surah dalam al-Quran dengan nama surah al-Isra', iaitu sempena peristiwa Israk Mikraj.

(hal. 55)

2. Setiap peristiwa yang dirakamkan dalam al-Quran mempunyai signifikannya yang tersendiri untuk dimanfaatkan dalam kehidupan manusia, mahupun dijadikan iktibar sebagai wadah untuk melakukan muhasabah diri. Apa yang lebih utama untuk ditegaskan di sini, setiap peristiwa dalam al-Quran membawa mesej benar dan jauh daripada sebarang bentuk khayalan atau omongan kosong. Walaupun kadangkala peristiwa tersebut menjangkau batasan fikiran manusia, tetapi ia semestinya jauh daripada retorik dan khurafat yang menyesatkan. Sebagai contoh, peristiwa Israk Mikraj yang dibincangkan dalam makalah ini, ia merupakan salah satu daripada beberapa buah kisah al-Quran yang faktanya menjangkau batasan fikiran akal manusia.

(hal. 73)

Contoh M4 (1) menunjukkan penggunaan jenis retorik argumentatif yang diterapkan pada bahagian isi kandungan untuk menerangkan berkenaan peristiwa Israk dan Mikraj dan kepentingannya dalam Islam. Dalam contoh ini pernyataan tentang pentingnya peristiwa Israk dan Mikraj dalam Islam dilihat melalui ayat berikut, 'Peristiwa Israk Mikraj merupakan salah satu peristiwa agung Islam yang dijelaskan



oleh Allah SWT di dalam al-Quran'. Penyataan ini kemudiannya dikembangkan dengan penerangan yang menggunakan unsur sebab dan akibat, iaitu disebabkan oleh peristiwa Israk dan Mikraj ini maka mengakibatkan solat lima waktu difardukan kepada umat Islam. Dalam contoh ini juga, klausa retorik 'sesuatu yang tidak dapat disangkal' dilihat sebagai klausa yang digunakan dalam penulisan ini bertujuan mempengaruhi dan meyakinkan pembaca akan kebenaran hujah yang dikemukakan oleh penulis.

Contoh M4 (2) pula memaparkan penggunaan jenis retorik argumentatif untuk menghuraikan berkenaan penilaian penulis dari sudut akidah terhadap manipulasi wahyu dari Ilahi. Dalam contoh ini, penulis mengemukakan proposisi yang berbentuk pandangan penulis berkenaan manipulasi yang berlaku terhadap kisah-kisah dalam Al-Quran. Dalam contoh ini penulis cuba mempengaruhi pembaca agar bersetuju dengan pandangan yang dikemukakan dengan menyatakan pandangan bahawa setiap peristiwa yang dirakamkan dalam al-Quran mempunyai signifikannya yang tersendiri untuk dimanfaatkan dalam kehidupan manusia. Untuk mengukuhkan hujahannya, penulis turut menyertakan contoh dan bukti yang terdiri daripada petikan-petikan daripada surah yang dirujuk daripada sumber Al-Quran.

#### Contoh M6

1. Pergerakan kesedaran baru dalam kalangan orang Melayu yang berkembang selaras dengan perkembangan akhbar bermula awal kurun ke-20. Melalui akhbar, masyarakat Melayu mendapat maklumat penting tentang perkembangan di Tanah Melayu dan di negara luar. Antara akhbar dan majalah yang telah menyumbangkan peranan dalam menimbulkan kesedaran sosial dan politik masyarakat Melayu pada awal kurun ke-20 ialah *Al-Imam* (1906–1908), *Saudara* (1928–1941), *Pengasuh* (1918–1938), *Majlis* (1930–1940) dan *Warta Malaya* (1930–1941). Penyebaran maklumat dari luar negara, seperti kisah kebangkitan nasionalisme di India, China dan negara Asia Tenggara, seperti Indonesia dan Filipina telah memberikan impak

kesedaran tentang pentingnya perjuangan menuntut kemerdekaan. Tuntutan persamaan hak oleh kaum pendatang di Tanah Melayu selepas Perang Dunia Kedua menyemarakkan lagi kesedaran dalam kalangan orang Melayu untuk memperjuangkan hak mereka sebagai bumiputera negara ini.<sup>1</sup> Lantaran itu, beberapa orang tokoh politik Melayu telah memilih untuk menceburkan diri dalam bidang penulisan dalam akhbar tempatan yang sedang berkembang pesat. Pada waktu itu, inilah cara yang terbaik untuk menyalurkan pandangan bagi menyedarkan orang Melayu yang sekian lama terleka.

(hal. 66)

2. Perkembangan akhbar *Suara Rakyat* amat menggalakkan dan mendapat sambutan yang baik di negeri Perak. Jumlah keluaran dan jualannya meningkat dari semasa ke semasa. Perkembangan ini telah mendorong Ahmad Boestamam dan rakan-rakan menerbitkan akhbar berbahasa Inggeris demi menarik minat kaum asing dan golongan elit Melayu berpendidikan Inggeris untuk membacanya. Penerbitan sedemikian merupakan idea Mokhtarudin Lasso, seorang pejuang Parti Komunis Indonesia. Hasilnya, akhbar *Voice of the People* telah diterbitkan pada bulan Oktober 1945,9 dikendalikan oleh Haji Abdul Latif bin Haji Abdul Majid dan Salleh Daud.10 Akhbar ini merupakan terjemahan akhbar *Suara Rakyat*. Isi dan kupasan *Voice of the People* dan *Suara Rakyat* adalah sama; pedas dan menyengat. Perkara ini dilakukan demi kesinambungan perjuangan golongan elit berpelajaran Inggeris dalam masyarakat Melayu. Lantaran itu, British membuat tuduhan bahawa akhbar-akhbar ini mendapat tajaan daripada pihak Parti Komunis Malaya sebanyak \$300,000. Perkara ini terkandung dalam laporan *Malayan Security Service* (MSS) seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1.

(hal. 68)

3. Perbincangan ini membuktikan bahawa media boleh berperanan aktif dan berkesan dalam menyebarkan maklumat penting, khususnya yang berkaitan dengan isu politik semasa. Dengan cara ini rakyat dapat diberikan maklumat yang betul, tepat dan jelas. Lantaran itu, penyelidik berpendapat akhbar *Suara Rakyat*, *Voice of the People*, *Suloh Malaya* dan *Pelita Malaya* yang menjadi lidah rasmi PKMM berjaya menyampaikan mesej utama mereka, iaitu perjuangan kemerdekaan Tanah Melayu. Melalui usaha memberikan maklumat, rakyat umum memahami isu politik, isu kebajikan rakyat, tuntutan demokrasi dan perjuangan kemerdekaan yang harus diperjuangkan oleh semua pihak. Akhbar-akhbar itu bukan sahaja berusaha menyedarkan rakyat umum, malah turut menyampaikan mesej kepada raja dan golongan bangsawan supaya bertindak demi kepentingan bangsa Melayu. Berlainan daripada akhbar lain yang terdapat di Tanah Melayu, *Suara Rakyat* berjaya membawa mesej perjuangan demokrasi yang berpaksikan hak rakyat dan mendapat sokongan pelbagai lapisan masyarakat di Tanah Melayu.

(hal. 83)

Berdasarkan contoh M6, didapati makalah ini menggunakan penulisan jenis retorik argumentatif sebagai kerangka utama penulisan. Jenis retorik ini diterapkan pada bahagian pendahuluan, bahagian isi kandungan dan bahagian kesimpulan. Contoh M6 (1) menunjukkan penerapan jenis argumentatif pada bahagian pendahuluan. Dalam contoh ini penulis menyatakan proposisi yang bersifat fakta, iaitu perkembangan penerbitan akhbar pada kurun ke-20 telah membawa kepada pergerakan kesedaran baharu dalam kalangan orang Melayu. Proposisi ini disertakan dengan data yang terdiri daripada nama-nama akhbar dan tahun penerbitan sebagai bukti.

Selain perkembangan penerbitan akhbar, penulis juga menyenaraikan faktor-faktor lain yang turut menjadi penggerak kepada kesedaran orang Melayu, iaitu penyebaran maklumat dari luar negara dan tuntutan persamaan hak oleh kaum pendatang di Tanah Melayu. Pada akhir perenggan ini, penulis menggunakan kaedah sebab dan akibat atau fakta-fakta yang merumuskan kepada sebab dan akibat daripada proposisi awal yang dinyatakan oleh penulis. Melalui contoh ini dapat dilihat bahawa penulis cenderung menggunakan kaedah penalaran induksi dalam penulisan. Penalaran induksi bermaksud penulisan perenggan ini dimulakan dengan membuat pernyataan umum diikuti dengan penulis membuat kesimpulan atau inference daripada proposisi tersebut.

Contoh M6(2) pula menonjolkan penggunaan jenis retorik argumentatif pada bahagian isi kandungan. Dalam contoh ini penulis mengemukakan proposisi berkenaan perkembangan akhbar Suara Rakyat yang menggalakkan. Proposisi ini juga menggunakan penalaran dalam hubungan sebab dan akibat. Hal ini dapat dilihat

melalui perkembangan akhbar Suara Rakyat yang menggalakkan menyebabkan peningkatan dalam keluaran akhbar tersebut sehingga mendorong penerbitan akhbar berbahasa Inggeris, iaitu akhbar *Voice of the People*. Penerbitan akhbar *Voice of the People* ini juga telah menyebabkan pihak British membuat tuduhan bahawa akhbar tersebut mendapat tajaan daripada pihak Komunis. Bagi mengukuhkan fakta proposisi sebab dan akibat yang dikemukakan, penulis turut menyertakan laporan daripada *Malayan Security Services* (MSS) menggunakan kaedah ilustrasi, iaitu dalam bentuk jadual.

Berikutnya contoh M6 (3) pula menonjolkan penggunaan jenis retorik argumentatif yang diterapkan pada bahagian kesimpulan. Pada bahagian ini, penulis menerapkan proposisi berbentuk pendapat dan kesimpulan yang bertitik tolak daripada keseluruhan proposisi yang dibincangkan dalam bahagian isi kandungan penulisan tersebut. Dalam contoh ini juga dapat lihat bahawa untuk membuktikan kebenaran dalam *inference* yang dikemukakan, penulis merumuskan dan menyusun semula fakta-fakta tersebut pada bahagian kesimpulan.

Secara keseluruhannya, dapat dikatakan penulisan M6 menerapkan hanya satu jenis retorik, iaitu jenis retorik argumentatif. Menariknya dapatan analisis menunjukkan corak penggunaan kaedah penulisan argumentatif yang konsisten pada bahagian pendahuluan dan bahagian isi kandungan penulisan makalah tersebut. Dalam kedua-dua bahagian, penulis menyusun penulisan argumentatif berdasarkan kepada kaedah proposisi disertakan dengan bukti dan disusuli oleh hubungan sebab dan akibat.

## Contoh M8

1. Jati diri sesebuah bangsa merujuk kepada ciri-ciri yang membezakan sesuatu kumpulan manusia dengan kumpulan manusia yang lain dan rasa kekitaan individu dalam kumpulan itu. Ada banyak ciri yang digunakan dan setiap satu adalah asing dan berlainan. Contohnya, perbezaan kecil sebutan dalam bahasa yang dituturkan mungkin sudah cukup bagi memasukkan seseorang ke dalam kelompok bangsa yang berlainan. Umpamanya, kita dengan agak mudah mengenali pertuturan bahasa Melayu orang Melayu Singapura. Sebaliknya, dua individu yang berbeza dari segi sahsiah, sistem kepercayaan, tempat tinggal, masa kewujudan dan bahasa yang dituturkan boleh dianggap termasuk dalam satu bangsa. Hal ini misalnya wujud dalam kalangan bangsa Indonesia.

Keperluan utama dalam mendefinisikan sesebuah bangsa ialah ciri yang sama yang dikongsi bersama. Ciri yang sama inilah yang menyebabkan wujudnya keseragaman atau kehomogenan. Sebahagian ciri ini hendaklah pula dapat membezakan bangsa berkenaan daripada bangsa-bangsa lain yang berjiranan.

(hal. 63)

2. Melalui definisi dan teori yang dipaparkan di atas kita dapat melihat ada perubahan pada lakuan kita apabila ada perubahan pada bahasa yang kita gunakan. Hal ini demikian kerana bahasa ialah alat dan wahana pembentuk dan pemindah memori bangsa. Memori bangsa pula ialah himpunan nilai sesuatu bangsa. Apabila kita mengubah bahasa pendidikan kita, maka kita akan menggalakkan penjajahan minda. Minda yang terjajah akan terus kagum dan terkesima dengan budaya bahasa penjajahnya. Akhirnya dia juga akan mengubah lakuannya dan nilai jati dirinya. Mereka yang mengubah bahasa ekspresifnya juga akan mengubah nilai dan muatan rohaniah pada dirinya. Hal ini menyebabkan jati dirinya berubah. Mungkin perubahan tidak berlaku pada rupa paras, tetapi tentu sekali pada minda dan nilainya. Perubahan itu sedemikian besar sehingga kita hilang jati diri. Mungkin pada jasadnya kita masih Melayu, tetapi dari segi budaya dan rohaninya kita mungkin sudah bukan Melayu lagi.

(hal. 79)

Dalam penulisan M8, penulis menggunakan jenis retorik argumentatif sebagai kerangka utama penulisan. Jenis retorik ini diterapkan pada bahagian isi kandungan dan bahagian kesimpulan bertujuan menyokong perbincangan yang dijelaskan menggunakan jenis retorik eksposisi. Berdasarkan contoh M8(1), dapat dilihat

bahawa penulis cuba meyakinkan pembaca akan kepentingan untuk mendefinisikan jati diri sesebuah bangsa dengan mengemukakan hujah-hujah dan contoh-contoh yang relevan. Penggunaan jenis retorik argumentatif dalam hal meyakinkan pembaca berkenaan kepentingan mendefinisikan jati diri sesebuah bangsa dapat dilihat melalui penyusunan fakta secara kemas dan teratur seperti ayat berikut ‘kita dengan agak mudah mengenali pertuturan bahasa Melayu orang Melayu Singapura. Sebaliknya, dua individu yang berbeza dari segi sahsiah, sistem kepercayaan, tempat tinggal, masa kewujudan dan bahasa yang dituturkan boleh dianggap termasuk dalam satu bangsa’. Selain itu, dalam contoh ini juga, penulis menggunakan kaedah perenggan induktif, iaitu bermula dengan proposisi yang umum dan diakhiri dengan pernyataan khusus, iaitu kepentingan untuk mendefinisikan jati diri sebuah bangsa berkait rapat dengan ciri yang dikongsi bersama yang mewujudkan keseragaman atau kehomogenan.

Contoh M8(2) memaparkan jenis retorik argumentatif yang diterapkan pada bahagian kesimpulan. Dalam contoh ini, penulis membuat rumusan berkenaan fakta-fakta yang dihuraikan pada bahagian isi kandungan secara kemas dan berstruktur. Dalam penulisan rumusan ini juga penulis menggunakan kaedah hubungan sebab akibat untuk mempengaruhi pembaca supaya dapat menerima pandangan penulis melalui penalaran yang logik. Contoh hujahan yang menggunakan hubungan kaedah sebab akibat dapat dilihat melalui rangkaian ayat berikut, ‘bahasa ialah alat dan wahana pembentuk dan pemindah memori bangsa. Memori bangsa pula ialah himpunan nilai sesuatu bangsa. Apabila kita mengubah bahasa pendidikan kita, maka kita akan menggalakkan penjajahan minda. Minda yang terjajah akan terus kagum dan terkesima dengan budaya bahasa penjajahnya. Akhirnya dia juga akan mengubah

lakuannya dan nilai jati dirinya. Mereka yang mengubah bahasa ekspresifnya juga akan mengubah nilai dan muatan rohaniah pada dirinya'. Selain itu, penulis turut menyertakan hujahan dalam bentuk *inference* atau implikasi pada bahagian kesimpulan sebagai rumusan kepada persoalan utama penulisan makalah ini. Hal ini dapat dilihat melalui ayat berikut, 'Mungkin pada jasadnya kita masih Melayu, tetapi dari segi budaya dan rohaninya kita mungkin sudah bukan Melayu lagi'.

Berdasarkan contoh dan huraian daripada analisis yang dijalankan, dapatan kajian ini telah berupaya memperlihatkan pola penulisan makalah penyelidikan yang diteliti yang terdiri daripada pola jenis retorik penulisan, pola jenis retorik yang dominan dan pola jenis retorik berdasarkan bidang penulisan. Perbincangan selanjutnya adalah seperti berikut:

## 5.6. Pola Jenis Retorik

Pola jenis retorik penulisan makalah penyelidikan yang diteliti adalah seperti yang dipaparkan dalam Jadual 5.1.

Jadual 5.1: *Pola Jenis Retorik*

| Makalah/<br>Jenis Retorik | M1 | M2 | M3 | M4 | M5 | M6 | M7 | M8 |
|---------------------------|----|----|----|----|----|----|----|----|
| Deskriptif (Expositori)   | /  | /  |    | /  |    |    |    |    |
| Naratif (Expositori)      |    |    | /  | /  |    |    |    |    |
| Eksposisi                 |    | /  | /  | /  | /  |    | /  | /  |
| Argumentatif              | /  |    |    | /  |    | /  |    | /  |
| Persuasif                 | -  | -  | -  | -  | -  | -  | -  | -  |

Berdasarkan Jadual 5.1. dapat dilihat bahawa daripada lima jenis retorik penulisan yang diteliti, hanya terdapat empat jenis retorik yang digunakan dalam penulisan makalah penyelidikan yang dikaji, iaitu jenis deskriptif, naratif, eksposisi dan

argumentatif. Manakala jenis retorik persuasif tidak diterapkan dalam mana-mana penulisan makalah yang diteliti.

Selain itu, Jadual 5.1 juga memperlihatkan bahawa retorik jenis naratif ekspositori dan jenis deskriptif ekspositori digunakan dalam makalah penyelidikan, sementara retorik jenis naratif sugestif dan jenis deskriptif sugestif tidak digunakan dalam penulisan. Jenis naratif ekspositori menekankan penggunaan jenis penulisan naratif yang bersandarkan kepada fakta dan hal-hal yang nyata. Begitu juga dengan jenis deskriptif ekspositori yang menggunakan jenis penulisan deskriptif yang berdasarkan fakta dan peristiwa sebenar yang berlaku dan tidak menggunakan unsur imaginasi. Oleh yang demikian, dapat dikatakan bahawa penggunaan jenis naratif ekspositori dan jenis deskriptif ekspositori dalam penulisan makalah penyelidikan yang diteliti adalah relevan dan selaras dengan konsep penulisan ilmiah yang memerlukan pengujahan berdasarkan fakta dan bukti.

Selain itu, Jadual 5.1 juga menunjukkan bahawa terdapat sekurang-kurangnya satu atau lebih daripada satu jenis retorik yang digunakan dalam penulisan makalah penyelidikan yang diteliti. Berdasarkan penelitian, daripada lapan makalah penyelidikan yang diteliti hanya tiga makalah, iaitu M5, M6 dan M7 menggunakan satu jenis retorik dalam penulisan. Manakala lima makalah, iaitu M1, M2, M3, M4, dan M8 menggunakan lebih daripada satu jenis retorik dalam penulisan masing-masing. Dapatan kajian ini dilihat berupaya menjelaskan bahawa dalam sesuatu kerangka penulisan makalah penyelidikan, penulis boleh menggunakan lebih daripada satu jenis retorik penulisan. Dapatan analisis ini mengukuhkan pernyataan Kachru (2001), iaitu teks penulisan mempunyai fungsi yang pelbagai dan



kebanyakannya memaparkan ciri-ciri penggunaan lebih daripada satu jenis kerangka penulisan.

### 5.7. Pola Jenis Retorik yang Dominan

Dapatan analisis turut memperlihatkan pola jenis retorik penulisan yang dominan atau jenis retorik penulisan yang kerap digunakan dalam makalah penyelidikan yang diteliti. Pola jenis retorik yang dominan ini dikategori mengikut kekerapan penggunaan jenis retorik penulisan yang muncul dalam setiap analisis struktur makalah penyelidikan yang diteliti, iaitu bahagian pendahuluan, bahagian kandungan dan bahagian kesimpulan. Jenis retorik yang kerap digunakan dalam penulisan makalah penyelidikan yang dikaji dikategorikan sebagai kerangka penulisan makalah penyelidikan tersebut. Berikut disertakan Jadual 5.2 yang memaparkan pola jenis retorik penulisan yang dominan dalam makalah penyelidikan yang diteliti.

Jadual 5.2.: *Jenis Retorik Penulisan yang Dominan*

| Makalah | Struktur Makalah | Jenis Retorik                         | Kerangka Penulisan |
|---------|------------------|---------------------------------------|--------------------|
| M1      | Pendahuluan      | Argumentatif                          | Argumentatif       |
|         | Kandungan        | Argumentatif                          |                    |
|         | Kesimpulan       | Deskriptif<br>Argumentatif            |                    |
| M2      | Pendahuluan      | Deskriptif                            | Eksposisi          |
|         | Kandungan        | Eksposisi                             |                    |
|         | Kesimpulan       | Eksposisi                             |                    |
| M3      | Pendahuluan      | Naratif                               | Eksposisi          |
|         | Kandungan        | Eksposisi                             |                    |
|         | Kesimpulan       | Eksposisi                             |                    |
| M4      | Pendahuluan      | Eksposisi                             | Argumentatif       |
|         | Kandungan        | Argumentatif                          |                    |
|         | Kesimpulan       | Naratif<br>Deskriptif<br>Argumentatif |                    |
| M5      | Pendahuluan      | Eksposisi                             | Eksposisi          |
|         | Kandungan        | Eksposisi                             |                    |
|         | Kesimpulan       | Eksposisi                             |                    |

(sambungan)

| Makalah | Struktur Makalah                           | Jenis Retorik  | Kerangka Penulisan |
|---------|--|--|--------------------|
| M6      | Pendahuluan<br>Kandungan<br>Kesimpulan     | Argumentatif<br>Argumentatif<br>Argumentatif           | Argumentatif       |
| M7      | Pendahuluan<br>Kandungan<br>Kesimpulan     | Eksposisi<br>Eksposisi<br>Eksposisi                    | Eksposisi          |
| M8      | Pendahuluan<br>Kandungan<br><br>Kesimpulan | Eksposisi<br>Eksposisi<br>Argumentatif<br>Argumentatif | Argumentatif       |

Berdasarkan Jadual 5.2, dapat dilihat bahawa retorik jenis argumentatif dan jenis eksposisi merupakan jenis retorik yang dominan dan menjadi kerangka utama penulisan makalah penyelidikan yang dikaji. Analisis menunjukkan jenis retorik argumentatif diterapkan dalam penulisan M1, M4, M6 dan M8. Manakala jenis retorik eksposisi diterapkan dalam penulisan M2, M3, M5 dan M7. Dapatan analisis ini mengukuhkan pandangan Armon (1988) dan Smith (1985) yang menyatakan bahawa penulisan ilmiah didominasi oleh jenis eksposisi dan argumentatif.

Selain itu, Jadual 5.2 turut memperlihatkan bahawa retorik jenis deskriptif dan jenis naratif merupakan jenis retorik terikat. Kedua-dua jenis retorik tersebut tidak boleh berdiri sendiri dalam penulisan, sebaliknya perlu diserapkan dalam jenis retorik penulisan yang lebih dominan seperti jenis argumentatif dan jenis eksposisi. Jenis retorik deskriptif dan naratif digunakan dalam penulisan untuk mengukuhkan atau menyokong hujah jenis retorik lain yang lebih dominan.

Sebagai contoh, retorik jenis deskriptif dan jenis naratif diserapkan dalam penulisan (M1) dan (M4) yang menggunakan retorik jenis argumentatif sebagai kerangka utama penulisan. Begitu juga dengan retorik jenis naratif dan jenis deskriptif yang

diserapkan dalam penulisan (M2) dan (M3) yang menggunakan jenis eksposisi sebagai kerangka utama penulisan.

Dapatan analisis ini didapati menepati pandangan Angelo (1984) dan Brooks dan Warren (1979), iaitu jenis retorik deskriptif merupakan sebahagian daripada jenis retorik eksposisi dan argumentatif. Begitu juga dengan Donald, *et al.*, (1989), yang berpendapat bahawa penulisan jenis deskriptif jarang digunakan secara sendiri dalam keseluruhan penulisan. Selalunya penulisan deskriptif digunakan untuk menyampaikan maksud dalam jenis penulisan yang lain.

### 5.8. Pola Jenis Retorik Berdasarkan Bidang Penulisan

Penelitian terhadap dapatan analisis telah menyerlahkan pola penggunaan jenis retorik berdasarkan bidang penulisan. Berikut disertakan Jadual 5.3 yang memaparkan penggunaan jenis retorik berdasarkan bidang penulisan makalah yang diteliti.

Jadual 5.3: *Jenis Retorik berdasarkan Bidang Penulisan*

| Makalah | Bidang Kajian       | Jenis Retorik |
|---------|---------------------|---------------|
| M1      | Sejarah             | Argumentatif  |
| M2      | Ekonomi             | Eksposisi     |
| M3      | Sastera             | Eksposisi     |
| M4      | Agama               | Argumentatif  |
| M5      | Undang-Undang       | Eksposisi     |
| M6      | Komunikasi          | Argumentatif  |
| M7      | Bahasa              | Eksposisi     |
| M8      | Bahasa dan Falsafah | Argumentatif  |

Jadual 5.3. memperlihatkan bahawa wujud keserasian antara teks dan kontekstual bidang penulisan makalah yang diteliti dengan jenis retorik penulisan yang digunakan dalam penulisan. Misalnya, penggunaan jenis retorik argumentatif sebagai kerangka utama penulisan makalah dalam bidang sejarah, agama dan komunikasi. Penggunaan jenis retorik ini didapati menepati konteks penulisan bidang sejarah, agama dan komunikasi yang memerlukan kepada bentuk penghujahan dengan disertakan pembuktian dan fakta untuk meyakinkan pembaca. Manakala penggunaan jenis retorik eksposisi sebagai kerangka utama penulisan makalah dalam bidang ekonomi, bahasa, sastera, undang-undang, bahasa dan falsafah adalah relevan dan sesuai dengan konteks penulisan makalah dalam bidang tersebut yang bertujuan menerangkan berkenaan sesuatu konsep secara jelas.

Selain itu, hasil analisis turut memperlihatkan trend penggunaan kaedah-kaedah tertentu yang digunakan dengan ketara dalam penulisan makalah bidang undang-undang, bidang komunikasi dan bidang bahasa. Misalnya, kaedah pengelasan dan kaedah perbandingan (jenis eksposisi) digunakan secara ketara dalam penulisan makalah yang berkaitan dengan bidang undang-undang, iaitu M5. Penggunaan kaedah definisi, kaedah pengelasan dan kaedah analisis (jenis eksposisi) yang digunakan dalam penulisan makalah bidang bahasa, iaitu M7 dan penggunaan kaedah proposisi yang disertai dengan hubungan sebab dan akibat (jenis argumentatif) digunakan secara ketara dalam penulisan makalah dalam bidang komunikasi, iaitu M6. Secara keseluruhannya, dapat dikatakan wujud keserasian dari aspek teks dan kontekstual penulisan makalah penyelidikan diteliti dengan kaedah dan bidang kajian yang digunakan dalam setiap jenis retorik penulisan tersebut.

## **5.9. Kesimpulan**

Bab ini secara keseluruhannya memaparkan perbincangan berkenaan jenis retorik yang diterapkan dalam penulisan makalah penyelidikan yang diterbitkan dalam Jurnal KEMANUSIAAN *The Asian Journal of Humanities*. Hasil analisis jenis retorik ini telah berupaya memperlihatkan dapatan kajian yang signifikan untuk menjelaskan berkenaan pola jenis retorik dalam penulisan, pola jenis retorik yang dominan dalam penulisan, dan pola jenis retorik berdasarkan kepada bidang penulisan makalah penyelidikan yang diteliti. Rumusan keseluruhan dapatan analisis yang dijalankan dalam bab empat (analisis strategi retorik) dan bab lima (analisis jenis retorik) akan diperincikan dalam bab seterusnya.



## **BAB ENAM**

### **KESIMPULAN DAN CADANGAN**

#### **6.1. Pengenalan**

Bertitik tolak daripada isu penerbitan makalah penyelidikan dalam jurnal berimpak tinggi yang menjadi penanda aras dalam penarafan dan penaraan universiti bertaraf dunia, maka kajian ini menawarkan suatu analisis untuk menghuraikan unsur retorik yang terdapat dalam penulisan makalah penyelidikan yang diindeks dalam jurnal berimpak tinggi.

Memandangkan kajian retorik yang dijalankan oleh pengkaji tempatan sebelum ini belum pernah menjadikan wacana penulisan makalah penyelidikan dalam jurnal sebagai data kajian, maka dalam kajian ini, wacana penulisan ilmiah yang terdiri daripada makalah penyelidikan berbahasa Melayu yang diterbitkan dalam jurnal yang diindeks oleh pangkalan data indeks dan abstrak antarabangsa SCOPUS telah dipilih untuk diteliti berkenaan penggunaan unsur retorik dalam penulisan makalah penyelidikan tersebut. Pemilihan SCOPUS dibuat berdasarkan populariti pangkalan data tersebut yang telah mencorakkan lembaran baharu dalam penerbitan jurnal ilmiah di negara ini. Manakala pemilihan makalah penyelidikan berbahasa Melayu pula bertujuan memperlihatkan keupayaan makalah penyelidikan yang ditulis dalam bahasa Melayu untuk berperanan sebagai bahasa ilmu secara saintifik, empirikal dan eksploratori. Sebanyak lapan makalah penyelidikan berbahasa Melayu yang diterbitkan dalam Jurnal KEMANUSIAAN *The Asian Journal of Humanities* telah dipilih untuk dianalisis. Penelitian terhadap unsur retorik dalam wacana penulisan ilmiah ini memfokus kepada aspek strategi retorik dan jenis retorik yang terdapat dalam penulisan makalah penyelidikan tersebut.

Dalam mengkaji retorik berkenaan wacana penulisan ilmiah ini, kajian-kajian retorik dalam pelbagai wacana lain turut ditelusuri dan dipaparkan dalam bahagian Kosa Ilmu. Antara kajian retorik dalam wacana yang pernah dibincangkan termasuklah wacana iklan, wacana pengucapan umum dan wacana penulisan. Walaupun telah banyak kajian berkenaan retorik yang dijalankan oleh pengkaji dalam pelbagai wacana, namun kajian retorik dalam wacana penulisan makalah penyelidikan berbahasa Melayu masih belum diteliti secara mendalam oleh mana-mana pengkaji sebelum ini. Hal ini telah mendorong pemilihan makalah penyelidikan berbahasa Melayu sebagai data kajian ini.

Selain itu, kajian retorik yang dijalankan sebelum ini memfokuskan penelitian terhadap analisis dari aspek retorik, struktur dan sistem bahasa. Kajian-kajian seperti itu sememangnya berguna untuk menggubal nahu rujukan ataupun memperoleh gambaran abstrak tentang bahasa dan retorik tetapi tidak banyak membantu dalam membina strategi-strategi retorik dalam konteks wacana penulisan yang dikaji. Oleh sebab itu, dirasakan wujud satu keperluan untuk meneliti strategi retorik dan jenis retorik dalam penulisan makalah penyelidikan dengan bersandarkan pendekatan teori dalam bidang linguistik pragmatik.

Melalui kajian ini, analisis strategi retorik penulisan makalah penyelidikan dijalankan dengan bersandarkan Teori Prinsip Kerjasama Grice yang terdiri daripada empat maksim, iaitu maksim kuantiti, maksim kualiti, maksim relevan dan maksim cara. Untuk menjadikan analisis lebih terarah, maka panduan penulisan wacana akademik oleh Asmah Omar (2007) turut dijadikan sandaran. Sementara analisis jenis retorik pula disandarkan kepada prinsip penulisan yang dikemukakan oleh Brooks dan Warren (1979) yang terdiri daripada lima jenis retorik penulisan, iaitu



jenis deskriptif, naratif, argumentatif, eksposisi dan persuasif. Huraian menyeluruh berkenaan strategi retorik dan jenis retorik dalam penulisan makalah penyelidikan telah dibincangkan dalam bab 4 dan bab 5.

Kajian ini bermatlamat untuk menjawab persoalan-persoalan kajian yang ditimbulkan pada bahagian awal penulisan, iaitu apakah strategi retorik penulisan makalah penyelidikan berbahasa Melayu dalam jurnal SCOPUS mematuhi Prinsip Kerjasama Grice?, dan apakah pola jenis retorik yang terdapat dalam penulisan makalah penyelidikan berbahasa Melayu dalam jurnal yang diindeks oleh SCOPUS? Untuk menjawab persoalan kajian ini, maka objektif kajian ini dijalankan adalah pertama, untuk meneliti dan menghuraikan strategi retorik penulisan makalah penyelidikan berbahasa Melayu dalam jurnal yang diindeks oleh SCOPUS dengan bersandarkan Teori Prinsip kerjasama Grice (1975) dan kedua, mengkategorikan pola jenis retorik dalam penulisan makalah penyelidikan berbahasa Melayu dalam jurnal yang diindeks oleh SCOPUS.

## **6.2. Rumusan Kajian**


Daripada analisis yang telah dijalankan, dapatan kajian ini telah dapat membantu menjelaskan strategi retorik dan jenis retorik dalam penulisan makalah penyelidikan secara menyeluruh. Melalui penerapan teori yang berwibawa, dibantu oleh kekuatan proses analisis dan data yang autentik, unsur retorik yang merangkumi strategi dan jenis retorik dalam penulisan makalah penyelidikan dapat dijelaskan dengan terperinci. Berikut disertakan rumusan dapatan kajian analisis strategi retorik dan jenis retorik dalam penulisan makalah penyelidikan.

### 6.2.1 Rumusan Strategi Retorik

Analisis strategi retorik dengan bersandarkan pendekatan teori Prinsip Kerjasama Grice telah membuktikan bahawa teori Prinsip Kerjasama yang terdiri daripada empat maksim, iaitu maksim kuantiti, maksim kualiti, maksim relevan dan maksim cara boleh digunakan sebagai satu strategi retorik dalam menghasilkan sebuah penulisan makalah penyelidikan yang berkualiti.

Jika sebelum ini Sperber dan Wilson (1995) melihat kepincangan teori Prinsip Kerjasama (dalam konteks perbualan) dengan mengatakan bahawa maksim yang dikemukakan dalam teori ini terlalu banyak dan berlewah (*redundant*). Kemudiannya Sperber dan Wilson telah mengemukakan Prinsip Relevan yang berjaya meringkaskan kesemua maksim tersebut dengan satu prinsip sahaja. Namun, hasilnya masih menunjukkan bahawa prinsip relevan adalah tidak selaras dengan prinsip kerjasama.

Kajian ini memperlihatkan keadaan yang hampir sama. Menariknya, perkara yang membezakan dapatan kajian ini berbanding dengan prinsip relevan ialah kajian ini mengusulkan modifikasi atau pengubahsuaian terhadap Prinsip Kerjasama dengan meringkaskan keempat-empat maksim tersebut kepada dua maksim sahaja, iaitu maksim kualiti dan maksim kuantiti. Pengubahsuaian terhadap prinsip kerjasama ini diusulkan berdasarkan pertindihan dan sifat saling melengkapi antara maksim yang dilihat berlaku dalam penulisan makalah penyelidikan yang diteliti. Misalnya, pertindihan antara maksim kuantiti dengan maksim cara dan pertindihan antara maksim kualiti dengan maksim relevan. Berikut disertakan Rajah 6.1. yang memaparkan pertindihan antara maksim yang berlaku dalam Prinsip Kerjasama.



Rajah 6.1. Pertindihan maksim dalam prinsip kerjasama.

Berdasarkan Rajah 6.1 dapat dilihat bahawa maksim kuantiti, iaitu bentuk penulisan yang bersifat informatif dapat dilengkapi dengan maksim cara, iaitu penulisan yang bersifat informatif memerlukan cara penulisan yang teratur dan perlu dihindari unsur ketaksaan dalam penulisan. Begitu juga dengan maksim kuantiti yang menekankan sumbangan maklumat yang tidak berlebihan dalam penulisan dapat dilengkapi dengan maksim cara, iaitu sumbangan maklumat yang tidak berlebihan bermaksud sumbangan maklumat yang jelas, ringkas dan padat.

Perkara yang sama juga dilihat dalam analisis maksim kualiti, iaitu dalam penulisan perlu dinyatakan apa yang benar sahaja. Maksim ini dapat dilengkapi oleh maksim relevan, iaitu sumbangan maklumat yang benar adalah maklumat yang berkaitan dengan tajuk penulisan sahaja. Demikian juga halnya dengan maksim kualiti, iaitu dalam penulisan hanya perlu dinyatakan sesuatu fakta yang disertakan dengan bukti

sahaja. Maksim ini juga dilihat dapat dilengkapi oleh maksim cara, iaitu sumbangan dalam penulisan hendaklah relevan. Relevan di sini bermaksud fakta-fakta dalam penulisan tersebut disertakan dengan bukti-bukti yang mempunyai pertalian dengan fakta tersebut.

Selain itu, analisis strategi retorik terhadap data kajian yang terdiri daripada makalah penyelidikan berbahasa Melayu dalam Jurnal KEMANUSIAAN *The Asian Journal of Humanities* yang diindeks oleh SCOPUS mendapati, penulisan makalah penyelidikan yang diteliti tidak mematuhi sepenuhnya Teori Prinsip Kerjasama. Dapatan kajian membuktikan berlaku pelanggaran terhadap maksim-maksim dalam Prinsip Kerjasama. Pelanggaran terhadap maksim-maksim dalam Prinsip Kerjasama ini berlaku disebabkan oleh ketidakpatuhan penulis terhadap gaya penerbitan yang diguna pakai dalam penerbitan jurnal dan ketidakpatuhan penulis terhadap garis panduan penulisan makalah yang ditetapkan dalam jurnal yang dikaji. Pelanggaran terhadap garis panduan penerbitan dan gaya penerbitan yang ditetapkan oleh jurnal ini menonjolkan kelemahan dari aspek editorial dan turut memberi impak terhadap penulisan makalah penyelidikan dalam jurnal tersebut. Menurut Olsen, (1997) setiap penulisan makalah harus mematuhi gaya penerbitan jurnal yang menerbitkan makalah tersebut dan cara terbaik untuk memahami gaya penerbitan ialah dengan membaca dan mematuhi panduan penulisan jurnal Davis dan Sink (2001).


Oleh itu, dapat dikatakan bahawa jika sebelum ini penerbitan makalah penyelidikan dalam jurnal yang diindeks oleh SCOPUS dianggap mempunyai impak yang tinggi, dapatan kajian ini memperlihatkan keadaan yang sebaliknya. Hasil analisis strategi

retorik ini telah berupaya memaparkan bahawa masih berlaku ketidakpatuhan terhadap gaya penerbitan jurnal dan pelanggaran terhadap garis panduan penulisan makalah yang sewajarnya dipatuhi oleh penulis. Dapatan analisis ini mengukuhkan pendapat Wahid (1999) yang menyatakan bahawa kualiti penulisan ilmiah dalam jurnal di Malaysia berada pada tahap sederhana. Menariknya, kajian ini turut membuktikan bahawa kualiti penulisan makalah penyelidikan yang diterbitkan dalam jurnal yang diindeks dalam pangkalan data indeks antarabangsa yang terkenal seperti SCOPUS juga masih berada pada tahap yang sederhana dari aspek retorik penulisan.

#### **6.2.2 Rumusan Jenis Retorik Penulisan**

Analisis jenis retorik penulisan telah menemukan pola penulisan makalah penyelidikan yang diteliti, merangkumi pola jenis retorik, pola jenis retorik yang dominan, dan pola jenis retorik berdasarkan kepada bidang penulisan. Rangkuman keseluruhan pola jenis retorik penulisan makalah penyelidikan tersebut diperlihatkan melalui Rajah 6.2.

Pola penggunaan jenis retorik penulisan memperlihatkan empat jenis retorik yang digunakan dalam penulisan makalah penyelidikan, iaitu jenis deskriptif, naratif, eksposisi, dan argumentatif. Manakala jenis retorik persuasif tidak diterapkan dalam mana-mana penulisan makalah penyelidikan. Namun, sejauh mana dapatan kajian ini relevan untuk penulisan makalah penyelidikan dalam bidang yang lain selain daripada bidang sains sosial dan kemanusiaan ini perlu dibuktikan melalui saranan kajian yang akan dikemukakan nanti.



Rajah 6.2: Pola jenis retorik makalah penyelidikan Jurnal Kemanusiaan

Selain itu, pola penggunaan jenis retorik memperlihatkan bahawa jenis naratif ekspositori dan jenis deskriptif ekspositori digunakan dalam penulisan makalah penyelidikan yang diteliti. Manakala jenis naratif sugestif dan deskriptif sugestif tidak digunakan dalam mana-mana penulisan makalah penyelidikan yang dikaji. Jenis naratif ekspositori menekankan penggunaan jenis penulisan naratif yang bersandarkan kepada fakta dan hal-hal yang nyata. Manakala jenis deskriptif ekspositori yang menggunakan jenis penulisan deskriptif yang berdasarkan fakta dan

peristiwa sebenar yang berlaku tanpa menggunakan unsur imaginasi. Oleh sebab itu, penggunaan jenis naratif ekspositori dan jenis deskriptif ekspositori dalam penulisan makalah penyelidikan didapati relevan dan selaras dengan konsep penulisan ilmiah yang memerlukan penghujahan berdasarkan fakta dan bukti.


Pola penggunaan jenis retorik juga memaparkan bahawa terdapat sekurang-kurangnya satu atau lebih daripada satu jenis retorik yang digunakan dalam penulisan makalah penyelidikan ini. Dapatan analisis ini menjelaskan bahawa penulisan makalah penyelidikan tidak terikat kepada penggunaan satu jenis retorik sahaja. Malahan penggunaan lebih daripada satu jenis retorik penulisan akan menghasilkan penulisan makalah penyelidikan yang lebih baik dan berkesan dari segi retorik. Dapatan kajian ini didapati sepadan dengan pandangan Kachru (2001), yang menyatakan bahawa teks penulisan mempunyai fungsi yang pelbagai dan kebanyakannya memaparkan ciri-ciri penggunaan lebih daripada satu jenis kerangka penulisan.

Pola jenis retorik kedua, iaitu pola jenis retorik yang dominan memperlihatkan bahawa retorik jenis eksposisi dan jenis argumentatif merupakan jenis retorik penulisan yang dominan dan sering digunakan sebagai kerangka utama dalam penulisan. Dapatan ini mengukuhkan pandangan Armon (1988) dan Smith (1985) yang menyatakan bahawa penulisan ilmiah didominasi oleh jenis eksposisi.

Manakala jenis retorik deskriptif dan jenis retorik naratif merupakan jenis retorik terikat. Jenis retorik deskriptif dan jenis naratif tidak boleh digunakan sebagai satu bentuk jenis penulisan yang berdiri sendiri, sebaliknya kedua-dua jenis retorik tersebut perlu diserapkan ke dalam jenis penulisan lain yang lebih dominan. Selain

itu, jenis retorik deskriptif dan jenis retorik naratif juga digunakan dalam penulisan untuk mengukuhkan penggunaan jenis retorik eksposisi dan jenis argumentatif. Dapatan kajian ini seiring dengan pandangan Angelo (1984) dan Brooks dan Warren (1979), yang menyatakan bahawa jenis retorik deskriptif merupakan sebahagian daripada jenis retorik eksposisi dan argumentatif.

Berikut disertakan Rajah 6.3 yang memperlihatkan kemandirian penggunaan jenis retorik penulisan dalam makalah penyelidikan yang diteliti.



*Rajah 6.3: Penggunaan jenis retorik dalam penulisan*

Berdasarkan Rajah 6.3, dapat dilihat bahawa jenis retorik naratif dan jenis retorik deskriptif merupakan jenis retorik terikat. Jenis retorik ini tidak boleh digunakan sebagai satu jenis penulisan yang berdiri sendiri, sebaliknya jenis retorik ini perlu diterapkan dalam jenis penulisan lain yang lebih dominan, misalnya jenis retorik argumentatif dan jenis retorik eksposisi. Sementara jenis argumentatif dan jenis eksposisi merupakan jenis retorik bebas dan boleh diterapkan secara tunggal dalam




penulisan makalah penyelidikan. Dapatan kajian ini menyokong pendapat Donald, Morrow, Wergetz dan Werner (1989), iaitu penulisan jenis deskriptif jarang digunakan secara sendiri dalam keseluruhan penulisan. Selalunya penulisan deskriptif digunakan untuk menyampaikan maksud dalam jenis penulisan yang lain.

Pola penulisan yang ketiga, iaitu jenis retorik berdasarkan bidang penulisan memperlihatkan bahawa pada keseluruhannya wujud keserasian antara teks dan kontekstual dalam bidang penulisan makalah yang diteliti dengan jenis retorik yang digunakan dalam penulisan. Menariknya, dapatan kajian ini dilihat telah berupaya memperlihatkan trend penggunaan kaedah-kaedah dalam jenis retorik tertentu yang diterapkan secara ketara dalam sesuatu bidang kajian penulisan. Misalnya, penulisan makalah yang berkaitan dengan bidang undang-undang, menggunakan kaedah pengelasan dan kaedah perbandingan (jenis eksposisi), penulisan makalah dalam bidang bahasa menggunakan kaedah definisi, kaedah pengelasan dan kaedah analisis (jenis eksposisi) dan penulisan makalah dalam bidang komunikasi menggunakan kaedah proposisi yang disertai dengan hubungan sebab dan akibat (jenis argumentatif). Dapat dikatakan penggunaan kaedah-kaedah dalam jenis retorik tersebut dapat memperlihatkan bentuk retorik yang lazimnya digunakan dalam penulisan bidang ilmu tertentu.

Berdasarkan rumusan analisis strategi dan jenis retorik yang dibincangkan, dapat dikatakan bahawa kajian ini telah berjaya menjawab persoalan kajian yang ditimbulkan dan melunaskan objektif kajian secara menyeluruh. Kajian telah membuktikan bahawa Prinsip Kerjasama Grice boleh digunakan sebagai satu strategi retorik penulisan untuk menghasilkan penulisan makalah penyelidikan yang berkualiti. Selain itu, kajian ini turut memperlihatkan pola jenis retorik penulisan

yang boleh digunakan dalam penulisan makalah penyelidikan, khususnya penulisan makalah dalam bidang sains sosial dan kemanusiaan. Oleh itu, dapatan kajian ini diharap dapat menjadi panduan kepada penulis atau sekurang-kurangnya dapat membawa kepada kajian kritikal kandungan dalam manual penulisan akademik yang bakal dikemukakan kepada para akademik yang baharu mula berjinak-jinak untuk menulis makalah penyelidikan.

Selain itu, dapatan daripada analisis strategi retorik dan jenis retorik ini telah menghasilkan kerangka retorik penulisan makalah penyelidikan seperti yang dipaparkan dalam Rajah 6.4 .



Rajah 6.4.: Kerangka retorik penulisan makalah penyelidikan

Nota: \* Gaya penulisan jurnal KEMANUSIAAN: *The Asian Journal of Humanities* mengikut Gaya Dewan  
 \* Garis panduan penulisan jurnal KEMANUSIAAN: *The Asian Journal of Humanities* seperti Lampiran A berdasarkan ketetapan yang ditentukan oleh sidang pengarang jurnal.

Rajah 6.4 memaparkan kerangka retorik penulisan makalah penyelidikan yang digunakan, khususnya dalam bidang sains sosial dan kemanusiaan. Kerangka retorik penulisan ini menjelaskan bahawa untuk menghasilkan penulisan makalah penyelidikan yang berkualiti, strategi retorik penulisan yang terdiri daripada maksim kualiti dan maksim kuantiti boleh digunakan dalam penulisan. Sementara jenis retorik yang terdiri daripada jenis argumentatif, eksposisi, naratif dan deskriptif juga boleh diterapkan dalam penulisan makalah penyelidikan dalam bidang sains sosial dan kemanusiaan.

Kerangka retorik penulisan makalah penyelidikan ini turut memperlihatkan kepentingan penulis untuk mematuhi gaya penulisan dan garis panduan penulisan makalah penyelidikan yang ditetapkan oleh lembaga editorial sesebuah penerbitan jurnal. Selain menggunakan strategi retorik dan jenis retorik yang baik, pematuhan terhadap gaya penulisan dan garis panduan penulisan makalah penyelidikan turut menyumbang kepada kejayaan sesebuah makalah untuk diterbitkan dalam jurnal berimpak tinggi.

Dapat dikatakan kajian ini dilihat dapat memberi sumbangannya yang tersendiri dengan terhasilnya kerangka retorik penulisan makalah penyelidikan yang memfokus kepada penulisan makalah penyelidikan dalam bidang sains sosial dan kemanusiaan. Kajian ini diharap dapat membantu penulis, khususnya ahli akademik untuk menghasilkan penulisan makalah penyelidikan yang berkualiti. Sesuatu yang penting dalam hasil kajian ini ialah kajian ini telah berupaya melengkapkan dan menambah kosa ilmu dalam bidang retorik terutamanya retorik dalam wacana penulisan ilmiah, di samping menyerlahkan bukti kekuatan bahasa Melayu untuk berada di persada antarabangsa setaraf dengan bahasa Inggeris.

#### **6.4. Saranan Kajian**

Sungguhpun kajian ini telah berjaya melunaskan objektif kajian yang ditetapkan, namun perlu diakui hakikat bahawa kajian yang dijalankan ini hanya dapat mengisi sedikit kosa ilmu dalam bidang kajian retorik. Masih terdapat ruang yang boleh dipenuhi untuk memantapkan kajian retorik ini. Dalam kajian ini, beberapa saranan kajian lanjutan turut diutarakan untuk memantapkan lagi kajian berkenaan retorik dalam wacana penulisan, khususnya dan kajian-kajian dalam bidang retorik umumnya.

Antaranya kajian yang dapat dilakukan seterusnya ialah kajian perbandingan untuk melihat perbezaan antara retorik penulisan makalah penyelidikan dalam bidang sains sosial dan kemanusiaan (SSK) dengan retorik penulisan makalah penyelidikan dalam bidang sains dan teknologi (STP).

Berikutnya, dengan menggunakan modifikasi kerangka Teori Prinsip Kerjasama yang diusulkan melalui kajian ini, kajian perbandingan juga boleh dibuat untuk membandingkan perbezaan strategi retorik penulisan makalah penyelidikan berbahasa Melayu dengan strategi retorik penulisan makalah penyelidikan berbahasa Inggeris dalam jurnal yang diindeks oleh SCOPUS.

Selain itu, untuk melengkapkan kajian retorik ini, dicadangkan supaya kajian berkenaan retorik dalam wacana penulisan seterusnya menggunakan kaedah dan pendekatan selain daripada kaedah analisis kandungan. Antara kaedah yang dicadangkan ialah kaedah temu bual, kaedah eksperimen dan kaedah analisis wacana kritis.

Akhir sekali untuk membuktikan bahawa Teori Prinsip Kerjasama Grice bersifat menyeluruh (dalam konteks retorik penulisan), maka kajian selanjutnya boleh menggunakan teori Grice dengan memfokuskan kepada analisis retorik dalam genre penulisan yang berbeza seperti penulisan cerpen, sastera kanak-kanak dan majalah. Hal ini kerana kekurangan kajian retorik dalam medium penulisan tersebut masih ketara dan perlu untuk ditampung agar kosa ilmu dalam bidang retorik ini akan terus bertambah. Dengan adanya kajian seumpama ini, diharap agar khazanah ilmu bidang retorik, terutamanya retorik dalam wacana penulisan bertambah kukuh, mantap, bernilai dan mampu memberi sumbangan kepada pembangunan ilmu dan negara.

## RUJUKAN

- Abd. Aziz Abd. Talib. (2000). *Pedagogi bahasa Melayu: Prinsip, kaedah dan teknik*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd.
- Abdul Mua'ti @ Zamri Ahmad. (2007). *Pemikiran Tun Dr. Mahathir Mohamed*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Abdul Rani, Bustanul Arifin, & Martutik. (2006). *Analisis wacana: Sebuah kajian bahasa dalam pemakaian*. Malang: Bayumedia.
- AbdulKhaleq, A. Al Qahtani. (2006). *A contrastive rhetoric study of Arabic and English research article introduction*. (Disertasi doktor falsafah, Oklahoma State University). Dicapai daripada <http://www.okstate.edu/etd/>
- Abdulrahman AlKhirbash. (2010). *Persuasive language in selected speeches of Tun Dr. Mahathir Mohammad*. (Disertasi doktor falsafah yang tidak diterbitkan). Universiti Putra Malaysia, Serdang.
- Abu Bakar Maidin, Shahrudin Shafri, & Shamsudin Ibrahim. (2009). Perkembangan dan kemajuan penerbitan jurnal Malaysia: Strategi ke persada antarabangsa. Dlm. *Prosiding Persidangan Kebangsaan Penerbitan Ilmiah*, Pacific Ballroom, Hotel Seri Pacific. (tidak diterbitkan).
- Ackrill, J. L. (2001). *Essays on Plato and Aristotle*. Oxford: Oxford University Press.
- Adler, R. (2007). The impact of impact factors. *IMS Bulletin*. 36(4).
- Adler, R., Ewing, J., & Taylor, P. (2009). Citation statistics. *Statistical Science*, 24 (1), 1.
- Allan, K. (2001). *Natural Language Semantics*. Oxford: Blackwell Publishers.
- Amin, M., & Mabe, M. (2000). Impact factor: Use and abuse. *Perspectives in Publishing*. 1. 1–6.
- Anderson, K., & Mclean, J. (1997). A genre analysis of English and Spanish research paper abstracts in experimental social sciences. *English for Specific Purpose*, 22(1), 25–43.
- Andrew, T. K. (2007) *Characteristics of academic writing in education*. (Disertasi doktor falsafah yang tidak diterbitkan). Florida: University of Central Florida.
- Andrews, R. (2014). *A theory of contemporary rhetoric*. New York: Routledge.
- Angelo, F. D. (1984). Nineteenth-century form/modes of discourse: A critical inquiry. *College Composition and Communication*, 35(1). Dicapai daripada <http://www.jstor.org/page/info/about/policies/terms/jsp>
- Antelman, K. (2004). *Do open access articles have a greater research impact?* College & Research Libraries. Dicapai daripada <http://crl.acrl.org/content/65/5/372.full.pdf>
- Arabi Idid. (2002). *Kaedah penyelidikan komunikasi dan sains sosial*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Aristotle. (2013). *Rhetoric*. (W. Rhys Roberts, Pentj.) New York: Cosimo, Inc., (Karya asal diterbitkan 350 SM).
- Armon, J. (1988). *Functions of the personal, reflective essay as academic writing*. (Disertasi doktor falsafah yang tidak diterbitkan). University of Michigan, United States.
- Arndt, G. (2008). *Bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu antarabangsa: Perkembangannya di pasaran buku dan jurnal ilmiah sejak 1957*. Kertas kerja dibentangkan di Dewan Kuliah A, USM.

- Asma Yusof. (2003). *Berita politik dalam akhbar bahasa Melayu: Analisis struktur dan kohesi*. (Disertasi doktor falsafah yang tidak diterbitkan). Universiti Malaya: Kuala Lumpur.
- Asmah Omar. (1984). *Bahasa iklan perniagaan: Satu kajian bahasa retorik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Omar. (2007). *Panduan wacana akademik: Teori dan penerapan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azirah Hashim. (1996). *Syntactic choices and text organization in medical research articles*. (Disertasi doktor falsafah yang tidak diterbitkan). Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Babbie, E. (2004). *The practice of social research* (10th ed.) Belmont, C. A.: Thomson Wadsworth.
- Bailey, K. D. (1984). *Kaedah penyelidikan sosial*. (Hashim Awang, Pentj.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bambang Suhartono. (2009). *Lima prinsip umum retorik*. (Tesis sarjana yang tidak diterbitkan). Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Berelson, B. (1971). *Content analysis in communication research*. New York: Hafner Publishing.
- Berg, B. L. (1989). *Qualitative research methods for the social sciences*. Boston: Allyn and Bacon.
- Bhatia, V. K. (1993). *Analyzing genre: Language use in professional settings*. New York: Longman Publishing.
- Bogdan, R. C., & Biklen, S. K. (2003). *Qualitative research for education: An introduction to theory and methods*. (4th ed.). Boston: Allyn and Bacon.
- Bontis, N., & Serenko, A. (2009). A follow-up ranking of academic journals. *Journal of Knowledge Management*. 13(1), 16-26. doi: 10.1108 /136732 709 109 31134
- Bridgstock, M., Burch, D., Forge, J., Laurent, J., & Lowe, I. (1998). *Technology and society: An introduction*. Cambridge University Press: United Kingdom.
- Brooks, C., & Warren, R. P. (1979). *Rhetoric Modern* (4th ed.). San Diego: Harcourt Brace Jovanovich, Publishers.
- Buckingham, L. (2008). Development of English academic writing competence by Turkish scholars. *International Journal of Doctoral Studies*, 3, 1-18.
- Burton, D. (1980) *Dialogue and discourse*. London, Boston and Henley: Routledge and Kegan Paul.
- Campbell, G. (2001). *Some definition of rhetoric*. Stamford: Stamford University Press.
- Casanave, C. P., & Vandrick, S. (2003). *Writing for scholarly publication: Behind the scenes in language education*. New Jersey: Lawrence Erlbaum Associates.
- Cerku, A. (2013). The art and rhetoric of letter writing: How letter writing manuals have evolved and preserved rhetorical strategies throughout centuries. (Disertasi doktor falsafah yang tidak diterbitkan). Oakland University, Michigan.
- Chek, K. L. (2010). Research article introductions in Chinese and English: A comparative genre-based study. *Journal of English for Academic Purpose*, 9, doi: 10.1016.j.jeap/2010.09.004
- Choong, K. F. (2002). *Analisis strategi retorik Sultan Omar Ali Saifuddien III tentang isu perlembagaan negeri Brunei dan Rancangan Malaysia, 1959-*

1963. (Disertasi doktor falsafah yang tidak diterbitkan). Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Chuah, J. N. (1998). *Kajian sosiolinguistik bahasa iklan cetak dengan tumpuan kepada aspek retorik*. (Tesis sarjana yang tidak diterbitkan). Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Coe, R., & Weinstock, I. (1984). Evaluating the management journals: A second look. *Academy of Management Journal*, 27(3), 660-666.
- Cohen, L. (1972). The logical particles of natural language. Dlm *Pragmatics of Natural Language*. Y. Bar-Hillel (Ed.), Dordrecht: Reidel.
- Connor, U. (2002). New directions in contrastive rhetoric author(s). *TESOL Quarterly*, 36(4). Dicapai daripada Teachers of English to Speakers of Other Languages, Inc. (TESOL).
- Corbett, E. P. J. (1990). *Classical rhetoric for the modern student* (2nd ed.) New York: Oxford University Press.
- Corbett, E. P. J., & Connors, R. J. (1999). *A survey of rhetoric: Classical rhetoric for the modern student* (4th ed.). New York: Oxford University Press.
- Creswell, J. W. (2003). *Research design: Qualitative and quantitative approaches*. (2nd ed.). Thousand Oaks: Sage Publications.
- Creswell, J. W. (2008). *Educational research: Planning, conducting, and evaluating quantitative and qualitative research*. (3rd ed.). Upper Saddle River, NJ: Pearson Education.
- Davis, K. M., & Sink, C. A. (2001). Navigating the publication process II: Further recommendations for prospective counselors. *Professional School Counseling*, 5(1), 56-61.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2012). *Pangkalan data korpus*. Dicapai daripada <http://www.dbp.gov.my/laman>
- Dixon, P. (1991). *Retorik*. (Ismail Hamzah Nasution, Pertj.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Donald, R. B., Morrow, B. R., Wargets L. G., & Werner, K. (1989). *Models for clear writing* (2nd). New Jersey: Prentice Hall.
- Drout, M. D. C. (2006). *A way with words: Writing, rhetoric and the arts of persuasion*. Prince Frederick, MD: Recorded Books.
- Durand, J. (1996). Rhetorical figures in the advertising image. Dlm. Umiker-Sebeok, J. (Ed.) *Marketing and semiotics: New directions in the study of signs for sale*. New York: Mouton de Gruyter.
- Eadie, W. F. (2006). *21st century communication: A Ference handbook*. (1). Thousand Oaks, CA: SAGE Publications, Inc.
- Eda, E. I. T. (2010). "In this paper I will discuss...": Current trends in academic writing. *Procedia Social and Behavioral Sciences*, 3, 121-126. doi: 10. 1016 /j.sbspro.2010.07.022
- Elsevier. (2014). Scopus content coverage. Dicapai daripada [http:// www.elsevier.com/\\_data/assets/pdf\\_file/0019/148402/SC\\_Content-Coverage-Guide\\_July-2014.PDF](http://www.elsevier.com/_data/assets/pdf_file/0019/148402/SC_Content-Coverage-Guide_July-2014.PDF)
- Enos, R. I., & Margaret, K. (1983). A selected bibliography on Corax and Tisias. *Rhetoric Society Quarterly*, 13, 71-74.
- Enos, T. (Ed.). (2013). *Encyclopedia of rhetoric and composition: Communication from ancient times to the information age*. New York: Routledge.
- Enos, T., & Brown, S. C. (1993). *Defining the new rhetoric*. New York: SAGE Publications.



- Extejt, M., & Smith, J. E. (1990). The behavioral sciences and management: An evaluation of relevant journals. *Journal of Management*, 16, 539-551.
- Fairclough, N. (1989). *Language and power*. London: Longman.
- Foss, K. A. (2009). *Rhetorical theory: Encyclopedia of communication theory*. Thousand Oaks, CA: SAGE.
- Fraenkel, N. E., & Wallen, J. R. (2006). *How to design & evaluate research in education* (6th ed.). New York: McGraw-Hill Companies Inc.
- Fries, C. (1945). *Teaching and learning English as a foreign language*. Ann Arbor: University of Michigan Press.
- Fulwiller, T. (1994). *The working writer*. London: Prentice Hall International.
- Garfield, E. (1999). Journal impact factor: A brief review. *CMAJ*, 161, 979-980.
- Gilbert, N. J., & Mulkay, M. (1984). *Opening Pandora's Box*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Glorfeld, L. E., Kakonis, T. E., & Wilcox, J. C. (1967). *Language, rhetoric and idea*. Merrill Books.
- Grice, H. P. (1975). Logic and conversation. Dlm. P. Cole & A. J. Morgan (Eds.). *Syntax and semantics, Vol. 3 Speech Acts*. New York: Academic Press.
- Grundy, P. (1995). *Doing Pragmatics*. London: Edward Arnold.
- Gusti Ngorah Oka Basuki. (1990). *Retorik kiat bertutur*. Malang: Yayasan Asih Asah Asuh.
- Hafernik, J. J. (1990). *Relationships among English writing experience, contrastive rhetoric, and English expository prose of L1 and L2 college writers*. San Francisco: University of San Francisco.
- Halliday, M. A. K., & Rugaiyah Hasan. (1976). *Cohesion in English*. London: Longman.
- Hamidah Abdul Wahab. (2012). Aspek kelewahan dalam laporan akhbar atas talian. *Issues in Languages Studies*, 1, (2). 24-31.
- Hancher, M. (1978). *Grice's "implicature" and literary interpretation: Background and Preface*. Kertas kerja dibentangkan dalam The Twentieth Annual Meeting Midwest Modern Language Association in Minneapolis, Minnesota. Dicapai daripada <http://mh.cla.umn.edu/grice.html>
- Harter, S. P. (1996). The impact of electronic journals on scholarly communication: A citation analysis. *The Public-Access Computer System Review*, 7(5).
- Hauser, G. A. (2002). *Introduction to rhetorical theory*. Long Grove, Illinois: Waveland Press Inc.
- Hendrikus, D. W. (1991). *Retorika: Terampil berpidato, berdiskusi, berargumentasi, bernegosiasi*. Yogyakarta: Kanisius.
- Heracleous, L. (2006). *Discourse, interpretation, organization*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Holmes, R. (1997). Genre analysis, and the social sciences: An investigation of the structure of research article discussion sections in three disciplines. *English for Specific Purposes*, 16(4), 321-337. doi:10.1016/S0889-4906(96)00038-5
- Hopkins, A., & Evans, T. D. (1988). A genre-based investigation of the discussion sections in articles and dissertations. *English for Specific Purposes*, 7(2), 113-122.

- Horner, B., & Lu, M. Z. (2010). Working rhetoric and composition. *College English*, 72(5), 470-494. Dicapai daripada <http://www.jstor.org/stable/20749293>
- Hu, J. (2010). The schematic structure of literature review in research article of applied linguistic. *Chinese Journal of Applied Linguistics (Bimonthly)*, 33(5). Dicapai daripada <http://www.celea.org.cn>
- Huang, M. H. (2011). A comparison of three major academic rankings for world universities: From a research evaluation perspective. *Journal of Library and Information Studies*, 9(1), 1-25.
- Huckin, T. (2006). Abstracting from abstracts. Dlm. M. Hewings (Ed.), *Academic Writing in Context* (93-103). London: Continuum.
- Hun, W. R. (2011). A comparison study on the rhetorical moves of abstracts in published research articles and master's foreign-language theses. *English Language Teaching*, 4(1). Dicapai daripada <http://www.ccsenet.org/elt>
- Hyland, K. (2004). *Disciplinary discourses: Social interactions in academic writing*. Ann Arbor: University of Michigan Press.
- Ismail Ahmad., & Mohd. Nordin Hasan. (1995). *Komunikasi saintifik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jabatan Pengajian Tinggi. (2014). *Pelan strategik pengajian tinggi negara (PSPTN)*. Dicapai daripada <http://jpt.moe.gov.my/DASAR/PSPTN.php>
- Jogthong, C. (2001). *Research article introductions in Thai: Genre analysis of academic writing*. (Disertasi doktor falsafah, West Virginia University). Dicapai daripada [https://eidr.wvu.edu/8881/exlibris/dtl/d3\\_1/apache\\_media/L2V4b.pdf](https://eidr.wvu.edu/8881/exlibris/dtl/d3_1/apache_media/L2V4b.pdf)
- Johnson, R. (2002). Institutional repositories: Partnering with faculty to enhance scholarly communication. *D-Lib Magazine*, 8(11). Dicapai daripada <http://www.dlib.org/dlib/november02/johnson/11johnson.html>"2007095026
- Jordan, J. E. (1975). *A conceptual theory of rhetoric*. Chambridge MA: Cambridge Publisher. Inc.
- Kachru, Y. (2001). World Englishes and rhetoric across cultures. *Asian Englishes*, 4(2).
- Kalsom Sharif., & Zakiah Azmi. (1990). *Scholarly journal publishing in Malaysia*. Kertas kerja dibentangkan di Regional Conference on Scholarly Publishing, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 82-93.
- Kamarudin Husin, & Siti Hajar Abdul Aziz. (1997). *Penguasaan kemahiran menulis*. Selangor: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Kanoksilapatham, B. (2005). Rhetorical structure of biochemistry research article. *English for Specific Purpose*, 24, doi: 10.1016/j.esp.2004.08.003
- Kaplan, R. B. (1966). Cultural thought patterns in intercultural education. *Language Learning*, 16 (1&2).
- Keenan, E. O. (1976). The Universality of Conversational implicature. *Language in Society*, 5, 67-80.
- Kennedy, G. A. (1999). *Classical rhetoric & its Christian and secular tradition*. California: The University of North California Press.
- Keraf, G. (2001). *Argumentasi dan narasi*. Jakarta: Penerbit PT Gramedia.
- Kiefer, F. (1979). What do conversational maxims explain? *Linguisticae Investigationes*, 3, 57-74.
- Kobayashi, H., & Rinnert, C. (2008). Task response and text construction across L1 and L2 writing. *Journal of Second Language Writing*, 17, 7-29.
- Koh, A. P. (2014). *UMExpert dan pengurusan penerbitan*. Kertas kerja dibentangkan dalam Seminar Keusahawanan:Memperkasakan Inisiatif

- Khidmat Maklumat Sehenti. Dicapai daripada <http://www.cais.unimas.my/media/media/pkma/Seminar/Seminar2014/S2P4.pdf>
- Korzybski, A. (1933). *Science and sanity: An introduction to non Aristotelians systems and general semantics*. Lancaster, Pa: Science Press Printing Co.
- Kroch, A. (1972). Lexical and inferred meanings from some time adverbs. *Quarterly Progress Report of the Research Laboratory of Electronics*, 104.
- Lado, R. (1961). *Language testing: The construction and use of foreign language tests*. London: Longman.
- Lanham, R. A. (1991). *A hard list of rhetorical terms*. Los Angeles: University of California Press.
- Lannon, J. M. (2004). *The writing process: A concise rhetoric, reader, and handbook* (8th ed.). New York: Pearson Education.
- Latour, B. (1987). *Science in action*. Cambridge: Harvard University Press.
- Latour, B., & Woolgar, S. (1986). *Laboratory life*. Princeton, NJ: Princeton University Press.
- Lee' I. J. (1941). *Language Habits in Human Affairs*: New York: Harper.
- Lee, A. C. (2001). *Analisis teks ucapan politik bahasa Melayu dari segi retorik: Satu kajian kes terhadap ucapan politik Dr. Mahathir Mohamad*. (Tesis sarjana yang tidak diterbitkan). Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Lee, L. F., & Raja Masittah Raja Ariffin. (2007). *Petunjuk bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Leech, G. N. (1966). *English in advertising: A linguistic study advertising in Great Britain*. London: Longmans.
- Leech, G. N. (1993). *Prinsip pragmatik*. (Azhar M. Simin, Pentj.), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Levinson, S. C. (1983). *Pragmatics*. New York: Cambridge University Press.
- Liao, M. T., & Chen, C. H. (2009). Rhetorical strategies in Chinese and English: A comparison of L1 composition textbooks. *Foreign Language Annals*, 42, (4).
- Lim, H. T. (1975). Problems of publishing scholarly journals in Malaysia. Dlm. Beda Lim (Ed.), *Scholarly publishing in Southeast Asia*. Kuala Lumpur: ASAIHL.
- Lim, J. M. H. (2006). Method sections of management research article: A pedagogically motivated qualitative study. *English for Specific Purposes*, 25, 282-309. doi:org/10.1016/j.esp.2005.07.001
- Lim, K. H. (1992). Gimik dalam bahasa iklan. *Jurnal Dewan Bahasa*, 36(6), 513-515.
- Lindemann, E. (1982). *A rhetoric for writing teachers*. New York: Oxford University Press.
- Lockhart, T. (2012). Emerging voices: The shifting rhetorics of style: Writing in action in modern rhetoric. *College English*, 75(1).
- Lomangino, K. (2006). *Institutional repositories: Their emergence and impact on scholarly publishing*. Dicapai daripada [http://www.sheridanpress.com/assets/pdf/inst\\_repositories.pdf](http://www.sheridanpress.com/assets/pdf/inst_repositories.pdf).
- Lufti Abas. (1986). *Linguistik deskriptif nahu bahasa Melayu*. Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka.
- MacCallum, C. J., & Parthasarathy, H. (2006). Open access increases citation rate. *PLoS Biol*, 4, (5) doi: 10.1371/journal.pbio.0040176
- Mahmoud A. Al-Khatib. (2001). The pragmatic of letter writing. *World Englishes*. 20(2), 179-200.

- Marshall, C., & Rossman, G. B. (2006). *Designing qualitative research* (4th ed.). SAGE Publication: London.
- Martin, P., & Pagell, R. (2008). *SMU institutional repository: Knowledge dissemination of research and scholarship*. Dicapai daripada [http://library.smu.edu.sg/aboutus/SMU\\_Institutional\\_Repository\\_Concept\\_Aug\\_2008.pdf](http://library.smu.edu.sg/aboutus/SMU_Institutional_Repository_Concept_Aug_2008.pdf)
- Matsuda, P. K. (1997). Contrastive rhetoric in context: A dynamic model of L2 writing. *Journal of Second Language Writing*, 6(1), 45-60.
- Maxwell, J. (2005). *Qualitative research design*. Thousand Oaks, CA: Sage.
- Mayberry, K. J. (2002). *Everyday arguments: A guide to writing and reading effective arguments*. New York: Longman.
- Mazmin Mat Akhir, & Md Nizam Azid. (2010). *Penerbitan berimpak: Pencapaian & strategi*. Perlis: Universiti Malaysia Perlis.
- McCroskey, J. C. (2001). *An introduction to rhetorical communication*. (9th ed.) Boston, MA: Allyn & Bacon.
- McCroskey, J. C. Larson, C. E. & Knapp, M. L. (1971). *An introduction to interpersonal communication*. Englewood Cliffs: N. J.:Prentice-Hall.
- Md Sidin Ahmad Ishak. (1997). Penerbitan jurnal ilmiah di Malaysia. Dlm Md Sidin Ahmad Ishak (Ed.) *Prosiding MAPIM 1: Penerbitan jurnal ilmiah di Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Melander, B., Swales, J. M., & Fredrickson, K. M. (1997). Journal abstracts from three academic fields in the United States and Sweden: National or disciplinary proclivities? Dlm. A. Duszak (Ed.), *Intellectual styles and crosscultural communication* (251-272). Berlin: Mouton De Gruyter.
- Memo Editor. (14 Oktober, 2011). UM tidak patriotik. *Sinar Harian*. Dicapai daripada <http://www.sinarharian.com>
- Menake, G. T. (2004). *Three traditions of Greek political thought: Plato in dialogue*. Lanham MD: University Press of America, Inc.
- Merriam, S. B. (2001). *Qualitative research and case study applications in education*. San Francisco: Jossey-Bass.
- Metra Shahril Mohamed. (18 Ogos, 2011). Azmi nafi keluar kenyataan krisis UM. *Utusan Malaysia*. Dicapai daripada <http://www.utusan.com.my/>
- Meyer, F. S. (1990). Discoursal flaws in medical English abstracts: A genre analysis per research and text type. *Text*, 10(4), 365-384. doi:org /10.1515 /text .1.1990.10.4.365
- Meyer, F. S. (1990). Discoursal flaws in medical English abstracts: A genre analysis per research and text type. *Text*, 10(4), 365-384. doi:org /10.1515 /text .1.1990.10.4.365
- Meyer, F. S. (1992). A text-type and move analysis study of verb tense and modality distribution in medical English abstracts. *English for Specific Purposes*, 11(2), 93-113. doi:org/10.1016/S0889-4906 (05) 800 02-X
- Miles, M. B., & Huberman, M. A. (1994). *An expanded sourcebook: Qualitative data analysis* (2nd ed.). Thousand Oaks, CA: Sage.
- Murphy, N. C. (2001). *Reasoning and rhetoric in religion*. Valley Forge: Wipf and Stock Publishers.
- Myers, G. (1994). *Words in ads*. Great Britain: Edwards Arnolds.
- Natanson, M., & Johnstone, H. W. (1963). *Philisophy Rhetoric and Argumentation*. New York: Random House
- Nelson, J. S. (1993). Approaches opportunities and priorities in the rhetoric of political inquiry: A critical synthesis. Dlm. R. H. Roberts & J. M. N. Good

- (Eds.). *The Recovery of rhetoric: Persuasive discourse and disciplinarity in the human Sciences*. Charlottesville: Bristol Classical Press.
- Neuman, W. L. (2006). *Social research methods: Qualitative and quantitative approaches*. (6th ed.). Boston MA: Allyn and Bacon.
- Nik Safiah Karim, Farid M. On, Hashim Musa, & Abdul Hamid Mahmood. (2003). *Tatabahasa dewan edisi baharu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik Safiah Karim. (1983). *Laras iklan dalam bahasa Malaysia*. Penerbitan Berkala. Kuala Lumpur: JPM, UM.
- Nisonger, T. E. (2004). Citation autobiography: An investigation of ISI database coverage in determining author citedness, *College and Research Libraries*, 65(2), 152-63.
- Noorbaiti Badaruddin. (1988). Retorik dalam bidang pengiklanan. *Jurnal Dewan Bahasa*, 32(6), 415-422.
- Nor Azuwan Yaakob. (2005). *Retorik kewartawanan Melayu: Akhbar Berita Harian*. (Disertasi doktor falsafah yang tidak diterbitkan). Universiti Putra Malaysia, Selangor.
- Nor Hashimah Jalaludin. (2006). Budaya penyelidikan dan penerbitan bertamadun: Satu sinergi. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 6(2).
- Nunan, D. (1987). *Developing discourse comprehension: Theory and practice*. Singapore: SEAMEO Regional Language Center.
- Nunn, R. (2004). The pragmatics of cooperation and relevance for teaching and learning. *The Linguistics Journal*. 1, 5-16.
- Nurudin. (2007). *Dasar-dasar penulisan*. Malang: UMM Press.
- Olsen, G. A. (1997). Publishing scholarship in humanistic disciplines: Joining the conversation. Dlm. J. M. Moxley, & T. Taylor (Eds.), *Writing and publishing for academic authors* (53-69). Lanham, MD: Rowman and Littlefield Publishers.
- Parret, H. (1986). Argumentation and narrativity. Dlm. Frans H. Van Eemeren, Rob Grootendorst, J. Anthony Blair & Charles, A. Willard (Eds.) *Argumentation*. Dlm. Prosiding conference on argumentation 1986 (165-175).
- Pavlickova, E. (2001). Legal writing in light of Grice's Cooperative Principle. Dlm: A. Kačmárová (Ed.). *English Matters*, (II), 13-20. Prešov: PU.
- Peacock, M. (2002). Communicative moves in the discussion section of research articles. *System*, 30, 479-497. doi: /10.1016/S0346-251X(02)00050-7
- Peter, P. (1999). The art of memory and the passion. *The Art Bulletin*, 81(3), 456-472. College Art Association. Dicapai daripada <http://www.jstor.org>
- Pho, P. Z. (2008). Research article abstracts in applied linguistics and educational technology: A study of linguistic realizations of rhetorical structure and authorial stance. *Discourse Studies*, 10(2), 231-250. doi:10.1177 /1461445607087010, <http://dx.doi.org/10.1177/1461445607087010>
- Phung, B. (2006). *A contrastive rhetorical study of Chinese and Mexican perceptions of their native writing instruction and its implications for ESL teaching and learning*. Arizona: Arizona State University.
- Plett, H. F. (2010). *Literary rhetoric: Concept, structures, analyses*. Leiden, Boston: Brill.
- Raminah Sabran. (2002). Retorik pendedahan dan penghujahan. *Pelita Bahasa*, 14, (11). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Richards, I. A. (1965). *The philosophy of rhetoric's*. New York: Galaxy Book.
- Richardson, J. E. (2007). *Analysing newspapers: An approach from critical discourse analysis*. Houndmills: Palgrave.

- Roosfa Hashim, & Salmah Zainal Abidin. (2009). Strategi peningkatan mutu jurnal Universiti Kebangsaan Malaysia ke arah memantapkan kedudukannya dalam SCOPUS. Dlm *Prosiding Pengantarabangsaan Penerbitan Ilmiah Malaysia*, 18-19 April, Hotel Pan Pacific, Kuala Lumpur.
- Roosfa Hashim. (2009). Penerbitan karya sarjana asing di Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia: Masalah dan strategi. Dlm. *Prosiding Pengantarabangsaan Penerbitan Ilmiah Malaysia*, 18-19 April, Hotel Pan Pacific, Kuala Lumpur.
- Roosfa Hashim. (2010). *Pembangunan jurnal ilmiah Malaysia, 1847-2007*. (Disertasi doktor falsafah yang tidak diterbitkan). Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Rowlands, I., Nicholas, D., & Huntington, P. (2004). Scholarly communication in the digital environment: What do authors want? *Learned Publishing*, 17, 261–273.
- Roy, E., & Roy, S. (1989). *Prentice Hall guide to basic writing*. New Jersey: Prentice Hall.
- Sacks, H. (1992) Lectures on Conversation, Vols. I and II. (Ed.) Gail Jefferson and Emanuel Schegloff. Oxford: Basil Blackwell.
- Sadock, J. (1974). *Toward a Linguistic Theory of Speech Acts*. New York: Academic Press
- Salwani Abu Bakar. (2009). *Implikatur dalam sajak-sajak Melayu*. (Tesis sarjana yang tidak diterbitkan). Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Samraj, B. (2002). Introductions in research articles: Variation across disciplines. *English for Specific Purposes*, 21(1), 1-17.
- Samraj, B. (2005). An exploration of a genre set: Research article abstracts and introductions in two disciplines. *English for Specific Purposes*, 24, 141–156.
- Schiffrin, D. (1994). *Approaches to discourse*. Oxford: Blackwell Publisher
- Schwandt, T. A. (1997). *Qualitative inquiry: A dictionary of terms*. Thousand Oaks, London and New Delhi : SAGE Publications.
- Schwandt, T. A. (2007). *The SAGE dictionary of qualitative inquiry* (3ed). Thousand Oaks, CA: Sage.
- Searle, J. (1969). *Speech act: An essay in the philosophy of language*. London: Cambridge University Press.
- Sharplin, A. D., & Mabry, R. H. (1985). The relative importance of journal used in management research: An alternative ranking. *Human Relations*, 38, 139-148.
- Siepmann, D. (2006). Academic writing and culture: An overview of differences between English, French and German. *Meta: Translators' Journal*, 51(1), 131-150.
- Siti Saniah Abu Bakar. (2009). *Retorik dalam wacana iklan radio*. (Disertasi doktor falsafah yang tidak diterbitkan). Universiti Putra Malaysia, Serdang.
- Smith, E. L. (1985). *Text type and discourse framework*. Amsterdam: Mouton Publisher.
- Sobariah Baharum. (2008). *Retorik dalam novel-novel Abdullah Hussain*. (Disertasi doktor falsafah yang tidak diterbitkan). Universiti Putra Malaysia, Serdang.
- Sowter, B. (2007). *THES-QS world university rankings: Symposium on international trends in university rankings and classifications*. Griffith University, Brisbane. Dicapai daripada <http://www.griffith.edu.au/conference/university-ranking/>
- Sperber, D. & Wilson, D. (1986). *Relevance: Communication and cognition* Cambridge: Blackwell, Oxford and Harvard UP.

- Sperber, D., & Wilson, D. (1995). *Relevance: Communication and cognition*. Oxford: Basil Blackwell.
- Stahl, M. J., Leap, T. L., & Wei, Z. (1988). The publication in leading management journals as a measure of institutional research productivity. *Academy of Management Journal*, 31, 707-720.
- Strauss, A., & Corbin, J. (1998). *Basic of qualitative research: Techniques and procedures for developing grounded theory*. California: Sage Publications, Inc.
- Swales, J. (1990). *Genre analysis: English in academic and research settings*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Swales, J. M., & Feak, C. B. (2009). *Abstracts and the writing of abstracts*. Ann Arbor : University of Michigan Press.
- Swales, J., & Najjar, H. (1987). The writing of research article introduction. *Written Communication*, 4(2), 175-190. Dicapai daripada <http://www.lib.umich.edu>
- Szarina Abdullah. (2003). *A bibliometric study of science and technology knowledge productivity in Malaysia: Interim Report*. Shah Alam: Bibliometrics Special Interest Group, Faculty of Information Studies, Universiti Teknologi MARA for The Ministry of Science, Technology and the Environment, Malaysia.
- Thomas, J. (1995). *Meaning in interaction: An introduction to pragmatics*. London/New York: Longman.
- Tiew, W. S. (1998). History of Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society (JMBRAS) 1878-1997: An overview. *Malaysian Journal of Library & Information Science*, 3(1), 43-60.
- Tiew, W. S. (1999). Some scholarly English periodicals in pre-independent Malaysia: An historical overview. *Malaysian Journal of Library & Information Science*, 4(1), 27-40.
- Toulmin, S. E. (1958). *The Uses of Argument*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Tseng, F. P. (2008). *Research article abstracts in applied linguistics: Analyses of move structure and verb tense*. National Taiwan Normal University.
- Ummul Khair Ahmad. (1997). *Scientific research article in Malay: A situated discourse analysis*. (Disertasi doktor falsafah yang tidak diterbitkan). University of Michigan.
- Van Teijlingen, E., & Hundley, V. (2002). Getting your paper to the right journal: A case study of an academic paper. *Journal of Advanced Nursing*, 37(6), 506-511
- Van-Maanen, J. (Ed.). (1983). *Qualitative methodology*. Beverly Hills, CA: Sage.
- White, R. (2001). Adapting Grice's Maxims in the teaching of writing. *ELT Journal*, 55(1), 62-69.
- Whitley, B. (2003). *What is a scholarly journal?* Western Carolina: Hunter Library, WCU. Dicapai daripada <http://www.wcu.edu/library/research/general/howtoguide/scholpop.html>
- Williams, J. D. (2009). *An introduction to classical rhetoric*. Oxford: Blackwell Publishing.
- Xing, M., Wang, J., & Spencer, K. (2008). Raising students' awareness of cross-cultural contrastive rhetoric in English writing via an e-learning course. *Language Learning & Technology*, 12(3), 71-93.
- Yahya Othman. (2005). *Trend dalam pengajaran bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: PTS Profesional Publishing Sdn. Bhd.
- Yeong, J. C., & Tan, B. (2009). *James Richardson Logan*. Dicapai daripada [http://eresources.nlb.gov.sg/infopedia/articles/SIP\\_1146\\_2009-10-27.html](http://eresources.nlb.gov.sg/infopedia/articles/SIP_1146_2009-10-27.html)

- Young, R., Becker, A. L., & Pike (1970). *Rhetoric discovery and change*. New York: Harcourt, Brace and World, Inc.
- Yule, G. (1996). *Pragmatics*. Oxford: Oxford University Press.
- Zainab Awang Ngah. (1997). The coverage of Malaysian scholarly journals by international indexing and abstracting services: An assessment of their visibility and common characteristics. *Malaysian Journal of Library & Information Science*, 2(1),13-30.
- Zainab Awang Ngah. (2008). *Internationalization of Malaysian journals*. Kertas kerja dibentangkan dalam Workshop on Managing Scholarly Journal, Langkawi.
- Zhang, X. (2005). *English Rhetoric*. Beijing: Tsinghua University Press.
- Ziedler, A. (2005). *Academic writing in ESL composition classes: Academic discourse community: Seminar Paper*. GRIN Verlag: Germany.
- Zoriati Osman. (2005). *Retorik pujukan: Kajian kes ceramah Haji Hadi Awang*. (Tesis sarjana yang tidak diterbitkan). Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Zulkifli Ahmad Hamid. (1985). *A Rhetorical analysis of the selected speeches of Tunku Abdul Rahman Putra on the issues of independence for Malaya, 1951-1957*. (Disertasi doktor falsafah, University of Ohio, New York). Dicapai daripada <http://www.jstor/stable/3588238>